

Laporan Tahunan 18



Mengatur langkah, Memacu ke hadapan
Memperkukuh ekonomi,
Membela komuniti.



Mengatur langkah, Memacu ke hadapan
Memperkukuh ekonomi.
Membela komuniti.

FELDA gigih dan kukuh merentangi arus perubahan yang sangat mencabar. Perubahan berlaku di segenap lapisan struktur FELDA dan di setiap pelusuk negara. Tanggungjawab mengembalikan kejayaan FELDA dan komuniti peneroka yang dikasihi, dipikul cekal oleh setiap warga kerja FELDA. Kepimpinan baharu tidak lepas memberikan semangat kepada warga kerja dan komuniti peneroka demi mencapai kegemilangan di masa hadapan.

Kandungan

01

Penyata Korporat

Penubuhan dan Matlamat	6
Visi, Misi dan Nilai FELDA	7
Ringkasan Pencapaian 5 Tahun FELDA	8
Maklumat Korporat	11
Struktur Korporat	12
Carta Organisasi	14
Ulasan Pengarah Besar	16
Ahli-Ahli Lembaga FELDA 2018	20
Anugerah, Pengiktirafan dan Pensijilan	22

02

Laporan Prestasi oleh Pengarah Besar

KPI Korporat	26
PEMBANGUNAN EKONOMI	
Latar Belakang Prestasi Sawit & Getah Nasional	27
Perladangan	29
Pembangunan Tanam Semula	35
Gedung Makanan Negara	38
Pembangunan Usahawan	40
PEMBANGUNAN KOMUNITI	
Pembangunan Komuniti	43
Inovasi & Pembangunan Generasi Baharu	51
Pendidikan	58
Projek Sentuhan Kasih	70
PENGURUSAN	
Prestasi Kewangan	72
Tanah & Perumahan	74
Pentadbiran	76
Sumber Manusia	77
SOKONGAN	
Pengurusan Risiko	78
Undang-undang	80
Audit Dalam	81
Komunikasi Korporat	83
Integriti	86

03

Dana Kerajaan

Peruntukan Rancangan Malaysia ke-11
Lain-lain Peruntukan Kerajaan Persekutuan

90
91

04

Penyata Tadbir Urus

Penyata Tadbir Urus Korporat
Penyata Kawalan Dalaman
Penyata Pengurusan Risiko

94
100
101

05

Penyata Kewangan

104

06

Syarikat

Felda Investment Corporation Sdn. Bhd.
Felda Technoplant Sdn. Bhd.
Felda Middle East Sdn. Bhd.

286
287
288

07

Maklumat Asas Wilayah FELDA

292



Penyata Korporat

Penubuhan dan Matlamat	6
Visi, Misi dan Nilai FELDA	7
Ringkasan Pencapaian 5 Tahun FELDA	8
Maklumat Korporat	11
Struktur Korporat	12
Carta Organisasi	14
Ulasan Pengarah Besar	16
Ahli-Ahli Lembaga FELDA 2018	20
Anugerah, Pengiktirafan dan Pensijilan	22

Penubuhan & Matlamat

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau *Federal Land Development Authority* (FELDA) telah ditubuhkan pada 1 Julai 1956 di bawah Ordinan Kemajuan Tanah 1956 dengan objektif membasmi kemiskinan melalui pembangunan tanah dan penempatan semula masyarakat luar bandar.

Sejak tahun 1958 hingga 1990, seramai 112,638 peneroka telah ditempatkan di seluruh Rancangan FELDA. Mulai tahun 1996, Kerajaan tidak lagi menyalurkan apa-apa peruntukan kepada FELDA dan telah memberi kepercayaan kepada FELDA untuk berdiri dengan kewangan sendiri serta menjadi sebuah badan berkanun yang boleh menjana pendapatan melalui pelbagai aktiviti perniagaan.

Hari ini, FELDA terus melaksanakan peranan utamanya selain menyediakan infrastruktur yang lengkap dan moden di Rancangan bagi meningkatkan sosio-ekonomi dan kualiti hidup peneroka di samping merapatkan jurang antara kehidupan di bandar dan luar bandar.

Visi



Menjadi Pemacu Pembangunan
Penempatan Negara yang Progresif

Misi



Menambah Nilai untuk Kepentingan
Peneroka


Nilai



Menambah Nilai
Integriti
Gagah
Hormat
Tolong-menolong


Ringkasan Pencapaian 5 Tahun FELDA

PENCAPAIAN KEWANGAN



POSISI KEWANGAN

Jumlah Aset dan Jumlah Liabiliti, Dana & Rizab Mengikut Tahun




Jumlah Aset	25.36bil	24.58bil	24.57bil	22.96bil	19.40bil
Jumlah Liabiliti, Dana & Rizab	25.36bil	24.58bil	24.57bil	22.96bil	19.40bil


NISBAH KEWANGAN

	2014	2015	2016	2017	2018
Perkara					
Nisbah Semasa	1.03	0.71	1.14	0.65	0.81
Nisbah Hutang kepada Jumlah Aset	0.36	0.38	0.36	0.52	0.59
Nisbah Hutang kepada Dana & Rizab	0.56	0.61	0.56	1.08	1.45
Nisbah Hutang Kepada Kerugian Sebelum Cukai	(7.25)	(8.48)	(19.70)	(1.95)	(3.50)
Nisbah Pulangan ke atas Aset (ROA)	(0.04)	(0.04)	(0.01)	(0.25)	(0.16)


Purata Harga BTS (RM/tan)




Purata Harga Getah (RM/kg)




Pencapaian Hasil Sawit Peneroka (tan/hektar)




Pencapaian Hasil Getah Peneroka (kg/hektar)



PURATA PENDAPATAN KASAR PENEROKA KELAPA SAWIT DAN GETAH (RM/BULAN)



PERATUS PENDAFTARAN HAK MILIK PENEROKA



Maklumat Korporat

IBU PEJABAT

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)

Menara FELDA, Platinum Park,
No 11, Persiaran KLCC,
50088 Kuala Lumpur.

Tel : 03-21912191

Faks : 03-21912590

E-mel : jkk@felda.net.my

Laman web : www.felda.gov.my

Facebook : www.facebook.com/FeldaLKTP

GUA MUSANG

Pejabat FELDA Wilayah Gua Musang,
Bandar Baru, Jalan Lipis,
18300 Gua Musang,
Kelantan Darul Naim.

Tel : 09-9121101, 09-9121102

Faks : 09-9121396

JOHOR BAHRU

Pejabat FELDA Wilayah Johor Bahru,
Jalan Taruka Off Jalan Datin Halimah,
80990 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim.

Tel : 07-2361091, 07-2361477, 07-2361478

Faks : 07-2369749

MEMPAGA

Pejabat FELDA Wilayah Mempaga,
Feldajaya Timur Mempaga,
28600 Karak,
Pahang Darul Makmur.

Tel : 09-2234712, 06-2233543, 06-2235725

Faks : 09-2232517

SEGAMAT

Pejabat FELDA Wilayah Segamat,
Km. 5, Jalan Genuang,
85000 Segamat,
Johor Darul Takzim.

Tel : 07-9432410, 07-9432419, 07-9432957

Faks : 07-9434182

TROLAK

Pejabat FELDA Wilayah Trolak,
Jalan Meranti 2, Feldajaya Utara,
35600 Sungkai,
Perak Darul Ridzuan.

Tel : 05-4386201, 05-4386153

Faks : 05-4386136

ALOR SETAR

Pejabat FELDA Wilayah Alor Setar,
Jalan Perak, Off Jalan Seberang Jalan Putera,
Mergong, 05150 Alor Setar,
Kedah Darul Aman.

Tel : 04-7353158, 04-7352059, 04-7353128

Faks : 04-7351191

JENKA

Pejabat FELDA Wilayah Jenka,
Bandar Tun Abdul Razak Jenka,
26400 Bandar Jenka,
Pahang Darul Makmur.

Tel : 09-4718400, 09-4718401, 09-4718402

Faks : 09-4718543

KUANTAN

Pejabat FELDA Wilayah Kuantan,
Bandar Indera Mahkota,
25200 Kuantan,
Pahang Darul Makmur.

Tel : 09-5733033, 09-5733533, 09-5733030

Faks : 09-5733633

RAJA ALIAS

Pejabat FELDA Wilayah Raja Alias,
Feldajaya Selatan,
72120 Bandar Seri Jempol,
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tel : 06-4581333, 06-4581985, 06-4582023

Faks : 06-4582016

TERENGGANU

Pejabat FELDA Wilayah Terengganu,
Lot 10262, Tepoh, Mukim Kuala Nerus,
21060 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman.

Tel : 09-6626640, 09-6626641, 09-6626642

Faks : 09-6623988

SAHABAT

Pejabat FELDA Wilayah Sahabat,
Peti Surat 88,
91150 Cenderawasih, Lahad Datu,
Sabah.

Tel : 089-811200, 089-811201

Faks : 089-811202

Struktur Korporat

SYARIKAT **SUBSIDIARI**

100%

- Dataran Aras Sdn. Bhd.
- Felda Asset Holdings Company Sdn. Bhd.
- Felda Caviartive Sdn. Bhd.
- Felda Investment Corporation Sdn. Bhd.
- Felda Middle East Sdn. Bhd.
- Felda Technoplant Sdn. Bhd.
- FIC Properties Sdn. Bhd.
- FIC UK Properties Sdn. Bhd.
- Global Settlers Sdn. Bhd.
- Grand Borneo Hotel Sdn. Bhd.

95%

- Felda Korea Malaysia Sdn. Bhd.

80%

- Felda Herbal Corporation Sdn. Bhd.



SYARIKAT **BERSEKUTU**

49%

- Felda Plantations Sdn. Bhd.

40%

- Felda D'Saji Sdn. Bhd.

33.6%

- FGV Holdings Berhad

33.3%

- Sinergi Perdana Sdn. Bhd.




SYARIKAT **USAHASAMA**

50%

- Felda Uralkali Sdn. Bhd.

49%

- Felda Ayamas Ventures Sdn. Bhd.



Carta Organisasi

LEMBAGA

Pengarah Besar

Unit Integriti

Unit Audit Dalam

**Timbalan Pengarah Besar
(Pembangunan Ekonomi)**

Pembangunan Usahawan

Perladangan

Hal Ehwal Tanam Semula

Gedung Makanan Negara


**Timbalan Pengarah Besar
(Pengurusan)**

Sumber Manusia

Kewangan

Pengurusan Tanah

Pentadbiran





**Timbalan Pengarah Besar
(Pembangunan Komuniti)**

Pembangunan Komuniti

**Inovasi Dan Pembangunan
Generasi Baharu**

Pendidikan

Pengurusan Wilayah

Alor Setar

Kuantan

Gua Musang

Mempaga

Jengka

Raja Alias

Trolak

Sahabat

Johor Bahru

Segamat

Terengganu

Ulasan Pengarah Besar



“

***Tahun 2018 kekal
menjadi tempoh
yang mencabar***

bagi industri sawit
Malaysia, walaupun
pada dasarnya
negara ini, masih
menjadi pengeluar
sawit kedua
terbesar dunia

**Dato' Dr. Othman Haji Omar
Pengarah Besar FELDA**

Jumlah Aset FELDA pada akhir tahun
2018 masih kukuh berjumlah

RM19,397.25 Juta

ASSALAMU 'ALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SELAMAT SEJAHTERA,

Sebagai seorang warganegara Malaysia dan juga salah seorang daripada ahli Lembaga FELDA, ia menjadi tugas saya untuk merealisasikan hasrat kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran dua (2) komoditi utama Malaysia iaitu kelapa sawit dan getah. Selaku agensi kerajaan yang bertanggungjawab dengan pembangunan tanah dan agensi penggerak kepada aktiviti pembangunan komuniti adalah menjadi tanggungjawab FELDA untuk memperkasa dan meningkatkan taraf sosio-ekonomi warga peneroka.

Laporan Tahunan FELDA ini adalah untuk membentangkan prestasi FELDA bagi tahun 2018, selain memperlihatkan komitmen kami dalam mengukuhkan tadbir urus pengurusan berdasarkan matlamat, serta rangka tindakan dan garis masa yang jelas bagi memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan komuniti yang mampan.

RUMUSAN INDUSTRI SAWIT DAN GETAH NEGARA

Secara dasarnya, Malaysia adalah pengeluar sawit kedua terbesar dunia yakni Malaysia menghasilkan sebanyak 27% (19.52 juta tan metrik) minyak sawit daripada 72.08 juta tan metrik sawit dunia dalam erti kata lain menyumbang 33% atau 16.49 juta tan metrik eksport minyak sawit global. Walau bagaimanapun, tahun 2018 dicabar dengan penurunan dalam pengeluaran CPO sebanyak 2.0% iaitu sebanyak 19.52 juta, berbanding 19.92 juta pada tahun 2017. Antara punca penurunan ini adalah sekatan import minyak sawit dari negara-negara Eropah, penurunan kadar eksport sawit, nilai mata wang yang lebih rendah berbanding dolar AS, produktiviti yang menurun, serta kekurangan tenaga buruh dan kos operasi yang tinggi.

Bagi industri getah pula, Malaysia kekal sebagai penyumbang komoditi utama kepada ekonomi

negara dengan sumbangan pendapatan eksport yang mencatatkan peningkatan kepada RM32.1 bilion daripada RM24.8 bilion pada tahun 2017.

Fokus utama yang akan diberikan kepada industri ini untuk menjadikannya lebih berdaya saing melalui penyelidikan jangka panjang, melakukan inovasi teknologi bertujuan meningkatkan produktiviti, penggunaan sumber untuk menangani cabaran-cabaran dan kekal relevan di pasaran domestik mahupun antarabangsa.

RUMUSAN KEWANGAN FELDA

FELDA berada dalam kedudukan kewangan yang meruncing yakni bagi tahun 2018, FELDA telah mengalami kerugian bersih sebanyak RM3,108.88 juta (Kerugian Kumpulan RM3,420.04 juta). Namun isu yang lebih rumit adalah aliran tunai FELDA yang sangat kritikal apabila ia menimbulkan beberapa isu dengan peneroka dan pemiutang yang turut menjejaskan kecekapan operasi perladangan. Pelan pemulihan jangka panjang dan kedudukan aliran tunai FELDA telah dirangka dan diberikan tumpuan oleh Lembaga Pengarah dan Pengurusan FELDA yang baharu dilantik pada bulan Julai 2018. Menerusi pelan ini, perbincangan dijalankan bersama beberapa institusi kewangan untuk menstruktur semula pinjaman FELDA. Hutang FELDA dengan beberapa institusi kewangan berjumlah RM7.799 bilion pada awal tahun berjaya dikurangkan kepada RM7.089 bilion pada akhir 2018. Selain itu, FELDA juga melihat keperluan untuk melupuskan aset-aset bukan strategik seperti hartanah di London, Sabah dan Sarawak yang dibeli dengan kos sebanyak RM2.2 bilion. Pulangan daripada penjualan berkenaan akan dipastikan mendapat nilai yang terbaik dan boleh dimanfaatkan bagi kelancaran perbelanjaan operasi.

Jumlah Aset FELDA pada akhir tahun 2018 secara keseluruhannya masih kukuh berjumlah RM19,397.25 juta (2017: RM22,964.15 juta).



RUMUSAN PENCAPAIAN SAWIT DAN GETAH

Pada tahun 2018, luas kawasan yang telah berhasil di FELDA adalah seluas 357,523.99 hektar iaitu 334,976.13 hektar merupakan lot peneroka (Sawit: 318,548.67 hektar, Getah: 16,427.46 hektar) manakala baki 22,547.86 hektar pula merupakan lot FELDA (Sawit: 20,200.47 hektar, Getah: 2,347.39 hektar). Pengeluaran buah tandan segar (BTS) sawit pula adalah 18.19 tan metrik sehektar (2017: 19.04 tan metrik) manakala pengeluaran getah 1,499.25 kg sehektar (2017: 1,759.92 tan metrik).

Luas keseluruhan kawasan tanah bagi program pembangunan tanam semula adalah seluas 8,859.64 hektar (2017: 40,878.56); iaitu sawit 8,085.01 hektar (2017: 27,973.59) dan getah 774.63 hektar (2017: 12,904.96).

*Hasil sawit dan getah yang dinyatakan adalah berdasarkan hasil keseluruhan (Lot Peneroka + Lot FELDA)

PENDAPATAN PENEROKA

Purata pendapatan kasar peneroka yang diuruskan oleh FELDA adalah RM3,289.38 sebulan bagi sawit dan RM1,619.11 bagi getah, berbanding masing-masing sebanyak RM4,540.03 dan RM2,174.36 pada tahun 2017. Punca utama pendapatan peneroka berkurangan adalah disebabkan oleh penurunan harga komoditi berkenaan. FELDA sedang menumpukan kepada usaha-usaha meningkatkan hasil tanaman ke tahap “*best-in-class*” pada peringkat negara dalam masa yang sama mengurangkan kos pengeluaran ke tahap terendah dalam industri melalui GAP (*Good Agricultural Practices*).

Bagi membantu peneroka menghadapi penurunan harga komoditi, FELDA juga mengamalkan dasar pendapatan minima RM1,000 iaitu sekiranya pendapatan kasar peneroka kurang dari RM1,000 setelah ditolak kos operasi kebun, potongan Bayaran Kembali (BK) kebun akan ditangguhkan.

KESEJAHTERAAN PENEROKA

Berteraskan nilai FELDA yang mengutamakan warganya, komuniti peneroka adalah aset penting bagi kesinambungan FELDA dalam kemajuan bidang perladangan, pertanian dan kemasyarakatan demi masa depan negara. Dengan ini, FELDA telah melaksanakan pelbagai program bagi kesejahteraan 112,638 peneroka dan seluruh warganya yang merangkumi kesihatan, kepemimpinan, pembangunan belia dan institusi peneroka, pendidikan serta sukan. Melalui pelaksanaan program-program seperti ini secara tidak langsung dapat membantu memacu pembangunan penempatan peneroka menjadi lebih progresif pada masa akan datang. Bagi tahun 2018, FELDA telah menyumbang sebanyak RM3.8 juta melalui Tabung Kebajikan Peneroka dan sejumlah RM18.95 juta bagi infrastruktur di Rancangan seperti baik pulih bangunan, baik pulih segera bencana alam, pembaikan jalan dan lain-lain. Dalam usaha meningkatkan kualiti bidang pendidikan, FELDA telah memperkenalkan Skim Kecemerlangan Pendidikan FELDA (SKPF) dengan menyumbang sebanyak RM1.13 juta bagi skim ini pada tahun 2018. Ia menjadi sebagai satu daya usaha untuk meningkatkan mutu serta kualiti pendidikan di semua sekolah Rancangan FELDA. Pelbagai inisiatif yang dilaksanakan bagi meningkatkan kesejahteraan peneroka dan juga lonjakan kecemerlangan akademik anak-anak peneroka serta generasi baharu FELDA.

Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) turut dilaksanakan sebagai salah satu sumbangan kepada generasi baharu. Sehingga Oktober 2018, sebanyak 1,234 unit telah siap sepenuhnya di enam (6) tapak projek manakala 21 tapak projek pada peringkat pembinaan dan 11 tapak projek adalah terbengkalai. Perbincangan juga diadakan bersama pentadbir negeri untuk membantu mempercepatkan proses kelulusan permohonan hak milik rumah PGBF bagi membolehkan pemilikan rumah oleh generasi baharu dilaksanakan dengan lebih pantas. Sumbangan ini diharap dapat membantu dan meningkatkan kesejahteraan warga FELDA.

PELAN TRANSFORMASI

Agenda Pelan Transformasi menjadi keutamaan FELDA yang turut berperanan aktif membantu kerajaan sama ada secara langsung atau sebaliknya dalam mencapai hasrat menjayakan Model FELDA Baharu ke arah kelestarian FELDA. Pelan Transformasi ini telah menggariskan strategi pemulihan jangka pendek dan panjang untuk diketengahkan. Pelan ini telah menggabungkan inisiatif sebelum dan selepas Kertas Putih dibentangkan iaitu fokus utamanya adalah pembayaran peneroka, aliran tunai FELDA, tadbir urus dan Model FELDA Baharu. Pelaksanaan Pelan ini akan melalui beberapa fasa dalam tempoh tiga (3) tahun dan tumpuan utama fasa ini adalah menangani ketirisan dalam organisasi, menumpukan kepada usaha peningkatan pendapatan serta pengurangan kos pengurusan dan operasi seterusnya fasa persediaan kepada kelestarian FELDA. Keutamaan diberikan kepada Tadbir Urus FELDA yang akan diperkukuhkan dan diberi penekanan. Penambahbaikan prosedur kerja dan operasi dalam pengurusan juga dilakukan agar lebih telus dan sistematik. Tujuan utamanya adalah memudah cara serta melancarkan dasar termasuk dasar korporat yang akan diguna pakai sebagai asas dan panduan utama bagi pengurusan dan operasi FELDA. Melalui Pelan Transformasi ini, FELDA akan dipulihkan dan mampu bergerak menggunakan dana sendiri serta dapat menjana pendapatan lebih tinggi untuk kesejahteraan peneroka dan ekonomi negara.

MEMPERKASA TADBIR URUS

Bagi memperkukuh pemerikasaan tadbir urus, Unit Integriti FELDA telah ditubuhkan pada 1 Jun 2018 yang diketuai oleh Pegawai Kanan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Ini membuktikan kesungguhan FELDA dalam membanteras gejala rasuah, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa dan penyelewangan. Tiga (3) strategi utama telah dirangka menerusi Kerangka Integriti dan Tadbir Urus FELDA (*FELDA Governance and Integrity Infrastructure*) iaitu Kesedaran dan Pendidikan, Tadbir Urus dan Pencegahan serta Pengesanan dan Pengesanan (siasatan dalaman). FELDA turut memperluas usaha memperkemas tadbir urus ini kepada syarikat milik penuh FELDA, Felda Investment Corporation (FIC) dan Felda Technoplant Sdn. Bhd. (FTPSB).

SEKILAS SELEPAS PILIHAN RAYA UMUM

Selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14), pelaksanaan penstuktur semula Ahli Lembaga FELDA dijalankan bagi memperkukuh urusan pentadbiran iaitu tiada lantikan politik dijalankan. Semua Ahli Lembaga yang dilantik termasuk penyandang jawatan Pengerusi dan Pengarah Besar merupakan mereka yang benar-benar berkepakaran dalam bidang masing-masing. Antara tugas utama Lembaga dan Pengurusan baharu adalah untuk memulakan langkah pemulihan bagi menjamin kelestarian FELDA. Sebanyak 31 inisiatif transformasi FELDA telah diperkenalkan merangkumi inisiatif jangka pendek (*quick wins and focused results*) dan jangka panjang (*capability building*). Misi, visi dan nilai-nilai FELDA juga diperbaharui supaya lebih jelas, tepat dan selari dalam transformasi ini.

Salah satu pelan penyelamat FELDA adalah cadangan penyediaan Kertas Putih FELDA yang mana FELDA juga akan terlibat secara aktif menyalurkan maklumat yang sewajarnya yang diperlukan oleh kerajaan yang akan dibentangkan di Parlimen pada bulan April 2019. FELDA terus mengambil pendekatan proaktif dan memastikan pencapaian prestasi yang cemerlang pada masa hadapan.

Sesungguhnya tonggak keupayaan FELDA dalam memenuhi tanggungjawabnya ialah kepakaran dan komitmen kakitangannya.

Oleh itu bagi pihak Lembaga FELDA dan pengurusan FELDA, saya ingin merakamkan setinggi - tinggi penghargaan kepada semua kakitangan atas dedikasi dan usaha gigih mereka serta terima kasih kepada Lembaga Pengarah atas sokongan dan bimbingan yang berterusan. FELDA akan terus beriltizam dan berusaha ke arah mencapai tahap kecemerlangan yang unggul dalam melaksanakan mandat yang diberikan.

Dato' Dr. Othman Haji Omar
Pengarah Besar FELDA

Ahli-Ahli Lembaga FELDA



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin
Bin Megat Mohd Nor
Pengerusi



Y.Bhg. Dato' Dr. Othman
Bin Haji Omar
Ahli



Y.Bhg. Dato' Dr. Yusof Bin
Ismail
Ahli



Tuan Haji Tamby Omar Bin
Mohammed
Ahli



Y.Bhg. Datuk Shireen Ann
Zaharah Binti Muhiudeen
Ahli



Encik Mohamed Ghouse Bin
Shajahan
Ahli



Y.Bhg. Datuk Khor Chin Poey
Ahli

Kesan daripada pertukaran kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 pada Mei 2018, keahlian Lembaga FELDA turut mengalami perubahan. Jadual berikut adalah senarai Ahli Lembaga FELDA sepanjang tahun 2018:-



Y.Bhg. Tan Sri Shahrir Bin Abdul Samad
Pengerusi
1 Januari 2017 - 14 Mei 2018
Meletak jawatan



Y.Bhg. Dato' Ab. Ghani Bin Mohd Ali
Ahli
1 Oktober 2017 - 30 September 2018
Tamat tempoh lantikan



Y.Bhg. Dato' Mohd Isa Bin Abu Kasim
Ahli
1 Ogos 2013 - 23 Julai 2018
Meletak jawatan



Y.B. Dato' Seri Abu Bakar Bin Harun
Ahli
1 Julai 2013 - 30 Jun 2018
Tamat tempoh lantikan



Y.B. Dato' Mohd Khusairi Bin Abdul Talib
Ahli
1 Oktober 2013 - 23 Julai 2018
Meletak jawatan



Y.Bhg. Dato' Dzulkifli Bin Abd Wahab
Ahli
19 Mei 2017 - 18 Mei 2018
Tamat tempoh lantikan



Y.Bhg. Datuk Dr. Ahmad Kushairi Bin Din
Ahli
15 Mei 2017 - 14 Mei 2018
Tamat tempoh lantikan



Puan Ramlah Binti Jelani
Ahli
19 Mei 2017 - 18 Mei 2018
Tamat tempoh lantikan



Y.Bhg. Dato' Nik Azman Bin Nik Abdul Majid
Ahli
19 Jun 2017 - 18 Jun 2018
Tamat tempoh lantikan



Encik Andi Muhammad Suryady Bin Bandy
Ahli
18 September 2017 - 14 Jun 2018
Meletak jawatan



Encik Samsudin Bin Othman
Ahli
1 November 2005 - 31 Oktober 2018
Tamat tempoh lantikan




Y.Bhg. Dato' Dr. Yusof Bin Ismail
Ahli
11 April 2016 - 10 Jun 2019
Digantikan dengan wakil MOF



Y.Bhg. Tan Sri Dato' Megat Zaharuddin Bin Megat Mohd Nor
Pengerusi
26 Julai 2018 - 30 Jun 2019
Meletak Jawatan



Y.Bhg. Dato' Dr. Othman Bin Haji Omar
Ahli
 **1 Oktober 2018 - 30 September 2020**
Aktif




Y.Bhg. Datuk Aznam Bin Mansor
Ahli
26 Julai 2018 - 15 Januari 2019
Meletak jawatan




Y.Bhg. Tan Sri Datuk Dr. Yusof Bin Basiran
Ahli
26 Julai 2018 - 14 Disember 2018
Meletak jawatan



Y.Bhg. Datuk Shireen Ann Zaharah Binti Muhiudeen
Ahli
 **26 Julai 2018 - 25 Julai 2021**
Aktif



Tuan Haji Tamby Omar Bin Mohammed
Ahli
 **26 Julai 2018 - 25 Julai 2021**
Aktif



Encik Mohamed Ghouse Bin Shajahan
Ahli
 **26 Julai 2018 - 25 Julai 2021**
Aktif



Y.Bhg. Datuk Khor Chin Poey
Ahli
 **26 Julai 2018 - 25 Julai 2021**
Aktif



Y.Bhg. Datuk Franki A/I Anthony Dass
Ahli
26 Julai 2018 - 27 Ogos 2018
Meletak jawatan

Anugerah, Pengiktirafan dan Pensijilan



2017



Johan Hibrid Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM)

FELDA Wilayah Alor Setar dan FELDA Wilayah Johor Bahru masing-masing menerima pengiktirafan dan berjaya merangkul sebagai johan Hibrid dalam Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM).



Jabatan Paling Inovasi Konvensyen KIK Peringkat JPM

Peringkat dalam penyertaan dan usaha-usaha yang dilaksanakan bagi aktiviti membudayakan inovasi dalam organisasi.



2016



Konvensyen *Team Excellent* Peringkat Wilayah MPC

FELDA Wilayah Trolak, Wilayah Segamat dan Wilayah Jengka masing-masing menerima Anugerah EMAS, Mini Konvensyen KIK MPC pada bulan Mac / April 2016.



Anugerah Geospatial Kebangsaan 2016 NGIS ke-7.

FELDA menerima Anugerah Geospatial Kebangsaan 2016 NGIS ke-7 yang berlangsung pada 8-9 Ogos 2016 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).



2016



Certificate of Achievement Quality Environment (MPC)

FELDA menerima pengiktirafan kerana melaksana dan mematuhi keperluan - keperluan Pensijilan *Quality Environment* oleh MPC



Anugerah Inovasi Jabatan Perdana Menteri (AIJPM)

FELDA Wilayah Segamat merangkul Naib Johan untuk kategori Non - ICT yang telah berlangsung pada 1 November 2016.



Anugerah ESQR's Quality Choice Price 2016

FELDA memperoleh anugerah pada peringkat antarabangsa pada 12 Disember 2016, di Grant Hyatt Berlin Jerman.



2015





Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Jabatan Perdana Menteri (JPM)

FELDA Wilayah Mempaga memperoleh hadiah semasa Hari Inovasi & Kecemerlangan di PICC pada 22 September 2015



International Diamond Prize for Excellent in Quality 2015

FELDA menerima penghargaan *International Diamond Prize for Excellent in Quality 2015* oleh *European Society for Quality Research (ESQR)*



Laporan Prestasi oleh Pengarah Besar

KPI Korporat	26
PEMBANGUNAN EKONOMI	
Latar Belakang Prestasi Sawit & Getah Nasional	27
Perladangan	29
Pembangunan Tanam Semula	35
Gedung Makanan Negara	38
Pembangunan Usahawan	40
PEMBANGUNAN KOMUNITI	
Pembangunan Komuniti	43
Inovasi & Pembangunan Generasi Baharu	51
Pendidikan	58
Projek Sentuhan Kasih	70
PENGURUSAN	
Prestasi Kewangan	72
Tanah & Perumahan	74
Pentadbiran	76
Sumber Manusia	77
SOKONGAN	
Pengurusan Risiko	78
Undang-undang	80
Audit Dalam	81
Komunikasi Korporat	83
Integriti	86

KPI Korporat

PENETAPAN KPI MENGIKUT KLUSTER

30% Kluster Utama:
PEMBANGUNAN EKONOMI

Fungsi dan Peranan Jabatan

- Perladangan
- Hal Ehwal Tanam Semula
- Pembangunan Usahawan
- Gedung Makanan Negara

Pencapaian:

- Hasil Sawit (Lot Peneroka) 94%
- Hasil Getah (Lot Peneroka) 99%
- Penyertaan Peneroka dalam Program Tanam Semula 100%
- Usahawan Baharu dilahirkan 100%
- Keluaran Produk GMN 100%

30% Kluster Kedua:
PEMBANGUNAN KOMUNITI

Fungsi dan Peranan Jabatan

- Pembangunan Komuniti
- Inovasi dan Pembangunan Generasi Baharu
- Pendidikan

Pencapaian:

- Kepuasan peneroka dalam program Kesejahteraan Keluarga 100% berbanding sasaran tahunan 80% (berpuas hati).
- Generasi baharu yang berjaya ke peringkat kebangsaan dalam pelbagai bidang 100% (30 orang) berbanding sasaran tahunan 20 orang.
- Pelajar mendapat keputusan cemerlang SPM (8A ke atas) 100% (51 orang) berbanding sasaran tahunan 50 orang.

20% Kluster Ketiga:
PENGURUSAN

Fungsi dan Peranan Jabatan

- Kewangan
- Sumber Manusia
- Pentadbiran
- Pengurusan Tanah

Pencapaian:

- Kutipan Hasil Sumber Dalaman dan Sewaan 91%
- Kutipan Hutang 62%
- Pendaftaran Hak Milik 100%

20% Kluster Keempat:
SISTEM SOKONGAN


Fungsi dan Peranan Jabatan

- Undang - Undang
- Audit Dalam
- Komunikasi Korporat
- Pengurusan Risiko

Pencapaian:

- Kepentingan FELDA dilindungi 100%
- Indeks Kepuasan Pelanggan 100%

PENCAPAIAN KPI KESELURUHAN



= 71.50%

Pembangunan Ekonomi

Latar Belakang Prestasi Sawit & Getah Nasional

PRESTASI SAWIT NASIONAL

Industri kelapa sawit Malaysia berhadapan dengan cabaran yang tinggi pada tahun 2018 berbanding pada tahun 2017. Hasil buah tandan segar (BTS) menunjukkan penurunan disebabkan oleh kesan biologi selepas mengalami peningkatan hasil pada tahun 2017. Di samping itu juga, keadaan cuaca yang tidak menentu turut menjejaskan kerja penuaian dan pengeluaran hasil. Hasil BTS merosot sebanyak 4.1% iaitu daripada 17.89 tan/hektar pada tahun 2017 kepada 17.16 tan/hektar pada 2018.

Tahun 2018 juga menyaksikan semua produk kelapa sawit didagangkan pada harga yang rendah. Harga minyak sawit mentah (MSM) diniagakan lebih rendah dengan purata RM2,233.00/tan berbanding RM2,783.00/tan pada 2017. Harga MSM yang rendah pada tahun 2018 adalah disebabkan oleh bekalan stok minyak sawit yang tinggi berikutan permintaan eksport minyak sawit yang rendah.

Luas Kawasan Sawit di Malaysia (hektar)



2015	2016	2017	2018
5,642,943	5,737,985	5,811,145	5,849,330

Penghasilan Sawit Nasional (tan/hektar)



2015	2016	2017	2018
18.48	15.91	17.89	17.16

Purata Harga Minyak Sawit (CPO) (RM/tan)



2015	2016	2017	2018
2,153	2,653	2,783	2,233

PRESTASI GETAH NASIONAL

Getah asli merupakan salah satu komoditi di pasaran antarabangsa. Malaysia merupakan pengeluar getah asli kelima (5) terbesar di dunia selepas Thailand, Indonesia, Vietnam dan China. Penggunaan getah asli pada tahun 2018 telah meningkat sebanyak 5%, iaitu sebanyak 515.60 ribu tan berbanding 488.93 ribu tan pada tahun 2017. Negara China merupakan pengimport terbesar getah asli dari Malaysia iaitu sebanyak 781.51 ribu tan atau 70.50% daripada jumlah eksport getah asli negara.

Ketidakstabilan harga merupakan satu ciri pasaran komoditi yang tidak dapat dielakkan dan umum mengetahui harga komoditi bergantung pada faktor penawaran dan permintaan di pasaran antarabangsa. Selain faktor ini, harga getah juga sensitif kepada sentimen pasaran yang dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dan sosio-politik dunia, pertukaran mata wang dan spekulasi pasaran hadapan getah. Selain itu, getah sintetik juga merupakan pesaing kepada getah asli. Perbezaan harga yang ketara antara getah asli dan getah sintetik mendorong pengilang meningkatkan penggunaan bahan yang lebih murah untuk mengekalkan daya saing pasaran.

Masalah kejatuhan harga komoditi getah memberikan kesan dan implikasi negatif kepada pengusaha ladang getah secara amnya. Kesan ini adalah lebih jelas kepada pengusaha ladang getah secara kecil-kecilan yang bergantung sepenuhnya kepada hasil jualan komoditi tersebut untuk meneruskan kehidupan berbanding syarikat-syarikat perladangan yang mungkin mempunyai sumber pendapatan lain.

Luas Kawasan Getah di Malaysia (hektar)



2015	2016	2017	2018
1,074,400	1,078,000	1,081,700	1,083,000

Penghasilan Getah Nasional (kg/hektar)



2015	2016	2017	2018
1,410	1,400	1,450	1,430

Purata Harga Tahunan Getah (RM/kg)




2015	2016	2017	2018
3.77	6.10	6.44	4.50


Pembangunan Ekonomi

Perladangan


LUAS KAWASAN BERHASIL (HEKTAR)




PRODUKTIVITI SAWIT LOT PENEROKA 2018




PENCAPAIAN HASIL SAWIT LOT PENEROKA MENGIKUT WILAYAH




PRODUKTIVITI GETAH LOT PENEROKA 2018




PENCAPAIAN HASIL GETAH LOT PENEROKA MENGIKUT WILAYAH




PRODUKTIVITI SAWIT LOT FELDA 2018




PENCAPAIAN HASIL SAWIT LOT FELDA MENGIKUT WILAYAH



PRODUKTIVITI GETAH LOT FELDA 2018



PENCAPAIAN HASIL GETAH LOT FELDA MENGIKUT WILAYAH




STATISTIK SERANGAN MUSUH DAN PENYAKIT TANAMAN FELDA


Industri tanaman *monocrop* (sawit dan getah) yang meluas mudah terdedah kepada serangan perosak tanaman seperti ulat pemakan daun (UPD), tikus, kumbang badak, anai-anai dan serangan penyakit seperti reput pangkal batang (Ganoderma) pada pokok sawit, penyakit akar (putih, merah, perang), penyakit luruhan daun dan penyakit dahan (cendawan angin) pada pokok getah.

Pada masa ini, serangan oleh UPD merupakan musuh tanaman utama yang berlaku di kawasan FELDA. Larva UPD akan memakan daun sawit dan menyebabkan daun menjadi kering dan reput. Peratusan kerosakan *foliar* (daun) sawit antara 10% hingga 50% boleh menyebabkan penurunan jumlah hasil BTS sehingga 43%.


Bagi tahun 2018, Wilayah Kuantan mencatatkan keluasan serangan tertinggi iaitu seluas 13,170.54 hektar diikuti dengan Wilayah Mempaga seluas 8,453.83 hektar. Keluasan serangan UPD jika dilihat secara keseluruhan terdapat penurunan pada Disember 2018 jika dibandingkan dengan Januari 2018.




Status Keluasan Serangan UPD Januari Sehingga Disember 2018



Status Serangan UPD Mengikut Wilayah Sehingga Disember 2018



Status Serangan Tikus Dari Januari Sehingga Disember 2018



Status Serangan Tikus Mengikut Wilayah Sehingga Disember 2018

Mamalia tikus (*Rattus tiomanicus*, *Rattus argentiventer*, *Rattus rattus diardii*) merupakan haiwan perosak kedua utama yang boleh menyebabkan kehilangan pendapatan kepada industri sawit. Tikus menyerang pokok sawit dengan memakan tisu umbut pada umur pokok muda dan memakan buah yang telah masak pada pokok matang. Kerugian akibat serangan tikus dianggarkan sehingga 240kg minyak/hektar/tahun atau 5-10% daripada keseluruhan hasil ladang.

Bagi tahun 2018, Wilayah Jengka telah mencatatkan serangan tikus tertinggi iaitu sebanyak 18.14% diikuti oleh Wilayah Kuantan sebanyak 9.33%. Secara purata, terdapat penurunan peratus serangan tikus direkodkan pada bulan Disember iaitu sebanyak 6.07% berbanding Januari 9.39%.

USAHA FELDA DALAM MENANGANI MASALAH MUSUH DAN PENYAKIT

Latihan berterusan kepada petugas ladang amat penting dalam memastikan usaha kawalan dilaksanakan secara berkesan. Jabatan Perladangan menitikberatkan usaha ini dengan mengadakan latihan intensif P&D dan lawatan khidmat nasihat teknikal melalui kerjasama dengan Felda Agricultural Services Sdn. Bhd. (FASSB).

Selain itu, setiap program kerja yang dilaksanakan akan dilaporkan dan dibincangkan secara teliti melalui Jawatankuasa Koordinasi Musuh dan Penyakit (P&D) Kumpulan FELDA. Jawatankuasa ini akan memutuskan dalam perancangan dan pelaksanaan program kerja secara kumpulan, penggunaan teknologi-teknologi baru, dan penyelarasan sistem pelaporan yang sistematik.

Kerjasama dengan agensi-agensi luar juga turut dilaksanakan dalam memastikan pengurusan perosak dan penyakit dijalankan secara berkala. Antaranya adalah penubuhan jawatankuasa bilateral antara FELDA dan MPOB dalam membincangkan isu ulat bungkus dan juga Ganoderma. Jawatankuasa lain adalah Jawatankuasa Pengurusan Perosak dan Penyakit Nasional melalui Jabatan Pertanian. Kerjasama dengan Jabatan Perhilitan juga amat penting dalam usaha untuk mengawal pertukaran maklumat serta perkongsian kos sekiranya melibatkan pengurusan haiwan liar seperti gajah.

MALAYSIAN SUSTAINABLE PALM OIL (MSPO)

Isu kemampuan minyak sawit merupakan antara isu terpenting di negara kita. Kelestarian industri sawit adalah matlamat jangka panjang negara bagi kesejahteraan generasi akan datang. Sebagai langkah ke hadapan dalam mengharungi cabaran luar, kerajaan Malaysia akan melaksanakan pensijilan MSPO secara mandatori menjelang 31 Disember 2019.

MSPO adalah pensijilan yang mengesahkan bahawa produk sawit yang dihasilkan adalah melalui kaedah yang mampan iaitu tidak mencemarkan alam sekitar, menggunakan kaedah yang selamat dan pelaksanaan Amalan Pertanian Baik (GAP). MSPO ini bertujuan untuk:

- I. Memenuhi matlamat negara ke arah penghasilan produk sawit mampan;
- II. Memenuhi permintaan pasaran antarabangsa yang berkehendakkan produk sawit mampan;
- III. Memastikan penerimaan minyak sawit Malaysia oleh pasaran global.

Berikut merupakan prosedur yang perlu dilalui oleh Rancangan untuk memperoleh sijil MSPO :



Prosedur Pensijilan MSPO Bagi Pekebun Kecil

Seiring dengan undang-undang yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia, FELDA telah mengambil langkah proaktif untuk mendapatkan pensijilan MSPO bagi kesemua Rancangan sawit FELDA. Bermula pada tahun 2017, sebanyak 11 Rancangan telah berjaya memperoleh Pensijilan MSPO. Program Pensijilan MSPO ini diteruskan lagi pada tahun 2018 dan pencapaian pada tahun 2018 adalah seperti di bawah :



Pembangunan Ekonomi

Pembangunan Tanam Semula

Pembangunan tanam semula merupakan elemen penting dalam perancangan strategik operasi perladangan. Hal ehwal pembangunan tanam semula meliputi perancangan dan pelaksanaan aktiviti tanam semula mengikut perkembangan teknologi pertanian terkini serta menggunakan GAP. Dengan penekanan ini, kerja pembangunan dapat dilaksanakan dengan baik bagi mencapai hasil dan kualiti yang tinggi serta memberikan tambah nilai kepada pendapatan peneroka. Berikut adalah keluasan pembangunan tanam semula :

Keseluruhan:
8,859.64
 hektar



Kebun Peneroka
8,608.16 hektar



Sawit - Sawit
8,085.01 hektar



Lot FELDA
251.48 hektar



Getah - Sawit
774.63 hektar

Pengurusan tanam semula diserahkan kepada Agen Pengurusan iaitu FTPSB seluas 8,640.74 hektar dan selebihnya diuruskan oleh FELDA di FELDA Wilayah Sahabat seluas 218.90 hektar.

Jabatan terlibat bertanggungjawab menjalankan program penerangan atau sesi taklimat tanam semula kepada peneroka sebelum kerja-kerja pembangunan bermula. Sesi taklimat melibatkan penerangan berkaitan hal ehwal perjanjian, perundangan dan proses kerja pembangunan yang akan dilaksanakan dan disertai pegawai dari Jabatan Kewangan, Unit Undang-undang dan Agen Pelaksana. Sesi ini telah berjaya dilaksanakan di semua projek yang terlibat seperti maklumat berikut:-

Bil	RANCANGAN	TARIKH PENERANGAN TANAM	KELUASAN (HEKTAR)
1	Soeharto	12/10/2017 & 23/11/2017	1,926.83
2	Ayer Hitam	11/1/2018	687.63
3	Trolak Utara	23/1/2018	1,865.34
4	Sg. Klah	24/1/2018	246.59
5	Ulu Tebrau	6/2/2018	897.66
6	Pasir Raja	7/2/2018	462.35
7	Jerangau	5/3/2018	907.61
8	Bukit Bading	6/3/2018	730.77
9	Sg. Tenggi	30/3/2018	883.38
JUMLAH			8,608.16

PENYERTAAN PENEROKA DALAM TANAM SEMULA 2018

Penyertaan peneroka dalam pembangunan tanam semula 2018 adalah seramai 2,699 orang.

Bil	RANCANGAN	BIL. PENEROKA TERLIBAT
1	Soeharto	585
2	Ayer Hitam	212
3	Trolak Utara	455
4	Sg. Klah	332
5	Ulu Tebrau	274
6	Pasir Raja	137
7	Jerangau	263
8	Bukit Bading	223
9	Sg. Tenggi	218
JUMLAH		2,699

PRESTASI TANAM SEMULA GETAH DAN SAWIT

Oleh kerana kekangan belanjawan pada tahun 2018, tiga (3) projek terpaksa ditangguhkan dan akan dibangunkan pada tahun berikutnya. Projek terlibat adalah Felda Trolak Utara, Felda Sg. Klah dan Felda Ayer Hitam yang melibatkan kawasan seluas 2,111.93 hektar dan menjadikan keluasan sebenar program tanam semula 2018 adalah seluas 6,038.08 hektar sahaja.

Prestasi pembangunan tanam semula sehingga Disember 2018 adalah seperti jadual di bawah. Seluas 5,975.67 hektar atau 98.97% telah selesai kerja peringkat awal iaitu tebang cincang daripada keseluruhan kawasan pembangunan tahun 2018.

Bagi kawasan seliaan FELDA, kerja peringkat awal pembangunan tanam semula telah selesai sepenuhnya. Manakala kawasan seliaan FTPSB, kerja peringkat awal pembangunan tanam semula bermula pada bulan April 2018 dan hanya berbaki 1.07%. Kelewatan berlaku di Felda Soeharto, Felda Ulu Tebrau, Felda Pasir Raja dan Felda Jerangau.

Wilayah	Rancangan	Bil Peneroka	Lot Peneroka (Hektar)	Lot FELDA (Hektar)	Total (Hektar)	Tebang Cincang	(%)
Trolak	Soeharto	585	1,926.83	0	1,926.83	1,901.87	98.7
	Trolak Utara (<i>tangguh</i>)						
	Sg Tenggi	218	883.38	0	883.38	883.38	100
	Sg.Klah (<i>tangguh</i>)						
Jumlah		1,590	2,810.21	0	2,810.21	2,785.25	99.11
Segamat	Ayer Hitam (<i>tangguh</i>)						
Jumlah		0	0	0	0	0	0
Johor Bahru	Ulu Tebrau	274	897.66	0	897.66	871.26	97.06
	Pasir Raja	137	462.35	10.58	472.93	462.38	97.77
	Jumlah	411	1,360.01	10.58	1,370.59	1,333.64	97.30
Terengganu	Jerangau	263	907.61	0	907.61	907.11	99.94
	Bukit Bading	223	730.77	0	730.77	730.77	100
	Jumlah	486	1,638.38	0	1,638.38	1,637.88	99.97
Seliaan FTPSB		2,699	5,808.60	10.58	5,819.18	5,756.77	98.93
Sahabat	Umas 3	0	0	113.45	113.45	113.45	100
	Sahabat 3	0	0	105.45	105.45	105.45	100
	Jumlah	0	0	218.90	218.90	218.90	100
Seliaan FELDA		0	0	218.90	218.90	218.90	100
Jumlah Keseluruhan		2,699	5,808.60	229.48	6,038.08	5,975.67	98.97

Prestasi Pembangunan Tanam Semula Sehingga Disember 2018

TENAGA KERJA LADANG

FELDA

Sepanjang 2018, keperluan buruh di ladang seliaan FELDA adalah seramai 1,778 orang bagi menjalankan kerja-kerja di ladang seperti penuaian dan penyelenggaraan ladang. Buruh sedia ada adalah seramai 908 orang dan pertambahan buruh baru sepanjang tahun 2018 adalah seramai 593 orang. Seramai 273 orang buruh telah keluar dalam tempoh yang sama berikutan tempoh kontrak telah tamat atau buruh melarikan diri. Ini menjadikan jumlah buruh yang bekerja di ladang seliaan FELDA adalah seramai 1,228 atau 69.07% daripada keperluan sebenar.

WILAYAH	PERLU	BURUH SEDIA ADA (DIS 2017)	JUMLAH KEMASUKAN 2018	KELUAR	JUMLAH TKA 2018	KURANGAN
ALOR SETAR	120	45	34	7	72	48
GUA MUSANG	171	73	78	29	122	49
JENGKA	87	61	30	24	67	20
JOHOR BAHRU	170	84	23	17	90	80
KUANTAN	271	106	111	53	164	107
MEMPAGA	382	269	48	59	258	124
RAJA ALIAS	96	36	69	19	86	10
SEGAMAT	20	0	0	0	0	20
TERENGGANU	247	120	113	43	190	57
TROLAK	214	114	87	22	179	35
JUMLAH	1,778	908	593	273	1,228	550

FTPSB

Kawasan ladang seliaan FTPSB pula memerlukan buruh seramai 12,244 orang bagi memastikan kerja-kerja di ladang dapat dilaksanakan dengan sempurna. Namun demikian, dalam tempoh yang sama, hanya seramai 10,286 orang atau 84% buruh asing yang bekerja dan kekurangan buruh sebanyak 1,958 orang. Kekurangan ini ditampung dengan penggunaan mekanisasi serta penglibatan kontraktor yang membawa masuk seramai 2,235 orang pekerja menjadikan keseluruhan jumlah pekerja FTPSB sebanyak 12,521 orang. Jumlah keseluruhan pekerja ini mencapai 102% daripada keperluan tenaga kerja FTPSB bagi tahun 2018.

WILAYAH	PERLU	BURUH SEDIA ADA (DIS 2017)	JUMLAH KEMASUKAN 2018	KELUAR	JUMLAH TKA 2018	BURUH KON-TRAKTOR	JUMLAH BESAR	KURANGAN/ (LEBIHAN)
ALOR SETAR	111	39	56	16	79	5	84	27
GUA MUSANG	583	399	357	122	634	77	711	(128)
JENGKA	1,147	718	650	316	1,052	247	1,299	(152)
JOHOR BAHRU	2,626	1,627	991	328	2,290	44	2,334	292
KUANTAN	1,816	1,017	1,017	468	1,566	424	1,990	(174)
MEMPAGA	1,396	646	553	250	949	58	1,007	389
RAJA ALIAS	2,120	745	1,161	158	1,748	528	2,276	(156)
SEGAMAT	1,199	658	505	226	937	567	1,504	(305)
TERENGGANU	458	376	297	61	612	258	870	(412)
TROLAK	788	319	229	129	419	27	446	342
JUMLAH	12,244	6,544	5,816	2,074	10,286	2,235	12,521	(277)

Pembangunan Ekonomi

Gedung Makanan Negara

Jabatan Gedung Makanan Negara (GMN) ditubuhkan pada tahun 2009 dan peranan utamanya adalah dalam pengeluaran dan pengedaran produk makanan negara. Berikut adalah rumusan pelaksanaan projek di bawah seliaan GMN :

1

Projek Khas Felda Lanchang

- Pajakan tanah milik Perbadanan Setiausaha Kerajaan Pahang (30 tahun - berakhir 31 Julai 2036)



- Nanas N36
- Nangka Tekam Yellow J33
- Integrasi durian & buah-buahan dusun
- Pisang

550 ekar

2

Projek GMN Felda Sg. Tengi Selatan

- 33 unit Struktur Pelindung Tanaman (SPT) lengkap berbumbung
- 14 SPT tidak berbumbung



- Tanaman cili kulai
- Timun
- Durian belanda

9.9 hektar

3

Projek GMN Felda Mempaga 1

- 23 unit SPT
- Tanaman *Rock Melon*
- Cili bara
- Bendi



10 hektar

4

Projek GMN Felda Taib Andak



Tanaman pisang berangan



- 100 hektar (lot peneroka) dan tanaman secara *intercrop* dengan kadar sewa RM40/ekar/bulan. Program penanaman di lot peneroka tamat pada Disember 2018.
- 61.21 hektar (lot FELDA) dan tanaman secara *monocrop*

5

Projek GMN Felda Bukit Damar



- Mula beroperasi semula pada 2018
- Tanaman secara fertigasi terbuka



- Tanaman halia
- Cili Bara



2.5 hektar

6

Projek GMN Felda Raja Alias 5



Dibuka pada 2016



Tanaman napier sebagai makanan ternakan segar



20 hektar





11

Kilang Makanan OPF Bukit Sagu

- Diambil alih oleh GMN pada 2014
- Pengeluaran palet makanan ternakan lembu dan bebiri
- 2 hektar

12

Projek GMN Felda Chalok

- Projek kerjasama bersama Kerajaan Negeri Terengganu bagi program makanan ternakan
- Tanaman napier sebagai makanan ternakan segar
- Tanaman jagung sebagai makanan ternakan
- 30 hektar

7

Projek GMN Felda Selendang

- Projek dalam proses kerja pembangunan kawasan
- Tanaman pisang berangan
- 50 hektar

8

Projek Integrasi Ternakan Chuping (PITC)

- Dibuka pada tahun 2004
- Lembu biak baka 225 ekor
- Induk bebiri 265 ekor
- Tanaman harum manis
- 500 hektar

9

Projek GMN Felda Titi

- Dibuka pada 2009
- Ternakan bebiri
 - Induk jantan (24 ekor)
 - Induk betina (646 ekor)
- Ternakan lembu
 - Induk jantan (77 ekor)
- Tanaman napier (24 ekar)
- 29 buah kolam ternakan ikan tilapia
- 20.8 hektar

10

Projek GMN Kg. Londah

- Dua (2) buah kandang milik JPV Negeri Sembilan
- Dibuka pada tahun 2015
- Ternakan lembu fidlot
- Jumlah lembu bagi tahun berakhir 2018 (154 ekor)
- 8 ekar




Pembangunan Ekonomi

Pembangunan Usahawan

Jabatan Pembangunan Usahawan berperanan dalam melahirkan usahawan berdaya maju dalam kalangan warga FELDA. Pelbagai aktiviti *non-farm* dilaksanakan bagi menambah pendapatan warga peneroka dalam lapan (8) bidang keusahawanan iaitu Perniagaan, Perusahaan, Perkhidmatan, Ternakan, Tanaman, Akuakultur, Kraftangan dan *Online*. Selain itu, jabatan juga menyediakan platform kepada usahawan FELDA untuk membantu menetengahkan dan memasarkan produk-produk mereka melalui Program Outlet Sawari FELDA serta menembusi pasaran luar yang lebih luas.

WILAYAH	BILANGAN (ORANG)
Johor Bahru	2,578
Raja Alias	2,418
Mempaga	2,205
Jengka	2,022
Kuantan	1,443
Segamat	1,360
Trolak	1,165
Terengganu	1,092
Gua Musang	710
Alor Setar	404
Sahabat	382
JUMLAH	15,779

Bilangan Usahawan FELDA



*Jumlah bilangan projek adalah lebih tinggi daripada jumlah usahawan memandangkan terdapat usahawan-usahawan yang menjalankan lebih dari satu kategori projek keusahawanan

Pecahan Usahawan Mengikut Jenis Perusahaan

KOPERASI PENEROKA

Pada tahun 2018, sebanyak 11 buah koperasi peneroka di Rancangan telah disenaraikan dalam 100 indeks koperasi terbaik seluruh Malaysia oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Berikut adalah kedudukan koperasi peneroka di Rancangan dalam Indeks 100 Koperasi Terbaik di Seluruh Malaysia 2018.

BIL	NAMA KOPERASI	KEDUDUKAN 2018	NILAI PEROLEHAN (RM)
1	Koperasi Serbaguna Felda Keratong Dua Rompin Berhad	45	20,115,916.32
2	Koperasi Felda Sebertak Pahang Berhad	49	18,024,376.15
3	Koperasi Peneroka-Peneroka Felda Air Tawar 5 Berhad	58	12,916,928.65
4	Koperasi Peserta Felda Sungai Koyan Dua Berhad	61	11,760,036.13
5	Koperasi Peneroka Felda Tunggul Kota Tinggi Berhad	66	10,694,803.35
6	Koperasi Felda Tersang Satu Berhad	74	8,660,175.17
7	Koperasi Felda Mempaga Satu Berhad	80	7,100,505.00
8	Koperasi Felda Ulu Tebrau Johor Bahru Berhad	81	6,937,016.00
9	Koperasi Peneroka Felda Sg Sayong Kulaijaya Berhad	83	5,653,514.40
10	Koperasi Peneroka Felda Lurah Bilut Berhad	88	5,015,161.00
11	Koperasi Felda Gunung Besout 1 Sungkai Berhad	96	3,608,821.83

PROGRAM JABATAN 2018

Konvensyen Pembangunan Koperasi FELDA 2018

Seramai 855 orang peserta yang terdiri daripada Anggota-Anggota Lembaga Koperasi Rancangan FELDA, Pengurus Rancangan FELDA, dan kakitangan FELDA telah menghadiri Konvensyen Pembangunan Koperasi FELDA 2018 yang diadakan pada 7 hingga 19 April 2018 bertempat di Hotel Tenera Bangi.

Konvensyen ini bertujuan untuk memperkasakan lagi koperasi yang sedia ada di Rancangan FELDA, mengembangkan aktiviti Koperasi Rancangan FELDA serta melestarikan Koperasi Rancangan FELDA agar dapat memberi manfaat dan faedah kepada anggota dan masyarakat setempat. Melalui sesi bengkel yang diadakan, tiga (3) resolusi peranan Pengurus Rancangan dalam pembangunan koperasi telah diangkat untuk cadangan pindaan Undang-Undang Kecil (UUK) Koperasi iaitu;

- i. Pengurus Rancangan sebagai Yang Dipertua Koperasi
- ii. Pengurus Rancangan sebagai Pengerusi Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi
- iii. Pengurus dibenarkan menyemak penyata dan memastikan Koperasi Rancangan mematuhi perundangan koperasi dari segi akaun beraudit dan pelaksanaan Mesyuarat Agung Tahunan.

Latihan Inkubator Usahawan Generasi Baharu FELDA

Dua (2) siri Latihan Inkubator Usahawan Generasi Baharu FELDA (Siri 1: 30 April hingga 2 Mei 2018 dan Siri 2: 25 hingga 29 Julai 2018) telah diadakan di UPM Serdang dan dihadiri seramai 75 orang peserta.

Melalui program ini peserta-peserta telah diberi pendedahan mengenai teknik pengurusan syarikat, pemasaran, proses pensijilan dan pemprosesan produk. Objektif pelaksanaan program ini adalah berpandukan matlamat jabatan untuk menambah bilangan usahawan dalam kalangan warga peneroka di samping memastikan kelestarian perniagaan yang dijalankan.

Program Penilaian Anugerah Usahawan FELDA 2018 Peringkat Nasional

Sebanyak 11 orang Usahawan FELDA telah melibatkan diri dalam Program Penilaian Anugerah Usahawan FELDA 2018 Peringkat Nasional yang telah diadakan pada 3 Julai hingga 1 Ogos 2018 bertempat di 11 Wilayah FELDA. Pelaksanaan Anugerah Usahawan FELDA (AUF) adalah bermatlamat untuk memberi pengiktirafan kepada usahawan dalam kalangan warga peneroka yang berjaya sekaligus dapat menarik minat warga peneroka untuk menceburkan diri dalam aktiviti keusahawanan. Pemberian anugerah ini menggalakkan persaingan sihat dalam kalangan usahawan bagi meningkatkan prestasi perusahaan masing-masing secara aktif sekaligus dapat menjana pertumbuhan ekonomi di kawasan rancangan tersebut. Antara objektif lain program ini juga ialah untuk mengenalpasti projek yang berdaya tahan, menggalakkan inovasi, pemindahan teknologi dan pengurusan projek secara sistematik dan komersial serta berpeluang untuk mendapatkan khidmat nasihat secara langsung daripada wakil agensi yang menjadi panel hakim.

Penilaian AUF peringkat nasional pada tahun 2018 telah diadili oleh panel hakim bebas daripada agensi kerajaan yang dilantik oleh FELDA. Kesemua panel hakim tersebut terdiri daripada pengurusan kanan yang profesional dan berpengalaman dalam pembangunan keusahawanan iaitu MARDI, FAMA dan SME CORPORATION MALAYSIA.

Kursus Pembuatan Produk Hiliran berasaskan Lebah Kelulut

Seramai 25 orang peserta yang terdiri daripada usahawan-usahawan ternakan lebah kelulut dalam kalangan warga FELDA telah menghadiri Kursus Pembuatan Produk Hiliran berasaskan Lebah Kelulut yang bertempat di Kepong, Kuala Lumpur pada 24 hingga 26 Julai 2018. Pelaksanaan program ini adalah bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada peserta tentang pembuatan produk hiliran secara teori dan praktikal dengan menggunakan teknologi skala kecil dan sederhana. Program latihan ini merupakan kerjasama antara Pusat Pemindahan Ilmu (USM) bersama rakan industri Dr. Anne Skincare Sdn. Bhd. serta disinergikan oleh FELDA.

Kursus Pengendalian Makanan dan Kepentingan HALAL

Kursus yang dikendalikan oleh penceramah jemputan daripada UNIPEQ, JAKIM dan UKM ini dihadiri oleh 75 orang peserta. Ia bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran tentang kepentingan penyediaan makanan yang bersih dan selamat kepada semua pengendali makanan di sektor perkhidmatan dan makanan serta memberi kesedaran berkaitan kepentingan halal kepada masyarakat dan industri. Kursus ini dijalankan sebanyak 2 siri (Siri 1 : 28-30 Ogos 2018 dan Siri 2: 13-15 November 2018) di UKM Bangi.

Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show (MAHA 2018)

Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show (MAHA 2018) merupakan pameran pertanian utama di Malaysia yang diadakan dua (2) tahun sekali. Jabatan Pembangunan Usahawan bersama usahawan-usahawan FELDA yang berminat telah menyertai MAHA 2018 yang bertempat di MAEPS, Serdang. Sebanyak 18 pempamer telah didaftarkan atas nama SAWARI, Pusat Pengeluaran FELDA dan usahawan-usahawan FELDA. SAWARI FELDA berjaya mencatatkan jumlah jualan sebanyak RM12,398 sepanjang program berlangsung. Misi utama penglibatan FELDA melalui projek khas SAWARI di dalam MAHA 2018 adalah bertujuan untuk:-

- i. Promosi produk FELDA Best dan produk SAWARI
- ii. Jualan produk
- iii. *Branding*
- iv. *Networking*
- v. Perkembangan pasaran



Hari Memperkasakan Usahawan FELDA, Synergy Enhancement Entrepreneur Day (SEED)

Seramai 29 orang usahawan telah melibatkan diri dalam Hari Memperkasakan Usahawan FELDA yang bertempat di Wilayah Kuantan dan Sahabat masing-masing pada 23 hingga 25 Mac 2018 dan 25 hingga 28 September 2018.

Program ini diadakan selaras dengan matlamat Jabatan Pembangunan Usahawan dalam memberi penerangan, menyampaikan maklumat, mendapatkan maklum balas dan mempromosikan produk keluaran usahawan FELDA ke pasaran luar dari Rancangan. Pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program berlangsung seperti pepadanan perniagaan bersama agensi luar, pemilihan produk baru usahawan FELDA dan karnival jualan.

PASARAN PRODUK SAWARI DAN FELDA BEST

SAWARI berperanan memasarkan produk keluaran usahawan FELDA ke pasaran tempatan. Pada tahun 2018, jumlah jualan SAWARI ialah RM 2.43 juta bersamaan 90.04% daripada sasaran keseluruhan 2018 sebanyak RM 2.7 juta. Berikut ialah senarai Outlet SAWARI dan Hypermarket yang memasarkan produk SAWARI FELDA.

OUTLET SAWARI

- MENARA FELDA TINGKAT 32
- MENARA FELDA TINGKAT 10 (KAFFE)
- BALAI FELDA
- TERENGGANU
- SUNGAI KLAH
- MUZIUM LURAH BILUT

HYPERMARKET

- TESCO
- AEON JUSCO
- MYDIN
- TUNAS MANJA GROUP
- PASARAYA DARUL MAKMUR
- DMART

Pembangunan Komuniti

Pembangunan Komuniti

Jabatan Pembangunan Komuniti ditubuhkan bagi menyediakan, melaksana dasar-dasar dan mengurus kerja-kerja berkaitan pembangunan komuniti dan institusi peneroka. Tugas berkaitan komuniti akan dilaksanakan pada peringkat Wilayah dan Rancangan khususnya dalam bidang pembangunan institusi dan kesejahteraan komuniti peneroka.

Peranan Pembangunan Komuniti:

- Mengukuhkan institusi peneroka
- Memperkemaskan kepimpinan peneroka
- Menyatukan masyarakat peneroka supaya seiring dengan aspirasi FELDA
- Menjayakan transformasi komuniti
- Menyampaikan informasi kepada komuniti secara berterusan
- Merapatkan hubungan antara pengurusan dengan masyarakat peneroka
- Meningkatkan penglibatan generasi baharu dalam pembangunan komuniti

- Merealisasikan warga peneroka sebagai komuniti contoh luar bandar
- Menguruskan kebajikan peneroka secara menyeluruh
- Menggalakkan warga FELDA membudayakan gaya hidup sihat
- Mewujudkan persekitaran perkampungan FELDA yang dilengkapi infrastruktur yang baik, lengkap dan terurus

INSTITUSI PENEROKA

Pada tahun 2018, telah diadakan sesi pemilihan bagi Ketua Peneroka dan Penerokawati di peringkat Wilayah dan Rancangan bagi tempoh tiga (3) tahun mulai Ogos 2018 hingga Julai 2021. Proses pemilihan telah dilaksanakan bermula 15 Julai 2018 dan berakhir pada 18 September 2018. Berikut adalah pecahan bilangan Ketua Peneroka dan Pengerusi GPW (Ketua Penerokawati) di peringkat blok dan Rancangan mengikut Wilayah.

BIL	WILAYAH	JUM. RANC.	JUM. MPKK	JUM. JKJR	JUM. GPW	JUM. KETUA BLOK		JUM. KETUA RANCANGAN		JUM. KETUA WILAYAH		JUM. PENUBUHAN BELIA			
						JKKR	GPW	JKKR	GPW	(L)	(W)	KAF	AHLI	MBFM	AHLI
1	ALOR SETAR	13	8	13	13	191	191	13	13	1	1	13	662	13	1,540
2	TROLAK	21	8	21	21	394	372	21	21	1	1	21	1,474	21	2,408
3	RAJA ALIAS	49	23	25	48	310	740	25*	48*	1	1	26	1,254	49	3,823
4	SEGAMAT	36	17	18	35	308	530	18**	35**	1	1	31	1,315	34	3,469
5	JOHOR BAHRU	42	22	20	42	317	809	20	42	1	1	39	1,441	42	4,063
6	MEMPAGA	36	14	22	36	334	641	22***	36***	1	1	33	846	36	4,843
7	JENGA	37	24	13	37	230	680	13	37	1	1	37	1,292	37	3,338
8	KUANTAN	42	7	35	42	576	698	35	42	1	1	38	1,193	41	3,547
9	GUA MUSANG	11	0	11	11	153	153	11	11	1	1	11	204	11	1,830
10	TERENGGANU	21	44	20****	20****	359	345	20****	20****	1	1	20	1,158	20	3,663
11	SAHABAT	9	0	7	7	84	84	7	7	1	1	0	0	7	1,281
JUMLAH		317	167	205	312	3,256	5,243	205	312	11	11	269	10,839	311	33,805
JUMLAH BESAR				517			8,499			517			22		

*Palong 14 & 16 gabung

**Maokil 2, Maokil 3 & Maokil 4 gabung

***Tersang 4 tiada peneroka

****Cherul 1 & 2 gabung



JAWATANKUASA PERUNDING PENEROKA (JKPP)

JKPP merupakan badan perundingan tertinggi antara pemimpin peneroka dengan pengurusan FELDA. Ahli JKPP akan bermesyuarat bersama-sama pengurusan FELDA untuk merangka dan membuat keputusan yang membabitkan peneroka-peneroka FELDA. Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Pengarah Besar FELDA yang turut dihadiri oleh Ketua Jabatan dan Pengurus Besar Wilayah.

2018

3 kali mesyuarat

26 orang ahli

11 orang Ketua Peneroka
 11 orang Pengerusi Gabungan GPW Wilayah

2 orang Kepimpinan Tertinggi KAF
 2 orang Kepimpinan Tertinggi MBFM

Berikut adalah senarai nama ahli JKPP bagi Sesi 2018-2021

BIL.	WILAYAH	JAWATAN	NAMA	RANCA- NGAN
1	Alor Setar	Ketua Peneroka Wilayah	Saidan Bin Mat	Rimba Mas
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Suaini Binti Ahmad	Batu 8
2	Trolak	Ketua Peneroka Wilayah	Sulong Jamil Bin Mohamed Shariff	Sungai Behrang
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Rusiah Binti Imbran	Sungai Tenggi
3	Raja Alias	Ketua Peneroka Wilayah	Karip Bin Mohd Salleh	Serting Hilir 5
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Ramlah Binti Jelani	Jelai 2
4	Segamat	Ketua Peneroka Wilayah	Md Edros Bin Kandar	Pemanis 1
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Siti Aishah Binti Moh Som	Pemanis 2

BIL.	WILAYAH	JAWATAN	NAMA	RANCA- NGAN
5	Johor Bahru	Ketua Peneroka Wilayah	Samsudin Bin Othman	Tenggara Timur 1
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Sariah Binti Hassim	Tenggara 5
6	Mempaga	Ketua Peneroka Wilayah	Sazly Bin Abdul Wahab	Chegar Perah 01
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Aziziah @ Azizah Binti Bahari	Kemasul
7	Jengka	Ketua Peneroka Wilayah	Sulaiman Bin Bakar	Jengka 23
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Zariah Binti Ustaz Haron	Sg. Retang
8	Kuantan	Ketua Peneroka Wilayah	Zaid Bin Sidek	Chini Timur 03
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Dato' Safariah Binti Awang Ngah	Bukit Sagu 01
9	Terengganu	Ketua Peneroka Wilayah	Mohd Ghozali Bin Mamat	Kerteh 03
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Dasia Binti Dollah	Cherul 2
10	Gua Musang	Ketua Peneroka Wilayah	Ahmad Nor Suki Bin Harun	Chiku 02
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Rahimah Binti Hassan	Chiku 07
11	Sahabat	Ketua Peneroka Wilayah	General Bin Linjal	Umas 3
		Pengerusi Gabungan GPW Wilayah	Salmah Binti Juat	Sahabat 03
12	MBFM	Presiden	Muhammad Fadzli Bin Hasan	Tingkat 32-01-2, Menara FELDA.
		Timbalan Presiden	Mohd Amir Murshidi Bin Datuk Hj. Samsuddin	Tingkat 32-01-2, Menara FELDA.
13	KAF	Pengerusi KAF Kebangsaan	Fakhrurrazi Bin Mohd Habib	Kuala Kubu Bharu
		Setiausaha KAF Kebangsaan	Ameerrudin Bin Yusop	Trolak Selatan

PROGRAM GERAKAN KESEJAHTERAAN KELUARGA (GKK)

1) Program Gerakan Kesejahteraan Keluarga (GKK)



- Remaja dan Belia (**Modul Ana Khair**)
- Peneroka, Penerokawati, Peneroka ganti, Pemimpin, Pengerusi Badan-Badan di Rancangan (**Modul Titian Mahabbah**)



Nilai-nilai yang diterapkan melalui Modul GKK telah banyak mencorak pemikiran dan budaya sejahtera dalam komuniti FELDA. Nilai-nilai ini dikekalkan bahkan diimarahkan lagi kerana komuniti peneroka merupakan nadi utama masyarakat FELDA. Meskipun kita telah diuji dengan pelbagai cabaran, namun sehingga kini kita masih berjaya mengekalkan budaya menghormati, rasa kasih sayang dan rasa kekeluargaan yang telah dipupuk dalam kalangan warga peneroka dan kepimpinan Wilayah serta Rancangan.



15-17.9.18 Pusat Latihan Chini, Pekan	19-21.9.18 Kem Bukit Sagu, Kuantan	24-26.9.18 Kem Bukit Sagu, Kuantan	9-10.10.18 Tekam Resorts, Jerantut	15-17.10.18 Pusat Latihan Chini, Pekan
21-23.10.18 Kalumpang Resorts Hulu Selangor	23-25.10.18 • Dewan pejabat Wilayah Terengganu • Pusat Latihan Kerteh, Terengganu	28-30.10.18 Kompleks Rakan Muda Baling	29-31.10.18 Kalumpang Resorts, Hulu Selangor	7-9.11.18 • Kem Bukit Sagu, Kuantan • Pusat Latihan Chini, Pekan
12-14.11.18 Telok Gorek Resorts, Mersing	12-14.11.18 Kompleks Sukan Tawau, Sabah	13-15.11.18 Kem Bukit Sagu, Kuantan	25-27.11.18 Tanjung Bidara Beach, A.Gajah Melaka	26-28.11.18 Dewan Pejabat Wilayah Terengganu
27-29.11.18 Tanjung Bidara Beach, A.Gajah Melaka	11-13.12.18 ILIM, JAKIM, Besut Besut Terengganu	12-14.12.18 • Kompleks Sukan Tawau, Sabah • Telok Gorek Resorts, Mersing		

2) Program Pekerti Komuniti Edisi Remaja (PKER) @Cakna Diri@ *I am In Control*



Remaja dan Belia yang berusia 16 hingga 24 tahun



- Program ini membantu FELDA mengurangkan isu/gejala sosial dalam kalangan remaja yang boleh mengakibatkan kehamilan yang tidak dirancang, penyakit jangkitan seksual dan jangkitan HIV.
- Meningkatkan kemahiran untuk menghindari situasi berisiko yang membawa kepada tingkah laku seksual.
- Menyemarakkan sikap prihatin, penyayang dan bertanggungjawab kepada agama, individu, keluarga, masyarakat dan organisasi.



16.7.2018 Dewan Sek. Men.Keb. Kemahang, Tanah Merah	26.7.2018 Dewan Semai Bakti Desa Kenchana, Lahad Datu	28.7.2018 Savanna Hill Resorts, Ulu Tiram, Johor	9.8.2018 Sek.Men.Keb. Felda Moakil 1, Labis, Johor	29.8.2018 Kolej Yayasan Felda Kampus Mempaga	5.9.2018 Sek.Men. Keb.Alam Beraja Palong 11, Negeri Sembilan
19.9.2018 Sek.Men. Keb. Cheneh, Kemaman, Terengganu	15.9.2018 Dewan Felda Besout 1, Sungkai, Perak	20.9.2018 Dewan Hotel Bustani, Jitra Kedah	18.10.2018 Sek.Men.Keb. PPTR Tun Razak, Tekam, Pahang	30.10.2018 Sek.Men.Lepar Hilir 1, Kuantan, Pahang	

3) Program Wanita Keluarga Sejahtera/Harmoni (WSKS) dengan kerjasama LPPKN Negeri/Daerah



Pengerusi GPW, Setiausaha GPW, Bendahari GPW, Penerokawati, Petugas Wanita Wilayah dan Rancangan.



Mendidik dan mempertingkatkan kesedaran akan pentingnya penjagaan kesihatan diri sama ada luaran mahupun dalaman. Ianya juga bertujuan meningkatkan kesejahteraan wanita dan keluarga melalui penjagaan kesihatan wanita. Peserta juga turut didedahkan dengan pelbagai jenis urutan terapi badan supaya dapat diamalkan bagi mencegah pelbagai punca penyakit yang berkaitan dengan saraf.



9.1.2019 Dewan JKRR Felda Sg,Klah, Sungkai, Perak	10.1.2018 Dewan Felda Moakil 1, Labis, Johor	17.1.2018 Dewan Semai Bakti Felda Jengka 8	14.1.2018 Dewan Wisma Felda Tunggal, Johor	23.1.2018 Dewan Semai Bakti Felda Sg.Tiang, Kedah	24.1.2018 Dewan Feldajaya Raja Alias, Jempol
25.1.2018 Dewan Felda Tementi, Pahang	27.1.2018 Dewan Pejabat Wilayah Terengganu	29.1.2018 • Bangunan GPW Gugusan Umas, Sabah • Dewan Pusat Latihan Chini, Pekan • Dewan Merak, Kesedar Inn, Gua Musang			

4) Program Kembara/Jelajah FELDA- Wanita Sejahtera Keluarga Bahagia (WSKB) Anjuran Bersama Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga Dan Masyarakat



Peneroka, Penerokawati, Generasi Baru, Petugas/Kakitangan FELDA/Anak Syarikat/Agensi Luar



- Mengeratkan lagi hubungan silaturrahim, muhibbah serta dapat mewujudkan persefahaman/perpaduan/semangat kerja berpasukan sekaligus dapat meningkatkan lagi kualiti/produktiviti komuniti warga FELDA khususnya.
- Meningkatkan sifat ketabahan mental, kegigihan, disiplin dan kepimpinan dalam pembangunan komuniti serta pembangunan institusi keluarga.



2.3.2018 Dewan JKRR Felda Sg.Tengi, Hulu Selangor	3.3.2018 Dewan Orang Ramai Felda Sg.Tengi	17-18.3.2018 Dewan Felda Kg.Sertik	24.3.2018 Dewan Orang Ramai Felda Sg.Behrang	23-24.3.2018 Dewan JKRR Felda Moakil 2, Labis
25.3.2018 Dewan Felda Chuping Kedah	1.4.2018 Dewan Orang Ramai Felda Palong Timur 2, Segamat	10-11.4.2018 Dewan Felda Sg.Behrang	13-14.4.2018 Balai Raya Felda Sungai Tiram, Johor Bahru	

PENDIDIKAN AWAL KANAK-KANAK

Pusat Literasi Keluarga (PLK)

Program ini melibatkan kanak-kanak berusia tiga (3) hingga empat (4) tahun dengan tujuan merangsang minda kanak-kanak kepada pembelajaran melalui kaedah bacaan awal.

239 Bilangan PLK


3,557 Bilangan Kanak-kanak

372 Bilangan Penggalak Pembaca

Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)

Pusat Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan satu pendekatan FELDA dalam memantau golongan OKU mendapatkan kemahiran program pemulihan dan pembangunan Orang Kurang Upaya (OKU). Program di PDK ditumpukan kepada OKU yang memerlukan pemulihan dan latihan asas dari segi pergerakan, pertuturan, pendidikan khas dan kemahiran dalam aktiviti kehidupan harian.

PDK dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan penglibatan keluarga serta masyarakat setempat FELDA dalam memberi bantuan menyediakan bangunan dan peralatan yang bersesuaian.



KESIHATAN

Program Prihatin Jantung Anda

Program Komuniti Sihat : Prihatin Jantung Anda dilaksanakan mulai Mac 2016 sehingga Disember 2018 di 19 Rancangan FELDA. Program ini merupakan jalinan kerjasama dengan Institut Jantung Negara (IJN) dan dibantu oleh NGO FELDA iaitu Ikatan Seni Komuniti FELDA (ISKAF), Kami Anak FELDA (KAF) serta belia-belia Rancangan. Program ini bertujuan untuk memberikan perkhidmatan pemeriksaan kesihatan jantung secara percuma kepada warga FELDA di Rancangan. Sebanyak enam (6) siri pemeriksaan telah dilaksanakan pada tahun 2018. Rumusan pemeriksaan kesihatan warga untuk tahun 2018 FELDA adalah seperti berikut:

Pemeriksaan Kesihatan				
Dewasa	Kanak-kanak			Jumlah
1,318	473			1,791
Kaunter Berhenti Merokok	ECG	ECHO	Surat Susulan	
90	42	17	85	

Tabung Bantuan Kebajikan Peneroka

- Membantu membiayai kos rawatan dan perubatan peneroka, isteri atau tanggungannya yang menghidap penyakit kronik.
- Membantu menampung kos kerosakan rumah dan harta benda peneroka, isteri atau tanggungannya akibat bencana alam.
- Membantu membeli peralatan kesihatan bagi peneroka, isteri atau tanggungannya yang mengalami kecacatan kekal atau separuh kekal.

Tujuan Tabung Bantuan Kebajikan Peneroka

Kadar bantuan yang diberi adalah berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan dan dengan kelulusan Jawatankuasa Tabung Bantuan Kebajikan Peneroka.

Berikut adalah rumusan kelulusan yang telah dibuat pada tahun 2018:

	Penyakit Kronik	Peralatan Kesihatan	Bencana Alam
Jumlah Diluluskan (RM)	2,737,042	501,177	569,591
Bil. Permohonan Diluluskan	946	157	139

INFRASTRUKTUR DAN KECERIAAN

Peruntukan infrastruktur merupakan usaha FELDA bagi membaikpulih pembangunan infrastruktur di tanah Rancangan menggunakan peruntukan FELDA.

Peruntukan ini melibatkan kerja membaikpulih serta pembinaan baru yang merangkumi pelbagai kategori skop kerja antaranya:

- 1 | Kemudahan Pengurusan Desa**
(contoh : dewan, pejabat gerakan, sekolah agama)
- 2 | Kemudahan Rekreasi/Sukan**
(contoh : futsal, padang)
- 3 | Kemudahan Prasarana**
(contoh : masjid, tempat beribadah, infrastruktur asas)

FELDA telah memperuntukkan sejumlah RM18,954,211.22 pada tahun 2018 melalui 155 kelulusan.



Berikut adalah Rumusan Peruntukan Infrastruktur 2018:

	Bina Bangunan Baharu	Baik pulih Bangunan	Baikpulih Segera Bencana Alam	Jalan / Longkang
Jumlah Diluluskan (RM)	3,712,351	5,025,425	6,569,388	3,235,155
Bilangan Diluluskan	14	69	53	11

KECERIAAN KAMPUNG FELDA

Program keceriaan kampung meliputi penyediaan landskap, kebersihan Rancangan, pengurusan bangunan awam, aktiviti kemasyarakatan, susun atur kawasan perniagaan, projek ekonomi dan lain-lain. Objektif program keceriaan kampung adalah untuk mencetus dan menggalakkan gerakan serta aktiviti dalam kalangan seluruh masyarakat Rancangan FELDA bagi membawa perubahan ke arah menceriakan kawasan kampung. Program ini juga bertujuan untuk membentuk komuniti yang ceria, bersatu padu dan harmoni serta mengamalkan budaya bersih, indah dan bebas daripada gejala sosial. Bagi menjayakan program ini FELDA telah menyumbangkan wang berjumlah RM5/peneroka/bulan.

Sepuluh (10) kriteria yang telah digariskan untuk penilaian kampung FELDA telah memberikan impak yang besar kepada Rancangan FELDA. Kriteria tersebut adalah seperti berikut:-

	1 Rumah Peneroka	(20%)
	2 Kualiti Komuniti	(15%)
	3 Jalan Utama, Kawasan Kosong & Bangunan Awam	(15%)
	4 Pengurusan Ladang	(10%)
	5 Projek Ekonomi & <i>Edible Garden</i>	(10%)
	6 Aktiviti Badan Peneroka & Generasi Baharu	(10%)
	7 Susun Atur Dan Keceriaan Kawasan Perniagaan	(5%)
	8 Kawasan Pejabat & Rumah Kakitangan	(5%)
	9 Pelancongan	(5%)
	10 Teknologi Maklumat & Digital	(5%)
Markah Penuh (100%)		

Impak daripada program ini ialah:


- Gotong-royong dan kerjasama antara masyarakat
- Kampung dalam taman
- *Edible Garden*
- Mengeluarkan perbelanjaan sendiri dan sumbang tenaga
- Konsep Ta'awun atau sikap tolong-menolong

- Mengoptimumkan penggunaan tanah kosong
- Budaya muafakat di kampung dan ladang
- Persekitaran yang bersih
- Generasi baharu celik IT

Rumusan gred kampung bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:-



KEROHANIAN




Rumusan Masjid dan Surau di Rancangan FELDA

Penarafan Masjid FELDA 2018

Tujuan penarafan masjid adalah untuk mengukur tahap fungsi dan peranan masjid yang merangkumi aspek pengurusan, pengimaran, kemudahan prasarana dan persekitaran. Selain itu, penarafan masjid dapat menggalakkan pengurusan masjid di FELDA untuk berusaha meningkatkan prestasi cemerlang mengikut indeks tertinggi penarafan serta dapat diuruskan secara teratur dan sistematik. Ia juga turut menjadi satu sistem penggerak dalam merancang pembangunan masjid di seluruh FELDA. Seterusnya, masjid yang mempunyai kualiti terbaik dijadikan sebagai masjid contoh kebangsaan.

Rumusan Penarafan Masjid FELDA 2018 seperti berikut:



PEMBANGUNAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR) FELDA

Sekolah Agama Rakyat (SAR) adalah merupakan salah sebuah institusi pendidikan Islam yang berperanan terhadap pembangunan insan di kalangan masyarakat. Justeru, pembangunan SAR FELDA akan menitik beratkan pembangunan prasarana sekolah yang kondusif serta modul pengajaran dan pembelajaran sekolah yang terbaik dan selaras di semua SAR di Rancangan. Kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Majlis Agama Islam Negeri dan Bahagian Pendidikan Islam, Jabatan Pendidikan Malaysia (KPM) dalam memastikan SAR FELDA beroperasi dengan cemerlang.

Senarai Maklumat Sekolah Agama Rakyat FELDA 2018:

BIL. SEKOLAH	BIL. PELAJAR			BIL. GURU		
	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH	LELAKI	PEREMPUAN	JUMLAH
252	22,766	22,725	45,491	272	1,283	1,555



Program-program Unit Kerohanian yang telah dijalankan sepanjang tahun 2018

Bil.	Nama Program	Tarikh	Bil. Peserta
1.	Anugerah Masjid Contoh & Tokoh Imam FELDA 2018	Mac - Julai 2018	Semua masjid Wilayah & Rancangan
2.	Kursus Intensif Perkaderan Akidah & Pemikiran Islam: Tahap 1: Persediaan	27 - 29 Mac 2018	30 orang imam-imam masjid, pengerusi GPW Felda Wilayah Trolak, Gua Musang & Alor Setar
3.	Majlis Meraikan Bakal Haji Peringkat Wilayah FELDA	30 Jun - 13 Julai 2018	2,020 orang bakal haji
4.	Konvensyen Rakyat: Menelusuri Akar Umbi ke Arah Perpaduan Ummah	8 Mac 2018	2 orang petugas FELDA
5.	Konvensyen Imam & Pegawai-Pegawai Masjid FELDA	18 - 19 Mac 2018	1,000 orang peserta
6.	Seminar Multaqa Dakwah & Pemikiran Islam 2018	9 Jan 2018	3 orang petugas FELDA
7.	Motivasi Kerohanian Wilayah FELDA	Jan - Dis 2018	Dhuha: 9,493 orang Maghrib: 17,098 orang
8.	Ihya Rahmat Ramadhan 2018	Mei 2018	Semua AJK masjid dan surau utama FELDA
9.	Majlis Iftar Ramadhan & Gimik Penyerahan Kotak Sumbangan Aidilfitri FELDA kepada Anggota Keselamatan Malaysia	31 Mei 2018	500 orang
10.	Majlis Iftar Ramadhan Peringkat Wilayah FELDA 2018	Sepanjang Ramadhan	3,300 orang
11.	Kempen Puasa Sunat Enam Syawal	Sepanjang Syawal	Semua petugas FELDA
12.	Sumbangan Kepada Anggota Keselamatan (ATM & PDRM) - 2,000 kotak	24 Mei - 11 Jun 2018	Semua petugas & warga peneroka
13.	Program Ibadah Korban Wilayah FELDA	22 - 24 Ogos 2018	Peneroka & Pengurusan Tertinggi FELDA
14.	Sambutan Maal Hijrah Peringkat Wilayah	Okt 2018	4,395 orang
15.	Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Wilayah	Nov - Dis 2018	7,735 orang
16.	Majlis Syarahan Perdana Tokoh Maal Hijrah 2018	4 Okt 2018	5 orang

UNIT PENERANGAN

- Melaksanakan program penerangan penyampaian maklumat terkini dan tepat berkaitan dasar-dasar FELDA dan memberi maklum balas yang tepat terhadap isu yang berlaku.
- Meningkatkan pemahaman warga FELDA terhadap usaha-usaha FELDA khususnya usaha transformasi FELDA.
- Menerapkan semangat kebersamaan dan kebersatuan melalui aktiviti kesenian dan kebudayaan.

Antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

	 Pencapaian	 Jumlah Peserta (Orang)
Bengkel Muafakat FELDA Negaraku Malaysia	36 Bengkel	3,577
Karnival Muafakat Negaraku Malaysia (#MohKongsiSama)	46 Rancangan	7,502
Jelajah Ini Rancangan Kita	103 Rancangan	17,710
Sentuhan Blok	317 Rancangan	4,488
Jumlah		33,277



DATA MAKLUMAT KELUARGA FELDA

Jabatan Pembangunan Komuniti bertindak sebagai penyelaras bagi Sistem Maklumat Generasi Baru FELDA (Gen-F). Jabatan ini bertanggungjawab memastikan Wilayah serta Rancangan melaksanakan kerja-kerja memasukkan data baru dan mengemaskini data sedia ada. Manakala maklumat peneroka dan keluarga peneroka adalah di bawah tabiran Jabatan Pengurusan Tanah. Semua data ini amat penting bagi membantu pengurusan FELDA dalam mengatur pelbagai jenis program dan dalam membuat sesuatu keputusan.

Sepanjang tahun 2018 berlakunya turun naik dalam data entri warga peneroka. Perkara ini berlaku kerana bilangan keluarga peneroka akan terus bertambah daripada semasa ke semasa. Manakala pengurangan data pula disebabkan oleh penggantian peneroka atau penghapusan data apabila berlakunya pertindihan.

112,638
Bilangan Peneroka

678,137
Bilangan Keluarga Peneroka

314,151
Bilangan Gen-F



Pembangunan Komuniti

Inovasi Dan Pembangunan Generasi Baharu

Memberi tumpuan dalam memperkukuhkan potensi generasi baharu FELDA melalui pembudayaan inovasi dan kreativiti, pemantapan modal insan dan pembangunan sukan. Elemen ini adalah penting kerana generasi baharu merupakan pewaris kepada peneroka yang akan memikul tanggungjawab masyarakat FELDA untuk menerajui negara pada masa hadapan.

Objektif jabatan adalah seperti berikut:

- Menggalakkan warga FELDA menerokai produk-produk inovasi.
- Membangunkan potensi generasi baharu FELDA yang berjaya dalam pelbagai bidang.
- Menguruskan Stadium Tun Abdul Razak Jengka (STAR) sebagai kompleks sukan tumpuan bagi warga FELDA dan masyarakat luar yang menjadikan sukan sebagai penyatuan komuniti.

33,805

Ahli Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM)

2,679

Ahli Permuafakatan Siswa/i FELDA (PERSADA)

PROJEK AGROPARK

Projek ini diletakkan di bawah Pengurusan Unit Inovasi, Jabatan Inovasi & Pembangunan Generasi Baharu (JIPGB) FELDA dan diselaraskan secara bersama dengan Felda Wilayah Johor Bahru. Matlamat utama adalah untuk menjadikan Gugusan Tenggaroh sebagai sebuah kawasan tumpuan pelancongan yang menawarkan pelbagai pakej *eco-tourism* untuk menjiwai kehidupan di Rancangan FELDA di samping menjadi *economic powerhouse* menjelang tahun 2020 khususnya di Gugusan Tenggaroh. Pada masa ini hanya empat (4) buah Rancangan sahaja yang akan terlibat dalam pelaksanaan fasa pertama projek ini dan dijangka akan melibatkan keseluruhan Gugusan Tenggaroh menjelang tahun 2019.

Objektif pelaksanaan projek ini ialah :

- Membantu membangunkan kawasan Gugusan Tenggaroh untuk menjadi sebuah kawasan berkonsepkan Agro Pelancongan;
- Menggalakkan kehadiran pelancong khususnya daripada luar untuk menikmati

keindahan kawasan Rancangan melalui pelbagai aspek;

- Membantu menjana ekonomi kawasan setempat khususnya dalam kalangan belia;
- Menggalakkan aktiviti pembudayaan inovasi dan kreativiti dalam kalangan penduduk setempat dan pelancong.

Pada tahun 2018, projek ini telah pun beroperasi sepenuhnya dan jumlah lawatan pengunjung ialah seramai 2,147 orang.

PROGRAM GENERASI BAHARU

Mesyuarat Agung Tahunan 2018 MBFM Wilayah Kali Ke- 9, Sesi 2018-2020

Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) MBFM Wilayah diadakan setiap tahun manakala sesi pemilihan jawatan kuasa diadakan setiap dua (2) tahun. Antara aktiviti yang dilaksanakan semasa MAT ini adalah pembentangan laporan tahunan dan penyata kewangan pada tahun 2017, perbincangan usul untuk dibawa ke MAT MBFM Kebangsaan, pelantikan jawatankuasa MBFM Wilayah sesi 2018/2020 dan pemilihan perwakilan ke MAT MBFM Kebangsaan. MAT MBFM Wilayah telah diadakan seperti berikut :

BIL	WILAYAH	TARIKH	TEMPAT
1.	Trolak	8 April 2018	Felda Residence Trolak
2.	Mempaga	11 Ogos 2018	Hotel Club Dolphin, KL
3.	Jengka	26 Ogos 2018	Wisma Peneroka, Bandar Jengka
4.	Kuantan	9 September 2018	Hotel Seri Maya Bounque, Kuantan
5.	Terengganu	22 September 2018	Pejabat Wilayah Terengganu
6.	Gua Musang	20 Oktober 2018	Kesedar Inn, Gua Musang
7.	Alor Setar	27 Oktober 2018	The Jerai Hotel, Alor Setar
8.	Sahabat	28 Oktober 2018	Felda Residence Sahabat
9.	Johor Bahru	3 - 4 November 2018	M Suite Hotel, Johor Bahru
10.	Segamat	11 November 2018	Prime City, Kluang
11.	Raja Alias	16 Disember 20178	Ancasa Residences, Port Dickson, Negeri Sembilan

Anugerah Belia FELDA Malaysia (ABFM)



4 Februari 2018



Felda Lurah Bilut (Wilayah Mempaga)

Anugerah Belia FELDA Malaysia (ABFM) merupakan pengiktirafan khas FELDA bersama SERANTA FELDA, Jabatan Perdana Menteri dan Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) kepada individu dan persatuan yang terlibat dalam pembentukan dan pembangunan generasi baharu FELDA yang mampu mendukung Aspirasi 1Malaysia dan Aspirasi FELDA Glokal. Sehingga kini terdapat 308 buah persatuan belia FELDA bergerak aktif yang bernaung di bawah MBFM melibatkan 11 Wilayah. Senarai pemenang ABFM 2018 mengikut kategori adalah seperti berikut:

Kategori Persatuan



Kategori Persatuan Terbaik Bidang

BIL	BIDANGAN	PERSATUAN	WILAYAH
1.	Pentadbiran	Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Aping Barat	Johor Bahru
2.	Kebudayaan	Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Ayer Hitam	Segamat
3.	Kerohanian	Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Gunung Bongsu	Alor Setar
4.	Komuniti	Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Sahabat 04/05	Sahabat
5.	Ekonomi	Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Selancar 02	Kuantan
6.	Pendidikan	Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Jengka	Jengka
7.	Sukan	Majlis Belia FELDA Malaysia (MBFM) Trolak Utara	Trolak

Kategori Individu

BIL	KATEGORI	NAMA	RANCANGAN	WILAYAH
1.	Usahawan Jaya	Mohd Norodzaime Affandy Bin Mohd Rodzi	Felda Lepar Utara 03	Kuantan
2.	Usahawan Agro-preneur	Muhamad Nazri Bin Yusof	Felda Tenggaroh 02	Johor Bahru
3.	Kepimpinan Terbilang Belia	Mohd Hafiz Bin Mansor	Felda Bukit Tangga	Alor Setar
4.	Kepimpinan Terbilang Belia	Rohana Binti Suleiman @ Seliman	Felda Bukit Aping Barat	Johor Bahru
5.	Kesenian	Mohd Aminullah Bin A Wahab	Felda Sening	Johor Bahru
6.	Personaliti Istimewa	Mohd Asraf Bin As'ari	Felda Sungai Sayong	Johor Bahru
7.	Kecemerlangan Pendidikan	Mohd Ismail Bin Masri	Felda Trolak Selatan	Trolak
8.	Mercu Wangsa	Manndzri Bin Hj Nasib	Felda Penggeli Timur	Johor Bahru
9.	Anugerah Inovasi Digital	Nurhafizuddin Suraddi	Felda Ayer Hitam	Wilayah Segamat

Majlis penyampaian hadiah berserta sijil telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, YB Datuk Seri Wira Razali Ibrahim (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri), YB Tan Sri Shahrir Samad (Pengerusi FELDA) dan diiringi oleh VVIP kehormat.

Program Santai Anak FELDA (SAF)

Program ini bertujuan mewujudkan dan memperkasakan hubungan baik antara pihak MBFM Kebangsaan bersama persatuan belia di Rancangan serta komuniti setempat. Aktiviti yang diadakan bagi memeriahkan program adalah sukaneka, zumba, liga futsal penalti dan *Sharp Shooter*.

Program SAF ini mengumpulkan belia-belia dan komuniti setempat untuk menyampaikan mesej-mesej positif berkaitan FELDA kepada penduduk setempat. Sesi ini turut menampilkan artis dan pelawak seperti Hanifah bin Md Hanafiah (Black), Dzawin Nur Ikram (Dzawin) dan Shahrol Azizie bin Azmi (Sharol Shiro) yang berkonsepkan santai dan bermaklumat. Program motivasi kepada pelajar sekolah turut diadakan untuk memberi galakan dan kata-kata nasihat kepada para pelajar bagi meneruskan pencapaian pendidikan ke peringkat yang lebih tinggi pada masa hadapan. Program ini telah dilaksanakan seperti berikut :

BIL.	WILAYAH	TARIKH	TEMPAT
1.	Johor Bahru	16 - 17 April 2018	Felda Simpang Waha
2.	Jengka	23 - 24 April 2018	Felda Padang Piol
3.	Jengka	24 - 25 April 2018	Felda Jengka 18
4.	Mempaga	25 - 26 April 2018	Felda Tersang 1
5.	Mempaga	26 - 27 April 2018	Felda Triang 3
6.	Johor Bahru	27 - 28 April 2018	Felda Aping Timur
7.	Segamat	30 April - 1 Mei 2018	Felda Redong
8.	Kuantan	1 - 2 Mei 2018	Felda Selancar 3
9.	Raja Alias	2 - 3 Mei 2018	Felda Lui Timur
10.	Trolak	3 - 4 Mei 2018	Felda Besout 3
11.	Alor Setar	4 - 5 Mei 2018	Felda Teloi Timur
12.	Terengganu	6 Mei 2018	Felda Kerteh 1
13.	Sahabat	16 - 17 Julai 2018	Felda Sahabat 3 dan Felda Umas 3

Majlis penutupan program ini disempurnakan oleh En Anuar Malek, Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti) FELDA di Felda Kerteh 1 pada 6 Mei 2018.

Kejohanan Bolasepak Piala Pengerusi FELDA 2018

10 - 13 Oktober 2018

Stadium Tun Abdul Razak Jengka

Kejohanan Bolasepak Piala Pengerusi FELDA 2018 dilangsungkan secara karnival melibatkan 11 pasukan Wilayah dan satu (1) pasukan jemputan dari Akademi Bolasepak FELDA (ABF). Keputusan pertandingan adalah seperti berikut :



Johan
Felda Wilayah
Kuantan
RM20,000.00
berserta Piala
Pusingan dan
Piala Iringan



Naib Johan
Felda Wilayah
Mempaga
RM15,000.00



Ketiga
Felda Wilayah
Terengganu
RM8,000.00

4

Keempat
Felda Wilayah Sahabat
RM5,000.00

Manakala pemenang bagi anugerah khas adalah seperti berikut :

BIL.	NAMA	WILAYAH	ANUGERAH
1.	Khairul Azman Awang Long	Kuantan	Penjaring Terbanyak
2.	Engku Zulkifli Engku Mohd	Mempaga	Pemain Terbaik


Pencapaian Atlet Generasi Baharu pada Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

Seramai 22 orang atlet dalam kalangan Generasi Baharu telah mewakili Malaysia dalam pertandingan/kejohanan pada peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Maklumat para atlet tersebut adalah seperti berikut:-

BIL	WILAYAH/ RANCANGAN	NAMA	JENIS SUKAN	KEJOHANAN
1.	Mempaga/ Rentam	Muhammad Hakimi Ismail	Olahraga - Lompat Kijang	Komanwel 2018
2.	Mempaga/ Bukit Kepayang	Nuraini Abdul Rashid	Hoki Padang (Wanita)	Komanwel 2018
3.	Trolak/ Trolak Selatan	Norbaini Hashim	Hoki	Komanwel 2018
4.	Kuantan/ Chini Timur 2	Mastafa Fitri Masjuri	Pencak Silat	Open Belgium 2018
5.	Johor Bahru/ Ulu Tebrau	Hanis Nadi Onn	Hoki Padang (Wanita)	Komanwel 2018
6.	Segamat/ Bukit Batu	Noor Lizah Salman	Tenpin Bowling	World Para Bowling Tour Singapore dan World Para Bowling Tour Hong Kong
7.	Alor Setar/ Rimba Emas	Safi Azrol Othman	Pentanque	Open Australia 2018
8.	Ibu Pejabat FELDA/ Jabatan Inovasi Dan Pemb. Generasi Baharu	Siti Nur Atiqah Rashid	Futsal Berpasukan	Futsal AFC Championship
9.	Jengka/ Jengka 21	Muhamad Nor Azam Abdul Azih	Bola Sepak	Asian Games 2018
10.	Trolak/ Trolak Utara	Muhammad Syukri Abdul Mutalib	Hoki Padang (L)	Asian Games 2018
11.	Raja Alias/ Raja Alias 1	Muhammad Marhan Mohd Jalil	Hoki Padang (L)	Asian Games 2018
12.	Jengka/ Jengka 19	Siti Nor Suhaida Jafri	Sepak Takraw (W)	Asian Games 2018
13.	Kuantan/ Lepar Hilir 3	Noor Hasliza Md. Ali	Hoki Padang (W)	Asian Games 2018
14.	Alor Setar/ Sg. Tiang	Muhammad Asriq Izzat Mazlan	Bola Sepak	Bangkok, Thailand dan Liga ALLIANZ Cup 2018 Peringkat Kebangsaan
15.	Alor Setar/ Sg. Tiang	Muhammad Akimie Amran	Bola Sepak	Liga ALLIANZ Cup 2018 Peringkat Kebangsaan
16.	Segamat/ Redong 1	Muhammad Wazif Nazaral	Bola sepak	46th ASFF U-18 Football Championship, Agra, India
17.	Segamat/ Redong 1	Nurul Ayuni Syafiqah Abd. Majid	Petanque	Sukma 2018, Perak
18.	Trolak/ Trolak Utara	Nur Afiqah Jasni	Petanque	Sukma 2018, Perak
19.	Trolak/ Trolak Utara	Khairunnisa Nazri	Bola Jaring	Sukma 2018, Perak
20.	Alor Setar/ Sg. Tiang	Muhammad Haikal Khairul Azmi	Hoki	Sukma 2018, Perak
21.	Segamat/ Sri Ledang	Nurul Suhada Zainal	Individual Pursuit 3000m	Paralimpik 2018
22.	Alor Setar/ Sg. Tiang	Mohd Ridzuan Mohamad Puzi	400m T36(L) Cerebral Palsy	Paralimpik 2018

Pengurusan Pusat Gimnasium Menara FELDA

Rumusan Pendapatan bagi Pusat Gimnasium sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut :



Rumusan penggunaan Pusat Gimnasium FELDA sepanjang tahun 2018 adalah seperti berikut :



AKTIVITI SEPANJANG TAHUN 2018

BIL	TARIKH	PROGRAM	LOKASI
1.	20 Januari 2018	Program "Santai Ilmu" 2018	Felda Lurah Bilut
2.	Sepanjang Februari 2018	Karnival Sukan Felda Wilayah Trolak	Dewan Semai Bakti, Felda Trolak Utara
3.	3 Februari 2018	Program LDB International 2018 : MTB & Trail Run	Felda Lurah Bilut
4.	2 - 11 Februari 2018	Program <i>Buy The Future</i> - Bengkel Filem Dan Multimedia FELDA 2018 Siri 1	Felda Jengka 25
5.	17 Februari 2018	Kejohanan Futsal Terbuka Felda Wilayah Trolak	Kompleks Sukan Komuniti, Felda Besout 3, Trolak
6.	23 Mac 2018	<i>Kitamen Experience</i> Dan Majlis Menandatangani MOU	Grand Ballroom, Menara FELDA
7.	30 Mac 2018	<i>Retreat</i> Kepimpinan Tertinggi PERSADA	Ladang Alam Warisan, Kuala Pilah, Negeri Sembilan

BIL	TARIKH	PROGRAM	LOKASI
8.	26 Mac 2018	Bengkel Pembudayaan Inovasi Dan Strategi Keusahawanan	Hotel Regency, Perlis
9.	7 April 2018	Karnival Sukan Wanita Felda Wilayah Mempaga	KSK Felda Wilayah Mempaga
10.	17 April 2018	Pertandingan <i>Creatovation</i> Felda Wilayah Raja Alias	Dewan Felda Raja Alias 2
11.	21 April 2018	Kejohanan Futsal terbuka Peringkat Felda Wilayah Terengganu	KSK Felda kerteh 3
12.	Sepanjang Mei 2018	Klinik Sukan Peringkat Felda Wilayah Raja Alias	KSK Felda Gugusan Jelai
13.	25 Mei 2018	Program Moreh Sate Bersama MBFM	Masjid Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur
14.	4 Jun 2018	Program Iftar Ramadhan Bersama MBFM, PERSADA dan KAF	Dewan Perdana FELDA
15.	4 Julai 2018	Malam Promosi Telefilem Abah	UiTM Kampus Puncak Perdana, Selangor
16.	15 Julai 2018	Kejohanan Bolasepak Peringkat Felda Wilayah Segamat	Pusat Sukan UiTM Johor, Segamat.
17.	28 Julai 2018	Kejohanan Badminton Peringkat Felda Wilayah Trolak Edisi Ke-2	Kompleks Sukan Komuniti, Felda Gunong Besout.
18.	18 - 19 Ogos 2018	Mesyuarat Agung Tahunan MBFM Kebangsaan Kali Ke- 8	Felda Residence Hotspring Sg. Klah, Trolak
19.	19 September 2018	Pertandingan Reka Cipta	Puteri Qashrina Chalet, Tanjung Kling, Melaka
20.	29 September 2018	Kursus Penampilan Diri Dan Etika Sosial	EDC Hotel Universiti Utara Malaysia (UUM)
21.	12 - 13 Oktober 2018	Karnival Sukan Komuniti Dan Himpunan Belia FELDA Negeri Pahang	Stadium Tun Abdul Razak (STAR), Jengka
22.	29 Oktober 2018	Selancar <i>Fun Run</i>	Dewan Semai Bakti Felda Selancar 2
23.	31 Oktober 2018	Pertandingan <i>Creatovation</i> Dan Bengkel Pembudayaan Inovasi	Kesedar Inn, Gua Musang
24.	27 November 2018	Karnival Sukan Generasi Bilut	Felda Lurah Bilut

UNIT AKADEMI BOLASEPAK FELDA (ABF)

Senarai kejohanan yang disertai oleh Akademi Bola Sepak FELDA tahun 2018 :

1. Liga Allianz Zon Tengah 2018

1 Mei 2018/ Stadium UKM, Bangi

- Johan
 - Pemain Terbaik Perlawanan Akhir
 - Penjaga Gol Terbaik Kejohanan

2. Figos Soccer Carnival U14 2018

21 Julai 2018/ Padang Setia Alam, Klang

- Tewas di pusingan kedua
 - Pelajar ABF (Muhammad Ashriq Izzat Bin Mazlan) telah berjaya mengikuti program klinik bola sepak di Bangkok, Thailand pada 15 hingga 19 Julai 2018 dengan tanggungan sepenuhnya oleh pihak Allianz

3. Kejohanan MSSM Peringkat Kebangsaan 2018 (Pulau Pinang)

3 - 10 Ogos 2018/ USM, Pulau Pinang

4. Liga Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) 2018 Liga Piala Remaja KPM-FAM 2018 (Pasukan Abf Bawah 17 Tahun)

26 Oktober 2018/ Stadium Mini Akademi Mokhtar Dahari, Gambang, Pahang

- Juara
 - Penjaga Gol Terbaik (Muhammad Syafiq Bin Sabaruddin)
 - Pemain Paling Bernilai (Muhammad Adam Malique Danial Hadi)

5. Bali International Football Championship U15 2018

1 - 10 Disember 2018/ Bali, Indonesia

- Peringkat kumpulan

6. Kejohanan Bolasepak Bawah 16 Tahun Piala YB Nik Nazmi, Parlimen Setiawangsa 2018

1 - 22 Disember 2018/ Padang Kompleks MSN Setiawangsa

- Juara
 - Pemain Terbaik Kejohanan (Mohamad Ikmal Rizal Bin Zaman)
 - Penjaring Terbaik Kejohanan (9 Gol) (Nik Muhammad Ezwan Bin Nik Ahmad Tajul Ariff)

Sesi Pendaftaran Pelatih ABF 2019

Seramai 66 orang pelatih Akademi Bolasepak FELDA bagi tahun 2019 telah mendaftar pada 25 Disember 2018 di Institut Semarak FELDA (ISEF) bermula jam 9.00 pagi. Pelatih telah diberikan bilik penginapan asrama seperti yang telah disusun oleh pihak pengurusan. Pada jam 2.00 petang, semua ibu bapa / penjaga dan para pelatih telah diberikan taklimat oleh pihak pengurusan, pihak sekolah iaitu SMK Putrajaya Presint 14 (1) dan ucapan oleh Penolong Pengarah Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baharu FELDA, Puan Asmuriza Mohamad. Tujuan taklimat

diadakan adalah bagi menyampaikan maklumat-maklumat penting untuk makluman ibu bapa/ penjaga, peringatan berkenaan undang-undang dan peraturan asrama. Bermula tahun 2018, ABF amat menekankan disiplin dan sahsiah diri bagi meningkatkan potensi diri pelatih seiring dengan sukan bola sepak. Pelatih seterusnya perlu menghadiri ke sesi pengenalan bersama dengan pihak pengurusan, barisan kejurulatihan dan sesi orientasi yang dikendalikan oleh Jabatan Inovasi dan Pembangunan Generasi Baharu FELDA bermula 26 hingga 29 Disember 2018. Pada 27 Disember 2018, semua pelatih ABF menghadiri sesi orientasi, pengenalan dan penyusunan kelas di SMK Putrajaya Presint 14 (1).

Aktiviti ABF

Antara aktiviti ABF yang telah dijalankan pada tahun ini ialah:

Majlis Khatam Al-Quran Dan Majlis Berbuka Puasa ABF 2018 (8 Jun 2018)

Majlis yang bertempat di ISEF Bangi ini dihadiri oleh semua pelatih ABF, ibu bapa dan jurulatih.

Program Team Building (21 - 23 Jun 2018)

Program ini dihadiri semua pelatih ABF yang bertempat di Kalumpang Resort & Training Centre, Selangor.

Sesi Praktikal Seminar Jurulatih Bolasepak Belia "The Modern Trends In Youth Development" Anjuran Persatuan Jurulatih Bolasepak Malaysia (27 September 2018)

Seminar yang bertempat di Padang Majlis Sukan Negara, Bukit Jalil telah dikendalikan oleh Chris Ramsey, Pengarah Teknikal Kelab Bola Sepak Queens Park Rangers melibatkan seramai 22 orang pelatih ABF.

Majlis Makan Malam Dan Graduasi ABF 2018 (3 November 2018)

Majlis yang telah diadakan di ISEF Bangi ini bertujuan untuk memberi penghargaan kepada kesemua pelatih dan jurulatih yang telah menaikkan nama FELDA khususnya dalam sukan bola sepak sepanjang tahun 2018.

Sesi Pendaftaran Pelatih ABF 2019 (25 Disember 2018)

Seramai 42 orang pengambilan baharu dibuat dan 24 orang merupakan pelatih yang sedia ada bertempat di Asrama ABF, ISEF, Bangi.

Sesi Pemilihan Pemain ABF 2019 (4 - 24 November 2018)

Seramai 1,481 orang hadir pada sesi pemilihan yang dijanakan di pelbagai lokasi FELDA terpilih dan bilangan yang terpilih adalah seramai 42 orang.

Stadium Tun Abdul Razak (STAR)

	Sewaan Luar STAR	Sewaan STAR oleh FUFC
Kekerapan Sewaan	59 kali	18 kali
Jumlah	714 jam	132 jam

FELDA UNITED

Pengurusan Kelab Bolasepak FELDA United telah diletakkan di bawah pengurusan di jabatan ini yang mana pada tahun ini FELDA telah memperuntukkan sejumlah RM27 juta. Berikut adalah aktiviti yang dijalankan:

Pelancaran Pasukan Dan Kit Pemain 2018

Bertempat di Dewan Bankuet Menara FELDA, sesi yang telah diadakan pada 30 Januari 2018 ini telah dihadiri kira-kira 350 orang melibatkan kehadiran dif kehormat VIP, VIP penaja, wakil penaja, penyokong Fighters dan media. Sesi ini juga bertujuan untuk memperkenalkan penaja pasukan yang terdiri daripada FELDA, FGV, KPF, Hotel Tenera, FBT, Prodata, D'Saji, Longjack Orang Kampung, AirAsia, D'Mart, Animasia, ATF dan Platinum Reach.

Karnival Bola Sepak 9 Sebelah

Penyertaan daripada 20 buah sekolah ini telah diadakan pada 15 Mac 2018 bertempat di Stadium Tun Abdul Razak, Jengka. Pertandingan yang dibuka kepada peserta berumur 12 tahun dan ke bawah ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para peserta menguji bakat mereka dan mengenal pasti mana-mana pemain yang berprestasi untuk diketengahkan. Pertandingan akhir telah memberi suntikan motivasi kepada pemain muda apabila turut dihadiri pemain dan barisan jurulatih FELDA United. Sekolah Kebangsaan Jengka 3 dinobatkan sebagai Johan.

Mesyuarat Agung Tahunan 2017

Mesyuarat Tahunan Ke-5 telah diadakan pada 30 Mei 2018, bertempat di Hotel Tenera, Bangi dan dihadiri oleh ahli Kelab Bolasepak FELDA United. Mesyuarat ini diadakan bagi Pemilihan Jawatankuasa Kelab bagi penggal 2018-2022.

Majlis Berbuka Puasa 2018

Majlis berbuka puasa ini telah diadakan pada 30 Mei 2018 di Hotel Tenera, Bangi bagi mengeratkan hubungan dan beramah mesra di antara Ahli Lembaga Pengarah FUFC bersama-sama pengurusan pasukan dan pemain.

World Cup Di IOI City Mall

Program yang dijalankan di West Garden, Piazza IOI City Mall, Putrajaya bertujuan untuk bersama-sama menghangatkan kempen demam Piala Dunia 2018 yang berlangsung di Rusia. Antara aktiviti yang di jalankan adalah:

- Reruai pameran dan jualan;
- Pertandingan Timbang Bola;
- Pro Shoot;
- TEQ Ball;
- Ramah mesra dengan pemain FELDA United.

Acara kemuncak adalah tayangan di Skrin Besar pertandingan Piala Dunia (Perlawanan Akhir & Tempat ketiga).

Juara Liga Futsal Kebangsaan (Kategori Wanita)

Pasukan Futsal Wanita telah dinobatkan sebagai Juara Liga Futsal Kebangsaan 2018 dan merupakan kejuaraan berganda setelah skuad pasukan Futsal wanita berjaya mempertahankan kejuaraan pada tahun 2017 & 2018. Trofi kejuaraan disampaikan oleh Naib Presiden FAM, Mohd Joehari Ayub dan turut bersama barisan daripada FAM YBhg. Datuk Wira Mohd Yusoff Mahadi, YBhg. Datuk Haji Rosmadi Ismail, ACP (B) Md Dali Wahid serta barisan Ahli Lembaga Pengarah FELDA United.

Majlis Penyampaian Piala Juara 100plus Liga Premier 2018

Satu majlis penyampaian piala juara bertempat di Stadium Tun Abdul Razak, Jengka sempena kemenangan Pasukan FELDA United kembali ke saingan elit Liga Super 2019 apabila muncul juara keseluruhan saingan Liga Premier musim 2018 telah diadakan pada 21 Julai 2018. Hadiah disampaikan oleh Setiausaha Agung FAM, Pengarah Besar FELDA merangkap Presiden FELDA United dan Wakil Penaja.

KEPUTUSAN SAINGAN PASUKAN FELDA UNITED DALAM LIGA DI MALAYSIA

Saingan	Menang	Seri	Kalah	Jumlah Mata	Kedudukan
Liga Perdana	12	7	1	43	1
Piala Malaysia (Peringkat Kumpulan)	3	1	2	10	2

Pembangunan Komuniti

Pendidikan

Jabatan Pendidikan ditubuhkan bagi merancang dan melaksanakan program pendidikan yang bertujuan meningkatkan kecemerlangan pelajar generasi baharu FELDA bermula dari peringkat sekolah rendah sehingga ke peringkat pendidikan tinggi dalam dan luar negara.



Antara program yang telah dilaksanakan bagi melonjakkan pencapaian akademik pelajar adalah seperti berikut :

SKIM KECEMERLANGAN PENDIDIKAN FELDA (SKPF)

SKPF ini diperkenalkan sebagai satu inovasi bagi meningkatkan mutu serta kualiti pendidikan semua sekolah di Rancangan FELDA.

SEKOLAH	BIL. SEKOLAH	MODAL (RM)	GANJARAN (RM)		
			PERTENGAHAN TAHUN CAPAI OTI 2	PERCUBAAN CAPAI OTI 3	UPSR/ SPM MELEPASI ETR
Sekolah Kebangsaan Kurang Calon (SKC)	28	1,500.00	2,000.00	2,000.00	5,000.00
Sekolah Kebangsaan (SK)	242	2,000.00	2,000.00	2,000.00	5,000.00
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	101	3,000.00	2,000.00	2,000.00	5,000.00
JUMLAH	371	6,500.00	6,000.00	6,000.00	15,000.00

Rumusan pencapaian dan perbelanjaan Skim Kecemerlangan Pendidikan FELDA (SKPF) 2018 adalah seperti jadual A dan B berikut :

WILAYAH	BIL. SEK.	MODAL (RM) (SK & SKC) A	OTI 2 (PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN)				OTI 3 (PEPERIKSAAN PERCUBAAN UPSR)				JUMLAH (RM) A+B+C
			LAYAK	TIDAK LAYAK	TIDAK MENGISI DATA B X RM 2,000	LAYAK	TIDAK LAYAK	TIDAK MENGISI DATA C X RM 2,000			
Alor Setar	13	25,500	10	3	0	20,000	11	2	0	22,000	67,500
Trolak	20	37,000	9	5	6	18,000	16	4	0	32,000	87,000
Raja Alias	35	69,000	11	21	3	22,000	24	11	0	48,000	139,000
Segamat	30	56,500	12	15	3	24,000	13	17	0	26,000	106,500
Johor Bahru	37	71,500	17	15	5	34,000	25	12	0	50,000	155,500
Mempaga	31	60,500	9	13	9	18,000	18	13	0	36,000	114,500
Jengka	37	73,500	21	16	0	42,000	33	4	0	66,000	181,500
Kuantan	32	64,000	15	15	2	30,000	23	9	0	46,000	140,000
Terengganu	22	42,500	11	11	0	22,000	17	5	0	34,000	98,500
Gua Musang	9	18,000	2	7	0	4,000	3	6	0	6,000	28,000
Sahabat	4	8,000	2	1	1	4,000	4	0	0	8,000	20,000
JUMLAH	270	526,000	119	122	29	238,000	187	83	0	374,000	1,138,000

SK: Sekolah Kebangsaan

SKC: Sekolah Kebangsaan Kurang Calon

Rumusan Sekolah Kebangsaan (SK) (A)

Pencapaian OTI2 (peperiksaan pertengahan tahun) sebanyak 119 sekolah (44.07%) telah melepasi PERATUS BILANGAN MENCAPAI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM dan NILAI PURATA MATA PELAJARAN (NPMP) yang ditetapkan. Pencapaian ini melebihi 24.07% daripada anggaran asal iaitu 20%. Manakala pencapaian OTI3 (peperiksaan percubaan), 187 sekolah (70%) telah melepasi sasaran yang ditetapkan dan 55% melebihi daripada anggaran asal iaitu 15%.

WILAYAH	BIL. SMK.	MODAL (RM) A	OTI 2 (PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN)				OTI 3 (PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM)				JUMLAH (RM) A+B+C
			LAYAK	TIDAK LAYAK	TIDAK MENGISI DATA	B (x RM 2,000)	LAYAK	TIDAK LAYAK	TIDAK MENGISI DATA	C (x RM 2,000)	
Alor Setar	3	9,000	1	2	0	2,000	0	3	0	0	11,000
Trolak	6	18,000	3	1	2	6,000	4	2	0	8,000	32,000
Raja Alias	14	42,000	4	8	2	8,000	3	11	0	6,000	56,000
Segamat	8	24,000	0	7	1	0	4	4	0	8,000	32,000
Johor Bahru	12	36,000	1	7	4	2,000	9	3	0	18,000	56,000
Mempaga	11	33,000	1	8	2	2,000	2	9	0	4,000	39,000
Jengka	15	45,000	2	13	0	4,000	2	13	0	4,000	53,000
Kuantan	15	45,000	5	10	0	10,000	5	10	0	10,000	65,000
Terengganu	11	33,000	0	11	0	0	4	7	0	8,000	41,000
Gua Musang	3	9,000	1	2	0	2,000	3	0	0	6,000	17,000
Sahabat	3	9,000	1	2	0	2,000	1	2	0	2,000	13,000
JUMLAH	101	303,000	19	71	11	38,000	37	64	0	74,000	415,000

SMK: Sekolah Menengah Kebangsaan

Rumusan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) (B)

Pencapaian OTI2 (peperiksaan pertengahan tahun) sebanyak 19 sekolah (18.81%) telah melepasi PERATUS BILANGAN DAPAT SIJIL dan GRED PURATA SEKOLAH (GPS). Pencapaian ini menurun sebanyak -1.19% daripada anggaran asal iaitu 20%. Manakala bagi OTI3 (peperiksaan percubaan), sebanyak 37 sekolah (36.63%) telah melepasi sasaran yang ditetapkan iaitu 15%.

SKIM KECEMERLANGAN PENDIDIKAN FELDA - PUSAT PEMBELAJARAN SAINS FELDA (SKPF-PPS)

Skim Kecemerlangan Pendidikan FELDA - Pusat Pembelajaran Sains FELDA (SKPF-PPS) diperkenalkan sebagai usaha meningkatkan mutu serta kualiti pendidikan di 14 buah Pusat Pembelajaran Sains (PPS) yang terlibat. PPS akan menerima "modal" pada awal tahun dan ganjaran akan diberikan berdasarkan pencapaian dalam setiap peperiksaan. Berikut adalah pecahan modal dan ganjaran SKPF-PPS tahun 2018 :

MODAL (RM)	OTI2 (CAPAI) PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN (RM)	OTI3 (CAPAI) PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM (RM)	ETR (MELEPASI) PEPERIKSAAN SEBENAR SPM (RM)	JUMLAH KESELURUHAN (RM)
7,000.00	2,000.00	3,000.00	5,000.00	17,000.00

Rumusan pencapaian dan perbelanjaan SKPF-PPS bagi tahun 2018 adalah seperti jadual di bawah :

WILAYAH	BIL. SMK.	MODAL (x RM 7000) A	OTI 2 (PEPERIKSAAN PERTENGAHAN TAHUN)				OTI 3 (PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM)				JUMLAH (RM) A+B+C
			LAYAK	TIDAK LAYAK	TIDAK MENGISI DATA	B (x RM 2,000)	LAYAK	TIDAK LAYAK	TIDAK MENGISI DATA	C (x RM 2,000)	
Raja Alias	1	7,000.00	1	0	0	2,000.00	0	1	0	0	9,000.00
Segamat	1	7,000.00	0	1	0	0.00	1	0	0	3000.00	10,000.00
Johor Bahru	1	7,000.00	0	1	0	0.00	1	0	0	3000.00	10,000.00
Mempaga	2	14,000.00	0	2	0	0.00	0	2	0	0	14,000.00
Jengka	1	7,000.00	0	1	0	0.00	0	1	0	0	7,000.00
Kuantan	2	14,000.00	1	1	0	2,000.00	1	1	0	3000.00	19,000.00
Terengganu	3	21,000.00	0	3	0	0.00	1	2	0	3000.00	24,000.00
Gua Musang	2	14,000.00	0	2	0	0.00	1	1	0	3000.00	17,000.00
Sahabat	1	7,000.00	0	1	0	0.00	0	1	0	0	7,000.00
JUMLAH	14	98,000.00	2	12	0	4,000.00	5	9	0	15,000.00	117,000.00

SMK: Sekolah Menengah Kebangsaan

PROGRAM SOKONGAN PENDIDIKAN SEKOLAH

Program-program sokongan akademik dan ko-akademik turut dilaksanakan kepada pelajar bagi membantu mereka meningkatkan dan mengekalkan kecemerlangan akademik dalam peperiksaan UPSR dan SPM disamping mempunyai nilai sahsiah yang baik melalui penglibatan diri dalam aktiviti di luar kelas. Senarai program adalah seperti berikut:-

1. Program Sarana Ibu Bapa dan Komuniti 'Jom Ke Sekolah'

- Objektif program ini ialah untuk :
 - Mengeratkan hubungan pengurusan sekolah dengan ibu bapa.
 - Menyokong dasar sarana ibu bapa yang dilaksanakan oleh KPM.
- Pengisian program adalah seperti berikut :
 - Program integrasi 2 hari 1 malam di sekolah yang terlibat melibatkan ibu bapa dan murid-murid.
 - Latihan Dalam Kumpulan (murid-murid bersama fasilitator UiTM)
 - Gotong-royong, pertandingan memasak & sukan rakyat (ibu bapa)
 - Pengisian Taklimat Sarana Ibu Bapa & Komuniti bersama KPM

Kos perbelanjaan program ini adalah sebanyak RM 120,000.00 bagi empat (4) buah sekolah.

KUMPULAN SASAR

Ibu bapa, guru dan murid sekolah rendah dan sekolah menengah yang terlibat:

BIL	SEKOLAH	WILAYAH	TARIKH PROGRAM	JUMLAH PESERTA
1	SMK Nitar	Segamat	20 - 21 Jan 2018	120
2	SMK Pasir Besar	Raja Alias	3 - 4 Mac 2018	112
3	SMK Bukit Goh	Kuantan	10 - 11 Mac 2018	108
4	SK Sungai Behrang	Trolak	3 - 4 Ogos 2018	120
JUMLAH				460

IMPAK

Menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam aktiviti sekolah dan pembangunan akademik murid.

2. Program Hafazan Murid Asrama Sekolah Harian KPM-FELDA

- Objektif program ini ialah :
 - Pelajar dapat menghafaz serta menguasai asas fardu ain dan Al-Quran.
 - Pelajar mampu memimpin bacaan doa, wirid dan tahlil.
- Seramai 4,386 pelajar terlibat dengan program ini.
- Seramai 23 orang tenaga pengajar yang terdiri daripada guru agama/imam/bilal komuniti Rancangan FELDA.
- Perbelanjaan bagi pelaksanaan program ini ialah RM 60,000.00

KUMPULAN SASAR

Murid sekolah di Rancangan FELDA yang tinggal di Asrama Harian melibatkan 26 buah sekolah terpilih.

Bil	Nama Sekolah	Wilayah
1	SMK Jelai	Raja Alias
2	SMK (FELDA) Lui Barat	Raja Alias
3	SMK Alam Beraja	Raja Alias
4	SMK Kemahang	Gua Musang
5	SMK Bandar Chiku	Gua Musang
6	SK Perasu	Gua Musang
7	SMK Chiku 2	Gua Musang
8	SMK Cheneh Baru	Terengganu
9	SMK Landas	Terengganu
10	SMK Menerong	Terengganu
11	SMK (FELDA) Sg Koyan	Mempaga
12	SMK Bukit Damar	Mempaga
13	SMK (FELDA) Purun	Mempaga
14	SMK (LKTP) Jengka 2	Jengka
15	SMK (LKTP) Jengka 16	Jengka
16	SMK (LKTP) Kampung Awah	Jengka
17	SMK Jengka Pusat	Jengka
18	SMK Pulau Tawar	Jengka
19	SMK Ppp Tun Razak	Jengka
20	SMK Jengka 12	Jengka
21	SMK Sungai Tiang	Alor Setar
22	SMK Lubok Merbau	Alor Setar
23	SK Sg Tenggi	Trolak
24	SM Lepar Utara	Kuantan
25	SMK (FELDA) Tenggara	Johor Bahru
26	SMK Nitar	Segamat

IMPAK

- Meningkatkan penguasaan dalam asas agama.
- Membentuk sahsiah diri pelajar.
- Murid-murid yang buta huruf dapat mengenal dan membaca Al-Quran dengan baik.

3. Sandwich Day 2018

- Sesi wakil pegawai Jabatan Pendidikan bersama pelajar Tingkatan 5 di sekolah yang terlibat mengagihkan sandwich dan minum pagi.
- Program ini diadakan pada 13 November 2018 di sekolah berikut:
 - SMK Semenchu, Johor Bahru
 - SMK Bandar Mas, Johor Bahru
 - SMK Lurah Bilut, Mempaga
 - SMK Kg Sertik, Mempaga
 - Asrama Semai Bakti FELDA
 - MRSM FELDA

KUMPULAN SASAR

- Pelajar sekolah di Rancangan FELDA yang terpilih
- Pelajar di Asrama Semai Bakti FELDA
- Pelajar MRSM FELDA

IMPAK

Membantu memberi semangat kepada pelajar Tingkatan 5 yang menduduki peperiksaan SPM 2018 pada hari pertama peperiksaan SPM dijalankan.

4. Promosi 'Jom Ke Asrama'

Jerayawara yang diadakan selama dua (2) hari melibatkan pegawai Jabatan Pendidikan FELDA serta semua Pengurus Asrama dengan mempromosikan ketiga-tiga Asrama Semai Bakti FELDA (ASBF) bagi kemasukan ke Tingkatan 1 Sesi 2019.

Kempen yang diatur oleh Penyelaras Pendidikan setiap Wilayah diadakan di sekolah-sekolah yang terlibat dengan mengumpulkan semua pelajar Tahun 6 bersama guru-guru bagi mendengar taklimat berhubung kemasukan ke Tingkatan 1, ASBF.

KUMPULAN SASAR

Pelajar-pelajar di sekolah yang terpilih melibatkan lapan (8) Wilayah berikut :

- Trolak
- Raja Alias
- Segamat
- Johor Bahru
- Mempaga
- Jengka
- Kuantan
- Terengganu

IMPAK

Jerayawara dan taklimat ini menerima maklum balas yang positif daripada semua guru setiap sekolah dan dicadangkan untuk dibuat lebih awal lagi pada tahun 2019 agar semua sekolah dapat terlibat dan perancangan program sekolah lebih tersusun.

ANALISIS PEPERIKSAAN AWAM PELAJAR FELDA UPSR DAN SPM

Keputusan peperiksaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2018 dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018 pelajar FELDA adalah seperti di muka surat sebelah. Sumber maklumat adalah daripada Lembaga Peperiksaan Malaysia.

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2018

Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) menilai pencapaian murid dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik. UPSR berperanan sebagai *check point* untuk mengukur kemahiran membaca, menulis, mengira dan menaakul selama enam tahun di sekolah rendah. Pada tahun 2018, seramai 10,676 orang calon FELDA telah mendaftar untuk menduduki UPSR. UPSR telah dijalankan pada 20 dan 24 hingga 27 September 2018. Objektif utama nasional adalah melihat kepada peningkatan calon yang menguasai tahap penguasaan minimum. Tafsiran gred adalah seperti berikut :



Pada tahun 2018, peratusan calon yang mencapai tahap penguasaan minimum **meningkat 0.1%** dengan bilangan calon 7,190 (67.3%) berbanding calon tahun 2017 seramai 7,202 (67.2%). Rumusan pencapaian calon FELDA adalah seperti berikut :

Tahap Pencapaian	2018		2017		Pencapaian %
	Bil. Calon	%	Bil. Calon	%	
Mencapai Tahap Minimum	7,190	67.3%	7,202	67.2%	0.1% (Meningkat)
Belum Mencapai Tahap Minimum Sekurang-kurangnya Satu MP	3,400	31.8%	3,394	31.7%	0.1% (Menurun)
Belum Mencapai Tahap Minimum Semua MP	86	0.8%	121	1.1%	0.3% (Meningkat)
Jumlah	10,676	100.00%	10,717	100.00%	

Pencapaian Calon FELDA UPSR 2018

Bagi peratusan Belum Mencapai Tahap Minimum Sekurang-kurang satu Mata Pelajaran (MP) dan Belum Mencapai Tahap Minimum Semua Mata Pelajaran (MP), nilai peratus yang lebih kecil menunjukkan pencapaian yang lebih baik.

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018

Keputusan peperiksaan SPM dilaporkan berdasarkan pencapaian calon dan prestasi mata pelajaran. Pencapaian calon merujuk kepada sejauh mana calon menguasai pembelajaran dalam kesemua mata pelajaran yang diuji. Nilai Gred Purata yang lebih kecil menunjukkan pencapaian yang lebih baik. GPS FELDA mencatatkan **peningkatan sebanyak 0.01 mata** pada tahun 2018 berbanding tahun 2017 selari dengan peningkatan Nasional. Perbandingan GPS FELDA tahun 2018 dan 2017 ditunjukkan seperti berikut :

2018 5.33
2017 5.34

Pencapaian Calon FELDA Cemerlang Semua A

Seramai 11 calon (0.14%) telah berjaya memperoleh semua gred A (Cemerlang) bagi semua mata pelajaran yang diduduki berbanding 12 calon (0.14%) pada tahun 2017, iaitu penurunan seorang calon ditunjukkan seperti berikut :

BIL. DUDUKI		BIL. CEMERLANG SEMUA A			
2018	2017	2018		2017	
		JUM	%	JUM	%
7,571	8,323	11	0.14	12	0.14

Pensijilan SPM 2018

Pencapaian calon FELDA 2018 yang layak mendapat sijil adalah lebih baik berbanding pada tahun 2017 dengan **peningkatan 1.97%** ditunjukkan seperti berikut :

BIL. DUDUKI		CALON YANG LAYAK MENDAPAT SIJIL (WAJIB LULUS BM & SEJARAH)				CALON YANG TIDAK LAYAK MENDAPAT SIJIL (TH SEMUA MP/ GAGAL SEMUA MP)			
2018	2017	2018		2017		2018		2017	
		JUM	%	JUM	%	JUM	%	JUM	%
7,571	8,323	6,822	90.11	7,336	88.14	749	9.89	987	11.86

▲
Meningkat 1.97% adalah baik

▼
Menurun 1.97% adalah baik


ASRAMA SEMAI BAKTI FELDA (ASBF)

Pelajar cemerlang sekolah rendah di Rancangan diberi peluang melanjutkan pelajaran ke sekolah-sekolah terbaik di bandar-bandar utama dengan memasuki tiga buah Asrama Semai Bakti FELDA (ASBF) iaitu ASBF Kuala Lumpur, ASBF Kuantan dan ASBF Johor Bahru. Ia menempatkan pelajar FELDA dalam kalangan anak-anak peneroka dan kakitangan daripada Tingkatan 1 hingga Tingkatan 5. ASBF berperanan sebagai platform penyediaan pusat pendidikan yang sistematik dan berkesan untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja cemerlang dari sudut akademik malah mempunyai sahsiah diri yang tinggi. Data pelajar ASBF 2018 adalah seperti berikut :

TINGKATAN	ASBF			JUMLAH
	KUALA LUMPUR	KUANTAN	JOHOR BAHRU	
1	53	38	36	127
2	38	18	19	75
3	19	24	8	51
4	37	57	30	124
5	29	42	38	109
JUMLAH	176	179	131	486


Pencapaian pelajar ASBF dalam peperiksaan PT3 2018 dan SPM 2018 adalah seperti berikut :

BIL	ASBF	GRED PURATA ASRAMA (GPA) 2018	GRED PURATA ASRAMA (GPA) 2017	PENCAPAIAN GPA
1	Kuala Lumpur	1.70	1.75	0.05 (Meningkat)
2	Johor Bahru	1.91	1.92	0.01 (Meningkat)
3	Kuantan	1.97	2.15	0.18 (Meningkat)



Pencapaian Peperiksaan PT3 2018

BIL	ASBF	GRED PURATA ASRAMA (GPA) 2018	GRED PURATA ASRAMA (GPA) 2017	PENCAPAIAN GPA
1	Kuala Lumpur	3.30	3.11	0.19 (Menurun)
2	Johor Bahru	3.97	3.25	0.72 (Menurun)
3	Kuantan	3.35	4.20	0.85 (Meningkat)



Pencapaian Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2018


* Nilai GPA yang lebih kecil menunjukkan pencapaian calon yang lebih baik

MAKTAB RENDAH SAINS MARA FELDA (MRSMF)


Bagi pelajar UPSR sekolah di Rancangan yang mendapat keputusan terbaik akan ditempatkan di Maktab Rendah Sains MARA FELDA (MRSMF) Trolak, Perak. Data pelajar MRSMF 2018 adalah seperti berikut :

TINGKATAN	FELDA	AWAM	JUMLAH
1	92	111	203
2	81	127	208
3	137	75	212
4	61	135	196
5	72	135	207
JUMLAH	443	583	1,026

Pencapaian pelajar MRSMF dalam PT3 dan SPM 2018 adalah seperti berikut :

TAHUN	BILANGAN CALON	BILANGAN 6A KEATAS	GRED PURATA MAKTAB (GPM)	PENCAPAIAN GPA
2018	212	181	1.47	 0.11 (Meningkat)
2017	190	124	1.58	

Pencapaian PT3 2018 Pelajar MRSMF

TAHUN	GRED PURATA MAKTAB (GPM)	PENCAPAIAN GPA
2018	2.92	 0.69 (Menurun)
2017	2.23	

Pencapaian SPM 2018 Pelajar MRSMF

* Nilai GPA yang lebih kecil menunjukkan pencapaian calon yang lebih baik

Seramai 206 calon menduduki peperiksaan SPM tahun 2018 dan 10 orang pelajar (4.85%) mendapat keputusan cemerlang semua gred A. Manakala 88 orang pelajar mendapat keputusan 5A ke atas (termasuk 10 pelajar cemerlang semua gred A).

PENDIDIKAN TINGGI

Insentif dan bantuan pinjaman pendidikan turut ditawarkan kepada generasi baharu FELDA bagi memastikan tahap pembelajaran dan pembangunan pendidikan dapat dipertingkatkan.

Dana Khas Pelajar Cemerlang Ke Luar Negara FELDA (DKPCLNF)

Dana Khas Pelajar Cemerlang ke Luar Negara FELDA mula dilaksanakan pada tahun 2006 bertujuan untuk memberi penajaan kepada generasi baharu FELDA yang cemerlang dalam peperiksaan SPM melanjutkan pengajian ke universiti luar negara.

Pembiayaan dana mengikut kursus yang ditawarkan adalah sebanyak RM400,000.00-RM1,500,000.00. Pembiayaan ini merupakan Pinjaman Boleh Ubah Tanpa Faedah Mengikut Prestasi Akademik Pelajar di mana kadar maksimum bayaran balik adalah sebanyak 20%. Dana ini membantu menyediakan tenaga kerja yang kompetitif kepada pihak FELDA dan negara. Maklumat asas dana ini adalah seperti berikut:

PERKARA	BIL. PELAJAR
Pelajar tajaan FELDA yang sedang melanjutkan pengajian ke luar negara sehingga Disember 2018	30
Pelajar yang sedang melanjutkan pengajian di peringkat persediaan A-Level (KYUEM) ambilan tahun 2018 (tamat pengajian Julai 2020)	11
Pelajar tajaan FELDA yang telah menamatkan pengajian di luar negara dari tahun 2011 sehingga 2018	81
Pelajar tajaan FELDA yang bekerja bersama FELDA (Tamat 2011-2018)	61
Pelajar tajaan FELDA yang tidak bekerja bersama FELDA (Tamat 2011-2018)	20




Bermula tahun 2019, tiada lagi penawaran baru kepada generasi baharu FELDA lepasan SPM seperti yang telah diputuskan dalam Minit Mesyuarat Ketua Jabatan FELDA Bil.10/2018

Skim Insentif Anak Peneroka (SIAP)

Skim Insentif Anak Peneroka FELDA (SIAP) mula diperkenalkan pada tahun 2004 bertujuan meringankan beban kewangan keluarga peneroka. Skim ini merupakan hadiah insentif kepada anak-anak peneroka lepasan SPM yang berjaya melanjutkan pengajian ke Universiti Awam (UA) atau Universiti Swasta (US) / Kolej di bawah panel FELDA.

Mulai tahun 2018, skim ini telah diperluas kepada cucu peneroka/pentadbir yang menetap dan beralamat di tanah Rancangan FELDA.

Bantuan diberikan sekali sahaja kepada setiap anak peneroka dan cucu peneroka/pentadbir yang berjaya memasuki UA atau US / Kolej sama ada peringkat Diploma, Ijazah Sarjana Muda dalam negara atau luar negara. Rumusan penerima adalah seperti berikut :

	 Diploma	 Ijazah Sarjana Muda (Dalam Negara)	 Ijazah Sarjana Muda (Luar Negara)	JUMLAH
BIL. PENERIMA	905	1,133	9	2,047
KADAR INSENTIF (RM)	500.00	1,000.00	1,500.00	3,000.00
JUMLAH PEMBIAYAAN	452,500.00	1,133,000.00	13,500.00	1,599,000.00

Program Sokongan Pendidikan Tinggi

1.

PROGRAM	Peperiksaan Khas Calon Dana Khas Pelajar Cemerlang FELDA ke Luar Negara 2018 (7 Jun 2018)
OBJEKTIF	Membuat pilihan calon dengan lebih tepat dengan menilai bakat pelajar dari segi kepimpinan, keyakinan terhadap diri, individu yang berpengetahuan dan berkemahiran
KUMPULAN SASAR	Sebanyak 38 permohonan yang layak untuk menghadiri peperiksaan
IMPAK	26 orang yang hadir untuk mengikuti peperiksaan dan 11 orang telah berjaya dipilih untuk menerima Dana Khas Pelajar Cemerlang FELDA ke Luar Negara 2018

2.

PROGRAM	Program Orientasi Dana Khas Pelajar Cemerlang FELDA 2018 (24 Julai 2018)
OBJEKTIF	<ul style="list-style-type: none"> Memberi pendedahan berkenaan kehidupan sebagai pelajar A-Level di Kolej Yayasan UEM (KYUEM) Memberi motivasi mengenai persiapan untuk mendapat keputusan peperiksaan yang melayakkan pelajar untuk ke luar negara.
KUMPULAN SASAR	11 orang pelajar lepasan SPM yang telah berjaya melepasi syarat yang telah ditetapkan
IMPAK	11 orang pelajar telah hadir dengan jayanya

3.

PROGRAM	Program <i>Pre Departure</i> Pelajar Dana Khas Cemerlang Ke Luar Negara FELDA (4 September 2018)
OBJEKTIF	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi taklimat awal berkenaan penajaan. • Memberi taklimat berkenaan penerbangan oleh FELDA Travel.
KUMPULAN SASAR	7 orang penerima DKPCLNFambilan tahun 2016 yang berjaya menamatkan pengajian di peringkat program persediaan (A-Level).
IMPAK	6 orang pelajar telah hadir bagi sesi <i>pre-departure</i> dan taklimat awal pengajian.

4.

PROGRAM	Audit Pendidikan Tinggi 2018 (Januari - September 2018)
OBJEKTIF	<ul style="list-style-type: none"> • Memantau dan memastikan pelaksanaan pengurusan rekod berkaitan pinjaman pendidikan di peringkat Rancangan • Mengenal pasti isu yang dihadapi dan penambahbaikan yang boleh dibuat
KUMPULAN SASAR	Petugas di Rancangan yang menguruskan berkaitan pinjaman pendidikan tinggi
IMPAK	Tahun 2018 sebanyak 28 buah Rancangan berjaya diaudit dan dapat menyelesaikan isu penyelarasan akaun pembiayaan pelajar terutama Skim Pinjaman Pelajaran Tinggi FELDA (SPPTF) yang melibatkan potongan <i>paysheet</i> bulanan peneroka.

5.

PROGRAM	FELDA <i>Youth Camp</i> 2017/2018 (Disember 2017 - Mac 2018)
OBJEKTIF	<ul style="list-style-type: none"> • Memberi pendedahan dan pengetahuan tentang peluang-peluang melanjutkan pengajian di UA dan US di bawah panel FELDA serta bantuan-bantuan yang disediakan oleh FELDA untuk generasi baharu FELDA lepasan SPM khususnya • Memupuk sikap dan jati diri peserta untuk terus seiringan dengan aspirasi FELDA dan hasrat kerajaan serta menerapkan semangat cinta kepada FELDA dan negara.
KUMPULAN SASAR	Lima (5) Siri diadakan (160 orang peserta setiap siri - pelajar lepasan SPM/STPM 2017)
IMPAK	Berjaya diadakan dengan jayanya sebanyak lima (5) siri meliputi semua Wilayah FELDA dengan penyertaan peserta seramai 699 orang keseluruhan

6.

PROGRAM	Perbincangan Kolaborasi Strategik Bersama pihak MARA (25 Oktober 2018)
OBJEKTIF	<ul style="list-style-type: none"> • Perbincangan berkaitan kerjasama dengan pihak MARA (Cawangan Perhubungan Luar dan Antarabangsa Bahagian Kemahiran dan Teknikal) untuk pengambilan pelajar dalam kalangan generasi baharu FELDA mengikuti kursus TVET di Institut Kemahiran MARA (IKM) di seluruh Malaysia ambilan tahun 2019 • Agenda : <ol style="list-style-type: none"> 1) Jenis-jenis kursus yang ditawarkan 2) Bentuk bantuan pendidikan yang disediakan 3) Aktiviti pemasaran untuk hebahan program
KUMPULAN SASAR	Cadangan bilangan pelajar yang akan mengikuti Latihan TVET di IKM seramai 120 orang kemasukan tahun 2019
IMPAK	Kemasukan pelajar dijangka pada bulan Julai 2019

7.

PROGRAM	Program <i>Buddy Buddy</i> bersama pelajar A-Level KYUEM kemasukan tahun 2017 (27 Oktober 2018)
OBJEKTIF	<ul style="list-style-type: none"> • Mengeratkan perhubungan di antara pelajar dan pengurusan Jabatan Pendidikan FELDA • Melantik setiap pegawai Jabatan dan Pengurus Asrama Kuala Lumpur dan Kuantan sebagai mentor kepada setiap pelajar
KUMPULAN SASAR	11 orang pelajar program persediaan A-Level Dana Khas Pelajar Cemerlang Ke Luar Negara FELDA kemasukan tahun 2017
IMPAK	Seramai 11 orang pelajar telah hadir dengan jayanya dan dibahagikan kepada mentor masing-masing untuk dipantau prestasi akademik sehingga tamat pengajian kelak.

KUTIPAN PINJAMAN PENDIDIKAN FELDA

Seramai 20,254 orang peminjam telah dilaporkan menerima pembiayaan Skim Latihan Kemahiran FELDA (SLKF) dari tahun 2009 sehingga tahun 2018.

Walau bagaimanapun, peminjam berhak memperolehi pengurangan/penolakan bayaran balik pinjaman daripada jumlah pembiayaan keseluruhan melalui diskaun/geran yang ditetapkan mengikut tahap pencapaian mereka. Rumusan keseluruhan kutipan sehingga Disember 2018 adalah seperti berikut :

PERKARA	2017 JAN - DIS	2018 JAN - DIS
Bilangan peminjam telah dikenal pasti	2,534	1,564
Bilangan data peminjam telah dikemaskini di dalam Sistem SLIS	3,618	1,137
Bilangan pengeluaran surat makluman bayaran balik pinjaman	1,264	823
Bilangan pengeluaran surat jadual bayaran balik pinjaman	897	1,286
Bilangan peminjam membuat bayaran balik pinjaman	419	618
Jumlah kutipan bayaran balik pinjaman	RM361,237.00	RM619,111.00

Jumlah kutipan bagi tahun 2018 **meningkat sebanyak RM257,874.00 iaitu sebanyak 71.39%** berbanding tahun 2017. Manakala bilangan peminjam membuat bayaran balik pinjaman bagi tahun 2018 meningkat seramai 199 peminjam.

PROGRAM SOKONGAN BAGI MENINGKATKAN JUMLAH KUTIPAN PINJAMAN PENDIDIKAN FELDA

Jelajah Data Peminjam SLKF serta Bengkel Kemaskini Data Maklumat Keluarga Peneroka

OBJEKTIF	Bertujuan untuk memberi pendedahan dan penerangan mengenai <i>Standard Operating Procedures</i> (SOP) kutipan pinjaman pendidikan, garis panduan dan kaedah yang diguna pakai dalam proses kutipan pinjaman pendidikan dan penerangan penggunaan Sistem <i>Settler Loan Information System</i> (SLIS) serta kemas kini data maklumat keluarga peneroka bagi memudahkan proses mewujudkan maklumat peminjam ke dalam SLIS. Dilaksanakan di empat (4) Wilayah iaitu : <ul style="list-style-type: none"> • Mempaga • Terengganu • Trolak • Alor Setar
KUMPULAN SASAR	SDA (W), kerani kewangan di Rancangan serta Penyelaras Pendidikan Wilayah.
IMPAK	Rekod kutipan pinjaman pendidikan dapat diperkemas dengan penambahan maklumat peminjam setelah dibantu oleh pihak Wilayah serta Rancangan.

Pembangunan Komuniti

Projek Sentuhan Kasih

Projek Sentuhan Kasih FELDA (SKF) merupakan projek perumahan dan pertanian melibatkan generasi kedua FELDA dengan tujuan membolehkan generasi kedua FELDA yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah sendiri dan memperoleh pendapatan tambahan. SKF didirikan di tanah seluas 50 ekar yang mengandungi perumahan peserta, infrastruktur seperti dewan dan pusat pembelajaran serta ladang pertanian moden berkeluasan tujuh (7) ekar. Antara aktiviti pertanian yang dijalankan adalah penanaman *melon*, ternakan ikan dan dusun buah-buahan.

Objektif pembinaan SKF ini adalah :-

- Memberi pekerjaan dan jaminan pendapatan tetap serta pembangunan usahawan melalui aktiviti pertanian dan industri asas tani;
- Sebagai pemangkin kepada hasrat FELDA untuk menjadi Gedung Makanan Negara;
- Menyediakan rumah-rumah yang selesa dan kontemporari untuk generasi baharu FELDA;
- Membentuk satu komuniti yang harmoni dan berinovasi dengan kemudahan asas yang moden dan sempurna ;
- Memperkasa generasi baharu FELDA dalam cabaran dunia global menerusi projek perumahan pintar.

Projek Sentuhan Kasih Tenggaroh 3

- 86 buah keluarga
- Aktiviti :
 - Tanaman *Melon Apollo*
 - Ternakan Ikan Tilapia
 - Tanaman Cili
 - Tanaman Nangka
 - Tanaman Limau Kasturi
 - Tanaman Sayur-sayuran Kampung
 - Ternakan Kambing

Projek Sentuhan Kasih Chini Timur 2


- 97 buah keluarga
- Aktiviti :
 - Tanaman Melon Apollo
 - Ternakan Ikan Keli
 - Tanaman Cili
 - Tanaman Limau Kasturi

Dua (2) tapak projek yang masih dalam pembinaan adalah di Felda Palong dan Laka Selatan yang akan dibangunkan dengan konsep baharu.


JENIS PENDAPATAN	PENDAPATAN (RM)		JUMLAH (RM)
	TENGGAROH 3	CHINI TIMUR 2	
AKTIVITI PERTANIAN	32,988.77	40,351.16	73,339.93
SEWAAN	10,184	-	10,184
EKSPLO/ KARNIVAL	4,819	4,877	9,696
JUMLAH	47,991.77	45,228.16	93,219.93

PELAKSANAAN PROGRAM 2018

Jualan Sempena Bilut 2.0

 2- 4 Februari 2018


 FELDA Lurah Bilut, Pahang

 Koperasi SKF Tenggaroh 3 telah menyertai jualan bersempena Program Felda Bilut 2.0. Produk *Apollo Melon* telah berjaya dijual sebanyak 250 kg sepanjang karnival berlangsung.

Hari Koperasi Negara

 17 Mac 2018


 Johor Bahru, Johor

 Hari Koperasi Negara Peringkat Negeri Johor disertai oleh pelbagai koperasi berdaftar di negeri Johor termasuk Koperasi Peserta Projek Sentuhan Kasih Tenggaroh 3. Hari Koperasi ini diadakan bagi memperluas jaringan perniagaan koperasi dan memberi pendedahan berkaitan manfaat yang dapat diperolehi oleh koperasi-koperasi yang berdaftar.

Karnival SEED 2018

 24 Mac 2018

 Mega Mall, Kuantan

 Koperasi Peserta Projek Sentuhan Kasih telah menyertai Karnival SEED 2018 anjuran Jabatan Usahawan FELDA. Antara produk yang dipasarkan adalah *Melon Apollo* dan produk sampingan seperti *melon shake* dan *jus melon*.

Program Komuniti Bersama AADK Mersing di SKF Tenggaroh 3

10 April 2018

Dewan Projek Sentuhan Kasih Tenggaroh 3

Program ini diadakan dengan kerjasama AADK Mersing bagi tujuan memberi kesedaran tentang bahaya najis dadah kepada para peserta. Ujian saringan air kencing ke atas peserta turut dijalankan sebagai salah satu langkah pencegahan pengambilan najis dadah.

Kursus Ternakan Udang Galah

30 Jun 2018

MH Aqua Hatchery, Tangkak

Seramai empat (4) orang peserta dari SKF Tenggaroh 3 dan empat (4) orang peserta dari SKF Chini Timur 2 serta dua (2) orang petugas ibu pejabat telah menghadiri kursus ternakan udang galah bertangki anjuran MH Aqua Hatchery.

Kursus Penternakan Kelulut dan Produk Hiliran

18 - 20 September 2018

Kemaman, Terengganu

Seramai 15 orang peserta dan kakitangan Projek Sentuhan Kasih Tenggaroh 3 dan Chini Timur 2 telah menjalani kursus penternakan kelulut dan pemprosesan produk hiliran yang boleh dikeluarkan daripada madu kelulut. Kursus yang dianjurkan oleh Syarikat Natures N Trigona Garden Sdn. Bhd. bertujuan untuk mendapatkan maklumat berkaitan penternakan ini terutama dari segi kos dan kesesuaian ternakan ini untuk diaplikasikan di ladang pertanian Projek Sentuhan Kasih.

Program Halal Festival ASEAN Food 2018

26 - 30 September 2018

The Mines, Serdang

USKF telah menyertai Program Halal Festival ASEAN Food 2018 anjuran Giant Malaysia. Program ini turut disertai oleh pengusaha dan pengeluar makanan dan minuman yang berprofil tinggi. Sambutan dan jaringan kenalan yang diperolehi melalui program ini adalah memberangsangkan.

Program Selangor International Expo 2018

6 - 9 September 2018

MITEC, Kuala Lumpur

USKF bersama Peserta Koperasi SKF Tenggaroh 3 dan Chini Timur 2 telah menyertai Program Selangor International Expo 2018. Program ini dianjurkan oleh Invest Selangor Berhad. Antara produk yang dipamerkan oleh USKF adalah *melon*, nangka dan produk-produk hiliran Koperasi Peserta.

MAHA 2018

22 November - 2 Disember 2018

MAEPS, Serdang

Penyertaan koperasi projek SKF Tenggaroh 3 dan Chini Timur 2 dalam Karnival MAHA 2018.

Program Kelas Agama Komuniti

Secara mingguan


Pusat Pembelajaran Komuniti SKF

Program kelas agama dilaksanakan di kedua-dua buah projek secara mingguan melibatkan semua peserta projek bagi tujuan memberi pengetahuan agama dan kerohanian di samping merapatkan silaturrahim sesama peserta. Antara program yang dijalankan adalah ceramah, kelas mengaji dan kelas fardhu ain.




Pengurusan Prestasi Kewangan

PERBANDINGAN PENDAPATAN FELDA 2018 VS 2017



Secara keseluruhan, Akaun FELDA bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 menunjukkan perolehan pendapatan berjumlah RM1,540.58 juta, yang mana sebanyak RM567.12 juta (36.81%) disumbang oleh pendapatan faedah dan dividen, RM497.91 juta (32.32%) adalah daripada keuntungan atas jualan sekuriti, RM248.91 juta (16.16%) daripada keuntungan atas penilaian pajakan ladang, RM109.71 juta (7.12%) disumbangkan oleh pendapatan dari lot FELDA dan RM116.93 juta (7.53%) daripada pendapatan sumber dalaman FELDA. Oleh itu, jumlah pendapatan FELDA bagi tahun 2018, telah menurun sebanyak 22.20% atau RM439.71 juta berbanding tahun 2017 (2017: RM1,980.29 juta).

PERBANDINGAN PERBELANJAAN FELDA 2018 VS 2017



Perbelanjaan keseluruhan 2018 menurun sebanyak 40.52% atau RM3,279.46 juta kepada RM4,813.19 juta (2017: RM8,092.65 juta). Penurunan terbesar adalah disebabkan oleh penjejasan terhadap instrumen kewangan.

PELABURAN

Portfolio Pelaburan FELDA terdiri daripada pelaburan jangka masa panjang dan jangka pendek seperti Saham Siar Harga, Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari, Bersekutu, Usahasama FELDA dan Pelaburan dalam Amanah Raya. Sehingga 31 Disember 2018, jumlah pelaburan FELDA telah berkurang sebanyak 33.31% menjadikan jumlah portfolio pelaburan FELDA adalah sebanyak RM3,946.55 juta (2017: RM5,918.01 juta). Penurunan ini adalah selaras dengan pematuhan kepada MFRS. Kedudukan portfolio pelaburan FELDA pada 31 Disember 2018 berbanding 31 Disember 2017 adalah seperti jadual di bawah:

Kedudukan Portfolio Pelaburan FELDA

Pelaburan	2018 (RM)	2017 (RM)	Tambahan / (Kurangan)	
			(RM)	%
Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari, Bersekutu, dan Usahasama FELDA	662,182,044	1,446,766,339	(784,584,295)	(54.23)
Pelaburan Lain	3,278,579,349	4,465,695,173	(1,187,115,824)	(26.58)
Amanah Raya Berhad	5,786,374	5,553,339	233,035	4.20
JUMLAH	3,946,547,767	5,918,014,851	(1,971,467,084)	(33.31)

Pendapatan dividen dan faedah atas pelaburan pada tahun 2018 adalah sebanyak RM180.80 juta menurun sebanyak RM62.73 juta atau 25.76%. Penurunan pendapatan ini adalah kesan dari pengurangan unit saham melalui penjualan saham bagi menanggung kos operasi FELDA. Pendapatan dividen dan faedah bagi tahun 2018 adalah seperti jadual di bawah:

Dividen / Faedah	2018 (RM)	2017 (RM)	Tambahan / (Kurangan)	
			(RM)	%
Saham Disebut Harga	131,877,681	185,323,453	(53,445,772)	(28.84)
Saham Tidak Disebut Harga	40,760,649	47,027,616	(6,266,967)	(13.33)
Deposit Tetap dan Lain-Lain Deposit	8,161,789	11,178,977	(3,017,188)	(26.99)
JUMLAH	180,800,119	243,530,046	(62,729,927)	(25.76)

Pengurusan Tanah & Perumahan

PENGURUSAN TANAH

Tanah merupakan aset terpenting dalam pembangunan ekonomi negara secara amnya, dan ekonomi FELDA secara khususnya. Oleh sebab itu, pengurusan yang sistematik, cekap dan sesuai dengan peredaran zaman amat diperlukan supaya dapat memaksimumkan nilai dan pulangan daripada pemilikannya. Untuk tujuan itu, Jabatan Pengurusan Tanah, yang dahulunya dikenali sebagai Jabatan Tanah telah diamanahkan untuk menguruskan serta mentadbir aset penting FELDA dan peneroka. Perancangan strategik dalam pengurusan dan pentadbiran tanah khususnya tanah milik peneroka dan FELDA perlu dirangka dengan teliti dan dilaksanakan sebaik mungkin bagi memastikan kesinambungan pemiliknya untuk generasi yang akan datang serta memberi pulangan yang maksimum kepada peneroka dan juga FELDA.

PENCAPAIAN

Pendaftaran Hak Milik Peneroka

Bil. Rancangan	317
Bil. Peneroka	112,638
Sepanjang 2018	3,866
Keseluruhan sehingga 2018	99,134
Baki	13,504

Seramai 3,866 peneroka telah berjaya mendapat hak milik sepanjang tahun 2018 menjadikan keseluruhan sehingga 2018 berjumlah 99,134 peneroka. Berikut adalah pecahan peneroka yang mendapat hak milik mengikut tahun sejak tahun 2014 sehingga 2018:

'14	88,997	
'15	89,724	
'16	92,595	
'17	96,756	
'18	99,134	





Penggantian Nama Peneroka Dalam Sistem SKB

Secara keseluruhan, sebanyak 73.66% atau 3,353 permohonan penggantian nama dalam Sistem SKB berjaya diselesaikan daripada sasaran tahunan iaitu sebanyak 4,552 permohonan.

Permohonan Rumah Muafakat FELDA

Rumah Muafakat FELDA merupakan salah satu insentif yang diumumkan pada Sambutan Hari Peneroka Peringkat Kebangsaan Tahun 2017. Insentif ini merupakan sokongan FELDA ke atas permohonan mendirikan rumah kedua dalam tapak rumah peneroka sedia ada. Walau bagaimanapun, kelulusan akhir untuk permohonan tukar syarat nyata tanah adalah tertakluk kepada Pihak Berkuasa Negeri.

Sepanjang 2018, sebanyak 468 (86.99%) permohonan telah diproses. Baki 70 (13.01%) permohonan yang ditangguhkan adalah melibatkan isu tiada persetujuan semua waris dan borang permohonan yang tidak lengkap. 437 permohonan pula tidak disokong kerana terdapat dua (2) permohonan dalam tapak rumah yang sama.

			
Permohonan Diterima	Permohonan Disokong	Permohonan Tidak Disokong	Permohonan Ditangguhkan
<u>538</u>	<u>31</u>	<u>437</u>	<u>70</u>

Kutipan Sewa Menara Pencawang

Aktiviti kutipan sewa tapak Menara pencawang telekomunikasi mensasarkan sebanyak RM 1.815 juta bagi tahun 2018. Kutipan yang diperolehi adalah melebihi sasaran iaitu sebanyak RM1,836,869.97 setahun.

PENGURUSAN PERUMAHAN

PROGRAM PEMBANGUNAN PERUMAHAN GENERASI BAHARU FELDA (PGBF)

Merupakan projek sosial FELDA bagi memenuhi permintaan dan membantu generasi baharu FELDA yang layak memiliki hartanah yang selesa dan sempurna. Dengan pelaksanaan program ini, masalah penggunaan tanah kosong di tanah Rancangan FELDA dapat diselesaikan

secara sistematik dan memberi manfaat kepada semua pihak. FELDA berharap pembangunan dan pelaksanaan pembangunan perumahan yang lengkap dengan infrastruktur ini setanding dengan projek yang dikendalikan oleh pemaju swasta lain dan dapat memberikan keyakinan kepada bakal pembeli.

Perumahan FELDA Sdn. Bhd. (PFSB) diberikan tanggungjawab untuk menguruskan pembangunan PGBF bermula dari peringkat perancangan, pembinaan, pemilihan bakal pembeli, pemasaran dan jualan. PFSB bekerjasama dengan FELDA Engineering Services Sdn. Bhd. dalam pelaksanaan program pembangunan PGBF. Produk PGBF ialah rumah teres setingkat dengan menggunakan kaedah

binaan sistem IBS (*Industrialised Building System*) atau lebih dikenali dengan sistem binaan berindustri.

PENCAPAIAN PGBF

Projek PGBF ini telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2013 dengan sasaran 20,000 unit dalam tempoh lima (5) tahun. Dinyatakan dalam bajet tersebut, sebanyak RM1.5 bilion adalah perbelanjaan pembangunan, namun sehingga 2017 FELDA hanya menerima RM200 juta daripada bajet tersebut. Oleh yang demikian, hanya 38 tapak dengan 8,314 rumah sahaja yang dapat diteruskan. Rujukan prestasi keseluruhan 38 tapak seperti jadual di bawah:

Peratus Kerja Siap 8,314 unit											
CCC			70 - 99%			49 - 69%			Terbengkalai		
Tapak PGBF	Unit	H/o	Tapak PGBF	Unit	%	Tapak PGBF	Unit	%	Tapak PGBF	Unit	%
Padang Piol	26	25	Sg. Sibol	360	99	Bkt Aping Timur	200	64	Jengka 11	180	59
Sg. Tiang	80	80	Inas Utara	200	99	Pasoh 2/3	220	61	Kota Gelanggi 2	144	56
Selancar	480	120	Sg. Koyan A& 2B	216	98	Kerteh 5	300	59	Bukit Tajau	100	50
Selendang 2	360	64	Laka Selatan	300	97	Palong 16	210	55	Pasak	200	47
Keratong 4	264	264	Lasah	100	93	Keratong 7	400	51	Palong 12	150	46
Sg. Koyan 1B	24	22	G. Besout	102	88	Kg Awah	56	45	Jengka 1	110	32
Pasoh 1	144	107	Sg. Tekam	100	86	Sg. Retang	400	18	Jengka 6	100	22
Pasir Besar	120	111	Palong 8	300	85				Bukit Sagu 1	300	22
			Papan Timur	539	77				Chini 3	100	20
			Maokil 1&2	540	84				Jengka 12	50	14
			Bkt. Jalor	239	78				Chiku 5	300	1
			Bkt Rokan Utara	300	76						
JUMLAH SIAP	1,498		JUMLAH	3,296		JUMLAH	1,786		JUMLAH	1,734	

Status pembinaan rumah adalah seperti berikut :

- Lapan (8) tapak yang mempunyai 1,498 unit rumah telah disiapkan dan diduduki oleh 792 peserta. Manakala baki 706 lagi, akan diserahkan selepas proses pemilihan diselesaikan.
- 19 tapak yang mempunyai 5,082 unit rumah masih berjalan dengan kemajuan kerja pembinaan yang perlahan.
- 11 tapak yang mempunyai 1,734 unit rumah terbengkalai dan diberhentikan.

Manakala bagi tujuan permohonan hak milik, permohonan sebanyak 6,708 unit rumah telah dikemukakan kepada Pejabat Berkuasa Negeri. Daripada jumlah permohonan tersebut, 1,320 unit rumah telah mendapat kelulusan hak milik dengan pembatalan GSA.

CUKAI

Keseluruhan cukai yang telah dibayar kepada Kerajaan Negeri pada tahun 2018 adalah sebanyak RM29,890,680.19.

Pengurusan Pentadbiran


Bagi semua aktiviti pembangunan ekonomi dan komuniti, FELDA berusaha untuk memastikan setiap pengurusan dilaksanakan berdasarkan amalan Tadbir Urus Baik dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan iaitu akauntabiliti awam, diuruskan secara telus, merealisasikan nilai faedah yang terbaik, saingan terbuka dan adil saksama.

AKTIVITI SEPANJANG 2018

Tender




Pecahan kontrak mengikut jenis kerja



Rumusan Keperluan Baja 2018

Baja yang diluluskan bagi tempoh Januari hingga Disember 2018 adalah berjumlah 363,051.50 tan metrik dengan pecahan :



Rumusan Kerja Kejuruteraan 2018

Bil	Projek	Bilangan yang menerima kontrak	Nilai Kontrak (RM)
1	Dewan Semai Bakti	1	904,943.76
2	Masjid, Kawasan Perniagaan dll	19	6,524,503.72
3	Projek Bilut	5	6,142,377.50
4	Rumah Kakitangan	10	26,462,412.35
Jumlah		35	40,034,237.33

Rumusan Pengurusan Bangunan 2018

55
Bilangan aset FELDA seluruh negara yang diselia oleh jabatan

90%
Purata kadar penghunian

31,976,589.80
Jumlah Sewa Tahunan (RM)

Pengurusan Sumber Manusia

PERKHIDMATAN

Sepanjang tahun 2018 pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh Jabatan Sumber Manusia bagi merealisasikan visi dan misi organisasi seperti yang telah ditetapkan. Tiga (3) bahagian utama iaitu: Bahagian Pembangunan Organisasi, Bahagian Pembangunan Modal Insan dan Bahagian Pengurusan & Kewangan diberi peranan dan fokus bagi melaksanakan aktiviti-aktiviti penting jabatan.

Pada tahun 2018, seramai 3,867 orang petugas telah ditempatkan di pelbagai peringkat pengurusan bagi memastikan kelestarian pengurusan organisasi ini. Berikut adalah pecahan petugas mengikut projek bagi tahun 2018

Bil	Projek	Jumlah Petugas	
		2017	2018
1.	Ibu Pejabat	608	729
2.	Wilayah	463	424
3.	Rancangan	2,100	2,610
4.	Petugas Kontrak	536	101
5.	Kursus / Belajar	4	0
6.	Petugas dipinjamkan ke syarikat	4	3
JUMLAH		3,715	3,867

Sebanyak tiga (3) pengambilan baru telah dibuat pada tahun 2018 untuk mengisi pelbagai jawatan melibatkan 393 orang.

Pada tahun 2018, seramai 196 orang petugas telah menamatkan perkhidmatan. Bagi menghargai jasa dan pengorbanan mereka sepanjang tempoh perkhidmatan, Majlis Meraikan Pesara telah diadakan pada 16 November 2018 bertempat di Hotel Tenera, Bangi. Seramai 208 pesara terdiri daripada pesara paksa, pilihan, terbitan dan dari syarikat FTPSB. Selain itu seramai 317 orang pesara wajib telah dihantar untuk mengerjakan umrah.

KOMPETENSI PETUGAS

Dalam usaha untuk melahirkan petugas yang berilmu, berkemahiran dan berketrampilan, sebanyak 268 kursus telah dianjurkan melibatkan penyertaan seramai 2,667 orang petugas pada semua peringkat pengurusan dengan purata kehadiran lima (5) hari bagi setiap petugas.

Petugas turut diberikan peluang untuk mengikuti pelbagai program pengajian dengan pensijilan profesional. Dalam konteks ini, seramai empat (4) orang petugas telah melanjutkan pengajian di peringkat sarjana.

ANUGERAH

Di peringkat pengurusan, seramai lapan (8) orang petugas telah menerima Anugerah Petugas Bulanan Terbaik atas perkhidmatan dan komitmen yang cemerlang terhadap organisasi.

PEMBANGUNAN SISTEM BARU

Dalam memastikan kelancaran dalam sistem kerja, dua (2) sistem telah dibangunkan secara dalaman FELDA iaitu *Human Resource Employee (HRE)* dan *FELDA Recruitment Management System (FRMS)*.

Human Resource Employee (HRE)

FASA 1 Modul

- Profil 4 Disember 2017
- Cuti 1 Jun 2018
- Penyata

↓

FASA 2 Modul

- Perjalanan 7 Mac 2018
- Tuntutan 1 Oktober 2018

↓

FASA 3 Modul

- Kenyataan Cuti Tahunan
- Gantian Cuti Rehat
- Kemas Kini Tanggungan
- Kemas Kini Pendidikan
- Kerja Lebih Masa
- Maklumat Pemangku Gred
- Kemas Kini Nama Projek
- Maklumat Pengumuman 29 Oktober 2018
- Soalan Lazim 11 Februari 2019

↓

FASA 4 Modul

- Perubatan 7 Januari 2018
- Perubatan 9 Mac 2019

FELDA Recruitment Management System (FRMS)

Kandungan Sistem

- Iklan *Online*
 - Tapisan Calon
 - Panggilan Temuduga
 - Pemarkahan Panel Temuduga
 - Pemilihan
 - Surat Tawaran
- 16 April 2018
15 Ogos 2018

Timeline
pembangunan
sistem

Go Live

* Kick-Off Go-Live

Sokongan

Pengurusan Risiko

Unit Pengurusan Risiko (UPRi) merupakan sebuah unit yang memfokus kepada meningkatkan kualiti dan tahap perkhidmatan FELDA bagi mencapai misi dan visi korporatnya. Objektif UPRi adalah “Mencapai Sistem Kualiti dan Pengurusan Risiko Yang Cemerlang serta Memastikan Petugas Menumpukan Pengeluaran Yang Bernilai”. Bagi mencapai objektif berkenaan, UPRi dibahagikan kepada beberapa bahagian iaitu Pengurusan Risiko, Keselamatan, Kawalan Kualiti dan Pembangunan & Penyelidikan (R&D).

FUNGSI, PERANAN DAN PENCAPAIAN

Pengurusan Risiko

Fungsi dan peranan

Merangka, melaksana dan memantau Pengurusan Risiko di FELDA secara holistik dan strategik serta membudayakan pengurusan risiko di dalam organisasi.

Pencapaian

- i. Penyediaan Profil Risiko Korporat FELDA 2018.
- ii. Melaksanakan sebanyak 18 Pengurusan Risiko Korporat (ERM) pada tahun 2018.
- iii. Proses Penilaian Risiko oleh Unit Pengurusan Risiko semasa penyediaan kertas cadangan sebelum dihantar kepada Pengurusan / Lembaga.

Keselamatan

Fungsi dan peranan

- a. Keselamatan Perlindungan
 - Memastikan pelaksanaan Keselamatan Perlindungan dan pematuhan kriteria keselamatan mengikut Arahan Keselamatan Kerajaan dan Akta Rahsia Rasmi 1972 bagi melindungi kepentingan dan kerahsiaan FELDA.
- b. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 - Memastikan pelaksanaan serta pematuhan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994).

Pencapaian

- i. Melaksanakan kempen kesedaran melalui taklimat di peringkat Wilayah.
- ii. Menjalankan audit keselamatan di peringkat Ibu Pejabat dan Wilayah bagi memastikan pematuhan kepada Arahan Keselamatan Kerajaan dan Akta Rahsia Rasmi 1972 serta Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994.
- iii. Menyediakan latihan dan kursus kepada

petugas Ibu Pejabat dan Wilayah FELDA untuk bahagian Keselamatan dengan kerjasama Badan Profesional Luar.

Kawalan Kualiti

Fungsi dan peranan

- a. KPI & KRA
 - Merangka dan melaksanakan KPI & KRA yang berkesan bagi memastikan pencapaian matlamat organisasi.
 - Menyediakan laporan eksekutif berkaitan Pengukuran Prestasi.
- b. ISO
 - Melaksanakan Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 bagi pengukuhan dan pemantauan pembangunan SOP dan kawalan dalaman di semua peringkat serta mengekalkan Pensijilan ISO sekali bagi setiap tiga (3) tahun.
- c. KIK
 - Membudayakan sikap inovatif & kreatif kepada semua petugas FELDA serta melaksanakan projek KIK Jabatan, Unit dan Wilayah.
- d. 5S / EKSA
 - Menyediakan persekitaran, budaya kerja serta nilai profesional melalui pelaksanaan EKSA.
- e. Lean Management
 - Melaksanakan dan mengaplikasikan Pengurusan Lean di dalam proses kerja di jabatan/unit dan Wilayah.

Pencapaian

- i. Peralihan Pensijilan MS ISO 9001:2008 ke Pensijilan MS ISO 9001:2015 bagi Skop Perkebunan dan Pembangunan Komuniti.
- ii. Menyenaraikan dan menyusun pekeliling / garis panduan yang diguna pakai atau tidak diguna pakai oleh FELDA.
- iii. Pertandingan KIK (Kumpulan Inovatif & Kreatif) FELDA 2018 di Asrama Sri Semai Bakti, Kuantan.

Pembangunan & Penyelidikan (R&D)

Fungsi dan peranan

Melaksanakan kajian dan ujian produk, mekanisasi atau prosedur cadangan bagi peningkatan produktiviti dan kualiti hasil perladangan.

Pencapaian

Menjalankan sebanyak 11 Projek Penyelidikan dan teknologi baharu pada tahun 2018.

AKTIVITI UTAMA

Sepanjang tahun 2018, berikut adalah aktiviti utama yang telah dijalankan oleh Unit Pengurusan Risiko.

Bengkel *Risk Based Thinking / Risk Management*

Tarikh	12 - 14 Februari 2018
Tempat	Institut Semarak FELDA, Bangi

Program Pemantapan KPI FELDA

Tarikh	23 - 24 Februari 2018
Tempat	Hotel Royale Chulan
Peserta	Jabatan / Unit / Wilayah

Bengkel Gap *Analysis* ISO 9001:2015 vs ISO 9001:2008

Tarikh	13 - 16 Mac 2018
Tempat	Institut Semarak FELDA, Bangi

Bengkel Pemantapan Pegawai Risiko 2018

Tarikh	20 - 23 Mac 2018
Tempat	Hotel Seri Costa, Melaka
Peserta	Pegawai Risiko Jabatan / Wilayah

Sesi *Documentation Pre Audit* MS ISO 9001:2015

Tarikh	21 - 22 Mei 2018
Tempat	Menara FELDA

Bengkel Penyediaan Daftar Risiko 2019

Tarikh	23 - 25 Oktober 2018
Tempat	Institut Semarak FELDA
Peserta	Pegawai Risiko Jabatan / Wilayah

Taklimat PKP Asrama Semai Bakti Kuala Lumpur

Tarikh	26 September 2018
Tempat	Asrama Semai Bakti Kuala Lumpur
Peserta	Petugas Asrama FELDA

Taklimat Keselamatan di peringkat Wilayah Audit Keselamatan serta Latihan *Fire Drill* di Ibu Pejabat dan Wilayah

Tarikh & Tempat	14 - 15 Februari 2018 Pejabat Wilayah Raja Alias
	7 - 8 Mac 2018 Pejabat Wilayah Trolak
	20 - 21 Mac 2018 Pejabat Wilayah Mempaga
	30 Mei 2018 Pejabat Wilayah Kuantan
	16 Oktober 2018 Pejabat Wilayah Segamat
	17 Oktober 2018 Pejabat Wilayah Johor Bahru
	30 Oktober 2018 Pejabat Wilayah Gua Musang
	31 Oktober 2018 Pejabat Wilayah Terengganu
	28 November 2018 Pejabat Wilayah Alor Setar

Lawatan ke Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia

Tarikh	2 November 2018
Tempat	Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Putrajaya.

Projek Kajian Keberkesanan Penggunaan *Controlled Release Fertilizer Plam Mate*

Tarikh	8 November 2018
Tempat	Felda Jengka 25

Sambutan Hari Keselamatan FELDA 2018

Tarikh	12 - 13 Disember 2018
Tempat	Menara FELDA
Peserta	Penghuni Menara FELDA

Evacuation Drill Menara FELDA

Tarikh	12 - 13 Disember 2018
Tempat	Menara FELDA
Peserta	Pasukan Tindakan Kecemasan

Sokongan Undang-undang

Unit Undang-Undang ditubuhkan bertujuan memberi khidmat nasihat perundangan kepada pihak Pengurusan FELDA, jabatan-jabatan dan unit-unit, Pejabat Wilayah serta Pejabat Rancangan dari aspek perkhidmatan sokongan (“*support service*”) yang melibatkan sistem Perundangan dan Perlembagaan Malaysia.

FUNGSI DAN PERANAN:

- a. Memberi khidmat nasihat, pendapat dan pandangan undang-undang yang meliputi segala aspek perundangan;
- b. Mengurus, mengawal selia dan memantau kesemua kes-kes melibatkan FELDA yang telah difailkan di mahkamah untuk memastikan peguam yang dilantik melakukan yang terbaik untuk melindungi dan mengetengahkan hak-hak dan kepentingan FELDA;
- c. Mengurus dan mengawal selia hal-hal ehwal korporat melibatkan FELDA yang memberi impak perundangan seperti perjanjian, usaha sama, penubuhan syarikat dan lain-lain untuk memastikan FELDA sentiasa mematuhi segala undang-undang dan peraturan yang terpakai di Malaysia;
- d. Membuat semakan dan penyelidikan undang-undang berkenaan sebarang isu sepertimana yang diperlukan oleh pengurusan FELDA;
- e. Mengurus dan mengawal selia hal ehwal tadbiran yang melibatkan impak perundangan seperti membantu dari segi tata tertib petugas, membuat laporan polis bagi pihak FELDA;
- f. Membantu menyelesaikan masalah perundangan petugas dan peneroka dan sebagainya;
- g. Bekerjasama dengan setiausaha syarikat dan/atau peguam bagi perkara-perkara yang telah dinyatakan tersebut; dan
- h. Memberi penerangan serta taklimat kepada para peneroka dan juga petugas mengenai perjanjian-perjanjian yang bakal dimasuki oleh mereka, undang-undang yang terlibat, serta status kes-kes yang telah dimenangi oleh FELDA (sekiranya perlu).



Sokongan

Audit Dalam

Unit Audit Dalam FELDA (UADF) merupakan satu fungsi bebas yang memberi kepastian secara objektif untuk menambah nilai dan meningkatkan tahap operasi dalam Pengurusan FELDA. Unit ini melapor terus kepada Jawatankuasa Audit Lembaga yang menyediakan penilaian bebas ke atas kewibawaan kawalan dalaman FELDA serta mengetengahkan sebarang risiko yang boleh berlaku serta syor penambahbaikan yang perlu dilaksanakan. Pelaksanaan Audit adalah berdasarkan pelan audit tahunan yang diluluskan Jawatankuasa Audit Lembaga FELDA.

FUNGSI DAN PERANAN

Ketua Unit Audit Dalam melaporkan secara berfungsi kepada Jawatankuasa Audit Lembaga dan secara pentadbiran kepada Pengurusan FELDA. Aktiviti-aktiviti pengauditan yang dilaksanakan adalah bebas daripada sebarang pengaruh dalam menentukan skop pengauditan, pelaksanaan kerja serta laporan hasil pengauditan. Tiga (3) peranan UADF bagi menambah nilai dalam memberi khidmat “oversight” kepada pengurusan FELDA adalah seperti berikut:

Penguatkuasaan

- Menilai keberkesanan kawalan ke arah proses tadbir urus yang baik.
- Memastikan perbelanjaan dilakukan dengan teratur dan dibenarkan termasuklah memeriksa sistem kewangan agar selaras dengan peraturan semasa.
- Menjalankan siasatan berkaitan aduan yang diterima.

Penasihat

- Memberi khidmat perundingan dan nasihat kepada pengurusan terhadap kesempurnaan, kebolehpercayaan serta keberkesanan sistem kawalan dalaman sedia ada.
- Bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman untuk memastikan peraturan dan prosedur yang bersesuaian dan mencukupi diwujudkan tanpa mengambil kira aktiviti audit adalah di bawah pihak pengurusan.

Melapor

- Teguran yang sewajarnya perlu diberi kepada auditee daripada aspek isu-isu yang diaudit melalui Laporan Audit Dalam.
- Melaporkan kepada Jawatankuasa Audit dan Pengurusan FELDA mengenai hasil pengauditan termasuk menyediakan perancangan audit tahunan.

PENCAPAIAN PENGAUDITAN 2018

Sepanjang tahun 2018, UADF telah selesai melaksanakan pengauditan ke atas 232 buah projek yang diluluskan dalam plan audit tahunan. Pusingan pengauditan dilaksanakan bagi tempoh dua (2) hingga tiga (3) tahun bagi setiap projek. Selain itu, UADF juga turut melaksanakan pemeriksaan tunai dan lawatan mengejut di Ibu Pejabat dan Rancangan secara berterusan.

Pengauditan Rancangan

Sasaran	Pencapaian	(%)
133	134	100.8

Pengauditan JKRR

Sasaran	Pencapaian	(%)
90	95	105.6

Pengauditan Wilayah

Sasaran	Pencapaian	(%)
4	4	100.0

Pengauditan Jabatan & Unit

Sasaran	Pencapaian	(%)
5	5	100.0

JUMLAH	JUMLAH	JUMLAH
232	238	102.6

Secara rumusannya UADF mendapati pencapaian keseluruhan projek-projek yang diaudit sepanjang tahun 2018, adalah pada keadaan memuaskan. Tiada unsur-unsur penyelewengan atau salah guna kuasa ditemui bagi tempoh semakan audit dibuat, tetapi lebih kepada kegagalan auditee mencapai prestasi target/KPI serta mematuhi sepenuhnya kawalan dalaman yang telah ditetapkan khususnya dalam pencapaian objektif jabatan, tadbir urus yang baik dan pematuhan terhadap SOP.

Rumusan penarafan Rancangan, Wilayah dan Ibu Pejabat

Penarafan	Rancangan	Wilayah	Ibu pejabat
Cemerlang (> 90 markah)	3	0	0
Baik (80 - 89 markah)	31	1	0
Memuaskan (70-79 markah)	87	3	4
Kurang Memuaskan (60-69 markah)	13	0	1
Tidak Memuaskan (< 60 markah)	0	0	0
Jumlah	134	4	5

Rumusan penarafan JKKR / Gabungan JKKR

Penarafan	Bilangan JKKR	Peratus (%)
Sangat Baik (> 90 markah)	3	3.2
Baik (70 - 89 markah)	64	67.4
Memuaskan (50-69 markah)	27	28.4
Tidak Memuaskan (< 50 markah)	1	1.1
Jumlah	95	100

PROGRAM PENAMBAHBAIKAN

Sebagai salah satu usaha penambahbaikan, UADF juga telah melaksanakan program anak angkat penarafan lima (5) bintang dimana prestasi projek-projek ini dipantau dan disemak secara bulanan oleh juruaudit dan penyelarasan audit yang dilantik di peringkat auditee. Bagi tahun 2018, tiga (3) daripada 10 projek telah berjaya mencapai penarafan lima (5) bintang.



Sokongan

Komunikasi Korporat

Unit Komunikasi Korporat (UKK) berperanan untuk membangun, memupuk dan mengekalkan imej korporat FELDA. Unit ini merancang inisiatif strategik untuk membentuk dan mengekalkan reputasi positif FELDA, menangani isu-isu krisis korporat dan turut menggalas peranan dalam pengurusan khidmat pelanggan, hal ehwal berkaitan Parlimen, pengurusan data dan pelaporan.

Bertanggungjawab terus kepada Pengarah Besar, unit ini tertumpu pada pengurusan komunikasi dalaman dan luaran FELDA, menggalas peranan pengurusan maklumat kepada warga peneroka sebagai pemegang taruh terbesar unit ini, petugas dan orang awam secara keseluruhannya. UKK digerakkan bagi memenuhi lima (5) fungsi utama iaitu :

- i. Merancang pelan komunikasi, promosi dan program publisiti untuk segala aktiviti dan hal ehwal korporat FELDA.
- ii. Menyalurkan maklumat secara efektif melalui media cetak, media elektronik dan media baharu serta pengurusan maklumat FELDA yang mampu capai (*accessible*).
- iii. Menguruskan aduan berkaitan FELDA secara berpusat dan sistematik serta menyelaraskan dan menguruskan hal ehwal berkaitan Parlimen.
- iv. Mengurus komunikasi dalaman melalui platform seperti perhimpunan bulanan dan platform digital seperti media sosial, e-mel dan laman web.
- v. Menyelaraskan dan mengurus kerja-kerja penyediaan info korporat seperti risalah, brosur, slaid pembentangan dan penyediaan teks ucapan Pengerusi dan Pengarah Besar.

SEKSYEN PERHUBUNGAN AWAM

Seksyen ini memfokuskan beberapa elemen utama seperti mengurus dan mentadbir perancangan komunikasi strategik. Ini turut melibatkan penyediaan kenyataan akhbar, artikel serta teks ucapan Pengerusi dan Pengarah Besar mengikut naratif yang dirancang dan dianalisis terlebih dahulu. Sidang media juga dilaksanakan secara berkala untuk menyampaikan mesej penting secara terus daripada Pengurusan FELDA. Analisis media turut dilaksanakan bagi mengukur persepsi dan sentimen masyarakat terhadap dasar agensi melalui keratan-keratan akhbar berkaitan FELDA. UKK juga bertanggungjawab dalam menyediakan Identiti Korporat FELDA termasuk penyediaan bahan korporat, penerbitan dan percetakan. Bagi

mewujudkan hubungan baik serta menjaga imej korporat, pelbagai lawatan melibatkan deligasi dalam dan luar negara diterima di samping untuk berkongsi model FELDA yang unik. Sebagai tulang belakang FELDA, UKK juga terlibat secara terus dalam pengurusan krisis.





SEKSYEN KOMUNIKASI DALAMAN

Unit Komunikasi Korporat (UKK) juga menggalas tanggungjawab dalam memperkukuh Komunikasi Dalaman organisasi kerana ia berupaya membentuk pengalaman dan persekitaran kerja yang positif. FELDA sejak berzaman terlibat dalam melaksanakan inisiatif-inisiatif yang berfokus kepada pembangunan modal insan petugas. Ini kerana, keberkesanan komunikasi dalaman dipamer dari segi kerjasama dan kesefahaman interaksi interpersonal petugas sejajar dalam mencapai matlamat organisasi. Selain membangunkan budaya yang kohesif (bersatu padu) dan merapatkan komunikasi kumpulan pengurusan dan pelaksana, komunikasi dalaman juga memberi impak dalam memperkasakan petugas untuk membuat keputusan yang tepat.

Sehubungan itu, FELDA mempergiatkan keberkesanan komunikasi dalaman melalui penglibatan petugas dengan menggunakan saluran video, intranet, aplikasi mudah alih, paparan skrin komputer, forum, kaji selidik dan *gamification* (aplikasi elemen reka bentuk permainan) bagi edaran buletin, surat berita dan artikel, serta pelaksanaan program dan aktiviti.

Media Sosial

Laman sosial yang diwujudkan khusus untuk mempromosikan perkhidmatan FELDA dan menjadi platform komunikasi terus antara pengurusan dan warga FELDA. Laman sosial yang menjadi tumpuan warga FELDA atau orang awam adalah Facebook. FELDA mempunyai hampir 60 ribu orang pengikut sehingga akhir Disember 2018 manakala laman YouTube FELDA mempunyai purata peningkatan pengikut tertinggi setiap bulan pada tahun 2018 iaitu sebanyak 13%. Berdasarkan analisis yang disediakan oleh Facebook, bahan paparan (*posting*) yang mendapat reaksi paling aktif seperti meninggalkan komen, berkongsi (*share*) atau memberi reaksi (*like*) di Facebook adalah bahan-bahan berkaitan isu sara hidup, kes penyelewengan dan rasuah. Jumlah pengikut media sosial rasmi FELDA sehingga akhir Disember 2018 adalah seperti berikut :

	Jumlah Pengikut (Orang)	Purata Peningkatan Pengikut (%)
 @FeldaLKTP	59,738	1.5
 @MyFelda	3,053	8.7
 @FELDA Official	653	13.1
 @FeldaLKTP	456	1.73

Seksyen ini juga menghasilkan video-video secara dalaman antaranya berkaitan Perhimpunan Bulanan Petugas.

Media Cetak

Semua laporan mengenai FELDA atau syarikat berkaitan sama ada laporan tersebut berbentuk makluman aktiviti, laporan isu-isu, aduan warga FELDA dan sebagainya akan dipantau oleh seksyen ini. Pada tahun 2018, 39.1% laporan akhbar adalah berbau negatif terhadap reputasi dan imej FELDA. Sebahagian besar laporan negatif ini melibatkan isu sara hidup peneroka, isu-isu tadbir urus seperti kes penyelewengan dan rasuah.

Bil.	Sentimen Laporan	Jumlah Laporan	%
1.	Positif	229	31.9
2.	Neutral	208	29.0
3.	Negatif	280	39.1
JUMLAH		717	100.0

Berdasarkan rumusan yang dibuat, 75% artikel dilaporkan oleh akhbar berasaskan Bahasa Malaysia seperti Sinar Harian, Berita Harian dan Utusan Malaysia selari dengan komposisi warga FELDA yang majoritinya adalah bumiputera. Kebanyakan akhbar mempunyai laporan seimbang dari segi artikel berbau positif dan negatif kecuali akhbar-akhbar rasmi parti politik seperti Harakah dan Suara Keadilan. Jumlah artikel mengikut akhbar:-

Bil.	Nama Akhbar	Bilangan Artikel			Jumlah
		Positif	Neutral	Negatif	
1.	Sinar Harian	58	37	48	143
2.	Berita Harian/ Berita Harian Ahad	39	38	33	110
3.	Utusan Malaysia/ Mingguan Malaysia	30	28	32	90
4.	New Straits Times / New Sunday Times	20	24	30	74

Bil.	Nama Akhbar	Bilangan Artikel			Jumlah
		Positif	Neutral	Negatif	
5.	Kosmo	25	20	23	68
6.	The Star	17	21	17	55
7.	Harakah	2	12	36	50
8.	Harian Metro	19	15	13	47
9.	Suara Keadilan	4	6	21	31
10.	The Edge	2	7	13	22
11.	The Edge Financial Daily	4	8	7	19
12.	The Sun	1	4	2	7
13.	Bernamea Online	1	0	0	1
JUMLAH		222	220	275	717

SEKSYEN PELAPORAN

Bagi tahun 2018, UKK bertanggungjawab dalam menyediakan pelaporan bagi Laporan Prestasi Bulan (MPR) dan Laporan Suku Tahun. Berikut adalah rumusan pelaporan :

MPR 12 kali
Suku Tahun 4 kali

Kesemua laporan ini dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga FELDA. Bagi Laporan Suku Tahun ke-3 dan ke-4, laporan berkenaan telah dimajukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) selaku kementerian yang bertanggungjawab terhadap FELDA.

SEKSYEN KHIDMAT PELANGGAN

Sistem penyampaian korporat bagi meningkatkan imej dan reputasi FELDA adalah saling berkait dengan sistem penyediaan maklumat secara tepat dan strategik. Bagi menyediakan perkhidmatan yang komprehensif kepada warga FELDA dan orang awam, FELDA meningkatkan kualiti khidmat pelanggan melalui kecekapan sistem FELDA Contact Centre (FCC) dengan memantau, mengurus serta menyelaras maklum balas dan aduan yang diterima dalam tempoh tiga (3) hari bekerja dan diselesaikan dalam tempoh kurang dari 15 hari bekerja. Sistem ini lebih bersifat responsif, mesra pelanggan dan membantu dalam meningkatkan kualiti interaksi dengan pelanggan. Aduan-aduan yang diterima melalui Biro Pengaduan Awam (BPA), Jabatan Perdana Menteri juga turut diselaraskan mengikut garis panduan masa yang telah ditetapkan.

Bagi tahun 2018, sebanyak 174 aduan diterima secara rasmi termasuklah lima (5) aduan yang diterima terus daripada BPA dan mencapai peratus selesai sebanyak 99%.

Bil.	Kategori Aduan	Jumlah Aduan		
		Diterima	Dalam Tindakan	Diselesaikan
1.	Lain-lain:Tadbir Urus	69	N/A	69
2.	Pinjaman	6	N/A	6
3.	Pengurusan Kebun	14	N/A	14
4.	Penyata Hutang	4	N/A	4
5.	Bayaran	61	N/A	61
6.	Pengurusan Tanah	9	N/A	9
7.	Insentif Peneroka	10	N/A	10
8.	Perumahan Generasi Baharu	1	N/A	1
	Jumlah	174	N/A	174

SEKSYEN HAL EHWAL PARLIMEN

Berikut adalah rumusan persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi tahun 2018:

DEWAN	PERSIDANGAN 1	PERSIDANGAN 2	PERSIDANGAN 3
	Rakyat	5 Mac - 5 April 2018 (20 Hari)	16 Julai - 16 Ogos 2018 (20 Hari)
Negara	26 Mac - 5 April 2018 (9 Hari)	20 Ogos - 12 September 2018] (10 Hari)	3 Disember - 20 Disember 2018 (12 Hari)

Rumusan isu yang berbangkit sepanjang persidangan Dewan Rakyat dan Dewan Negara bagi tahun 2018 adalah seperti berikut:

PERSIDANGAN	SOALAN LISAN	SOALAN BERTULIS	ISU YANG BERBANGKIT
Dewan Rakyat 1	30	6	<ul style="list-style-type: none"> Pindah milik tanah FELDA Jalan Semarak Pembelian 37% pegangan di dalam Eagle High Plantations (EHP) Pembinaan PGBF tergendala Inisiatif Transformasi FELDA 2.0 Hutang peneroka Penjualan sawit di Kilang FGV
Dewan Rakyat 2	9	7	<ul style="list-style-type: none"> Pembinaan Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) tergendala Langkah Pemulihan FELDA dan FGV Penghapusan hutang peneroka Pindah milik tanah FELDA Jalan Semarak Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) terhadap isu-isu penyelewengan Pemulihan saham FGV dan Langkah meningkatkan keyakinan terhadap FGV Pelantikan Ketua-ketua JKRR (Ketua Peneroka)
Dewan Rakyat 3	13	5	<ul style="list-style-type: none"> Aliran Tunai (<i>Cash Flow</i>) FELDA yang tenat Penghapusan hutang peneroka Pembinaan PGBF tergendala Status pelaksanaan enam (6) insentif terdahulu buat peneroka FELDA Masalah UPD (ulat bungkus) Kelewatan bayaran elaun sara hidup serta bayaran pendahuluan hasil Penyata hutang peneroka Penjualan aset-aset FELDA
Dewan Negara 1	1	0	<ul style="list-style-type: none"> Pindah milik tanah FELDA Jalan Semarak
Dewan Negara 2	1	0	<ul style="list-style-type: none"> Penghapusan hutang peneroka
Dewan Negara 3	4	0	<ul style="list-style-type: none"> Unjuran Perolehan serta langkah pemulihan FGV Perincian hutang peneroka Penghapusan hutang peneroka Pembinaan PGBF tergendala

Sokongan

Integriti

Unit Integriti telah ditubuhkan pada 1 Jun 2018 dan merupakan sebuah unit khusus yang bertanggungjawab ke atas pengurusan dan penginstitusian integriti dan tadbir urus di FELDA. Penubuhan Unit ini menggabungkan antara pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan pegawai FELDA untuk menguruskan integriti secara lebih fokus, terancang, menepati keperluan dan mengikut kesesuaian FELDA. Penubuhan ini juga adalah selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 - Penubuhan Unit Integriti di Semua Agensi Awam. Objektif penubuhan ialah untuk membanteras gejala rasuah, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa dan penyelewengan di dalam FELDA, anak-anak syarikatnya dan organisasi-organisasi yang ditubuh atau di bawah naungan FELDA seperti kesatuan, yayasan dan kelab sukan.

Tadbir Urus Dan Pencegahan

- Penambahbaikan kepada polisi dan prosedur berkaitan tadbir urus proses kerja bagi memitigasi risiko rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
- Menyelaras pelaksanaan pematuhan kepada Malaysia Standard MS ISO 37001:2016 Anti Bribery Management Systems (ABMS).
- Menyedia dan menyelaras Pelan Integriti FELDA

Pengesanan dan Pengesahan

- Menerima, mengesan, mengurus dan mengesah aduan berkaitan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
- Menyedia dan menganalisis laporan hasil pengesanan serta membuat syor untuk tindakan susulan sewajarnya.
- Mengendali dan menyelaras saluran aduan Polisi Pemberi Maklumat (*Whistleblowing Policy*).

Kesedaran Dan Pendidikan

- Merangka dan menyediakan program-program kesedaran dan pendidikan Polisi Anti Rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.
- Merancang, melaksana dan menyelaras inisiatif-inisiatif penginstitusian integriti dan tadbir urus.
- Menyedia artikel/input untuk penerbitan bagi hebahan dan promosi.

RUMUSAN PROGRAM 2018

Rumusan program adalah seperti berikut :

Tadbir Urus dan Pencegahan

Program	Pencapaian
Mewujudkan Polisi Anti Rasuah dan Penyelewengan FELDA	1
Penambahbaikan Polisi Pemberi Maklumat (<i>Whistleblowing Policy</i>) FELDA	1
Penambahbaikan Prosedur Pemberi Maklumat (<i>Whistleblowing Procedure</i>) FELDA	1
Memberi khidmat nasihat/input Penambahbaikan Manual Perolehan FELDA	1
Mengkaji amalan permohonan tajaan/sumbangan sukan dan menghasilkan Surat Larangan Berkenaan Permohonan dan Penerimaan Tajaan/Sumbangan Oleh Kelab Sukan FELDA Daripada Syarikat/Pembekal/Kontraktor	1
Mesyuarat Jawatankuasa Governans Lembaga FELDA (JKGL)	3
JUMLAH	8

Pengesanan dan Pengesahan

Program	Pencapaian
Khidmat nasihat dan menjawab pertanyaan berkaitan integriti, governans serta kesalahan-kesalahan rasuah dan penyelewengan	11
Aduan	14
JUMLAH	25

Kesedaran dan Pendidikan

Program	Pencapaian
Ceramah Integriti kepada Pengurusan Wilayah Lurah Bilut FELDA	1
Ceramah Integriti kepada Pengurusan Wilayah Kuantan FELDA	1
Ceramah Integriti kepada Pengurusan Wilayah Segamat FELDA	1
Ceramah Kesedaran Integriti kepada Petugas di bawah Program Orientasi SDA(U) dan SDA(W) Lantikan Baru	2

Ceramah berkaitan fungsi Unit Integriti, kesalahan rasuah dan Polisi Pemberi Maklumat (Whistleblowing Policy) kepada peserta Kursus Bakal Pengurus FELDA	1
Ceramah Integriti kepada Pegawai Lantikan Baru FELDA	1
Ceramah Integriti kepada Bakal Penyelia Baru FELDA	1
Ceramah Integriti kepada Pemandu di bawah Kursus Menempa Kecemerlangan	1
Bengkel Pengukuhan Pegawai Penyelaras Integriti (PPI)	1
Kursus Asas Siasatan untuk Pegawai Unit Integriti FELDA	1
Kursus Asas Tadbir Urus dan Pencegahan Rasuah untuk Pegawai Unit Integriti	1
Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah FELDA (CRM)	1
Hari Integriti FELDA	1
Hebahan Integriti secara E-Mel	11

JUMLAH	25
---------------	-----------

POLISI ANTI RASUAH DAN PENYELEWENGAN FELDA

Polisi Anti Rasuah dan Penyelewengan FELDA disediakan sebagai panduan kepada semua petugas FELDA, Ahli Lembaga Pengarah FELDA, pihak berkepentingan dalam FELDA dan rakan perniagaan FELDA untuk mengetahui dan memahami kesalahan-kesalahan rasuah dan penyelewengan serta seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya.

Polisi ini boleh dimuat turun di laman web rasmi FELDA bermula 2 Disember 2018.

Polisi Pemberi Maklumat (WBP) Edisi Kedua (2018)

Polisi Pemberi Maklumat (WBP) Edisi Kedua (2018) merupakan pindaan daripada Polisi dan Prosedur Pemberi Maklumat FELDA (2017). Polisi Pemberi Maklumat FELDA Edisi Kedua (2018) secara jelas menerangkan tanggungjawab dan proses kerja FELDA berhubung dengan perlindungan pemberi maklumat, pendedahan kelakuan tidak wajar, aduan tindakan yang memudaratkan serta tindakan-tindakan yang perlu dilakukan sekiranya berlaku salah laku rasuah, percanggahan kepentingan, salah guna kuasa, penyelewengan dan pelanggaran kepada peraturan-peraturan di dalam FELDA. Polisi ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta Badan-

Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605), Kod Etika dan Tatalaku Petugas FELDA serta mana-mana polisi, peraturan dan prosedur FELDA serta undang-undang di Malaysia.

Polisi ini boleh dimuat turun di laman web rasmi FELDA bermula 14 Januari 2019.

LAPORAN ADUAN DAN KHIDMAT NASIHAT

Bil	Klasifikasi aduan	Bilangan aduan 2018
1	Rasuah	0
2	Percanggahan kepentingan	0
3	Salah guna kuasa	4
4	Penyelewengan	9
5	Lain-lain	1
JUMLAH		14

Bil	Kaedah penerimaan aduan	Bilangan aduan 2018
1	Datang sendiri	2
2	E-mel <i>Whistleblowing</i>	1
3	Telefon <i>Whistleblowing</i>	0
4	Surat	0
5	Telefon	0
6	Emel	0
7	SMS/teks	0
8	Rujukan daripada agensi luar	1
9	Rujukan daripada Jabatan/Unit Wilayah/Rancangan	3
10	FCC	1
11	Rujukan daripada Lembaga Pengarah	0
12	Diperolehi oleh pegawai UI	6
JUMLAH		14

Bil	Klasifikasi Khidmat Nasihat/Rundingan	Bilangan KN/R 2018
1	Rasuah	2
2	Percanggahan kepentingan	0
3	Salah guna kuasa	0
4	Penyelewengan	2
5	Lain-lain	7
JUMLAH		11



Dana Kerajaan

Peruntukan Rancangan Malaysia ke-11

90

Lain-lain Peruntukan Kerajaan Persekutuan

91

Peruntukan Rancangan Malaysia ke-11

Tahun 2018 merupakan tahun ketiga (3) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11). RMK-11 dimulakan pada tahun 2016 dan akan berakhir pada tahun 2020 merupakan rancangan pembangunan lima (5) tahun ke arah merealisasikan matlamat Wawasan 2020 yang menggariskan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara maju dalam semua aspek meliputi ekonomi, politik, kerohanian, psikologi dan budaya menjelang tahun 2020.

Tahun 2018 merupakan tahun pertama di bawah kepimpinan Kerajaan baharu melalui Pakatan Harapan. Hala tuju yang telah digariskan pada tahun sebelum ini melalui RMK-11 diteruskan lagi pada tahun 2018. Kerajaan telah menambah baik dan memperkukuh agenda pembangunan negara berasaskan prinsip pertumbuhan dengan ekuiti ke arah mencapai status negara maju dan inklusif selaras dengan aspirasi Wawasan 2020. Keutamaan dan penekanan baharu ke atas dasar, strategi dan inisiatif sedia ada serta memperkukuh

tadbir urus bagi mencapai pertumbuhan sosio ekonomi yang lebih inklusif dan mampan ke arah meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Pada tahun 2018, FELDA telah diperuntukkan sebanyak RM195 juta melalui Belanjawan 2018 bagi projek menaik taraf jalan di penempatan FELDA di seluruh negara, projek menaik taraf sistem bekalan air FELDA di seluruh Malaysia, projek lampu jalan di Rancangan FELDA dan projek membina dan menaik taraf bangunan di Rancangan FELDA di seluruh negara. Selain daripada itu, tambahan peruntukan sebanyak RM17 juta telah disalurkan bagi projek menaik taraf jalan di penempatan FELDA seluruh Malaysia pada Disember 2018 menjadikan keseluruhan peruntukan untuk tahun 2018 adalah sebanyak RM212 juta. Pecahan peruntukan kelulusan serta penerimaan dana oleh FELDA sehingga 2018 adalah seperti jadual di bawah :

2016

NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (2016-2020) (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)
Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA Seluruh Malaysia	500,000,000	100,000,000	27,000,000
Projek Menaik Taraf Jalan di Penempatan FELDA Seluruh Malaysia	1,000,000,000	200,000,000	96,000,000
Projek Membina dan Menaik Taraf Bangunan di Rancangan FELDA Seluruh Negara	60,000,000	0	0
Projek Lampu Jalan di Rancangan FELDA	30,000,000	0	0
Jumlah	1,590,000,000	300,000,000	123,000,000

2017

NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (2016-2020) (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)
Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA Seluruh Malaysia	500,000,000	100,000,000	62,000,000
Projek Menaik Taraf Jalan di Penempatan FELDA Seluruh Malaysia	1,000,000,000	60,000,000	51,000,000
Projek Membina dan Menaik Taraf Bangunan di Rancangan FELDA Seluruh Negara	60,000,000	0	0
Projek Lampu Jalan di Rancangan FELDA	30,000,000	0	0
Jumlah	1,590,000,000	160,000,000	113,000,000

2018


NAMA PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (2016-2020) (RM)	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)	PERUNTUKAN DITERIMA (RM)
Projek Menaik Taraf Sistem Bekalan Air FELDA Seluruh Malaysia	500,000,000	100,000,000	100,000,000
Projek Menaik Taraf Jalan di Penempatan FELDA Seluruh Malaysia	1,000,000,000	*77,000,000	77,000,000
Projek Membina dan Menaik Taraf Bangunan di Rancangan FELDA Seluruh Negara	60,000,000	20,000,000	0
Projek Lampu Jalan di Rancangan FELDA	30,000,000	15,000,000	7,250,000
Jumlah	1,590,000,000	212,000,000	184,250,000

*Peruntukan asal projek menaik taraf jalan bagi tahun 2018 adalah RM60 juta.

*Tambahan dana diberi oleh Kerajaan sebanyak RM17 juta pada suku keempat 2018.

Lain-lain Peruntukan Kerajaan Persekutuan

Selain daripada peruntukan bagi RMK-11, FELDA turut menerima peruntukan khas sebanyak RM123 juta bagi pembiayaan geran tanam semula, SES RISDA dan Insentif Hari Raya Peneroka.



Penyata Tadbir Urus

Penyata Tadbir Urus Korporat

Penyata Kawalan Dalaman

Penyata Pengurusan Risiko

94

100

101

Penyata Tadbir Urus Korporat

PENYATA TADBIR URUS KORPORAT

Lembaga Pengarah dan pihak Pengurusan FELDA bertanggungjawab mengekalkan kecemerlangan Tadbir Urus Korporat dengan memastikan rangka kerja dan amalan terbaik tadbir urus FELDA kekal teguh, relevan dan memudahkan FELDA mencapai piawai perilaku korporat yang tinggi dan berterusan. Tadbir Urus Korporat FELDA berteraskan komitmen kepada pengubalan keputusan yang berkesan, ketelusan dalam transaksi perniagaan, pematuhan kepada rang undang-undang dan kanun, perlindungan kepentingan pihak berkepentingan serta komitmen kepada perilaku beretika dalam urusan perniagaan. FELDA sentiasa menggalakkan amalan Tadbir Urus Korporat yang baik dalam kalangan syarikat-syarikat pelaburannya bagi melindungi pemegang saham dan meningkatkan nilai pelaburan prestasi kewangannya.

LEMBAGA PENGARAH

Peranan dan Tanggungjawab Lembaga Pengarah

Ahli Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk memahami peranan dan tanggungjawab termasuk tugas-tugas fidusiari seperti yang digariskan dalam Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1998 berkenaan Garis Panduan Mengenai Peranan dan Tanggungjawab Kementerian, Lembaga Pengarah dan Ketua Eksekutif dalam Pengurusan Badan Berkanun Persekutuan. Peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah antara lainnya termasuk yang berikut:-

- Memastikan dasar yang digubal dan diluluskan adalah selaras dengan peruntukan Akta Pembangunan Tanah 1956 dan tidak bercanggah dengan undang-undang serta dasar Kerajaan yang berkuat kuasa pada setiap masa;
- Memastikan bahawa FELDA mempunyai sistem dan peraturan yang berkesan yang dapat memberi gambaran yang jelas dan berterusan mengenai pengurusan organisasi;
- Memastikan bahawa FELDA mempunyai sistem perancangan dan pemantauan program/ projek yang baik serta mempunyai objektif program/ projek yang selaras dengan objektif Kerajaan dan FELDA seperti yang terkandung dalam Akta Pembangunan Tanah 1956;
- Memastikan pengurusan kewangan, kawalan belanjawan, pengurusan pinjaman dan pelaburan diuruskan dengan baik, berekonomi, cekap dan berkesan;
- Memastikan FELDA mempunyai sistem kawalan dalaman yang berkesan;
- Memastikan FELDA mempunyai pengawasan yang ketat ke atas anak syarikat dan kesemua keputusan anak syarikat mendapat kelulusan Lembaga Pengarah FELDA sebelum dilaksanakan; dan
- Memastikan akaun FELDA disediakan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah untuk pertimbangan.

Pelantikan

Ahli Lembaga Pengarah dilantik oleh Menteri yang bertanggungjawab ke atas FELDA. Mereka yang dilantik merupakan individu - individu berkaliber, berwibawa dan secara kolektif berpengalaman luas dalam bidang berkaitan. Pelantikan adalah untuk satu tempoh yang tidak melebihi tiga (3) tahun dan boleh dilantik semula atas budi bicara Menteri.

Komposisi

Lembaga Pengarah mengandungi anggota yang mewakili beberapa kepentingan yang secara bersama dapat meningkatkan prestasi organisasi iaitu:-

- Tokoh / Pemimpin pertubuhan dan masyarakat.
- Wakil Agensi Kerajaan:
 - Kementerian Memantau.
 - Kementerian Kewangan.
 - Jabatan Perdana Menteri (Unit Perancangan Ekonomi, Unit Penyelarasan Pelaksanaan atau Bahagian Pentadbiran dan Kewangan).
- Ahli Profesional.
- Wakil daripada kumpulan sasar badan berkanun.
- Tokoh lain yang mempunyai kepakaran atau pengetahuan khas mengenai perkara yang berkaitan organisasi.

Mesyuarat

- Mesyuarat Lembaga dijadualkan pada permulaan tahun kewangan dengan mesyuarat khas diadakan apabila perlu. Sebanyak 15 mesyuarat telah diadakan sepanjang tahun kewangan 2018.

Jawatankuasa Lembaga

Bagi memastikan pelaksanaan tugas dengan cekap, Lembaga telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk mengawal selia perkara-perkara khusus berkaitan operasi organisasi. Setiap jawatankuasa bertanggungjawab melaksanakan peranan masing-masing mengikut terma rujukan yang ditetapkan dan membentangkan laporan Jawatankuasa untuk makluman atau keputusan Lembaga. Bagi tahun kewangan 2018, FELDA mempunyai lapan (8) jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Lembaga seperti berikut:-

- Jawatankuasa Audit Lembaga
- Jawatankuasa Perjawatan dan Perkhidmatan
- Jawatankuasa Perolehan Lembaga
- Jawatankuasa Pelaburan
- Jawatankuasa Pengurusan Risiko
- Jawatankuasa Governans Lembaga
- Jawatankuasa Siasatan Lembaga
- Jawatankuasa Rundingan KLVC

Fungsi dan bilangan mesyuarat diadakan pada tahun kewangan 2018 adalah seperti berikut:-

JAWATANKUASA AUDIT LEMBAGA

Sekretariat: Unit Audit Dalam

Fungsi:

1. Membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab berkanun yang berkaitan dengan perakaunan dan amalan laporan agensi.
2. Di samping itu, Jawatankuasa Audit hendaklah:
 - a. Menilai kualiti audit yang dijalankan oleh juruaudit dalaman dan luar.
 - b. Memberi jaminan bahawa maklumat kewangan yang dikemukakan oleh pihak pengurusan adalah relevan, boleh dipercayai dan tepat pada masanya.
 - c. Mengawasi pematuhan undang-undang dan peraturan-peraturan serta mematuhi kod perlakuan yang betul.
 - d. Menentukan kualiti, kecukupan dan keberkesanan kawalan dalaman agensi.

Bilangan mesyuarat: Lima (5) kali

JAWATANKUASA PERJAWATAN DAN PERKHIDMATAN

Sekretariat: Jabatan Sumber Manusia

Fungsi:

1. Menimbang kertas-kertas cadangan dan membuat keputusan berdasarkan peraturan-peraturan pelantikan dan kenaikan pangkat yang berkuat kuasa.

Bilangan mesyuarat: Satu (1) kali

JAWATANKUASA PEROLEHAN LEMBAGA

Sekretariat: Jabatan Pentadbiran

Fungsi:

1. Menguruskan perolehan secara cekap berkesan dan paling menguntungkan bagi mencapai matlamat perolehan FELDA.
2. Mendapatkan harga yang paling menguntungkan dan berpatutan dengan mengambil kira kualiti, kuantiti dan tempoh penyerahan / siap yang ditetapkan.
3. Menggalakkan pertumbuhan industri tempatan dan penggunaan bahan / barangan / perkhidmatan tempatan.

Bilangan mesyuarat: Lapan (8) kali

JAWATANKUASA PELABURAN

Sekretariat: Jabatan Kewangan

Fungsi:

1. Membuat keputusan mengenai pelaburan FELDA agar pelaburan yang dilaksanakan adalah:-
 - b. Telus dan mengikut garis panduan yang betul;
 - c. Dapat menampung aliran tunai FELDA;
 - d. Memberikan pulangan yang konsisten dan maksimum kepada FELDA; dan
 - e. Memelihara kepentingan peneroka dan FELDA.

Bilangan mesyuarat: 12 kali

JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Sekretariat: Unit Pengurusan Risiko

Fungsi:

1. Mengawal aktiviti-aktiviti pengurusan risiko FELDA dan antara peranan utamanya adalah seperti yang berikut:
 - b. Mempromosikan Pengurusan Risiko Organisasi dan memastikan proses dan budaya pengurusan risiko diterapkan dalam FELDA.
 - c. Memastikan pelaksanaan dan pematuhan objektif-objektif yang disenaraikan dalam Polisi Pengurusan Risiko.
 - d. Menyediakan secara rutin laporan suku tahunan dan memaklumkan Ahli Lembaga dan Pengurusan FELDA isu-isu utama berhubung pengurusan risiko.
 - e. Bekerjasama dengan Jabatan Kewangan dan Unit Audit Dalam dan Unit Pengurusan Risiko dalam penyediaan Penyata Kawalan Dalaman untuk dimasukkan dalam Laporan Tahunan FELDA.

Bilangan mesyuarat: Dua (2) kali

JAWATANKUASA GOVERNANS LEMBAGA

Sekretariat: Unit Integriti

Fungsi:

1. Memantau dan mengawal setiap urusan berkaitan tadbir urus FELDA dan antara peranan utamanya adalah seperti yang berikut:
 - b. Untuk mewujudkan pentadbiran dan pengurusan FELDA yang cekap, berdisiplin serta menginstitusikan standard integriti yang paling tinggi dan tadbir urus terbaik dengan mempertingkatkan amalan nilai-nilai murni; dan
 - c. Berusaha mengatasi masalah-masalah dan kelemahan-kelemahan terutamanya dalam pengurusan kewangan, pentadbiran, rasuah, percanggahan kepentingan, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Bilangan mesyuarat: Tiga (3) kali

JAWATANKUASA SIASATAN LEMBAGA

Sekretariat: Setiausaha Lembaga

Fungsi:

1. Mengenal pasti individu-individu yang telah melakukan cuai dan salah laku dalam menjalankan tugas semasa projek tertentu berjalan dan seterusnya mengambil tindakan tatatertib dan undang-undang terhadap individu tersebut

Bilangan mesyuarat: Tujuh (7) kali

JAWATANKUASA KHAS RUNDINGAN KLVC

Sekretariat: Timbalan Pengarah Besar (Pengurusan)

Fungsi:

1. Mengadakan rundingan semula perjanjian di antara FELDA / Felda Investment Corporation ("FICSB") selaras dengan memorandum persefahaman yang telah ditandatangani dengan Synergy Promenade Sdn. Bhd. ("SPSB") dan Synergy Promenade Kuala Lumpur Vertical City Sdn. Bhd. ("SPKLVC") dengan memastikan kepentingan FELDA/ FICSB terpelihara.

Bilangan mesyuarat: Enam (6) kali

Jawatankuasa Pengurusan

Penubuhan Jawatankuasa Pengurusan adalah bagi melancarkan urusan pentadbiran. Jawatankuasa – jawatankuasa tersebut adalah seperti berikut :

JAWATANKUASA PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN FELDA (JPKA)**Fungsi:**

1. Membantu agensi mengawasi, memantau dan menyelia semua urusan kewangan supaya ia berjalan lancar dan menepati peraturan yang telah ditetapkan.
2. Tugas dan kuasa JPKA adalah meliputi pengurusan bajet, pengurusan perakauan, pengurusan perolehan dan hal – hal lain yang berkaitan dengan pengurusan kewangan, akaun dan audit.

Komposisi:

Pengerusi : Pengarah Besar

Ahli:

- Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Ekonomi)
- Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti)
- Pengarah Kewangan
- Pengarah Tadbiran
- Ketua Unit Pengurusan Risiko / Integriti
- Ketua Unit Audit Dalam
- Pengawal Kewangan
- Penolong Pengarah Kewangan
- Ketua Bahagian Pengurusan Akaun Dan Analisa, Jabatan Kewangan
- Pegawai-pegawai lain yang dilantik oleh Pengerusi

Bilangan Mesyuarat: Lima (5) kali

Sekretariat kepada jawatankuasa ini adalah Jabatan Kewangan

JAWATANKUASA KECIL PELABURAN FELDA**Fungsi:**

1. Menilai dan mencadangkan strategi pelaburan kepada Jawatankuasa Pelaburan FELDA dan Lembaga FELDA.
2. Mengkaji dan mempertimbangkan cadangan dan pemberhentian pelaburan dan jika bersesuaian mengesyorkan kepada Jawatankuasa Pelaburan FELDA dan Lembaga FELDA.
3. Mencadangkan pengagihan aset, polisi dan panduan pelaburan.
4. Memantau dan mengawal pelaksanaan pelaburan dan prestasi pelaburan FELDA.
5. Memantau pengurusan aliran tunai bulanan dan tahunan FELDA.

Komposisi:

Pengerusi: Pengerah Besar

Ahli:

- Timbalan-Timbalan Pengerah Besar
- Pengerah Kewangan
- Penolong Pengerah Kewangan
- Ketua Bahagian Pengurusan Pelaburan

Bilangan Mesyuarat: Lapan (8) kali

JAWATANKUASA MAJLIS BERSAMA JABATAN FELDA**Fungsi:**

1. Menjaga kepentingan dan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pekerja-pekerja FELDA.
2. Sebagai satu forum perbincangan antara pihak pengurusan dan pekerja yang diwakili oleh Persatuan Kakitangan Kanan FELDA dan Kesatuan Sekerja FELDA.
3. Antara perkara yang boleh dibincangkan dalam forum meliputi isu elaun dan kemudahan, kewangan, perkhidmatan, skim perkhidmatan dan perjawatan, kebajikan, pentadbiran dan hal-hal lain.

Komposisi:

Pengerusi: Pengerah Besar

Ahli:

- Wakil Pengurusan
- Wakil Persatuan Pegawai Kanan
- Wakil Kesatuan Pekerja FELDA

Bilangan Mesyuarat: Empat (4) kali

JAWATANKUASA LATIHAN**Fungsi:**

1. Jawatankuasa bertanggungjawab mengendalikan perkara berkaitan dasar dan polisi latihan petugas, pembangunan kemahiran, ilmu, kerjaya, nilai dan sikap petugas.
2. Meluluskan kalendar tahunan latihan.
3. Meluluskan program latihan baru (dalam dan luar negara).
4. Membuat penilaian program latihan dan pembangunan petugas. Ke kerap mesyuarat jawatankuasa ini bersidang adalah berdasarkan suku tahunan dan dipengerusikan oleh Pengerah Besar FELDA.

Komposisi:

Pengerusi: Pengerah Besar

Ahli:

- Timbalan Pengerah Besar (Pembangunan Ekonomi)
- Timbalan Pengerah Besar (Pengurusan)
- Timbalan Pengerah Besar (Pembangunan Komuniti)
- Pengerah Sumber Manusia
- Ketua Unit Latihan
- Pegawai Latihan (Setiausaha)

Bilangan Mesyuarat: Lima (5) kali

JAWATANKUASA PERUNDING PENEROKA**Fungsi:**

1. Bertindak sebagai badan perunding tertinggi yang mewakili peneroka dengan Pengurusan FELDA dalam menyampaikan dasar-dasar FELDA kepada warga peneroka.
2. Melaksanakan aktiviti atau program pembangunan komuniti di peringkat Wilayah dan Rancangan.

Komposisi:

Pengerusi: Pengerah Besar

Ahli:

- Ketua Peneroka Wilayah
- Ketua Penerokawati Wilayah
- Pengurus Besar Wilayah
- Timbalan Presiden Majlis Belia FELDA (MBFM)
- Setiausaha Agong Kebangsaan Kami Anak FELDA (KAF)
- Ketua-Ketua Jabatan FELDA

Bilangan Mesyuarat: Empat (4) kali

JAWATANKUASA TATATERTIB PENEROKA**Fungsi:**

1. Meneliti, menimbang dan membuat keputusan tentang tindakan yang sepatutnya dikenakan kepada peneroka yang melakukan kesalahan.
2. Menolak atau bersetuju dengan cadangan penyingkiran yang disyorkan oleh Jawatankuasa Tatatertib Peringkat Rancangan.

Komposisi:

Pengerusi: Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti)

Ahli:

- Pengarah Pembangunan Komuniti
- Pengarah Kewangan
- Pegawai Undang-Undang
- Pengarah Tanah (Setiausaha)

Bilangan Mesyuarat: Satu (1) kali

JAWATANKUASA PEROLEHAN 1**Fungsi:**

1. Meluluskan perolehan kerja dan bekalan bernilai RM200,000 hingga RM1,000,000.

Komposisi:

Pengerusi: Pengarah Besar

Ahli:

- Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Ekonomi)
- Timbalan Pengarah Besar (Pengurusan)
- Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti)
- Pengarah Perladangan / Pembangunan Tanam Semula
- Pengarah Pentadbiran

Bilangan Mesyuarat: 12 kali

JAWATANKUASA PEROLEHAN 2**Fungsi:**

1. Meluluskan perolehan kerja dan bekalan bernilai sehingga RM200,000.

Komposisi:

Pengerusi: Pengarah Besar

Ahli:

- Penolong Pengarah Pentadbiran
- Pegawai Tadbir Kanan Jabatan Pentadbiran
- Pegawai Pertanian Jabatan Pentadbiran
- Pegawai Tadbir Jabatan Pentadbiran

Bilangan Mesyuarat: 24 kali

JAWATANKUASA KESELAMATAN FELDA

Merupakan gabungan di antara Bahagian Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan Bahagian Keselamatan Perlindungan (KP) bertujuan untuk menguruskan hal-hal berkaitan Keselamatan di FELDA.

Fungsi:

1. Memastikan pelaksanaan ke arah pematuhan kepada Akta Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan 1994 serta Arahan Keselamatan Kerajaan dan Akta Rahsia Rasmi 1972.
2. Menggubal dan mengeluarkan Dasar Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan FELDA.
3. Memastikan semua petugas mendapat maklumat dan latihan berkaitan Keselamatan FELDA.
4. Membuat perancangan dan program bagi penambahbaikan dalam pematuhan kepada KKP & KP.

Komposisi:

Pengerusi: Timbalan Pengarah Besar (Pengurusan)

Setiausaha: Ketua Unit Pengurusan Risiko

Ahli:

- Pejabat Pengarah Besar
- Pengarah Jabatan Pentadbiran
- Pengarah Jabatan Sumber Manusia
- Pengarah Jabatan Perladangan
- Pengarah Jabatan Kewangan
- Ketua Unit Komunikasi Korporat

Bilangan Mesyuarat: Empat (4) kali

JAWATANKUASA PELAKSANAAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI FELDA**Fungsi:**

1. Menilai cadangan-cadangan penambahbaikan Sistem Pengurusan Kualiti FELDA.
2. Meluluskan cadangan projek / produk berkaitan Sistem Pengurusan Kualiti FELDA bagi pelaksanaan di peringkat Jabatan / Wilayah/Rancangan.
3. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa sekurang-kurangnya empat (4) kali setahun bagi memantau pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti FELDA.
4. Menilai keberkesanan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti melalui laporan /syor yang disediakan oleh Bahagian Kualiti, Unit Pengurusan Risiko/ Integriti untuk penyeragaman di peringkat FELDA.
5. Memantau jalinan koordinasi antara FELDA bersama agensi kerajaan dan swasta dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti FELDA.

Komposisi:

Pengerusi: Timbalan Pengarah Besar (Pengurusan)

Setiausaha : Ketua Unit Pengurusan Risiko

Ahli:

- Pengarah Perladangan
- Pengarah Hal Ehwal Tanam Semula
- Pengarah Pembangunan Komuniti
- Pengarah Inovasi dan Pembangunan Generasi Baharu
- Pengarah Kewangan
- Pengarah Sumber Manusia
- Ketua Unit Audit Dalam
- Ketua Unit Komunikasi Korporat

Bilangan Mesyuarat: Empat (4) kali

JAWATANKUASA KERJA PENGURUSAN RISIKO FELDA

Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko FELDA berperanan membantu Lembaga FELDA dan JKPR mengawasi risiko dan keberkesanan fungsi-fungsi pengurusan risiko FELDA. Pengerusi jawatankuasa boleh diganti dengan mana-mana Timbalan Pengarah Besar yang hadir sekiranya beliau tidak dapat menghadiri mesyuarat ini. Jawatankuasa ini perlu mengadakan mesyuarat pada setiap suku tahun.

Fungsi :

1. Menetapkan tanggungjawab dan akauntabiliti pengurusan risiko dalam jabatan/unit/ Wilayah;
2. Menyemak keberkesanan kawalan yang sedia ada dan strategi mengurangkan risiko;
3. Mengambil tindakan segera ke atas semua risiko yang tidak boleh diterima;
4. Menilai pelaksanaan pelan tindakan yang diambil untuk menguruskan risiko yang timbul daripada operasi;
5. Membentangkan dan mengadakan perbincangan sekurang-kurangnya satu risiko dengan semua Ketua Jabatan, Ketua Unit dan Pengurus Besar Wilayah melalui Mesyuarat Ketua Jabatan;
6. Melaporkan semua risiko dengan impak yang dianalisa dan dikaji serta kemajuan pelan tindakan mitigasi yang diambil untuk menguruskan risiko tersebut kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko FELDA (JKPR); Dan
7. Melaporkan status pergerakan risiko FELDA kepada Jawatankuasa Pengurusan Risiko FELDA secara suku tahunan

Komposisi :

Pengerusi : Pengarah Besar

Setiausaha : Ketua Unit Pengurusan Risiko

Ahli :

- Pengarah Kewangan
- Timbalan Pengarah Besar (Pengurusan)

- Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Komuniti)
- Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Ekonomi)
- Ketua Unit Undang-undang
- Ketua Unit Audit Dalam

Bilangan Mesyuarat: Empat (4) kali

JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS (JITU)

(sehingga Oktober 2018)

Fungsi:

1. Mengenalpasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan terma rujukan pemantapan sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan, laporan auditan mengenai tadbir urus.
2. Mengambil tindakan susulan terhadap keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Kerja peringkat Kementerian untuk dilaksanakan.
3. Memantau inisiatif dan langkah-langkah penambahbaikan yang telah dikenalpasti.
4. Memberikan pelaporan dan maklumbalas kepada jawatankuasa kerja peringkat kementerian.

Komposisi:

Pengerusi: Timbalan Pengarah Besar (Pengurusan)

Ahli:

- Pengarah Pentadbiran
- Pengarah Sumber Manusia
- Ketua Unit Undang-Undang
- Ketua Unit Pengurusan Risiko / Integriti
- Ketua Audit Dalam

Bilangan Mesyuarat: Empat (4) kali

JAWATANKUASA ANTI RASUAH (JAR)

(berkuatkuasa 5 Oktober 2018, membatalkan JITU)

Fungsi:

1. Mengenalpasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan empat (4) terma rujukan yang telah ditetapkan iaitu Dasar, Perundangan dan Peraturan, Sistem dan Prosedur Kerja, Pengukuhan Governans dan Integriti dan Pengesanan, Pematuhan, Punitif dan Pemulihan
2. Mencadangkan langkah-langkah penyelesaian dan penambahbaikan kepada JAR peringkat kebangsaan.

Komposisi:

Pengerusi : Pengarah Besar FELDA

Pengerusi Ganti : Timbalan Pengarah Besar

Ahli : Semua Ketua Jabatan

Urusetia : Ketua Unit Integriti

Bilangan Mesyuarat: Tiga (3) kali

Penyata Kawalan Dalaman

Sistem Kawalan Dalaman (SKD) merupakan elemen penting yang dapat mengesan ketidakpatuhan dalam organisasi demi menjamin tadbir urus yang baik. SKD dirangka untuk mengukuhkan akauntabiliti, integriti, ketelusan dan kecekapan seterusnya meningkatkan kualiti pengurusan agar objektif organisasi tercapai.

Ciri-ciri sistem kawalan dalaman yang sedia ada adalah :

- Terma rujukan ditakrif dengan jelas, menggariskan peranan dan tanggungjawab semua Jawatankuasa Lembaga dan Pengurusan;
- Struktur organisasi yang mempunyai panduan yang jelas mengenai tanggungjawab, penurunan kuasa dan tanggungjawab di semua peringkat organisasi iaitu Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan;
- Pengurusan juga tertakluk kepada garis panduan dan polisi dan had penurunan kuasa dalam melaksanakan operasi harian, perolehan dan pelupusan aset;
- Mesyuarat Pengurusan diadakan setiap bulan untuk mengenal pasti, membincang dan menyelesaikan isu-isu utama pengurusan, operasi, kewangan dan pelaburan. Lembaga menerima dan mengkaji laporan daripada pengurusan dari semasa ke semasa;
- Penyediaan pelan operasi dan belanjawan tahunan di setiap peringkat pada setiap tahun, dinilai oleh pengurusan dan diluluskan oleh Lembaga. Penilaian belanjawan tahunan diadakan pada setiap suku tahun bagi mengetahui prestasi belanjawan organisasi;
- FELDA mempunyai garis panduan teratur mengenai pengambilan dan pemecatan petugas, program latihan, penilaian prestasi tahunan dan prosedur-prosedur lain yang berkaitan bagi memastikan petugas berdaya saing dan diberi latihan sewajarnya bagi menjalankan tanggungjawab mereka;
- Dasar dan prosedur didokumentasi bagi memastikan pematuhan terhadap kawalan dalaman seperti pengasingan tugas, proses penyemakan dan pengesahan secara bebas serta kawalan capaian sistem dan dikemaskini dari semasa ke semasa;
- Peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling disediakan dari semasa ke semasa bagi memastikan pengurusan kewangan yang teratur dan berkhemah, melindungi aset-aset daripada kerugian fizikal dan insuran pada tahap yang sewajarnya;
- Unit Audit Dalam yang berfungsi sebagai penilaian bebas terhadap keberkesanan kawalan ke arah proses tadbir urus yang baik serta memastikan perbelanjaan dilakukan dengan teratur dan dibenarkan selaras dengan peraturan semasa. Perancangan jadual lawatan pengauditan dibentangkan kepada Jawatankuasa Audit Lembaga untuk kelulusan; dan
- Sistem penarafan yang diguna pakai oleh Unit Audit Dalam dalam memberi penilaian kepada auditi iaitu Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan adalah berdasarkan Indeks Akauntabiliti (IA) yang dipraktikkan oleh Jabatan Audit Negara. Penarafan ini diberi berdasarkan kepada prestasi, tadbir urus baik dan pematuhan terhadap peraturan-peraturan.

Penilaian terhadap keberkesanan sistem kawalan dalaman dapat diukur melalui:

- Jawatankuasa Audit Lembaga FELDA yang bermesyuarat sebanyak empat (4) kali setahun bagi membincangkan penemuan dan cadangan yang dikemukakan oleh juruaudit dalam terhadap pengauditan Ibu Pejabat, Wilayah dan Rancangan. Keputusan jawatankuasa tersebut akan dibawa ke Mesyuarat Lembaga FELDA untuk makluman semua ahli lembaga FELDA;
- Laporan Ketua Audit Negara bagi Penyata Kewangan FELDA; dan
- Laporan Ketua Audit Negara bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) FELDA.

Penyata Pengurusan Risiko

Pengurusan risiko merupakan proses yang berterusan, proaktif dan sistematik untuk mengenal pasti, menganalisa dan mengawal risiko-risiko yang telah didaftarkan. Pengurusan Risiko yang baik membantu pencapaian objektif FELDA ke tahap yang paling optimum serta membantu membendung impak-impak negatif secara efektif dan efisien.

Pengurusan risiko yang tepat dapat menyumbang kepada keupayaan organisasi untuk membuat keputusan, mewujudkan prestasi yang lebih baik untuk mencapai objektif dan seterusnya membantu mewujudkan, melindungi dan memaksimumkan nilai.

Unit Pengurusan Risiko melalui Bahagian Pengurusan Risiko terus diperkasa bagi menyokong amalan tadbir urus baik dalaman dan luaran FELDA. Unit ini bertanggungjawab terhadap keberkesanan keseluruhan sistem pengurusan risiko di FELDA. Skop utama pengurusan risiko adalah:

- Melaksanakan dan membudayakan pengurusan risiko di FELDA.
- Menyediakan Profil Risiko FELDA.
- Memastikan komitmen pengurusan melalui Jawatankuasa Pengurusan Risiko FELDA (JKPR) dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko FELDA.

MELAKSANA DAN MEMBUDAYAKAN PENGURUSAN RISIKO DI FELDA

Selaku penyelarasan dan Urusetia Pengurusan Risiko FELDA, UPRI bertanggungjawab melaksanakan pembudayaan ke setiap peringkat FELDA termasuk subsidiari. Bagi pelaksanaan di peringkat Ibu Pejabat dan Wilayah, Pengurus Risiko dan Pegawai Risiko bertindak sebagai medium rujukan untuk program / aktiviti atau tugas pengurusan risiko di Jabatan / Unit / Wilayah masing-masing. Bagi pelaksanaan di peringkat subsidiari, Polisi Pengurusan Risiko dijadikan dokumen garis panduan yang wajar dipatuhi.

MENYEDIAKAN PROFIL RISIKO FELDA, DAFTAR RISIKO KORPORAT DAN LAPORAN MITIGASI BAGI KEGUNAAN FELDA

Pendekatan pengurusan risiko yang sistematik, holistik, tepat dan teratur menyumbang kepada amalan tadbir urus FELDA yang lebih baik dan cekap. Daftar Risiko merupakan dokumen yang menyenaraikan semua elemen pengurusan risiko dan ia dapat membantu mengenalpasti risiko yang boleh menghalang pencapaian objektif dan melaksanakan kawalan mitigasi bagi risiko tersebut. Dokumen daftar risiko ini terbahagi kepada dua (2) peringkat iaitu Daftar Risiko Korporat FELDA dan Daftar Risiko Operasi FELDA. Laporan pergerakan risiko yang telah didaftarkan dan dipantau secara bulanan melalui Laporan Mitigasi yang akan dibentangkan kepada pihak pengurusan iaitu melalui JKPR dan Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko FELDA. Bagi memudahkan setiap risiko dipantau dan dilaksanakan tindakan mitigasi, penyediaan daftar risiko bagi tahun akan datang perlu dibuat pada tahun sebelumnya. Setiap risiko yang diramal adalah berdasarkan kajian retrospektif dan prospektif.

MEMASTIKAN KOMITMEN PENGURUSAN MELALUI JAWATANKUASA-JAWATANKUASA PENGURUSAN RISIKO

Berdasarkan struktur pengurusan risiko FELDA, JKPR bertanggungjawab membantu Lembaga FELDA dalam mengawasi risiko dan keberkesanan fungsi-fungsi pengurusan risiko FELDA serta melaporkan pergerakan risiko FELDA kepada Lembaga FELDA secara suku tahunan. Manakala Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko FELDA yang dipengerusikan oleh Pengarah Besar FELDA pula berperanan membantu Lembaga FELDA dan JKPR mengawasi risiko dengan melaporkan semua risiko dan status pergerakan risiko dengan impak yang dianalisa dan dikaji serta kemajuan pelan tindakan mitigasi yang diambil untuk menguruskan risiko tersebut kepada JKPR.



Penyata Kewangan

104



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat Berteguran

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul, Lain-lain Dana Dan Rizab, Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 172.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pembangunan Tanah 1956 (Akta 474) kecuali perkara yang dinyatakan di perenggan Asas Kepada Pendapat Berteguran.

Asas Kepada Pendapat Berteguran

- a. Merujuk kepada Nota 24, Pinjaman Kepada Syarikat Kumpulan dan Berkaitan FELDA berjumlah RM2.357 bilion (2017 : RM2.791 bilion). Termasuk dalam item ini adalah penjejasan yang dinyatakan semula daripada sejumlah RM1.309 bilion kepada RM691.68 juta. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah membuat pembalikan (*reversal*) penjejasan berjumlah RM716.93 juta terhadap syarikat FIC Sdn. Bhd. berdasarkan andaian aliran tunai daripada projek rasionalisasi syarikat subsidiari yang dijangka selesai pada tahun 2021. Asas kepada andaian ini tidak dapat disahkan berikutan projek ini masih dalam pertimbangan Lembaga Pengarah.
- b. Merujuk kepada Nota 25, Pinjaman Kepada Peneroka pada 31 Disember 2018 adalah berjumlah RM5.070 bilion (2017 : RM5.484 bilion) terdiri daripada pinjaman bukan semasa berjumlah RM4.190 bilion (2017 : RM4.593 bilion) dan pinjaman semasa

berjumlah RM880 juta (2017 : RM891.68 juta). Jumlah pinjaman tersebut tidak dapat disahkan kerana wujud perbezaan baki antara rekod kewangan berbanding senarai individu peneroka dan amaun yang tidak dapat dikenal pasti.

- c. Akaun Peneroka berjumlah RM956.87 juta (2017 : RM142.50 juta) seperti di Nota 30, Penghutang tidak dapat disahkan kerana wujud perbezaan baki antara rekod kewangan berbanding senarai individu peneroka dan amaun yang tidak dapat dikenal pasti.
- d. Merujuk kepada Nota 40, Pemiutang berjumlah RM3.533 bilion adalah termasuk pemiutang syarikat pembekal berjumlah RM28.53 juta. Amaun ini berbeza sejumlah RM231.93 juta berbanding surat pengesahan pemiutang syarikat pembekal berjumlah RM260.46 juta. Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah membuat pelarasan tambahan sejumlah RM231.93 juta berdasarkan Penyata Akaun daripada pemiutang tanpa merujuk kepada invoice asal. Kelemahan kawalan dalaman perekodan pemiutang menyebabkan ketepatan baki pemiutang tidak dapat disahkan.

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di Perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada Pendapat Berteguran saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan supaya memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pembangunan Tanah, 1956. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan mengenai usaha berterusan jika berkaitan serta menggunakan asas perakaunan untuk usaha berterusan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan, serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah, dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pembangunan Tanah 1956 (Akta 474), saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan oleh Akta untuk disimpan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta 474.

- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 20 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan kecuali FELDA Korea Malaysia Sdn. Bhd. kerana penyata kewangan belum disediakan. Bagaimanapun, ini tidak menjejaskan penyata kewangan kumpulan kerana kesannya yang tidak signifikan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan telah memberi komitmen untuk membuat pembetulan dan pelarasan terhadap isu yang belum selesai semasa penyediaan Penyata Kewangan Tahun 2019. Tindakan penambahbaikan yang komprehensif hendaklah diambil terhadap penyelenggaraan rekod supaya lengkap dan kemas kini bagi memastikan penyediaan penyata kewangan yang benar dan saksama. Tumpuan utama perlu diberikan kepada rekod pinjaman peneroka dan pengiktirafan faedah, penghutang serta pemiutang.

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan Laporan ini.



(DATO' CHE ISA BIN CHE KOB)
b/p KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
13 MAC 2020



(Halaman ini dibiarkan kosong)

PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH

Kami, Tan Sri Dato' Seri Mohd Bakke Salleh dan Dato' Dr. Othman Haji Omar, yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan berikut yang terdiri daripada Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul, Lain-Lain Dana dan Rizab dan Penyata Aliran Tunai dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan Kumpulan pada 31 Disember 2018, dan hasil kendalian serta perubahan aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI DATO' SERI MOHD BAKKE SALLEH
PENERUSI
KUALA LUMPUR
TARIKH 15 JAN 2020

Bagi pihak Lembaga,




DATO' DR. OTHMAN HAJI OMAR
AHLI LEMBAGA PENGARAH
KUALA LUMPUR
TARIKH 15 JAN 2020

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN

Saya, Raja Faridah Raja Ahmad, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dengan ikhlas dan sesungguhnya mengakui bahawa pada pendapat saya, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Dalam Dana Terkumpul, Lain-Lain Dana dan Rizab, Penyata Aliran Tunai dan Nota-Nota Kepada Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sesungguhnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan selaras dengan Piawaiian Pelaporan Kewangan yang diluluskan di Malaysia dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di KUALA LUMPUR pada

15 JAN 2020



RAJA FARIDAH RAJA AHMAD

Di hadapan saya,



B-3A-4, Megan Avenue 2,
12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

PENYATA PENDAPATAN
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	Nota	KUMPULAN		FELDA	
		2018	2017	2018	2017
		RM	RM	RM	RM
			(Dinyatakan Semula)		(Dinyatakan Semula)
PENDAPATAN	6	698,778,253	654,983,229	109,712,005	117,531,428
KOS PENGELUARAN	7	(366,439,664)	(361,716,604)	(38,608,958)	(50,917,932)
LEBIHAN PENDAPATAN ATAS KOS PENGELUARAN		332,338,589	293,266,625	71,103,047	66,613,496
Penjelasan bersih terhadap instrumen keuangan	8	(2,605,182,175)	(3,470,868,655)	(2,965,896,112)	(6,531,244,514)
Lain-lain Pendapatan	9	1,450,547,186	1,631,101,285	1,430,867,358	1,862,761,014
Lain-lain Perbelanjaan	10	(1,534,413,700)	(2,034,333,559)	(1,187,540,802)	(1,443,416,213)
Lain-lain (Kerugian)/ Keuntungan Bersih	11	(277,473,032)	(1,128,873,226)	(277,473,032)	284,461,640
KERUGIAN OPERASI		(2,634,183,132)	(4,709,707,530)	(2,928,939,541)	(5,760,824,577)
Kos Kewangan	12	(521,638,496)	(536,424,364)	(343,675,428)	(351,537,296)
Bahagian Kerugian Syarikat-syarikat Bersekutu		(394,646,462)	(5,813,264)	-	-
Bahagian Keuntungan Syarikat Usahasama		689,762	559,393	-	-
KERUGIAN SEBELUM CUKAI		(3,549,778,328)	(5,251,385,765)	(3,272,614,969)	(6,112,361,873)
Cukai	13	129,741,425	295,192,466	163,731,685	284,042,385
KERUGIAN BERSIH BAGI TAHUN SEMASA		(3,420,036,903)	(4,956,193,299)	(3,108,883,284)	(5,828,319,488)
DIAGIHKAN KEPADA:					
-Pemegang Dana dan Rizab Felda		(3,420,414,903)	(4,944,334,299)	(3,108,883,284)	(5,828,319,488)
-Kepentingan Bukan Kawalan		378,000	(11,859,000)	-	-
		(3,420,036,903)	(4,956,193,299)	(3,108,883,284)	(5,828,319,488)

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	KUMPULAN		FELDA	
	2018	2017	2018	2017
	RM	RM (Dinyatakan Semula)	RM	RM (Dinyatakan Semula)
KERUGIAN BERSIH BAGI TAHUN SEMASA	(3,420,036,903)	(4,956,193,299)	(3,108,883,284)	(5,828,319,488)
Lain-lain Kerugian Komprehensif:				
<u>Item yang tidak akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi</u>				
Keuntungan/ (Kerugian Aktuari Liabiliti Manfaat Persaraan	14,457,173	(22,415,580)	14,526,327	(22,407,314)
<u>Item yang akan dikelaskan semula kepada untung atau rugi</u>				
Lain-lain rizab	(53,287,739)	-	-	-
Bahagian Lain-lain Pendapatan Komprehensif Daripada Syarikat Bersekutu	(396,807,543)	(50,581,467)	-	-
Bahagian Lain-lain Perbezaan Pertukaran Matawang Asing	11,595,909	121,462	-	-
	(438,499,373)	(50,460,005)	-	-
Lain-lain Kerugian Komprehensif Bagi Tahun Semasa, Selepas Cukai	(424,042,200)	(72,875,585)	14,526,327	(22,407,314)
JUMLAH KERUGIAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN SEMASA	(3,844,079,103)	(5,029,068,884)	(3,094,356,957)	(5,850,726,802)
DIAGIHKAN KEPADA:				
- Pemegang Dana dan Rizab Felda	(3,845,162,103)	(5,017,209,884)	(3,094,356,957)	(5,850,726,802)
- Kepentingan Bukan Kawalan	1,083,000	(11,859,000)	-	-
	(3,844,079,103)	(5,029,068,884)	(3,094,356,957)	(5,850,726,802)

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2018

	Nota	KUMPULAN		
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
		RM	RM	RM
			(Dinyatakan Semula)	(Dinyatakan Semula)
ASET BUKAN SEMASA				
Aset Tetap	14	3,073,570,035	4,202,301,553	4,343,617,440
Pelaburan Hartanah	15	522,204,411	517,368,972	525,735,204
Tanah Untuk Pembangunan Dan Kos Pembangunan Hartanah	16	517,730,997	406,792,225	354,343,225
Aset Tidak Nyata	17	3,225,947	3,978,090	4,976,635
Prabayaran Bangunan Milik Pajak	18	9,029,336	10,469,946	11,910,556
Aset Biologi	19	2,932,058	3,367,038	376,372
Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Usahasama	21	16,919,085	16,229,323	15,669,928
Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Bersekutu	22	948,967,663	3,429,664,835	3,537,891,295
Pelaburan Lain	23	2,751,637,837	3,865,379,631	3,761,974,007
Pinjaman Kepada Syarikat-syarikat Kumpulan Dan Berkaitan Felda	24	881,664,656	1,175,685,714	1,475,971,429
Pinjaman Kepada Peneroka	25	4,190,310,275	4,592,511,478	4,602,526,838
Pinjaman Kepada Kakitangan	26	7,903,395	12,510,918	16,744,306
Penghutang Pajakan	27	4,365,560,060	4,375,412,709	4,436,676,993
Aset Cukai Tertunda	28	126,339,898	13,083,862	106,637,796
Penghutang	30	901,630,529	994,172,529	1,078,818,000
		<u>18,319,626,182</u>	<u>23,618,928,823</u>	<u>24,273,870,024</u>

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2018 (bersambung)

	Nota	KUMPULAN		
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
		RM	RM	RM
			(Dinyatakan Semula)	(Dinyatakan Semula)
ASET SEMASA				
Stok	29	282,045,440	646,140,126	668,607,482
Aset Biologi	19	15,549,081	13,224,081	22,260,210
Penghutang	30	2,636,448,621	540,767,792	226,708,340
Penghutang Pajakan	27	303,753,678	361,294,836	316,298,377
Pinjaman Kepada Syarikat-syarikat Kumpulan Dan Berkaitan Felda	24	268,687,725	204,285,714	204,285,714
Pinjaman Kepada Peneroka	25	879,997,207	891,683,809	883,837,132
Pinjaman Kepada Kakitangan	26	2,080,806	2,436,264	2,935,675
Pelaburan Dalam Amanah Raya	31	5,786,374	5,553,339	5,345,828
Pelaburan Lain	23	169,301,257	757,995,598	113,267,000
Pendahuluan Cukai		12,885,640	51,667,073	102,999,524
Aset Kontrak	32	37,004,000	56,096,000	32,588,000
Deposit Tetap Dan Lain-lain Deposit	33	10,647,210	292,789,935	66,065,574
Wang Di Tangan Dan Di Bank	34	193,895,887	153,498,380	368,392,237
		<u>4,818,082,926</u>	<u>3,977,432,947</u>	<u>3,013,591,093</u>
Aset Bagi Operasi Ditamatkan Dipegang Untuk Dijual	35	1,082,131,000	97,000	23,087,000
JUMLAH ASET		<u>24,219,840,108</u>	<u>27,596,458,770</u>	<u>27,310,548,117</u>

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2018 (bersambung)

	Nota	KUMPULAN		
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
		RM	RM	RM
				(Dinyatakan Semula)
				(Dinyatakan Semula)
DANA DAN RIZAB				
DANA DAN RIZAB DIBAHAGIKAN KEPADA PEMEGANG DANA DAN RIZAB FELDA				
Dana Terkumpul		8,272,912,507	12,809,914,405	14,651,525,558
Lain-lain Rizab	36	(427,968,640)	48,714,294	59,282,990
Rizab Pertukaran Matawang Asing		19,270,636	8,431,671	10,205,261
		<u>7,864,214,503</u>	<u>12,867,060,370</u>	<u>14,721,013,809</u>
Kepentingan Bukan Kawalan		<u>266,376,161</u>	<u>265,239,217</u>	<u>264,840,165</u>
JUMLAH DANA DAN RIZAB		<u>8,130,590,664</u>	<u>13,132,299,587</u>	<u>14,985,853,974</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Peruntukan Manfaat Perubatan Selepas Persaraan Dan Pelan Ganjaran Persaraan				
	37	98,334,017	108,436,616	101,415,701
Pinjaman Daripada Institusi Luar	38	8,908,868,621	9,366,197,041	8,504,884,465
Geran Kerajaan	39	78,349,122	110,310,043	59,201,144
Pemiutang	40	1,201,787,508	482,534,110	685,894,401
Liabiliti Cukai Tertunda	28	117,313,962	162,401,542	557,867,457
		<u>10,404,653,230</u>	<u>10,229,879,352</u>	<u>9,909,263,168</u>
LIABILITI SEMASA				
Pinjaman Daripada Institusi Luar	38	2,251,025,065	2,772,569,385	574,275,705
Pemiutang	40	2,745,196,286	859,827,143	1,255,496,775
Peruntukan Cukai		13,011,605	2,352,000	1,922,000
Liabiliti Kontrak	41	2,439,000	2,311,000	-
Liabiliti Tanam Semula Berpeneroka	42	671,974,258	596,275,303	582,802,495
		<u>5,683,646,214</u>	<u>4,233,334,831</u>	<u>2,414,496,975</u>
Liabiliti Bagi Operasi Ditamatkan Dipegang Untuk Dijual	35	950,000	945,000	934,000
JUMLAH LIABILITI		<u>16,089,249,444</u>	<u>14,464,159,183</u>	<u>12,324,694,143</u>
JUMLAH DANA, RIZAB DAN LIABILITI		<u>24,219,840,108</u>	<u>27,596,458,770</u>	<u>27,310,548,117</u>

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2018 (bersambung)

	Nota	FELDA		
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
		RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA				
Aset Tetap	14	2,411,555,353	2,411,223,265	2,398,960,214
Pelaburan Hartanah	15	218,584,412	202,643,973	207,364,205
Tanah Untuk Pembangunan Dan Kos Pembangunan Hartanah	16	885,772	-	-
Aset Biologi	19	2,932,058	3,367,038	376,372
Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Subsidiari	20	90,251,444	131,738,139	130,489,559
Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Usahasama	21	3,700,000	3,700,000	3,700,000
Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Bersekutu	22	568,230,600	1,311,328,200	3,404,042,295
Pelaburan Lain	23	3,278,579,349	4,465,695,173	4,398,370,337
Pinjaman Kepada Syarikat-syarikat Kumpulan Dan Berkaitan Felda	24	881,664,656	2,586,359,052	3,566,660,403
Pinjaman Kepada Peneroka	25	4,190,310,275	4,592,511,478	4,602,526,838
Pinjaman Kepada Kakitangan	26	7,903,395	12,510,918	16,744,306
Penghutang Pajakan	27	4,365,560,060	4,375,412,709	4,436,676,993
Aset Cukai Tertunda	28	11,209,272	-	-
		<u>16,031,366,646</u>	<u>20,096,489,945</u>	<u>23,165,911,522</u>

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2018 (bersambung)

	Nota	FELDA		
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
		RM	RM	RM
			(Dinyatakan Semula)	(Dinyatakan Semula)
ASET SEMASA				
Stok	29	128,904,770	301,502,945	296,339,014
Aset Biologi	19	4,542,189	4,347,986	1,970,417
Penghutang	30	509,484,707	824,123,642	1,192,982,081
Penghutang Pajakan	27	303,753,678	361,294,836	316,298,377
Pinjaman Kepada Syarikat-syarikat Kumpulan Dan Berkaitan FelDA	24	1,475,612,533	204,285,714	204,285,714
Pinjaman Kepada Peneroka	25	879,997,207	891,683,809	883,837,132
Pinjaman Kepada Kakitangan	26	2,080,806	2,436,264	2,935,675
Pelaburan Dalam Amanah Raya	31	5,786,374	5,553,339	5,345,828
Pendahuluan Cukai		-	29,916,666	87,083,331
Deposit Tetap Dan Lain-lain Deposit	33	4,000,000	210,298,000	61,698,000
Wang Di Tangan Dan Di Bank	34	51,723,418	32,215,348	186,568,643
		3,365,885,682	2,867,658,549	3,239,344,212
JUMLAH ASET		19,397,252,328	22,964,148,494	26,405,255,734

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2018 (bersambung)

	Nota	FELDA		
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
		RM	RM	RM
			(Dinyatakan Semula)	(Dinyatakan Semula)
DANA DAN RIZAB				
DANA DAN RIZAB DIBAHAGIKAN KEPADA PEMEGANG DANA DAN RIZAB FELDA				
Dana Terkumpul		7,880,665,259	10,975,022,216	16,373,802,051
Lain-lain Rizab	36	47,305,058	47,077,828	47,112,010
JUMLAH DANA DAN RIZAB		7,927,970,317	11,022,100,044	16,420,914,061
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Peruntukan Manfaat Perubatan Selepas Persaraan Dan Pelan Ganjaran Persaraan	37	96,031,547	106,866,338	99,937,790
Pemiutang	40	1,846,333,638	1,685,385,630	-
Pinjaman Daripada Institusi Luar	38	5,289,500,873	5,500,000,873	6,549,500,873
Geran Kerajaan	39	78,349,122	110,310,043	59,201,144
Liabiliti Cukai Tertunda	28	-	152,522,413	436,564,798
		7,310,215,180	7,555,085,297	7,145,204,605
LIABILITI SEMASA				
Pinjaman Daripada Institusi Luar	38	1,799,573,705	2,299,573,705	270,073,705
Pemiutang	40	1,687,518,868	1,491,114,145	1,986,260,868
Liabiliti Tanam Semula Berpeneroka	42	671,974,258	596,275,303	582,802,495
		4,159,066,831	4,386,963,153	2,839,137,068
JUMLAH LIABILITI		11,469,282,011	11,942,048,450	9,984,341,673
JUMLAH DANA, RIZAB DAN LIABILITI		19,397,252,328	22,964,148,494	26,405,255,734

**PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL,
LAIN-LAIN DANA DAN RIZAB**
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

KUMPULAN	Dibahagikan Kepada Pemegang Dana Dan Rizab Felda				Kepentingan Bukan Kawalan		Jumlah Dana Dan Rizab
	Dana Terkumpul	Lain-lain Rizab	Rizab Pertukaran Matawang Asing	Rizab	Jumlah	RM	
Pada 1 Januari 2018	12,904,150,030	48,714,294	8,431,671	12,961,295,995	265,239,217	13,226,535,212	
Pelarasan pada 1 Januari 2018 (Nota 5)	(94,235,625)	-	-	(94,235,625)	-	(94,235,625)	
Pada 1 Januari 2018 (Dinyatakan semula)	12,809,914,405	48,714,294	8,431,671	12,867,060,370	265,239,217	13,132,299,587	
Kurangan pendapatan bersih	(3,420,414,903)	-	-	(3,420,414,903)	378,000	(3,420,036,903)	
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa, selepas cukai:							
Lain-lain rizab	-	(53,287,739)	-	(53,287,739)	-	(53,287,739)	
Bahagian syarikat bersekutu	(396,807,543)	-	-	(396,807,543)	-	(396,807,543)	
Kerugian aktuari liabiliti manfaat perubatan	14,457,173	-	-	14,457,173	-	14,457,173	
Perbezaan pertukaran matawang asing	-	-	10,890,909	10,890,909	705,000	11,595,909	
	(382,350,370)	(53,287,739)	10,890,909	(424,747,200)	705,000	(424,042,200)	

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL, LAIN-LAIN DANA DAN RIZAB

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (bersambung)

	Dibahagikan Kepada Pemegang Dana Dan Rizab Felda				Kepentingan		Jumlah Dana Dan Rizab
	Dana Terkumpul	Lain-lain Rizab	Rizab Pertukaran Matawang Asing	Jumlah	Bukan Kawalan	RM	
KUMPULAN	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
JUMLAH (KERUGIAN)/ PENDAPATAN KOMPREHENSIF, TAHUN SEMASA	(3,802,765,273)	(53,287,739)	10,890,909	3,845,162,103	1,083,000	(3,844,079,103)	
Pindahan	3,301,191,731	79,321	-	3,301,271,052	-	3,301,271,052	
Kutipan/ Pendapatan Pelupusan saham perbendaharaan dalam syarikat subsidiari	-	148,962	-	148,962	-	148,962	
Pemulangan/ Perbelanjaan Bahagian keuntungan/ (kerugian) syarikat bersekutu	(3,640,781,894)	(32,501,000)	-	(32,501,000)	-	(32,501,000)	
	(394,646,462)	(391,121,425)	(51,944)	(785,819,831)	53,944	(3,640,782,947)	
JUMLAH TRANSAKSI DENGAN PEMEGANG DANA DAN RIZAB	(734,236,625)	(423,395,195)	(51,944)	(1,157,683,764)	53,944	(1,157,629,820)	
Pada 31 Disember 2018	8,272,912,507	(427,968,640)	19,270,636	7,864,214,503	266,376,161	8,130,590,664	

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL, LAIN-LAIN DANA DAN RIZAB

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (bersambung)

	Dibahagikan Kepada Pemegang Dana Dan Rizab Felda					
	Dana Terkumpul	Lain-lain Rizab	Matawang Asing	Rizab Pertukaran	Jumlah Kepentingan Bukan Kawalan	Jumlah Dana Dan Rizab
KUMPULAN	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2017	11,528,043,247	3,440,802,343	10,205,261	14,979,050,851	265,787,165	15,244,838,016
Pelarasan pada 1 Januari 2017 (Nota 51)	(1,459,908,306)	-	-	(1,459,908,306)	-	(1,459,908,306)
Pelarasan/ Pengkelasan MFRS (Nota 50)	4,583,390,617	(3,381,519,353)	-	1,201,871,264	(947,000)	1,200,924,264
Pada 1 Januari 2017 (Dinyatakan semula)	14,651,525,558	59,282,990	10,205,261	14,721,013,809	264,840,165	14,985,853,974
Kurangan pendapatan bersih	(4,944,334,299)	-	-	(4,944,334,299)	(11,859,000)	(4,956,193,299)
Lain-lain pendapatan komprehensif bagi tahun semasa, selepas cukai:						
Bahagian syarikat bersekutu	(50,581,467)	-	-	(50,581,467)	-	(50,581,467)
Kerugian aktuari liabiliti manfaat perubatan	(22,415,580)	-	-	(22,415,580)	-	(22,415,580)
Perbezaan pertukaran matawang asing	-	-	121,462	121,462	-	121,462
	(72,997,047)	-	121,462	(72,875,585)	-	(72,875,585)

PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL, LAIN-LAIN DANA DAN RIZAB

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (bersambung)

	Dibahagikan Kepada Pemegang Dana Dan Rizab Felda					
	Dana Terakumulasi	Lain-lain Rizab	Rizab Pertukaran Matawang Asing	Jumlah	Kepentingan Bukan Kawalan	Jumlah Dana Dan Rizab
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
KUMPULAN						
JUMLAH (KERUGIAN)/ PENDAPATAN KOMPREHENSIF, TAHUN SEMASA	(5,017,331,346)	-	121,462	5,017,209,884	(11,859,000)	(5,029,068,884)
Pindahan	3,459,208,372	-	-	3,459,208,372	-	3,459,208,372
Pemulangan/ perbelanjaan	(183,439,290)	(10,568,697)	-	(194,007,987)	-	(194,007,987)
Bahagian keuntungan syarikat bersekutu	(5,813,264)	-	(1,895,052)	(7,708,316)	-	(7,708,316)
Bayaran dividen kepada kepentingan bukan kawalan	-	-	-	-	12,258,052	12,258,052
JUMLAH TRANSAKSI DENGAN PEMEGANG DANA DAN RIZAB	3,269,955,818	(10,568,697)	(1,895,052)	3,257,492,069	12,258,052	3,269,750,121
Pada 31 Disember 2017	12,904,150,030	48,714,294	8,431,671	12,961,295,995	265,239,217	13,226,535,212

**PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL,
LAIN-LAIN DANA DAN RIZAB**
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	Dana Terkumpul	Lain-lain Rizab	Jumlah Dana Dan Rizab
FELDA	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2018	10,523,075,249	47,077,828	10,570,153,077
Pelarasan pada 1 Januari 2018	451,946,967	-	451,946,967
Pada 1 Januari 2018 (Dinyatakan semula)	10,975,022,216	47,077,828	11,022,100,044
Kurangan pendapatan bersih	(3,108,883,284)	-	(3,108,883,284)
Lain-lain pendapatan komprehensif:			
- Keuntungan aktuari liabiliti manfaat perubatan	14,526,327	-	14,526,327
JUMLAH KERUGIAN KOMPREHENSIF, TAHUN SEMASA	(3,094,356,957)	47,077,828	(3,094,356,957)
Pindahan	-	79,321	79,321
Peruntukan diterima/ kutipan/ pendapatan	-	148,962	148,962
Pemulangan/ perbelanjaan	-	(1,053)	(1,053)
JUMLAH TRANSAKSI DENGAN PEMEGANG DANA DAN RIZAB	-	227,230	227,230
Pada 31 Disember 2018	7,880,665,259	47,305,058	7,927,970,317
Pada 1 Januari 2017	11,214,856,468	3,428,631,363	14,643,487,831
Pelarasan pada 1 Januari 2017	(1,424,228,673)	-	(1,424,228,673)
Pelarasan/ Pengkelasan MFRS (Nota 50)	6,583,174,256	(3,381,519,353)	3,201,654,903
Pada 1 Januari 2017 (Dinyatakan semula)	16,373,802,051	47,112,010	16,420,914,061
Kurangan pendapatan bersih	(5,828,319,488)	-	(5,828,319,488)
Lain-lain kerugian komprehensif:			
- Kerugian aktuari liabiliti manfaat perubatan	(22,407,314)	-	(22,407,314)
JUMLAH KERUGIAN KOMPREHENSIF, TAHUN SEMASA	(5,850,726,802)	47,112,010	(5,850,726,802)
Peruntukan diterima/ kutipan/ pendapatan	-	58,945	58,945
Pemulangan/ perbelanjaan	-	(93,127)	(93,127)
JUMLAH TRANSAKSI DENGAN PEMEGANG DANA DAN RIZAB	-	(34,182)	(34,182)
Pada 31 Disember 2017	10,523,075,249	47,077,828	10,570,153,077

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	Nota	KUMPULAN	
		2018	2017
		RM	RM
			(Dinyatakan Semula)
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/ (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Kurangan pendapatan atas perbelanjaan selepas cukai		(3,420,036,903)	(4,956,193,299)
Pelarasan untuk:			
- Cukai		(129,741,425)	(295,192,466)
- Bahagian kerugian syarikat-syarikat bersekutu		394,646,462	5,813,264
- Bahagian keuntungan syarikat-syarikat usahasama		(689,762)	(559,393)
Aset dihapuskira		3,267,843	-
Susutnilai:			
- Aset tetap	14	101,637,529	120,321,224
- Pelaburan hartanah	15	9,302,297	9,424,440
- Tanah untuk pembangunan	16	3,000,873	6,592,000
Pelunasan:			
- Prabayaran bangunan dan tanah milik pajak	18	1,440,610	1,440,610
- Aset tidak nyata	17	752,143	1,015,545
Penjejasan Pembangunan Rancangan Tanam Semula		1,306,793,715	753,545,788
Penjejasan syarikat subsidiari		-	27,825
Penjejasan syarikat bersekutu		751,778,906	2,130,663,019
Penjejasan penghutang pajakan		35,000,000	35,000,000
Penjejasan penghutang syarikat berkaitan		513,323,712	550,255,619
Penjejasan penghutang dagangan dan lain		2,005,000	-
Penjejasan atas pinjaman kakitangan		4,228,842	1,376,404
Penjejasan aset dipegang untuk dijual		2,500,000	-
Peruntukan manfaat perubatan		8,222,121	7,030,901
Pelarasan faedah:			
- Perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan berpeneroka	9	(13,982)	(24,140)
- Perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan tanam semula berpeneroka	9	(200,840,751)	(460,816,219)
- Dana borong	8	(15,887,159)	(235,627)
- Pinjaman kepada syarikat Kumpulan dan berkaitan Felda	9	(139,552,121)	(138,244,388)
- Deposit tetap dan lain-lain deposit	9	(12,394,789)	(13,578,977)
- Pinjaman pusingan kredit ("STRC")	9	(29,494,724)	(75,602,655)
- Faedah lain	9	(4,817,521)	(4,914,273)
- Faedah dibayar		521,638,496	536,424,364
Kerugian atas penilaian semula stok		-	(510,927)

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (bersambung)

	Nota	KUMPULAN	
		2018	2017
		RM	RM
			(Dinyatakan Semula)
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/ (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI OPERASI (BERSAMBUNG)			
Pelarasan nilai saksama:			
- Pengukuran semula pelan manfaat perubatan selepas pencen		(8,117,722)	-
- Syarikat Kumpulan dan berkaitan Felda		(3,095,342)	-
- Aset Biologi (Kelapa Sawit)		(4,542,189)	(4,347,986)
- Aset Biologi penghasil		(798,108)	(724,256)
- Penghutang pajakan		(248,913,823)	(308,372,009)
Peruntukan:			
- Hutang ragu		16,744,628	2,685,220
- Kerugian atas jualan aset kewangan sedia untuk dijual		-	27,930,000
- Kerugian/ (Keuntungan) dijangka untuk projek perumahan		3,304,746	(3,600,843)
Dividen kasar		(101,536,809)	(102,522,458)
Kerugian tidak nyata atas perbezaan matawang asing		133,951,808	174,550,976
Kurangan pendapatan atas perbelanjaan daripada operasi sebelum perubahan modal kerja		(506,933,399)	(2,001,342,717)
Perubahan dalam modal kerja:			
- Stok		364,094,686	20,904,268
- Penghutang		(1,220,524,579)	(1,709,510,320)
- Pemiutang		3,392,211,848	705,711,553
Aliran tunai bersih daripada operasi		2,028,848,556	(2,984,237,216)
Manfaat perubatan dibayar		(3,867,547)	(3,132,351)
Cukai dibayar		38,781,433	51,332,451
Aliran tunai bersih digunakan daripada aktiviti operasi		2,063,762,442	(2,936,037,116)
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/(DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Faedah diterima:			
- Perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan berpeneroka	9	13,982	24,140
- Perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan tanam semula berpeneroka	9	200,840,751	460,816,219
- Dana borong	9	15,887,159	235,627
- Pinjaman kepada syarikat Kumpulan dan berkaitan Felda	9	139,552,121	138,244,388

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (bersambung)

	Nota	KUMPULAN	
		2018 RM	2017 RM
(Dinyatakan Semula)			
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/(DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI PELABURAN (BERSAMBUNG)			
- Deposit tetap dan lain-lain deposit	9	12,394,789	13,578,977
- Pinjaman pusingan kredit ("STRC")	9	29,494,724	75,602,655
- Faedah lain	9	4,817,521	4,914,273
Perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan tanam semula berpeneroka:			
- Perbelanjaan kasar		(2,378,774,827)	(2,670,871,864)
- Hasil tanaman		1,491,591,084	1,802,362,467
- Bayaran kembali		78,001,825	67,989,597
- Pindahan pinjaman		139,429,028	444,602,936
- Bantuan tanaman semula		-	(22,621,162)
Pinjaman kepada syarikat-syarikat Kumpulan dan berkaitan Felda:			
- Pinjaman dikeluarkan		229,619,047	-
- Bayaran kembali		-	300,285,715
Pinjaman kepada peneroka:			
- Pinjaman dikeluarkan		(1,010,973,607)	(1,778,287)
- Bayaran kembali		61,453,787	378,289,795
Pinjaman kepada kakitangan:			
- Pinjaman dikeluarkan		(51,375)	-
- Bayaran kembali		4,912,478	4,918,908
Pelaburan lain:			
- Belian		(177,318,325)	(228,457,212)
- Jualan		9,618,470	236,663,806
Dividen diterima		101,536,809	102,522,458
Aset tetap:			
- Belian	14	(117,564,868)	(135,533,418)
Pelaburan Hartanah:			
- Belian	15	(997,406)	(1,058,208)
Kos Pembangunan Hartanah:			
- Belian	16	(9,958,000)	(23,992,000)
Aset Biologi:			
- Belian	19	(11,944,332)	(8,863,173)
Pelaburan dari syarikat bersekutu		-	(2,030,000)
Bayaran diterima daripada penghutang pajakan		316,318,656	339,696,535
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan		(872,100,509)	1,275,543,172

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (bersambung)

Nota	KUMPULAN	
	2018	2017
	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/ (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Pinjaman daripada institusi luar:		
- Pinjaman diterima	837,480,000	2,258,367,680
- Bayaran kembali	(1,359,024,320)	(60,074,000)
- Faedah dibayar	(521,638,496)	(536,424,364)
Liabiliti tanam semula:		
- Sumbangan/ kutipan peneroka tanam semula	75,976,036	13,517,586
- Perbelanjaan tanam semula	(277,081)	(44,778)
Lain-lain rizab:		
- Peruntukan/ kutipan diterima	148,962	4,662,305
- Perbelanjaan	(476,911,217)	(5,906,391)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti kewangan	(1,444,246,116)	1,674,098,038
ALIRAN TUNAI BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI	(252,584,183)	13,604,094
KESAN DARIPADA PERTUKARAN MATAWANG ASING	10,838,965	(1,773,590)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN	446,288,315	434,457,811
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	34 204,543,097	446,288,315

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (bersambung)

	Nota	FELDA	
		2018	2017
		RM	RM
			(Dinyatakan Semula)
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/ (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Kurangan pendapatan atas perbelanjaan selepas cukai		(3,108,883,284)	(5,828,319,488)
Pelarasan untuk:			
Cukai		(163,731,685)	(284,042,385)
Susutnilai:			
- Aset tetap	14	85,020,032	89,677,343
- Pelaburan hartanah	15	5,784,297	5,778,440
Pelunasan:			
- Prabayaran manfaat pekerja		-	-
Penjejasan Pembangunan Rancangan Tanam Semula		1,306,793,715	753,545,788
Penjejasan syarikat subsidiari		-	148,819,827
Penjejasan syarikat bersekutu		751,778,906	2,130,663,019
Penjejasan pinjaman kepada syarikat berkaitan		199,765,929	1,226,198,227
Peruntukan kontrak jaminan kewangan		160,948,008	1,685,385,630
Penjejasan penghutang pajakan		35,000,000	35,000,000
Penjejasan penghutang syarikat berkaitan		507,380,712	550,255,619
Peruntukan manfaat perubatan		7,317,493	6,880,820
Pelarasan faedah:			
- Perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan tanam semula berpeneroka	9	(200,840,751)	(460,816,219)
- Perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan berpeneroka	9	(13,982)	(24,140)
- Pinjaman pusingan kredit ("STRC")	9	(29,494,724)	(75,602,655)
- Dana borong	9	(15,887,159)	(235,627)
- Pinjaman kepada Syarikat Kumpulan dan berkaitan Felda	9	(139,552,121)	(349,013,202)
- Deposit tetap dan lain-lain deposit	9	(8,161,789)	(11,178,977)
- Faedah lain	9	(529,219)	(625)
Pelarasan nilai saksama:			
- Pengukuran semula pelan manfaat perubatan selepas pencen		(8,117,722)	-
- Akaun peneroka		-	-

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (bersambung)

	FELDA	
	2018	2017
Nota	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/ (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI OPERASI (BERSAMBUNG)		
- Penghutang lain	-	-
- Syarikat berkaitan	(3,095,342)	-
- Aset Biologi (Kelapa Sawit)	(4,542,189)	(4,347,986)
- Aset Biologi Penghasil	(798,108)	(724,256)
- Penghutang pajakan	(248,913,823)	(308,372,009)
Peruntukan/ (pembalikan):		
- Hutang ragu	16,744,628	2,586,565
- Kerugian dijangka untuk projek perumahan	3,304,746	(3,600,843)
Penjelasan atas pinjaman kepada kakitangan	4,228,842	1,376,404
Dividen kasar	(172,638,330)	(232,351,069)
Kurangan pendapatan atas perbelanjaan daripada operasi sebelum perubahan modal kerja	(1,021,132,920)	(922,461,799)
Perubahan dalam modal kerja:		
- Stok	172,598,175	(5,163,931)
- Penghutang	631,935,046	(871,961,666)
- Pemiutang	1,247,329,555	(1,235,177,506)
Aliran tunai bersih daripada operasi	1,030,729,856	(3,034,764,902)
Manfaat perubatan dibayar	(3,625,957)	(3,066,371)
Cukai dikembalikan	29,916,666	87,083,331
Aliran tunai bersih digunakan daripada aktiviti operasi	1,057,020,565	(2,950,747,942)
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/ (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Faedah diterima:		
- Pinjaman kepada Syarikat Kumpulan dan Berkaitan Felda	9 139,552,121	349,013,202
- Deposit tetap dan lain-lain deposit	9 8,161,789	11,178,977
- Dana Borong	9 15,887,159	235,627
- Faedah lain	9 529,219	625

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (bersambung)

	Nota	FELDA	
		2018	2017
		RM	RM
			(Dinyatakan Semula)
- Perbelanjaan Pembangunan Tanam Semula	9	200,840,751	460,816,219
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/ (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI PELABURAN (BERSAMBUNG)			
- Pinjaman pusingan kredit ("STRC")	9	29,494,724	75,602,655
- Pembangunan rancangan berpeneroka	9	13,982	24,140
Perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan tanam semula berpeneroka:			
- Perbelanjaan kasar		(2,378,774,827)	(2,670,871,864)
- Hasil tanaman		1,491,591,084	1,802,362,467
- Bayaran kembali		78,001,825	67,989,597
- Pindahan pinjaman		139,429,028	444,602,936
- Bantuan tanaman semula		-	(22,621,162)
Pinjaman kepada Syarikat-syarikat Kumpulan dan berkaitan Felda:			
- Pinjaman dikeluarkan		(19,994,036)	(4,111,344)
- Bayaran kembali		248,535,710	550,084,241
Pinjaman kepada peneroka:			
- Pinjaman dikeluarkan		(1,010,973,607)	(1,778,287)
- Bayaran kembali		61,453,787	378,289,795
Pinjaman kepada kakitangan:			
- Pinjaman dikeluarkan		(51,375)	-
- Bayaran kembali		4,912,478	4,918,908
Pelaburan lain			
- Belian		-	(228,457,212)
- Jualan		-	269,493,909
Pelaburan dalam unit amanah:			
Dividen diterima		172,638,330	232,351,069
Aset tetap:			
- Hasil jualan		609,855	9,286,677
- Belian	14	(107,569,694)	(111,227,071)

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018 (bersambung)

	Nota	FELDA	
		2018	2017
		RM	RM
			(Dinyatakan Semula)
Aset Biologi			
- Hapus		1,233,088	85,493
- Belian		-	(2,351,903)
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/ (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI PELABURAN (BERSAMBUNG)			
Belian pelaburan hartanah	15	(997,406)	(1,058,208)
Pelaburan dalam syarikat bersekutu		-	(2,000,000)
Pelaburan syarikat subsidiari		-	-
Bayaran diterima daripada penghutang pajakan		316,318,656	339,696,535
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan		(609,157,359)	1,951,556,021
ALIRAN TUNAI BERSIH DIHASILKAN/ (DIGUNAKAN) DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN			
Pinjaman daripada institusi luar:			
- Pinjaman diterima		2,039,500,000	2,029,500,000
- Bayaran kembali		(2,750,000,000)	(1,049,500,000)
Liabiliti tanam semula:			
- Sumbangan/ kutipan peneroka tanam semula		75,976,036	13,517,586
- Perbelanjaan tanam semula		(277,081)	(44,778)
Lain-lain rizab:			
- Peruntukan/ kutipan diterima		148,962	58,945
- Perbelanjaan		(1,053)	(93,127)
Aliran tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti kewangan		(634,653,136)	993,438,626
ALIRAN TUNAI BERSIH DALAM TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI		(186,789,930)	(5,753,295)
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN		242,513,348	248,266,643
TUNAI DAN PERSAMAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	34	55,723,418	242,513,348

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018

1. MAKLUMAT AM

Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan ("Felda") ditubuhkan di bawah Akta Kemajuan Tanah, 1956 untuk pengurusan dan pembangunan tanah dan pemodenan sektor pertanian di Malaysia. Aktiviti-aktiviti utama syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat usahasama serta syarikat-syarikat bersekutu ditunjukkan dalam Nota 44 hingga 46 pada Nota-nota Kepada Penyata Kewangan.

Tiada perubahan ketara dalam kegiatan Kumpulan dan Felda dalam tempoh tahun kewangan semasa.

2. ASAS PERAKAUNAN

Penyata Kewangan Kumpulan dan Felda telah disediakan berasaskan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa ("IFRS") dan Akta Kemajuan Tanah, 1956 di Malaysia.

Penyata Kewangan Kumpulan dan Felda untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 adalah Penyata Kewangan yang pertama disediakan berasaskan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ("MFRS"), termasuk MFRS 1: Pemakaian Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, MFRS 9: Instrumen Kewangan, MFRS 15: Pendapatan Hasil daripada Kontrak dengan Pelanggan, MFRS 141: Pertanian, MFRS 2: Pindaan Untuk Menjelaskan Klasifikasi dan Pengukuran Transaksi Pembayaran Berasaskan Saham, MFRS 9 Instrumen Kewangan, MFRS 4 Kontrak Insurans, MFRS 140: Pindaan Pemindahan Harta Pelaburan, Tafsiran IC 22 transaksi mata wang asing dan pertimbangan terlebih dahulu dan pindaan kepada peningkatan tahunan MFRS kepada MFRS 2014-2016.

Penyata Kewangan Kumpulan dan Felda telah menggunakan secara konsisten dasar perakaunan yang sama dalam penyediaan nilai baki buka Penyata Kedudukan Kewangan berdasarkan MFRS pada tarikh peralihan iaitu pada 1 Januari 2017 dan sepanjang tahun kewangan yang dibentangkan, seolah-olah dasar-dasar ini sentiasa berkuatkuasa. Kesan peralihan kepada MFRS mengenai kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dinyatakan dalam Nota 50.

Penyata Kewangan Kumpulan telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam ringkasan Nota-nota Kepada Penyata Kewangan ini.

Penyediaan Penyata Kewangan berdasarkan MFRS memerlukan penggunaan anggaran dan andaian perakaunan kritikal tertentu. Ia memerlukan ahli-ahli Lembaga membuat anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan dan pendedahan aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh Penyata Kewangan dan jumlah perolehan serta perbelanjaan yang dilaporkan pada tempoh pelaporan. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada semua anggaran tersebut.

Ia juga memerlukan ahli-ahli Lembaga melaksanakan pertimbangan dalam proses menggunapakai dasar-dasar perakaunan Kumpulan dan Felda. Bahagian-bahagian di mana andaian dan anggaran melibatkan tahap yang tinggi atau penting kepada Penyata Kewangan dinyatakan dalam Nota 5.

Piawaian yang dikeluarkan tetapi masih belum berkuatkuasa

Piawaian dan tafsiran yang dikeluarkan tetapi masih belum berkuatkuasa sehingga tarikh penyediaan Penyata Kewangan Kumpulan dan Felda dinyatakan seperti di bawah. Kumpulan dan Felda bersedia untuk menerapkan piawaian ini, sekiranya berkenaan, apabila piawaian ini berkuatkuasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

2. ASAS PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

Piawaian yang dikeluarkan tetapi masih belum berkuatkuasa (bersambung)

i) Berkuatkuasa untuk tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2019

Piawaian dan pindaan	Keterangan
MFRS 16	Pajakan
Pindaan pada MFRS 9	Pasca bayaran dengan pampasan negatif
Pindaan pada MFRS 119	Pindaan, pelunasan atau penyelesaian pelan
Pindaan pada MFRS 128	Kepentingan jangka panjang dalam syarikat bersekutu dan usahasama
Tafsiran IC 23	Ketidakpastian mengenai bayaran cukai pendapatan

Penambahbaikan tahunan kepada piawaian MFRS 3 'Penggabungan Perniagaan, MFRS 11 'Urus Janji Usahasama, MFRS 112 'Percukaian' dan MFRS 123 'Kos Pinjaman.'

ii) Berkuatkuasa untuk tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2020

Piawaian dan pindaan	Keterangan
Pindaan pada MFRS 3	Penggabungan perniagaan
Pindaan pada MFRS 101	Pembentangan penyata kewangan
Pindaan pada MFRS 108	Dasar perakaunan, perubahan dalam anggaran dan kesilapan perakaunan

iii) Berkuatkuasa untuk tempoh tahunan pada atau selepas 1 Januari 2021

Piawaian dan pindaan	Keterangan
MFRS 17	Kontrak insuran

iv) Berkuatkuasa untuk suatu tempoh tahunan yang masih belum ditetapkan

Piawaian dan pindaan	Keterangan
Pindaan pada MFRS 10 dan MFRS 128	Jualan atau sumbangan aset antara pelabur dan syarikat bersekutu atau usahasama

Penggunaan piawaian dan tafsiran di atas tidak dijangka mempunyai kesan ke atas Penyata Kewangan dalam tempoh berkuatkuasa kecuali seperti yang dibincangkan di bawah:

MFRS 16: Pajakan

MFRS 16 akan menggantikan MFRS 117: Pajakan, Tafsiran IC 4: Menentukan samada sesebuah perjanjian mengandungi pajakan, Tafsiran IC 115: Operasi Insentif Pajakan dan Tafsiran IC 127: Menilai transaksi yang mengikut undang-undang melibatkan pajakan. MFRS 16 menerapkan prinsip untuk pengiktirafan, pengukuran, persembahan dan pendedahan pajakan dan memerlukan pemajak untuk mengambil semua pajakan di bawah satu model lembaran kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

2. ASAS PERAKAUNAN (BERSAMBUNG)

MFRS 16: Pajakan (bersambung)

Pada tarikh permulaan pajakan, pemajak akan mengiktiraf liabiliti untuk bayaran pajakan dan hak penggunaan aset di sepanjang tempoh pajakan. Pemajak dikehendaki mengiktiraf perbelanjaan faedah ke atas liabiliti pajakan dan perbelanjaan susut nilai ke atas hak penggunaan aset tersebut.

Pengolahan perakaunan untuk pemberi pajakan di bawah MFRS 16 adalah sama dengan pengolahan perakaunan yang terdapat di bawah piawaian terdahulu, MFRS 117. Pemberi pajakan akan terus mengklasifikasikan semua pajakan menggunakan klasifikasi yang sama seperti yang terdapat di dalam MFRS 117 di antara dua jenis pajakan iaitu pajakan operasi atau pajakan kewangan.

MFRS 16 berkuatkuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2019. Penggunaan awal adalah dibenarkan akan tetapi mestilah selepas entiti menggunakan MFRS 15. Pemajak dibenarkan untuk memilih untuk menggunakan piawaian ini samada secara retrospektif penuh atau retrospektif yang diubahsuai.

Piawaian ini akan memberi kesan terutamanya kepada pajakan operasi Kumpulan dan Felda yang tidak boleh dilupuskan. Kumpulan dan Felda perlu mengiktiraf aset-aset dan aset yang bersesuaian dengan menggunakan retrospektif yang diubahsuai dan tidak akan menyatakan jumlah perbandingan untuk tahun sebelum penggunaan awal. Hak penggunaan aset akan diukur pada jumlah yang sama dengan jumlah liabiliti pajakan pada tarikh peralihan. Di samping itu, Kumpulan dan Felda boleh memilih untuk menggunakan pengecualian untuk tidak mengiktiraf aset dan liabiliti hak penggunaan di dalam Penyata Kewangan untuk pajakan yang mempunyai tempoh berakhir 12 bulan pada 1 Januari 2019 dan tidak menilai semula kepada semua kontrak yang sebelum ini dikenalpasti sebagai pajakan.

Felda telah melakukan penilaian awal pada maklumat semasa dan telah membuat kesimpulan bahawa MFRS 16 tidak dijangka mempunyai kesan yang ketara ke atas Penyata Kewangan Felda apabila diterima pakai pada 1 Januari 2019.

MFRS 123: Kos Pinjaman

Jawatankuasa Interpretasi IFRS pada bulan Mac 2019 telah mengeluarkan keputusan agenda mengenai permodalan kos pinjaman berhubung dengan IAS 23. Keputusan Pengundian Jawatankuasa Interpretasi menyatakan bahawa kos pinjaman tidak akan dipermodalkan apabila pinjaman berkaitan dengan pembinaan harta tanah multi-unit kediaman pembangunan yang hasilnya diiktiraf dari masa ke masa.

Pada 20 Mac 2019, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia telah membuat pengumuman bahawa entiti mungkin perlu mengubah dasar perakaunannya mengikut Polisi Perakaunan MFRS 108, Perubahan Anggaran Perakaunan dan Kesilapan akibat Keputusan Agenda kepada Penyata Kewangan tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Julai 2020.

Pengarah menilai impak pindaan ini terhadap jumlah yang dilaporkan dan pendedahan dalam Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA

Dasar perakaunan utama di bawah telah dijadikan sebagai asas dalam penyediaan Penyata Kewangan ini. Kesemua dasar perakaunan ini telah digunapakai secara konsisten pada setiap tahun yang dipersembahkan sekira tidak dinyatakan sebaliknya.

(i) Asas Penyatuan

Penyata Kewangan yang disatukan meliputi Penyata Kewangan Felda dan syarikat-syarikat subsidiari yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan bagi syarikat-syarikat subsidiari yang digunakan bagi penyediaan Penyata Kewangan yang disatukan telah disediakan berasaskan piawaian pelaporan perakaunan yang sama seperti Felda. Pengolahan perakaunan yang sama telah digunakan pada transaksi yang secara dasarnya adalah sama.

Felda mempunyai kawalan ke atas syarikat-syarikat hanya apabila Felda memenuhi semua di bawah:

- i. Kawalan ke atas syarikat yang telah dilaburkan, iaitu mempunyai hak yang sedia ada yang membolehkan Felda menentukan hala tuju aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan syarikat tersebut;
- ii. Pendedahan, atau keupayaan, untuk mengubah hasil-hasil dari pelaburan yang telah dilakukan ke atas syarikat tersebut; dan
- iii. Keupayaan untuk menggunakan kuasanya yang mampu mempengaruhi hasil syarikat tersebut.

Sekiranya Felda mempunyai kurang dari majoriti keupayaan untuk mengundi ke atas syarikat tersebut, Felda akan menilai samada Felda masih mempunyai hak untuk mengundi yang cukup untuk membuktikan Felda mempunyai kuasa ke atas syarikat tersebut berdasarkan:

- i. Saiz pegangan hak mengundi berbanding kepada saiz dan percambahan hak mengundi bagi pemegang undi yang lain;
- ii. Potensi hak mengundi bagi Felda berbanding pemegang hak undi yang lain;
- iii. Keupayaan yang meningkat disebabkan oleh kontrak aturan yang lain; dan
- iv. Fakta-fakta dan keadaan-keadaan tambahan lain yang menunjukkan bahawa Felda mempunyai, atau tidak mempunyai, keupayaan untuk menentukan hala tuju aktiviti-aktiviti syarikat yang berkaitan pada masa keputusan tersebut perlu dibuat, termasuklah corak undian di dalam perjumpaan pemegang-pemegang saham yang lepas.

Syarikat-syarikat subsidiari akan disatukan sekiranya Felda mempunyai kuasa ke atas syarikat subsidiari berkenaan dan sebaliknya sekiranya Felda kehilangan kuasanya. Kesemua baki, hasil dan perbelanjaan serta untung atau rugi yang belum direalisasikan dari transaksi-transaksi di antara syarikat-syarikat di dalam Kumpulan ini akan dihapuskan keseluruhannya.

Kerugian di dalam syarikat subsidiari juga akan diserapkan kepada kepentingan bukan kawalan walaupun ia akan mengakibatkan baki defisit.

Kepentingan bukan kawalan adalah ekuiti dalam sesebuah syarikat subsidiari yang tidak boleh dikaitkan, secara langsung atau tidak langsung, kepada syarikat induk. Bagi setiap pengambilalihan, Kumpulan mengukur apa-apa kepentingan bukan kawalan dalam syarikat yang diambilalih pada bahagian aset bersih syarikat yang diambilalih yang dimiliki oleh minoriti. Pada akhir tempoh pelaporan, kepentingan bukan kawalan terdiri daripada jumlah yang dikira pada tarikh gabungan dan bahagian bagi perubahan dalam ekuiti syarikat subsidiari sejak tarikh gabungan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(i) Asas Penyatuan (bersambung)

Perubahan pada kepentingan Kumpulan di dalam syarikat-syarikat subsidiari yang tidak mengakibatkan Kumpulan kehilangan kawalan ke atas syarikat-syarikat subsidiari akan di ambil kira sebagai transaksi ekuiti. Nilai di dalam baki kepentingan Kumpulan dan kepentingan bukan kawalan akan terjejas akibat dari perubahan pada pembahagian kepentingan di dalam syarikat-syarikat subsidiari yang berkaitan. Perbezaan akibat dari transaksi ini akan diiktiraf terus ke ekuiti.

Apabila Kumpulan kehilangan kawalan ke atas sesebuah syarikat subsidiari, keuntungan atau kerugian akan dikira berdasarkan kepada perbezaan di antara:

- i. nilai saksama pada pertimbangan yang diterima dan nilai saksama pada kepentingan terkumpul lain; dan
- ii. nilai terdahulu aset dan liabiliti syarikat subsidiari tersebut dan kepentingan bukan kawalan lain, akan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan

Untung atau rugi terkumpul syarikat subsidiari yang telah diiktiraf di dalam hasil komprehensif yang lain dan terkumpul di dalam ekuiti akan dikelaskan semula kepada Penyata Pendapatan atau jika bersesuaian, pindah secara terus ke keuntungan terkumpul. Nilai saksama bagi pelaburan terkumpul akan diiktiraf sebagai kos pelaburan pada tarikh Kumpulan kehilangan kawalan ke atas syarikat subsidiari tersebut.

Penyatuan perniagaan

Pengambilalihan syarikat subsidiari diiktiraf menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Kaedah perakaunan pengambilalihan adalah digunakan untuk mengambilkira pengambilalihan syarikat-syarikat subsidiari oleh Kumpulan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan, kos pengambilalihan diukur sebagai nilai saksama aset diberi, instrumen ekuiti diterbitkan dan liabiliti ditanggung atau dijangka pada tarikh pertukaran atau pengambilalihan. Kos pengambilalihan termasuk nilai saksama mana-mana aset atau liabiliti akibat daripada urusan pertimbangan luar jangka. Kos berkaitan pengambilalihan akan diiktiraf ke Penyata Pendapatan dalam tahun dibelanja. Selepas pengambilalihan, aset-aset yang boleh dikenalpasti, liabiliti-liabiliti dan liabiliti luar jangka pada mulanya akan diukur pada nilai saksama berdasarkan tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira jumlah kepentingan bukan kawalan. Lebihan di antara kos pengambilalihan dan nilai saksama bahagian Kumpulan untuk nilai aset bersih syarikat subsidiari yang diambilalih dicatatkan sebagai muhibah. Jika kos pengambilalihan kurang daripada nilai saksama bahagian Kumpulan untuk nilai aset bersih syarikat subsidiari diambilalih, perbezaan tersebut diiktiraf secara langsung dalam Penyata Pendapatan.

Sebarang pertimbangan kontigen untuk diambilkira oleh Felda akan diiktiraf pada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan. Sebarang perubahan seterusnya kepada nilai saksama tersebut samada aset atau liabiliti akan dinilai mengikut MFRS 9 samada dalam penyata keuntungan atau kerugian atau Penyata Pendapatan komprehensif yang lain. Sekiranya pertimbangan kontigen dikelaskan sebagai ekuiti, ianya tidak akan dinilai semula. Penyelesaian kepada pertimbangan kontigen ini akan diambilkira di dalam ekuiti. Sekiranya pertimbangan kontigen tidak termasuk di dalam skop MFRS 9, maka ia akan diukur berasaskan kepada pawaiian MFRS lain yang sesuai.

Sekiranya Kumpulan mengambilalih perniagaan, Kumpulan akan menilai aset dan liabiliti kewangan untuk klasifikasi dan penetapan yang sesuai mengikut terma-terma kontrak, situasi ekonomi dan syarat-syarat berkaitan pada tarikh pengambilalihan, termasuk derivatif tersembunyi di dalam kontrak pengambilalihan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(i) Asas Penyatuan (bersambung)

Penyatuan perniagaan (bersambung)

Sekiranya penyatuan perniagaan dicapai secara berperingkat, nilai saksama pada tarikh pengambilalihan bagi kepentingan ekuiti yang telah dimiliki oleh pemeroleh sebelum ini perlu dinilai semula kepada nilai saksama pada tarikh pengambilalihan melalui keuntungan atau kerugian.

Lebih antara kos pemerolehan dengan nilai saksama bagi aset bersih syarikat-syarikat subsidiari direkod sebagai muhibah. Lebih antara nilai saksama bagi aset bersih syarikat-syarikat subsidiari dengan kos pemerolehan diiktiraf serta merta dalam Penyata Pendapatan yang disatukan.

Penyatuan perniagaan yang melibatkan entiti di bawah kawalan yang sama diiktiraf dengan menggunakan kaedah pengumpulan kepentingan yang melibatkan perkara berikut:

- i. aset dan liabiliti pada entiti yang akan disatukan akan dinilai pada jumlah yang dibawa untuk disatukan di dalam Penyata Kewangan yang disatukan oleh pemegang kawalan syarikat.
- ii. tiada pelarasan dibuat pada nilai saksama pada tarikh penyatuan, atau mengiktiraf sebarang aset dan liabiliti baru.
- iii. tiada muhibah tambahan yang diiktiraf hasil dari penyatuan.
- iv. sebarang perbezaan di antara balasan yang dibayar atau dipindahkan dan ekuiti yang diperolehi akan diiktiraf di dalam ekuiti sebagai rizab penggabungan.
- v. Penyata Pendapatan Komprehensif adalah hasil penggabungan entiti untuk tahun penuh, tanpa mengambilkira bila penggabungan berlaku.

Perbandingan dinyatakan semula untuk menggambarkan kombinasi seolah-olah ia telah berlaku dari permulaan tempoh terawal yang dibentangkan dalam Penyata Kewangan atau dari tarikh entiti-entiti itu telah berada di bawah kawalan bersama, jika kemudian.

(a) Syarikat-syarikat subsidiari

Dalam Penyata Kewangan Felda yang berasingan, pelaburan dalam syarikat subsidiari adalah dicaj pada kos ditolak kerugian rosot nilai. Pada setiap pelupusan pelaburan dalam syarikat, perbezaan antara kutipan pelupusan bersih dan jumlah bawaan mereka dimasukkan ke dalam keuntungan atau kerugian.

(b) Syarikat-syarikat bersekutu

Syarikat-syarikat bersekutu adalah perbadanan atau lain-lain entiti di mana Kumpulan mempunyai pengaruh yang ketara. Pengaruh yang ketara adalah kuasa untuk mengambil bahagian di dalam keputusan berhubung dasar kewangan dan operasi syarikat-syarikat bersekutu tetapi tidak mempunyai kawalan ke atas dasar-dasar berkenaan. Pelaburan di dalam syarikat-syarikat bersekutu diambilkira di dalam Penyata Kewangan yang disatukan menggunakan kaedah perakaunan ekuiti.

Perakaunan ekuiti melibatkan pengiktirafan di dalam Penyata Pendapatan Kumpulan ke atas bahagian keputusan syarikat-syarikat bersekutu bagi tahun kewangan berkenaan. Pelaburan Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu dibawa dalam Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan pada nilai yang menunjukkan bahagian aset bersih syarikat-syarikat bersekutu dan termasuk muhibah (nilai bersih daripada penjejasan terkumpul) atas pengambilalihan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(i) Asas Penyatuan (bersambung)

(b) Syarikat-syarikat bersekutu (bersambung)

Perakaunan ekuiti dihentikan apabila nilai pelaburan yang dibawa di dalam sesebuah syarikat bersekutu mencapai nilai sifar, melainkan Kumpulan menanggung atau menjamin tanggungjawab syarikat bersekutu berkenaan.

Bahagian Kumpulan ke atas untung rugi syarikat-syarikat bersekutu selepas pengambilalihan diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan, manakala bahagian ke atas pergerakan rizab selepas pengambilalihan diiktiraf di dalam rizab. Pergerakan terkumpul selepas pengambilalihan dilaraskan ke atas nilai bawa pelaburan. Apabila kerugian bahagian Kumpulan dalam syarikat-syarikat bersekutu bersamaan atau melebihi kepentingan dalam syarikat-syarikat bersekutu, termasuk sebarang kepentingan jangka panjang yang secara hakikatnya menjadi sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat bersekutu, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian lanjutan, melainkan ianya melibatkan tanggungan atau pembayaran bagi pihak syarikat-syarikat bersekutu.

Keputusan syarikat-syarikat bersekutu diambil daripada Penyata Kewangan terkini, dilaraskan kepada tarikh terdekat tidak lebih daripada tiga bulan sebelum akhir tahun kewangan Kumpulan.

Keuntungan tidak direalisasikan antara Kumpulan dan syarikat-syarikat bersekutu dihapuskan sehingga tahap pegangan saham Kumpulan di dalam syarikat-syarikat bersekutu; kerugian yang tidak direalisasikan juga dihapuskan melainkan transaksi tersebut menunjukkan bukti bahawa wujudnya penjejasan nilai bagi aset yang dipindahkan. Bila perlu, semasa penggunaan kaedah perakaunan ekuiti, pelarasan dibuat pada Penyata Kewangan syarikat-syarikat bersekutu untuk memastikan dasar perakaunan diterimapakai secara konsisten seperti polisi perakaunan yang diterimapakai oleh Kumpulan.

(c) Urus janji usahasama

Urus janji usahasama adalah urus janji di mana perjanjian kontrak dipersetujui untuk pengawalan bersama oleh Kumpulan dengan satu atau lebih dari satu pihak, di mana keputusan mengenai aktiviti berkaitan dengan urus janji memerlukan persetujuan sebulat suara oleh semua pihak yang mengawal bersama. Klasifikasi sesebuah urus janji sebagai pengendalian bersama atau syarikat usahasama adalah bergantung kepada hak dan keperluan kontraktual oleh pihak yang terlibat dalam urus janji. Sebuah syarikat usahasama adalah urus janji di mana pengusaha sama mempunyai hak kepada aset bersih urus janji tersebut. Pengendalian bersama pula adalah urus janji di mana pengendali-pengendali mempunyai hak ke atas aset dan tanggungan kepada liabiliti berkaitan dengan urus janji.

(d) Syarikat-syarikat usahasama

Kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat usahasama diambilkira dalam Penyata Kewangan melalui kaedah perakaunan ekuiti. Di bawah kaedah perakaunan ekuiti, kepentingan syarikat-syarikat usahasama pada peringkat permulaan diiktiraf pada kos dan seterusnya dilaraskan bagi mengiktirafkan bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan selepas pengambilalihan dan pergerakan di dalam lain-lain pendapatan komprehensif dengan pelarasan yang bersesuaian dengan nilai pelaburan tersebut. Apabila bahagian Kumpulan dalam

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(i) Asas Penyatuan (bersambung)

(d) Syarikat-syarikat usahasama (bersambung)

sesebuah syarikat usahasama bersamaan atau melebihi kepentingannya dalam syarikat-syarikat usahasama (termasuk kepentingan jangka panjang bagi, secara langsung, merupakan sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan dalam syarikat-syarikat usahasama), Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, kecuali ia melibatkan tanggungan atau pembayaran bagi pihak syarikat-syarikat usahasama tersebut.

Keuntungan tidak direalisasikan daripada urus niaga di antara Kumpulan dan syarikat-syarikat usahasama dihapuskan sehingga tahap kepentingan Kumpulan dalam syarikat-syarikat usahasama tersebut. Kerugian belum direalisasikan juga dihapuskan kecuali ini menunjukkan bukti bahawa wujudnya rosot nilai bagi aset dipindahkan. Polisi perakaunan bagi usahasama telah ditukarkan bagi memastikan konsistensi di dalam dasar perakaunan yang diterimapakai oleh Kumpulan.

(ii) Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Subsidiari Dan Syarikat-syarikat Bersekutu

Dalam Penyata Kewangan Felda, pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dinyatakan pada kos selepas mengambilkira kerugian penjejasan aset. Dasar perakaunan untuk penjejasan aset bukan kewangan dinyatakan di dalam Nota 3 (xii).

Apabila pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari dan syarikat-syarikat bersekutu dijual, perbezaan hasil jualan bersih dan nilai dibawa diiktiraf ke Penyata Pendapatan.

(iii) Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Pengaturan Bersama

Pengaturan bersama adalah pengaturan yang mempunyai perkongsian kawalan secara kontrak oleh Kumpulan bersama satu atau lebih pihak lain, di mana keputusan berhubung dengan aktiviti-aktiviti berkaitan usahasama memerlukan sebulat suara persetujuan dari pihak-pihak yang mempunyai perkongsian kawalan. Pengelasan usahasama samada sebagai operasi bersama atau usahasama bergantung kepada hak dan tanggungjawab pihak-pihak yang terlibat. Usahasama adalah pengaturan bersama di mana syarikat usahasama mempunyai hak terhadap aset bersih pengaturan bersama. Manakala, operasi bersama adalah pengaturan bersama di mana pihak pengendali operasi mempunyai hak terhadap aset dan bertanggungjawab ke atas liabiliti, berkaitan pengaturan bersama tersebut.

(a) Usahasama

Kepentingan Kumpulan dalam usahasama diambilkira menggunakan kaedah ekuiti, selepas pengiktirafan awal pada nilai kos di dalam Penyata Kedudukan Kewangan yang disatukan. Di bawah kaedah ekuiti, pelaburan dalam usahasama perlu diiktiraf pada kos pada awalnya, dan diselaraskan selepas itu untuk mengiktiraf bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan ke atas usahasama di dalam penyata keuntungan atau kerugian, dan perkongsian perubahan di dalam pendapatan komprehensif lain. Dividen yang diterima atau akan diterima daripada usahasama akan diiktiraf sebagai pengurangan nilai pelaburan di dalam usahasama. Sekiranya bahagian kerugian di dalam usahasama bersamaan atau melebihi kepentingannya di dalam usahasama, termasuk apa-apa kepentingan jangka panjang, akan menjadi sebahagian daripada pelaburan bersih Kumpulan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(iii) Pelaburan Dalam Syarikat-syarikat Pengaturan Bersama (bersambung)

(a) Usahasama (bersambung)

di dalam usahasama, Kumpulan tidak mengiktiraf kerugian selanjutnya, kecuali Kumpulan telah menanggung tanggungjawab atau membuat pembayaran bagi pihak usahasama.

Keuntungan tidak direalisasi terhadap transaksi di antara Kumpulan dan usahasama dihapuskan sehingga nilai kepentingan Kumpulan dalam usahasama. Kerugian belum direalisasi juga dihapuskan kecuali jika urusanniaga tersebut membuktikan rosot nilai aset yang dipindahkan.

(b) Operasi bersama

Kumpulan mengiktiraf asetnya (termasuk bahagian aset-aset pegangan bersama), liabiliti (termasuk liabiliti tanggungan bersama), pendapatan dari penjualan bahagian pengeluaran hasil dari operasi bersama (termasuk bahagian hasil dari penjualan pengeluaran oleh operasi bersama) dan perbelanjaan (termasuk bahagian perbelanjaan yang ditanggung bersama).

Sekiranya perlu, pelarasan akan dibuat di dalam Penyata Kewangan pengaturan bersama untuk memastikan penggunaan dasar perakaunan yang sama dan konsisten dengan Kumpulan.

Penyata Kewangan Felda mengiktiraf pelaburan di dalam pengaturan bersama pada nilai kos.

Sekiranya terdapat tanda kemerosotan nilai, jumlah dibawa pelaburan dinilai dan diturunkan dengan serta merta kepada nilai yang boleh pulih.

Pada pelupusan pengaturan bersama, perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan jumlah bawaan akan dikreditkan ke keuntungan atau kerugian.

(iv) Stok

Stok Kumpulan dan Felda terdiri daripada hartanah berupa rumah kediaman untuk dijual, stok hartanah dalam proses, baja, bahan kimia, perkakas pertanian, ternakan, barangan pengguna dan biji benih di tapak semaian.

Stok dinyatakan pada nilai yang lebih rendah di antara kos dan nilai pasaran bersih. Kos stok baja dan bahan kimia, perkakas pertanian, ternakan, barangan pengguna dan biji benih ditentukan oleh kaedah kos purata berwajaran. Kos stok hartanah ditentukan berdasarkan kaedah peratusan penyiajan.

Kos bahan mentah adalah kos pembelian bahan. Kos barangan siap dan barangan dalam proses merangkumi kos bahan mentah, pekerja, kos langsung yang lain dan pengagihan kos overhead mengilang yang bersesuaian berdasarkan aktiviti pengilangan di tahap biasa. Kos pembinaan terdiri daripada semua kos yang berkaitan secara langsung atau yang boleh diperuntukkan dengan munasabah kepada aktiviti-aktiviti pembangunan tersebut. Kos pembinaan Perumahan Warga Felda ("PWF") diambil kira selepas pengagihan Dana Pembangunan Ekonomi. Apabila berkemungkinan bahawa jumlah keseluruhan kos pembinaan hartanah akan melebihi hasil jualan, kerugian yang dijangka diiktiraf sebagai perbelanjaan dengan serta merta.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(iv) Stok (bersambung)

Nilai pasaran bersih adalah anggaran harga pasaran pada kegiatan perniagaan biasa ditolak kos penyiapan dan perbelanjaan penjualan.

(v) Lain-lain Rizab

Lain-lain rizab merupakan peruntukan yang dilunaskan oleh Felda untuk rizab projek tembakau, rizab peruntukan penghapusan bayaran kembali peneroka, rizab tabung modal insan ("MINDA"), rizab untuk membaiki dan menyelenggara kedai-kedai teres, rizab tol jalan, rizab royalti balak, rizab denda buah tandan bersih ("BTB"), dan rizab projek buku hijau.

(vi) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan melalui kontrak kepada pelanggan

Pendapatan Kumpulan adalah hasil daripada kegiatan-kegiatan biasa Kumpulan dan Felda yang diiktiraf berdasarkan kepada setiap pelaksanaan tanggungjawab yang dijanjikan melalui kontrak dengan pelanggan apabila atau ketika Kumpulan dan Felda memindahkan kawalan terhadap barangan dan perkhidmatan yang telah dijanjikan di dalam kontrak dan pelanggan telah memperoleh kawalan terhadap barangan dan perkhidmatan tersebut. Bergantung kepada setiap kontrak kepada pelanggan, kawalan terhadap barangan dan perkhidmatan boleh dipindahkan dari masa ke semasa atau pada sesuatu masa tertentu.

Kontrak kepada pelanggan wujud sekiranya:

- i. mempunyai nilai komersial.
- ii. Kumpulan, Felda dan pelanggan telah meluluskan kontrak tersebut dan berhasrat untuk melaksanakan tanggungjawab masing-masing.
- iii. hak Kumpulan, Felda dan pelanggan terhadap barangan dan perkhidmatan yang akan dipindahkan serta terma pembayaran boleh dikenalpasti.
- iv. Kumpulan dan Felda akan menerima bayaran yang sepatutnya berdasarkan pelaksanaan tanggungjawab terhadap barangan dan perkhidmatan seperti yang telah dijanjikan melalui kontrak kepada pelanggan.

Pendapatan dari kontrak kepada pelanggan dinilai pada harga transaksi, iaitu pada jumlah pertimbangan yang dijangkakan oleh Kumpulan berhak untuk menerima sebagai tukaran kepada pelaksanaan tanggungjawab terhadap barangan dan perkhidmatan seperti yang telah dijanjikan kepada pelanggan, tidak termasuk jumlah yang dikutip bagi pihak ketiga seperti cukai jualan dan perkhidmatan atau barang dan cukai perkhidmatan. Sekiranya jumlah pertimbangan berbeza-beza disebabkan oleh diskaun, rebat, penalti atau seumpamanya, Kumpulan dan Felda akan menganggarkan jumlah pertimbangan yang dijangka berhak berdasarkan nilai yang dijangkakan atau nilai yang berkemungkinan sehingga nilai yang tiada pembalikan yang besar pada masa akan datang. Harga urus niaga diperuntukkan kepada setiap pelaksanaan tanggungjawab berdasarkan harga jualan setiap barangan dan perkhidmatan yang dijanjikan di dalam kontrak secara relatif.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(vi) Pengiktirafan Pendapatan (bersambung)

(a) Pendapatan daripada rancangan-ancangan tanpa peneroka dan lot-lot kosong

Pendapatan daripada rancangan-ancangan tanpa peneroka dan lot-lot kosong diiktiraf selepas penyerahan barangan atau pelaksanaan perkhidmatan. Pendapatan daripada jualan barangan pengguna diiktiraf selepas penyerahan barangan dan selepas diskaun, rebat dan pulangan.

(b) Pendapatan daripada pentadbiran sewaan pangsapuri dan perkhidmatan hotel

Pendapatan daripada pentadbiran sewaan pangsapuri dan perkhidmatan hotel diiktiraf dalam tempoh perakaunan di mana perkhidmatan diberikan, dengan merujuk kepada kadar penyiapan transaksi tertentu daripada nilai sebenar jumlah perkhidmatan yang akan disediakan. Pendapatan daripada restoran diiktiraf selepas pelaksanaan perkhidmatan dan penyerahan barangan.

(c) Pendapatan daripada yuran pengurusan

Yuran pengurusan diiktiraf setelah adanya hak penerimaan bayaran.

(d) Lain-lain pendapatan

Pendapatan faedah diiktiraf dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Apabila pinjaman dan hutang terjejas, Kumpulan mengurangkan nilai dibawa ke jumlah yang boleh diperoleh semula, iaitu anggaran aliran tunai masa hadapan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif awal instrumen, dan berterusan membuka putaran diskaun sebagai pendapatan faedah. Pendapatan faedah atas pinjaman dan penghutang terjejas diiktiraf dengan menggunakan kadar faedah efektif awal.

Pendapatan dividen diiktiraf apabila dividen diisytihar dan diluluskan oleh syarikat berkenaan.

Pendapatan sewa yang berkaitan dengan penyewaan hartanah dan loji diiktiraf di sepanjang tempoh penyewaan atau penggunaan mengikut kesesuaian.

(vii) Perakaunan Untuk Geran Daripada Kerajaan

Geran yang diterima daripada kerajaan dikreditkan ke Penyata Pendapatan dan kesemua perbelanjaan diiktiraf ke Penyata Pendapatan di dalam tahun ianya dibelanjakan. Geran Kerajaan hendaklah diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian secara sistematik berdasarkan tempoh di mana Kumpulan atau Felda mengenalpasti perbelanjaan berkaitan tujuan geran tersebut diberi.

Geran Kerajaan dikenalpasti pada mulanya berdasarkan nilai saksamanya di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai pendapatan tertunda di mana terdapat kepastian yang munasabah yang geran itu akan diterima dan syarat-syarat berkuatkuasa akan dipenuhi. Geran yang menyumbang kepada Felda untuk perbelanjaan yang dikenakan adalah dikenalpasti sebagai pendapatan dalam jangkamasa yang perlu untuk memadamkan geran dengan kaedah yang sistematik kepada kos yang ia perlu tanggung. Geran yang menyumbang pampasan kepada Felda untuk kos aset dikenalpasti sebagai pendapatan dalam jangka hayat berhasil aset tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(viii) Aset Tetap Dan Susutnilai

Aset tetap pada mulanya dinyatakan pada kos. Semua aset tetap dinyatakan pada kos setelah tolak susutnilai terkumpul dan kerugian atas penjejasan. Pada mulanya, kos yang diiktiraf untuk hartanah, loji dan peralatan termasuklah harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan keadaan yang diperlukan bagi membolehkannya beroperasi seperti yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos termasuklah kos pinjaman yang berkaitan secara langsung dengan pengambilalihan, pembinaan atau pengeluaran aset yang layak.

Kos tambahan daripada kos sedia ada dimasukkan dalam jumlah dibawa aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, sebagaimana wajar, hanya apabila ia berkemungkinan bahawa faedah ekonomi masa hadapan yang berkaitan akan mengalir kepada Kumpulan dan kos boleh diukur dengan agak munasabah. Jumlah dibawa bahagian diganti tidak lagi diiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan diiktiraf kepada Penyata Pendapatan dalam tempoh kewangan dalam mana ia ditanggung.

Tiada susutnilai dikira bagi tanah milik bebas dan aset dalam pembinaan.

Tumbuhan penghasil adalah tumbuhan hidup yang digunakan dalam pengeluaran atau pembekalan hasil pertanian, dijangka mampu menghasilkan untuk tempoh masa lebih dari satu tempoh dan hanya berkemungkinan kecil sahaja ia akan dijual sebagai hasil pertanian, kecuali untuk penjualan sampingan selepas habis berhasil. Tumbuhan penghasil Kumpulan adalah pokok kelapa sawit, pokok getah, pokok mangga dan pokok nangka. Tumbuhan penghasil yang masih belum matang dinilai pada kos terkumpul penanaman tumbuhan penghasil sama seperti olahan perakaunan untuk aset hartanah, loji dan peralatan yang dibina sendiri. Semua kos yang terlibat secara langsung dengan tumbuhan penghasil dipermodalkan sehingga tumbuhan penghasil matang, di mana kos selepas matang dibelanjakan dan susutnilai bermula. Kos tersebut adalah seperti kos membaja, menanam, membaikpulih dan kos overhead. Tumbuhan penghasil dikelaskan sebagai tidak matang sehingga pokok tersebut telah berhasil. Tempoh matang bagi kelapa sawit, pokok mangga dan pokok nangka adalah tiga tahun manakala tempoh matang bagi pokok getah adalah enam tahun. Tumbuhan penghasil dinilai pada kos yang dilunaskan dan disusut nilai sepanjang hayat bergunanya yang dianggarkan menjadi 10 hingga 25 tahun.

Susutnilai bagi lain-lain aset tetap dikira untuk menghapuskan kos aset tetap sehingga nilai akhir hayat secara purata bagi jangkamasa hayat guna menurut dasar garis lurus. Kadar-kadar utama susutnilai tahunan adalah seperti berikut:

Tanah milik pajak	1.0%- 3.0%
Bangunan, struktur dan pembaharuan	2.0%- 10.0%
Kenderaan dan jentera berat	7.0% - 20.0%
Peralatan pejabat, perkakas dan peralatan lain	12.5% - 33.3%
Tumbuhan penghasil	4.0% - 10.0%

Nilai akhir hayat dan jangkamasa hayat guna bagi aset tetap dikaji dan diselaraskan jika perlu pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan agar mencerminkan informasi terkini bagi jangkaan penggunaan manfaat ekonomi masa hadapan di dalam aset yang disusutnilai.

Aset tetap dinyahiktiraf apabila dijual atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka bagi penggunaan atau jualan. Perbezaan antara nilai jualan bersih

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(viii) Aset Tetap Dan Susutnilai (bersambung)

jika ada, dan nilai dibawa bersih diambilkira untuk menentukan keuntungan atau kerugian di dalam Penyata Pendapatan.

Susutnilai ke atas aset tetap tamat apabila Kumpulan menyahiktiraf atau mengklasifikasi aset sebagai dipegang untuk dijual, yang mana lebih dahulu. Susutnilai atas aset dalam pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan .

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan aset. Jika petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset diturunkan dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi sekiranya jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada jumlah yang boleh diperolehi semula. Dasar perakaunan untuk penjejasan aset bukan kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (xii). Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil perolehan dengan nilai dibawa aset dan dimasukkan dalam Penyata Pendapatan.

(ix) Pelaburan Hartanah

Pelaburan hartanah pada asasnya merangkumi tanah dan bangunan pegangan bebas yang dipegang untuk hasil sewa jangka panjang dan/ atau untuk kenaikan modal dan bukan untuk kegunaan Kumpulan. Pelaburan hartanah pada mulanya dinyatakan pada kos termasuk kos transaksi langsung dalam proses mendapatkan aset berkenaan.

Kumpulan menerima pakai model kos bagi menyatakan semua pelaburan hartanah. Dalam model kos, pelaburan hartanah dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian terkumpul daripada penjejasan

Bangunan, struktur dan pembaharuan disusutnilaikan pada kadar 2% ke 10% setahun. Tiada susutnilai dikira bagi tanah milik bebas dan aset dalam pembinaan.

Pelaburan hartanah dinyahiktiraf apabila dijual atau tiada manfaat ekonomi masa hadapan dijangka bagi penggunaan atau jualan. Keuntungan atau kerugian hasil jualan diambil kira di dalam Penyata Pendapatan.

Pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk penjejasan aset. Jika petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset diturunkan dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi sekiranya jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada jumlah yang boleh diperolehi semula. Dasar perakaunan untuk penjejasan aset bukan kewangan dinyatakan dalam Nota 3 (xii). Keuntungan dan kerugian atas pelupusan ditentukan dengan membandingkan hasil perolehan dengan nilai dibawa aset dan dimasukkan dalam Penyata Pendapatan.

(x) Aset Biologi

Aset biologi terdiri daripada ternakan dan tandan buah segar dari tumbuhan penghasil. Aset biologi dinilai pada nilai saksama ditolak kos pelupusan. Sebarang keuntungan atau kerugian dari perubahan dalam nilai saksama tolak kos pelupusan bersih pemindahan untuk menghasilkan stok diiktiraf bersih di dalam keuntungan atau kerugian. Nilai saksama dianggarkan dengan menggunakan jangkaan kaedah pengeluaran dan anggaran pasaran aset biologi.

Aset biologi dikelaskan sebagai aset semasa bagi hasil dari tumbuhan penghasil yang akan dituai dan ternakan yang dijangka akan dijual atau digunakan untuk pengeluaran pada tarikh tidak melebihi 12 bulan selepas tarikh pelaporan, dan selebihnya dikelaskan sebagai aset bukan semasa.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(x) Aset Biologi (bersambung)

Kelapa sawit

Kumpulan perlu merekod nilai saksama pada tandan buah segar pada setiap Penyata Kedudukan Kewangan tahunan menurut keperluan di bawah MFRS 141 "Pertanian". Tandan buah segar adalah hasil daripada pokok kelapa sawit dan dituai secara berterusan sepanjang tahun kewangan yang akan digunakan dalam pengeluaran minyak sawit mentah. Setiap tandan buah segar mengambil masa kira-kira 22 minggu dari pendebungaan untuk mencapai kandungan minyak maksimum yang sesuai untuk dituai. Nilai setiap tandan buah segar pada setiap kitaran pengeluaran akan berbeza-beza bergantung kepada kandungan minyak terkumpul di dalam setiap

Bagi menentukan nilai saksama tandan buah segar, pihak pengurusan telah menganggap kandungan minyak semua tandan buah segar yang belum matang dari minggu selepas pendebungaan sehingga minggu sebelum penuaian. Oleh kerana kandungan minyak bertambah dalam tempoh 15 hari sebelum penuaian, tandan buah segar sebelum 15 hari sebelum tuaian dikecualikan dalam penilaian kerana nilai saksama dianggap boleh diabaikan.

Model penilaian yang digunakan oleh Kumpulan adalah model aliran tunai diskaun yang merangkumi semua aliran masuk tunai, aliran keluar tunai dan caj aset pencarum yang diagihkan jika tiada aliran tunai sebenar yang berkaitan dengan penggunaan aset penting untuk aktiviti pertanian diambilkira. Nilai semasa aliran tunai ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran minyak sawit mentah pada tarikh musim menuai, disesuaikan dengan pengangkutan, kadar pengeluaran, pengeluaran, caj aset pencarum dan kos lain untuk dijual pada masa menuai.

Aset Biologi Penghasil

Aset biologi penghasil diukur pada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, di mana sebarang perubahan pada nilai aset biologi tersebut direkodkan dalam Penyata Pendapatan. Nilai saksama aset biologi penghasil ditentukan berdasarkan harga pasaran mengikut umur, baka dan berat. Kos untuk dijual adalah peningkatan kos dalam menjual aset biologi penghasil. Ia termasuklah bayaran komisen kepada broker dan peniaga, pindahan cukai, duti dan yuran yang dibayar kepada agensi pengawalseliaan atau pertukaran komoditi. Kos untuk dijual tidak termasuk kos pengangkutan, cukai dan kos kewangan.

(xi) Aset Tak Nyata

(a) Perisian komputer

Kumpulan telah membangunkan perisian komputer dan kriteria berikut digunakan untuk mengenal pasti perisian komputer diklasifikasikan sebagai aset tidak nyata:

- i. Perisian atau lesen yang ada pada peralatan komputer dikawal, termasuk sistem operasi yang tidak boleh digunakan tanpa perisian tertentu adalah penting sebagai perkakasan yang berkaitan dan dianggap sebagai harta dan kelengkapan; dan
- ii. Aplikasi perisian yang digunakan pada komputer yang biasanya mudah diganti dan bukan terdiri dari peralatan yang berkaitan dan diklasifikasikan sebagai aset tak nyata.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)****3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)****(xi) Aset Tak Nyata (bersambung)****(a) Perisian komputer (bersambung)**

Kos-kos untuk membangunkan atau menyelenggara perisian komputer diiktiraf sebagai perbelanjaan. Kos pembangunan yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian unik dikawal oleh Kumpulan dan diklasifikasikan sebagai aset tidak nyata apabila kriteria berikut dipenuhi:

- i. Secara teknikalnya, ia dibangunkan untuk membolehkan produk perisian hingga sedia untuk digunakan;
- ii. Pengurusan bercadang untuk membangunkan produk perisian untuk digunakan atau menjualnya;
- iii. Produk perisian mempunyai potensi untuk digunakan atau dijual;
- iv. Ia menunjukkan bagaimana produk perisian menghasilkan faedah ekonomi pada masa akan datang;
- v. Sumber teknikal, kewangan dan lain-lain mencukupi untuk menyiapkan pembangunan produk perisian supaya ia dapat digunakan atau dijual; dan
- vi. Perbelanjaan yang boleh dikaitkan dengan produk perisian semasa pembangunannya boleh dianggarkan.

Lesen perisian komputer yang dimiliki telah dimodalkan berdasarkan kos yang terlibat untuk memperoleh dan membuatkan perisian tersebut boleh digunakan. Perbelanjaan pembangunan yang lain yang tidak memenuhi kriteria tersebut diklasifikasikan sebagai perbelanjaan apabila ianya dilibatkan. Kos pembangunan yang sebelum ini diklasifikasikan sebagai perbelanjaan tidak diklasifikasikan sebagai aset dalam tempoh berikutnya. Kos berkaitan terus yang dimodalkan sebagai sebahagian dari perisian komputer termasuk kos pekerja pembangunan perisian dan juga bahagian overhead bersesuaian yang ditanggung.

(b) Jenama

Aset tidak nyata yang diperolehi Kumpulan adalah nama jenama "Grand Plaza".

(c) Hak pajakan

Hak pajakan ke atas harta pajakan dimodalkan atas dasar kos yang dikenakan untuk membeli dan menggunakan hak. Kos ini dilunaskan sepanjang anggaran hayat kegunaan masing-masing iaitu selama 10 dan 5 tahun.

(xii) Penjejasan Aset Bukan Kewangan

Aset bukan kewangan disemak pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat apa-apa petunjuk penjejasan. Jika apa-apa petunjuk sedemikian wujud, jumlah aset boleh pulih dianggarkan untuk menentukan jumlah penjejasan aset.

Aset tak nyata adalah tidak tertakluk kepada pelunasan dan diperiksa penjejasan nilainya pada setiap tahun. Aset tak nyata yang mempunyai hayat guna yang tidak kekal dan aset tak nyata yang belum sedia untuk digunakan, jumlah boleh diperolehi semula dianggarkan pada setiap tarikh Penyata Kedudukan Kewangan atau lebih kerap apabila petunjuk penjejasan dikenalpasti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(xii) Penjejasan Aset Bukan Kewangan (bersambung)

Bagi tujuan pengujian penjejasan aset-aset ini, jumlah boleh pulih semula ditentukan atas asas aset individu melainkan aset tersebut tidak menjanakan aliran tunai yang sebahagian besarnya tidak bergantung kepada aset lain di mana jumlah boleh pulih ditentukan berdasarkan unit penjana aliran tunai CGU aset berkenaan.

Jumlah boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama aset atau CGU tolak kos untuk menjual dan nilainya dalam penggunaan. Dalam menaksir nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai masa hadapan didiskaunkan kepada nilai semasanya dengan menggunakan kadar diskaun pra-cukai yang menggambarkan penaksiran pasaran semasa daripada nilai masa wang dan risiko-risiko khusus kepada aset. Di mana jumlah dibawa aset melebihi jumlah boleh diperolehi, aset dianggap terjejas dan dikurangkan nilai kepada jumlah boleh diperolehi. Penjejasan aset diiktiraf berhubung dengan CGU atau Kumpulan CGU diperuntukkan pada mulanya untuk mengurangkan jumlah dibawa apa-apa muhibah diperuntukkan kepada unit atau Kumpulan unit tersebut dan kemudiannya, untuk mengurangkan jumlah dibawa aset lain dalam unit atau Kumpulan unit atas asas pro-rata.

Penjejasan aset diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh ia wujud melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula, yang mana kerugian penjejasan diambilkira sebagai pengurangan nilai, dalam hal mana jumlah kerugian penjejasan tidak melebihi jumlah penilaian semula untuk aset yang sama.

Penjejasan aset perlu mengambilkira petunjuk-petunjuk dalam menentukan sama ada terdapat petunjuk semasa membuat penilaian sama ada terdapat sebarang tanda penurunan nilai pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat usahasama atau syarikat-syarikat bersekutu. Apabila entiti mengiktiraf dividen daripada pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat usahasama atau syarikat-syarikat bersekutu dan terdapat bukti menyatakan:

- (a) Nilai bersih pelaburan dalam Penyata Kewangan berasingan melebihi jumlah aset bersih (termasuk nilai muhibah yang berkaitan) dalam Penyata Kewangan disatukan; atau
- (b) Nilai dividen melebihi jumlah pendapatan komprehensif syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat usahasama atau syarikat-syarikat bersekutu dalam tempoh masa dividen tersebut diisytiharkan.

Penjejasan untuk aset dibalik jika, dan hanya jika, terdapat perubahan dalam anggaran digunakan untuk menentukan jumlah boleh diperolehi aset sejak penjejasan aset yang lepas diiktiraf. Jumlah dibawa aset ditambah kepada jumlah boleh diperolehi disemak, dengan syarat jumlah ini tidak melebihi jumlah dibawa yang akan ditentukan (tolak pelunasan atau susutnilai) sekiranya tiada kerugian penjejasan diiktiraf untuk aset dalam tahun-tahun terdahulu. Pembalikan penjejasan untuk aset diiktiraf sebagai keuntungan atau kerugian, melainkan aset dibawa pada jumlah dinilai semula, dalam hal mana pembalikan sedemikian dianggap sebagai peningkatan penilaian semula.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(xiii) Projek Tanam Semula

(a) Sumbangan peneroka

Sumbangan daripada peneroka-peneroka diambilkira terus dalam Liabiliti Tanam Semula apabila ianya dipotong daripada pendapatan peneroka. Sumbangan daripada peneroka-peneroka di rancangan kelapa sawit telah ditetapkan pada kadar RM4 (2017: RM4) seekar sebulan bagi sumbangan untuk tanam semula kali pertama, manakala sumbangan untuk tanam semula kali kedua adalah pada kadar RM12 (2017: RM12) seekar sebulan.

(b) Perbelanjaan tanam semula

Perbelanjaan tanam semula diambilkira terus dalam Liabiliti Tanam Semula berasaskan jumlah yang dibelanjakan dalam tahun semasa. Pada tahun kawasan tanam semula mencapai titik pulangan modal, segala perbelanjaan yang melebihi pembiayaan yang ditetapkan oleh Felda akan dikenakan kepada peneroka dalam bentuk pinjaman. Kadar pembiayaan adalah sebanyak RM4,047 seekar (2017: RM4,047 seekar).

(c) Geran tanam semula

Mulai 1 Januari 1998, Felda telah menyalurkan peruntukan Geran Tanam Semula sebanyak RM4,200 sehektar kepada Bahagian Tanam Semula Felda Plantations Sdn. Bhd. untuk membiayai pembangunan 3 tahun projek Tanam Semula Peneroka sistem baru. Mulai 2005, peruntukan Geran Tanam Semula dinaikkan kepada RM5,200 sehektar. Mulai tahun 2010, peruntukan telah dinaikkan kepada RM6,500 sehektar, mulai tahun 2015, peruntukan telah dinaikkan kepada RM10,000 sehektar. Perbelanjaan Geran Tanam Semula telah disalurkan kepada Felda Technoplant Sdn. Bhd. Semua perbelanjaan ke atas pembangunan projek-projek tanam semula dikumpulkan dan pada akhir tahun ditolak daripada jumlah geran yang diterima.

(d) Perbelanjaan semaian di projek tanaman semula

Perbelanjaan anak sawit terbahagi kepada dua iaitu anak sawit belum matang di mana umur anak sawit kurang daripada 12 bulan dan anak sawit matang yang berumur lebih daripada 12 bulan. Kesemua perbelanjaan anak sawit belum matang dan matang akan diiktiraf sebagai aset biologi pada tahun perbelanjaan. Sila rujuk kepada Nota 14(a) untuk keterangan lanjut berkaitan tumbuhan penghasil.

(xiv) Pinjaman Kepada Peneroka

(a) Perbelanjaan Pembangunan Rancangan-rancangan Berpeneroka

(i) Perbelanjaan kasar

Ini merupakan perbelanjaan membangunkan rancangan-rancangan, diiktiraf pada awalnya berdasarkan nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos yang telah dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif, setelah dikurangkan peruntukan untuk penjejasan. Beza perbelanjaan kasar sebenar dan nilai saksamanya diiktiraf ke Penyata Pendapatan sebagai perbelanjaan geran kepada peneroka.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(xiv) Pinjaman Kepada Peneroka (bersambung)

(a) Perbelanjaan Pembangunan Rancangan-rancangan Berpeneroka (bersambung)

(ii) Faedah

Kadar-kadar faedah yang telah dikenakan kepada peneroka atas perbelanjaan-perbelanjaan adalah seperti berikut:

<u>Tahun</u>	<u>Kadar Faedah</u>
1980 dan sebelumnya	6.250%
1981	2.000%
1982	0.375%
1983	0.313%
1984	0.375%
1985 dan selepasnya	4.000%

Kadar faedah ini merupakan kadar faedah sebenar yang diiktiraf kepada peneroka, iaitu kurang daripada kadar faedah efektif sebanyak 13.6% (2017: 13.6%) yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan.

Kadar faedah adalah rendah bagi tahun 1981 hingga 1984 kerana pinjaman tanpa faedah diberi oleh Kerajaan Malaysia untuk membiayai perbelanjaan pembangunan dalam tahun-tahun berkenaan.

Jumlah kos pembangunan termasuk faedah dikutip dalam tempoh lima belas tahun. Ini tidak termasuk rancangan getah di bawah Sistem Bayaran Kembali 678.

(iii) Peruntukan untuk rancangan-rancangan di bawah Sistem Bayaran Kembali 678

Pada 1 Januari 1975, Sistem Bayaran Kembali 678 (Sistem 678) telah diperkenalkan. Berkuatkuasa pada tarikh ini, jumlah bayaran kembali daripada peneroka-peneroka rancangan getah di bawah Sistem 678 ditetapkan mengikut jadual tanpa mengira kos pembangunan sebenar.

Peruntukan telah dibuat ke atas jumlah perbelanjaan pembangunan termasuk faedah dimodalkan yang tidak dapat dikutip balik daripada rancangan-rancangan yang belum tamat tempoh bayaran kembali. Manakala bagi rancangan-rancangan yang peringkatnya telah tamat tempoh bayaran kembali, baki perbelanjaan pembangunan termasuk faedah yang tidak dapat dikutip balik, penghapusan telah dibuat berkuatkuasa mulai tahun 1990.

Keterangan lanjut mengenai perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan berpeneroka pada Nota 25 kepada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(xiv) Pinjaman Kepada Peneroka (bersambung)

(b) Perbelanjaan Pembangunan Rancangan-rancangan Tanam Semula Berpeneroka

(i) Perbelanjaan kasar

Perbelanjaan ini diiktiraf pada awalnya berdasarkan nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos yang telah dilunaskan dengan menggunakan kadar faedah efektif, setelah dikurangkan peruntukan untuk penjejasan. Beza perbelanjaan kasar sebenar dan nilai saksamanya diiktiraf ke Penyata Pendapatan sebagai perbelanjaan geran kepada peneroka.

Mulai 1 Januari 2006, kos sara hidup dinaikkan kepada RM75 seekar sebulan. Kenaikan pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil peneroka tanam semula diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Bil. 235 pada 31 Januari 2008 berkuatkuasa Mac 2008 adalah seperti berikut:

<u>Sara Hidup (Sawit)</u>	<u>Pendahuluan Hasil (Sawit)</u>
Tahun 1 - RM100 seekar	Tahun 4 - 5 - RM140 seekar
Tahun 2 - RM120 seekar	Tahun 6 - 8 - RM150 seekar
Tahun 3- RM130 seekar	

(ii) Faedah

Kadar-kadar faedah yang telah dikenakan ke atas perbelanjaan-perbelanjaan adalah 6.25% (2017: 6.25%) setahun.

Kadar faedah ini merupakan kadar faedah sebenar yang diiktiraf kepada peneroka, iaitu kurang daripada kadar faedah pasaran sebanyak 13.6% (2017: 13.6%) yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan. Kadar faedah efektif berdasarkan baki berkurangan tahunan bagi tempoh bayaran balik 15 tahun adalah 3.8% (2017: 3.8%).

Jumlah kos pembangunan termasuk faedah dikutip dalam tempoh 15 tahun.

(iii) Rancangan-rancangan getah tanam semula

Rancangan-rancangan pada asalnya getah ditanam semula dengan getah dibiayai oleh penerimaan bantuan daripada Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Getah Malaysia (RISDA). Perbelanjaan ini adalah pada kadar RM9,230 sehektar bagi tempoh 6 tahun pembangunan tanam semula getah.

Keterangan lanjut mengenai perbelanjaan pembangunan rancangan-rancangan tanam semula berpeneroka pada Nota 25 kepada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(xiv) Pinjaman Kepada Peneroka (bersambung)

(c) Hutang Sosio Ekonomi Peneroka

Pinjaman yang disediakan kepada peneroka adalah seperti pinjaman pembesaran rumah peneroka ("PPP"), pinjaman pelajaran tinggi anak-anak peneroka ("IPT"), pinjaman Skim Insentif Usahawan Felda ("SIUF"), pinjaman Koperasi Permodalan Felda ("KPF"), pinjaman komputer ("PC"), pinjaman Skim Sewa Beli Perumahan Warga Felda ("PWF"), pinjaman pembiayaan saham FGV Holdings Berhad ("FGVH") dan pinjaman lain.

Pinjaman kepada peneroka pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos yang telah dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif, setelah dikurangkan peruntukan untuk penjejasan.

Beza pinjaman sebenar kepada peneroka dan nilai saksamanya diiktiraf ke Penyata Pendapatan sebagai perbelanjaan geran kepada peneroka.

(xv) Peruntukan Untuk Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila:

- (a) Kumpulan mempunyai obligasi perundangan atau obligasi konstruktif daripada peristiwa yang lepas;
- (b) ada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut;
- (c) jumlah anggaran yang munasabah boleh dibuat.

Apabila Kumpulan menjangkakan adanya peruntukan yang boleh dibayar semula, pembayaran semula diiktiraf sebagai aset berasingan tetapi hanya apabila pembayaran semula adalah dipastikan secara nyata. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Peruntukan diukur pada nilai semasa perbelanjaan yang dijangka diperlukan untuk menyelesaikan obligasi menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa nilai mata wang dan risiko khusus terhadap obligasi itu. Peningkatan dalam peruntukan disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan kos kewangan.

(xvi) Penghutang

Penghutang pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos yang telah dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif, setelah dikurangkan peruntukan untuk penjejasan. Jika kutipan dianggap dalam masa satu tahun atau kurang (atau di dalam kitaran biasa operasi perniagaan jika lebih panjang) maka ia diklasifikasikan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia akan diklasifikasikan sebagai aset bukan semasa.

Hutang lapuk dihapuskan pada tahun ianya dikenalpasti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(xvii) Pinjaman Kepada Kakitangan

Pinjaman yang disediakan kepada kakitangan adalah seperti pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman pelajaran tinggi, pinjaman komputer, pinjaman pembiayaan saham FGV Holdings Berhad ("FGVH") dan pinjaman persekolahan.

Pinjaman kepada kakitangan pada awalnya diiktiraf pada nilai saksama dan kemudiannya diukur pada kos yang telah dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif, setelah dikurangkan peruntukan untuk penjejasan.

Beza pinjaman sebenar kepada kakitangan dan nilai saksamanya diiktiraf ke Penyata Pendapatan sebagai prabayaran kos kakitangan dan dilunaskan berdasarkan tempoh pinjaman.

(xviii) Pajak

(a) Pajak operasi

Pajak di mana keseluruhan faedah dan risiko pemilikan aset ditanggung oleh pemajak dikategorikan sebagai pajak operasi. Pembayaran pajak operasi (selepas ditolak sebarang bentuk insentif yang diterima oleh pemajak) diiktirafkan dalam Penyata Pendapatan berdasarkan kadar garis lurus sepanjang tempoh pajak tersebut.

Apabila pajak operasi ditamatkan sebelum tempoh pajak berakhir, sebarang bayaran yang perlu dibuat kepada pemajak secara penalti akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana pajak tersebut ditamatkan.

Bayaran bagi bangunan milik pajak, tanah pegang pajak dan tanah ladang, sekiranya memenuhi syarat-syarat pajak operasi, dikategorikan sebagai bayaran terdahulu prabayaran tanah milik pajak dan dilunaskan mengikut jangkamasa pajak menurut dasar garis lurus. Kesemua tanah ladang ialah prabayaran tanah milik pajak.

Bayaran terdahulu prabayaran tanah milik pajak bagi tanah ladang merupakan premium tanah ladang yang dibayar kepada Kerajaan Negeri pada kadar RM500 seekor bagi tempoh 99 tahun.

Bagi bayaran premium tanah ladang yang masih belum dijelaskan kepada Kerajaan Negeri, Kumpulan dan Felda telah membuat peruntukan bagi premium tanah ladang tersebut dan disusutnilai bermula pada tahun pembangunan menurut dasar garis lurus.

(b) Pajak kewangan

Pajak hartanah, loji dan peralatan di mana pemajak menanggung sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan dikategorikan sebagai pajak kewangan.

Pajak kewangan dipermodalkan pada nilai terendah di antara nilai saksama aset yang dipajak dan anggaran nilai semasa bayaran pajak pada tarikh permulaan. Setiap bayaran pajak diperuntukkan antara liabiliti dan caj kewangan untuk mencapai kadar faedah yang konsisten ke atas prinsipal pajak tertunggak. Obligasi sewa yang berkaitan, selepas ditolak caj kewangan, dimasukkan dalam pinjaman. Elemen faedah bagi caj kewangan dicajkan kepada keuntungan atau kerugian sepanjang tempoh pajak untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap atas baki tanggungan untuk setiap tempoh.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(xviii) Pajakan (bersambung)

(b) Pajakan kewangan (bersambung)

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi di bawah kontrak pajakan kewangan disusutnilai sepanjang jangka hayat aset tersebut. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa pemilikan akan dipindahkan kepada pemajak, aset tersebut disusutnilai lebih pendek antara tempoh pajakan dan hayat kegunaannya.

Kos langsung permulaan yang ditanggung oleh Kumpulan dalam berunding dan menguruskan pajakan kewangan ditambah kepada nilai dibawa aset pajakan dan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Pendapatan sepanjang tempoh pajakan pada asas yang sama sebagai perbelanjaan pajakan.

(xix) Manfaat Kakitangan

(a) Manfaat kakitangan berjangka pendek

Gaji, cuti tahunan, cuti sakit, bonus dan faedah-faedah bukan wang diakru pada tahun kewangan di mana perkhidmatan itu diberikan oleh kakitangan.

(b) Pelan caruman wajib

Pelan caruman wajib adalah pelan di mana Felda membayar caruman tetap kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim pencen. Felda tidak mempunyai sebarang tanggungjawab selain caruman yang telah dibuat. Caruman diiktirafkan ke dalam Penyata Pendapatan pada tahun yang berkenaan.

(c) Manfaat perubatan selepas persaraan

Felda telah memperuntukkan manfaat perubatan selepas persaraan kepada kakitangan-kakitangannya yang telah bersara. Peruntukan manfaat perubatan ini hanya dibuat bagi kos rawatan di mana hospital/ klinik kerajaan tidak dapat membekal atau menyediakan beberapa kemudahan perubatan dengan sepenuhnya. Kelayakan untuk manfaat ini adalah untuk kakitangan yang terus berkhidmat hingga tarikh persaraan dan telah memenuhi tempoh minima perkhidmatan.

Liabiliti untuk manfaat ini merupakan nilai kini kepada tanggungjawab Felda pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan. Liabiliti ini dikira menggunakan "Kaedah Unjuran Unit Kredit" oleh aktuari bebas, dengan mengambilkira anggaran aliran tunai keluar pada masa hadapan menggunakan hasil keuntungan pasaran sekuriti kerajaan yang mempunyai matawang dan kadar matang yang hampir kepada kadar tanggungan tersebut pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

Keuntungan dan kerugian aktuari yang terhasil daripada penyesuaian dan perubahan andaian aktuari akan diiktiraf atau dikredit pada ekuiti dalam lain-lain pendapatan komprehensif pada tempoh ianya timbul.

Tarikh penilaian terakhir manfaat perubatan ini adalah pada 31 Mei 2019.

Kumpulan juga mengiktiraf manfaat kakitangan seperti berikut:

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(xix) Manfaat Kakitangan (bersambung)

(c) Manfaat perubatan selepas persaraan (bersambung)

(i) Pelan manfaat tertakrif

Liabiliti diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan berkenaan dengan pelan manfaat persaraan tertakrif adalah nilai kini kewajipan manfaat ditentukan pada akhir tempoh laporan kewangan ditolak nilai saksama aset pelan. Kewajipan manfaat tertakrif adalah dikira pada setiap tahun oleh aktuari bebas menggunakan unjuran kaedah kredit unit. Nilai semasa kewajipan manfaat ditentukan dikira dengan mendiskaun anggaran aliran tunai keluar masa hadapan menggunakan kadar faedah bon korporat berkualiti tinggi yang didenominasikan dalam mata wang di mana manfaat tersebut akan dibayar dan mempunyai tempoh matang hampir kepada terma-terma obligasi pencen yang berkaitan. Manakala, kadar pasaran pada bon kerajaan akan digunakan bagi negara-negara yang tidak mempunyai nilai pasaran dalam bon korporat.

Kos perkhidmatan semasa pada pelan tersebut, menunjukkan peningkatan dalam tanggungan manfaat tertentu akibat daripada perkhidmatan kakitangan pada tahun semasa. Nilai ini diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian dalam perbelanjaan manfaat pekerja, kecuali jika termasuk dalam kos aset tersebut.

Keuntungan atau kerugian atas penilaian aktuari hasil daripada pelarasan-pelarasan dalam tempoh kewangan sebelum ini dan perubahan dalam anggaran-anggaran oleh aktuari perlu dicaj kepada ekuiti dalam lain-lain pendapatan komprehensif dalam tempoh tersebut.

Kos perkhidmatan lepas diiktiraf serta merta dalam keuntungan atau kerugian.

Kadar diskaun yang digunakan untuk mendiskaun kewajipan manfaat selepas persaraan (dibiayai dan tidak dibiayai) hendaklah ditentukan dengan merujuk kepada kadar hasil pasaran bon pada akhir tempoh laporan kewangan. Manakala, kadar pasaran (pada akhir tempoh kewangan) pada bon kerajaan akan digunakan bagi negara-negara yang tidak mempunyai nilai pasaran dalam bon korporat. Mata wang dan tempoh bon korporat atau bon kerajaan hendaklah selaras dengan mata wang dan tempoh anggaran kewajipan manfaat selepas persaraan.

(ii) Lain-lain manfaat jangka panjang

Kos faedah pekerja jangka panjang (contohnya, cuti perkhidmatan jangka panjang) diakru untuk dipadankan dengan pemberian perkhidmatan oleh pekerja berkenaan menggunakan kaedah perakaunan serupa dengan pelan pencen faedah, kecuali pengukuran semula diiktiraf dengan serta merta dalam keuntungan atau kerugian.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(xix) Manfaat Kakitangan (bersambung)

(c) Manfaat perubatan selepas persaraan (bersambung)

(iii) Manfaat pemberhentian kerja

Kumpulan membayar manfaat pemberhentian kerja apabila penamatan perkhidmatan oleh Kumpulan sebelum tarikh persaraan biasa atau apabila seorang pekerja menerima sukarela rangka kerja penyusunan semula sebagai pertukaran untuk manfaat ini. Kumpulan itu mengakui penamatan faedah pada awal tarikh-tarikh berikut: (a) apabila Kumpulan itu tidak boleh lagi menarik balik tawaran manfaat; dan (b) apabila entiti mengiktiraf kos untuk penyusunan semula iaitu dalam skop MFRS 137 'Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka' dan melibatkan pembayaran manfaat penamatan. Bagi tawaran yang dibuat untuk menggalakkan lebih paksaan, manfaat penamatan diukur berdasarkan jumlah kakitangan yang dijangka menerima tawaran itu. Bagi manfaat yang melebihi 12 bulan selepas akhir tempoh laporan kewangan, ianya perlu didiskaunkan kepada nilai semasa.

(xx) Cukai Pendapatan Tertunda

Perbelanjaan cukai semasa adalah ditentukan berasaskan undang-undang cukai negara. Cukai pendapatan atas keuntungan atau kerugian untuk tahun semasa adalah terdiri daripada cukai tahun semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah jumlah cukai yang dijangka daripada cukai pendapatan perlu dibayar berhubung keuntungan boleh dicukai tahun semasa, dikira berdasarkan kadar cukai yang telah berkuatkuasa pada tarikh Penyata Kewangan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diiktiraf sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang terbit antara jumlah yang disandarkan kepada aset-aset dan liabiliti-liabiliti untuk tujuan percukaian dan jumlah yang dibawanya dalam Penyata Kewangan. Cukai tertunda yang diiktiraf adalah termasuk kesan perbezaan sementara yang terbit daripada kredit-kredit cukai.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diiktiraf apabila ada kemungkinan terdapat keuntungan boleh dicukai di mana perbezaan sementara yang terhasil atau kerugian cukai yang belum diguna boleh digunapakai.

Cukai tertunda tidak diiktiraf sekiranya perbezaan sementara timbul daripada pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam urusaniaga yang bukan merupakan kombinasi perniagaan dan pada masa urusaniaga, tidak menjejaskan keuntungan perakaunan atau keuntungan boleh dicukai.

Cukai tertunda diiktiraf di Penyata Pendapatan kecuali jika ia timbul daripada urusaniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti di mana cukai tertunda juga dicaj atau dikreditkan secara langsung dalam ekuiti, atau apabila ia timbul daripada penyatuan perniagaan yang merupakan pengambilalihan dalam hal yang mana cukai tertunda dimasukkan dalam muhibah atau muhibah negatif terhasil.

Cukai pendapatan tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh cukai yang berkaitan dengan pelaburan dalam syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu, syarikat-syarikat usahasama kecuali apabila masa pembalikan perbezaan sementara tersebut dikawal oleh induk, pelabur, usahasama atau pengendali bersama

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

3. DASAR PERAKAUNAN UTAMA (BERSAMBUNG)

(xx) Cukai Pendapatan Tertunda (bersambung)

dan ia berkemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan berbalik pada masa hadapan. Secara umumnya pelabur, usahasama atau pengendali bersama tidak dapat mengawal pembalikan perbezaan sementara untuk syarikat-syarikat subsidiari, syarikat-syarikat bersekutu, syarikat-syarikat usahasama. Hanya di mana terdapat satu perjanjian di tempat yang memberikan pelabur, usahasama atau pengendali keupayaan untuk mengawal pembalikan perbezaan sementara, liabiliti cukai tertunda tidak diiktiraf.

Aset cukai pendapatan tertunda diiktiraf atas perbezaan sementara yang boleh ditolak yang timbul daripada pelaburan dalam anak syarikat subsidiari, syarikat bersekutu dan pengaturan bersama hanya kepada tahap yang ia berkemungkinan perbezaan sementara akan berbalik pada masa akan datang dan terdapat keuntungan boleh cukai yang mencukupi di mana perbezaan sementara boleh digunakan.

Kadar-kadar cukai yang digubal atau secara substantifnya digubal pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, digunakan untuk menentukan cukai tertunda.

(xxi) Tunai Dan Persamaan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan persamaan tunai meliputi wang tunai dalam tangan dan di bank, deposit tetap dan pelaburan dalam instrumen pasaran wang yang merupakan pelaburan jangka pendek, mempunyai kecairan yang tinggi dalam tempoh tiga bulan atau kurang dari tarikh pembelian dan sedia ditukarkan kepada tunai dengan perubahan nilai yang tidak ketara.

(xxii) Pinjaman Dari Institusi Luar

Pinjaman pada mulanya diiktiraf berdasarkan nilai saksama, selepas ditolak kos transaksi yang dibelanjakan. Pinjaman kemudiannya dinyatakan pada kos yang telah dilunaskan, sebarang perbezaan antara penerimaan (selepas ditolak kos transaksi) dan nilai tebus diiktiraf di dalam Penyata Pendapatan sepanjang tempoh pinjaman menggunakan kaedah faedah efektif.

Saham keutamaan, yang mandatori ditebus pada tarikh tertentu, diklasifikasikan sebagai liabiliti. Pendapatan dividen atas saham keutamaan diiktiraf sebagai kos kewangan di dalam Penyata Pendapatan.

Pinjaman daripada institusi luar terdiri daripada pinjaman berjaminan kerajaan, Sukuk Murabahah, pinjaman berjangka, kredit pusingan, Tawarruq dan lain-lain pinjaman.

(a) Pinjaman Berjaminan Kerajaan

lanya merupakan pinjaman tidak bercagar yang diperolehi oleh Felda daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan sebahagiannya disalurkan kepada syarikat bersekutunya, FGVH seperti yang dinyatakan dalam Nota 24. Pinjaman ini dikenakan kadar faedah dalam lingkungan 4.595% hingga 5.015% setahun berdasarkan kepada kadar bon kerajaan ("MGS") dan margin tambahan sebanyak 0.75%. Pinjaman Berjaminan Kerajaan ini mempunyai tempoh bayaran balik selama 10 tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

38. PINJAMAN DARIPADA INSTITUSI LUAR (BERSAMBUNG)

(b) Pembiayaan Berdasarkan Cagaran Saham

(i) *Call-Against-Call-Option* ("CACO")

CACO merupakan instrumen pelaburan yang dilaksanakan melalui Maybank Investment Bank Berhad ("Maybank") dengan mencagarkan sebahagian saham siar harga milik Felda. Kos pelaburan adalah berdasarkan kos semasa 3 bulan kos dana dan margin tambahan sebanyak 0.43%. Pelaburan melalui CACO ini adalah bagi tempoh 3 tahun.

(ii) *Term Financing Facility* ("TF")

TF merupakan pembiayaan daripada CIMB Bank Berhad ("CIMB") dengan mencagarkan sebahagian saham siar harga milik Felda. Kos pelaburan adalah berdasarkan kos semasa 3 bulan kos dana dan margin tambahan sebanyak 0.50%. Pelaburan melalui TF ini adalah bagi tempoh 3 tahun.

(iii) *Islamic Term Financing Facility* ("TF-i")

TF-i merupakan pembiayaan daripada Affin Islamic Bank Berhad dengan mencagarkan sebahagian saham siar harga milik Felda. Kos pelaburan adalah berdasarkan kos semasa 3 bulan kos dana dan margin tambahan sebanyak 0.50%. Pelaburan melalui TF-i ini adalah bagi tempoh 3 tahun.

(iv) *Margin Trading Financing Facility* ("MTF")

MTF merupakan pembiayaan daripada Hong Leong Islamic Bank Berhad dengan mencagarkan sebahagian saham siar harga milik Felda. Kos pelaburan adalah berdasarkan kos semasa 1 bulan kos dana dan margin tambahan sebanyak 0.50%. Pelaburan melalui MTF ini adalah bagi tempoh 3 tahun.

(c) Sukuk Murabahah

Pada 18 Mei 2012, subsidiari menerbitkan Sekuriti Islam ("Sukuk") berdasarkan kepada prinsip Syariah bagi Murabahah melalui pengaturan Tawarruq dengan nilai nominal RM1.575 bilion. Sukuk diterbitkan untuk kegunaan perkara berikut :

- (i) Untuk membiayai semula semua jumlah tertunggak di bawah Kemudahan Terbitan Nota Al-Bai' Bithaman Ajil yang sebelum ini telah dikeluarkan untuk membiayai perancangan, reka bentuk, pembinaan dan penyiapan 10,000 unit perumahan sedia ada bagi Kerajaan Malaysia;
- (ii) Untuk membiayai Akaun Pembayaran Balik Pemegang Amanah;
- (iii) Bakinya, untuk perbelanjaan umum korporat subsidiari yang termasuk bayaran untuk perbelanjaan yang dilakukan berhubung dengan penerbitan Sukuk dan bayaran dividen kepada syarikat subsidiari yang lain.

Sukuk mempunyai tempoh sehingga 16 tahun dan matang pada 18 Mei 2028. Amaun prinsipal Sukuk dibahagikan kepada 31 "tranches" dan boleh ditebus pada setiap setengah tahun. Hasil hingga matang adalah di antara 8.37% hingga 10.40% setahun dan perlu dibayar balik setiap setengah tahun. Sukuk di cagar ke atas perkara berikut:

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

38. PINJAMAN DARIPADA INSTITUSI LUAR (BERSAMBUNG)

(c) Sukuk Murabahah (bersambung)

- (i) Penyerahan bayaran konsesi berkenaan dengan 10,000 unit perumahan di bawah Perjanjian Penswastaaan bertarikh 9 Februari 1998 di antara Kerajaan Malaysia dan subsidiari;
- (ii) Debentur untuk mewujudkan kedudukan pertama caj tetap dan terapung ke atas semua aset semasa yang sedia ada dan akan dimiliki pada masa hadapan oleh subsidiari; dan
- (iii) Kedudukan pertama caj dan penyerahan akaun yang ditetapkan termasuk:

Akaun Escrow di mana semua bayaran daripada Kerajaan Malaysia menurut Perjanjian Penswastaaan dan lain-lain pendapatan, hasil atau perolehan yang diterima oleh subsidiari (kecuali hasil daripada Sukuk Murabahah) akan disimpan dan hendaklah dikendalikan sepenuhnya oleh Pemegang Amanah; dan

Akaun Rizab Perkhidmatan Kewangan digunakan semata-mata untuk bayaran keuntungan di bawah Sukuk Murabahah yang perlu dibayar dan kena dibayar dan hendaklah semata-mata yang dikendalikan oleh Pemegang Amanah.

Perjanjian-perjanjian utama yang perlu dipatuhi oleh subsidiari adalah seperti berikut:

- (i) Untuk mengekalkan nisbah kewangan Perkhidmatan Perlindungan ("FSCR") sekurang-kurangnya 1.20 kali sepanjang tempoh Sukuk Murabahah disahkan dengan sewajarnya oleh juruaudit luar berdasarkan Penyata Kewangan terkini yang diaudit pada setiap tahun; dan
- (ii) Untuk mengekalkan jumlah yang sama dengan pembayaran keuntungan segera seterusnya dalam FSRA sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum tarikh akhir pembayaran keuntungan.

(d) Pinjaman Berjangka, Pinjaman Penyambung dan Kredit Pusingan

Terdapat beberapa pinjaman berjangka, pinjaman penyambung dan kredit pusingan seperti berikut:

- (i) Kredit pusingan 1

Kredit pusingan 1 ialah pada kos dana efektif + 1.25% setahun. Pinjaman ini di cagar oleh caj tetap ke atas dua unit kedai pejabat teres milik Kumpulan, pembahagian kutipan sewa dan jaminan korporat yang disediakan oleh FIC.

- (ii) Pinjaman berjangka 1 dan kredit pusingan 2

Pinjaman berjangka 2 terdiri daripada dua pinjaman berjangka pada kos dana efektif sebulan bank + 1.4% setahun dan pada kos dana efektif sebulan bank + 1.35% setahun. Kredit 2 pusingan sebanyak RM12.5 juta adalah pada kos dana efektif + 1.25% setahun. Pinjaman ini adalah di cagar oleh caj tetap ke atas empat unit kedai pejabat teres milik Kumpulan (Nota 13 (ii)), tanah pegangan pajak di bawah pembangunan (Nota 13 (iii)), penyerahan hak ke atas projek akaun dan debentur ke atas caj tetap dan terapung.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

38. PINJAMAN DARIPADA INSTITUSI LUAR (BERSAMBUNG)

(d) Pinjaman Berjangka, Pinjaman Penyambung dan Kredit Pusingan (bersambung)

Terdapat beberapa pinjaman berjangka, pinjaman penyambung dan kredit pusingan seperti berikut : (bersambung)

(iii) Pinjaman penyambung 1

Kadar faedah pinjaman berjangka dan pinjaman penyambung adalah pada kos dana efektif bank + 1.75% setahun. Pinjaman berjangka dan pinjaman penyambung di cagar oleh caj tetap ke atas tanah pegangan bebas Kumpulan di bawah pembangunan.

(iv) Pinjaman berjangka 3

Pinjaman berjangka 3 adalah pada kos dana + 1.25% setahun. Pinjaman ini dijamin oleh hartanah pelaburan siap Kumpulan.

(v) Pinjaman berjangka 5

Pinjaman berjangka 5 adalah pada kadar 9% setahun. Pinjaman ini dijamin oleh sepuluh (10) unit pejabat kedai teres.

(vi) Pinjaman berjangka 7

Pinjaman berjangka 7 telah diambil untuk membiayai Pinjaman penyambung 2 dan akan matang dalam masa 5 tahun pada kadar 2.50% setahun ke atas kos dana bank. Pinjaman ini dijamin dengan jaminan korporat dari badan induk muktamad, Felda dan pengusahaan dari Felda untuk menampung sebarang kekurangan tunai, kos ditanggung dan semua bayaran yang perlu dibayar di bawah pinjaman ini.

(vii) Pinjaman penyambung 3

Pinjaman penyambung 3 adalah pada kadar keuntungan: 12.00% setahun, kos dana efektif + 1.00% setahun.

(viii) Kredit Pusingan 3

Kredit pusingan 3 adalah pada kos dana + 1.50% setahun.

(ix) Kredit Pusingan 4

Kredit pusingan 4 adalah pada kos dana + 1.75% setahun.

(x) Kredit Pusingan 5

Kredit pusingan 5 adalah pada kos dana + 1.75% setahun (2017: + 1.20% setahun). Pinjaman ini dijamin oleh *pledge of share* dalam syarikat subsidiari, bersekutu dan aset kewangan sedia untuk dijual.

(xi) Kredit Pusingan 6

Kredit pusingan 6 adalah pada kos dana + 2% setahun. Pinjaman ini dicagar oleh caj tetap ke atas tanah pegangan bebas Kumpulan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

38. PINJAMAN DARIPADA INSTITUSI LUAR (BERSAMBUNG)

(d) Pinjaman Berjangka, Pinjaman Penyambung dan Kredit Pusingan (bersambung)

Terdapat beberapa pinjaman berjangka, pinjaman penyambung dan kredit pusingan seperti berikut:(bersambung)

(xii) Pinjaman berjangka 8

Pinjaman berjangka 8 didominasi dalam nilai GBP. Kos pinjaman dana adalah berdasarkan kepada LIBOR + 3.50% setahun. Pinjaman dicagar terhadap pegangan saham penuh FIC Global Ltd, ("FGL"), FICLH, dan GPK, pegangan penuh terhadap syarikat-syarikat subsidiari dan tanah dan bangunan milik penuh FGL, FICLH, dan GPK.

(xiii) Pinjaman penyambung 4

Pinjaman penyambung 4 adalah pada kadar keuntungan: 12.00% setahun, kos dana efektif + 1.25% setahun.

(e) Tawarruq

Kemudahan Tawarruq sehingga RM2.5 bilion daripada GOVCO Holdings Berhad bertujuan untuk membiayai pemerolehan 37% kepentingan ekuiti di PT Eagle High Plantations Tbk, sebuah syarikat yang diperbadankan di Indonesia dan untuk membiayai duti setem, memfailkan bayaran kepada penasihat, peguamcara dan mana-mana pihak lain yang berkaitan (jika ada) berhubung dengan penerbitan kemudahan tersebut dan pemerolehan saham itu.

Kemudahan ini perlu dibayar untuk tempoh sehingga 7 tahun dari tarikh pengeluaran pertama yang merangkumi tempoh moratorium. Keuntungan akan dibayar secara tunggakan pada setengah tahun pertama yang hendaklah kena dibayar pada bulan ke-6 selepas tamat tempoh moratorium 3 tahun. Kadar keuntungan efektif adalah 5.1% setahun.

Dokumen cagaran bagi jaminan korporat kepada FICP adalah seperti berikut;

- (a) Surat Ikatan Debentur
- (b) Surat Ikatan Penyerahan Hak ke atas Akaun Escrow; dan
- (c) Cagaran atas saham
- (d) Jaminan Korporat; dan
- (e) Memorandum Caj Atas Saham yang mewakili 37% saham yang diterbitkan dalam modal saham PT Eagle High Plantations Tbk

(f) Obligasi di bawah Pajak Kewangan

Obligasi ini dijamin dengan caj ke atas aset yang dipajak.

(g) Pinjaman pusingan kredit ("STRC-I")

STRC-I merupakan pembiayaan daripada Maybank Islamic Berhad dengan mencagarkan sebahagian saham siar harga milik Felda. Kos pelaburan adalah berdasarkan kos semasa 3 bulan kos dana dan margin tambahan sebanyak 0.75%. Pelaburan dalam STRC-I ini adalah bagi tempoh 5 tahun.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

38. PINJAMAN DARIPADA INSTITUSI LUAR (BERSAMBUNG)

(h) Pinjaman berjangka komoniti Murabahah ("CMTF-I")

CMTF-I merupakan pembiayaan daripada Maybank Islamic Berhad dengan mencagarkan sebahagian saham siar harga milik Felda. Kos pelaburan adalah berdasarkan kos semasa 3 bulan kos dana dan margin tambahan sebanyak 1.50%. Pelaburan dalam CMTF-I ini adalah bagi tempoh 10 tahun.

(i) Lain-lain pinjaman adalah seperti berikut:

(i) Overdraf Bank 1

Overdraf bank 1 adalah dalam RM, dikenakan faedah pada kadar pinjaman asas ("BLR") + 1.25% setahun, dan di cagar oleh deposit jangka pendek dan jaminan korporat yang disediakan oleh Kumpulan.

(ii) Saham Keutamaan Boleh Tukar dan Tebus ("RCPS")

Syarikat telah mengeluarkan 150,000,000 saham keutamaan boleh tukar dan tebus pada nilai par RM0.01 sesaham dan premium RM0.99 sesaham pada 31 Oktober 2014. RCPS matang dalam masa 5 tahun dari tarikh dikeluarkan pada nilai nominal RM150 juta atau boleh ditukar menjadi saham syarikat jika dipilih oleh pemegang pada tarikh matang, RM1.00 sesaham. Pemegang RCPS layak untuk dividen keutamaan terkumpul pada kadar 6% setahun.

Berikut perkiraan RCPS yang dinyatakan dalam penyata kedudukan kewangan:

	KUMPULAN	
	2018	2017
	RM	RM
Komponen liabiliti		
Pada 1 Januari	179,401,000	172,329,000
Faedah dicaj dalam penyata untung rugi	7,072,000	7,072,000
Perbelanjaan faedah diiktiraf dalam Penyata Pendapatan	186,473,000	179,401,000

Ciri-ciri penting RCPS yang diterbitkan oleh syarikat adalah seperti berikut:

- (a) Dividen dibayar bagi RCPS perlu dibayar dalam masa 30 hari dari tarikh akaun syarikat yang telah diaudit diterima oleh pemegang saham biasa syarikat.
- (b) Pemegang saham layak untuk menukar keseluruhan bahagian RCPS yang dipegang ke saham biasa RM1.00 sesaham pada bila-bila masa sebelum penebusan. Setelah penukaran dibuat, saham tersebut diletakkan pada kedudukan *pari passu* dengan baki saham biasa RM1.00 sesaham.

Kesemua kelayakan dividen bagi RCPS tersebut akan terhapus dan saham tersebut akan termasuk dalam kategori saham biasa dan akan menerima dividen seperti yang disyiharkan bagi saham biasa kecuali pada tahun kewangan sebelum pertukaran tersebut berlaku termasuk permulaan tahun kewangan di mana pertukaran tersebut berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

38. PINJAMAN DARIPADA INSTITUSI LUAR (BERSAMBUNG)

(i) Lain-lain pinjaman adalah seperti berikut: (bersambung)

(ii) Saham Keutamaan Boleh Tukar dan Tebus ("RCPS") (bersambung)

Ciri-ciri penting RCPS yang diterbitkan oleh syarikat adalah seperti berikut: (bersambung)

(c) Syarikat berhak, pada bila-bila masa untuk menebus keseluruhan atau sebahagian pada nilai RM1.00 bagi setiap RCPS dikeluarkan.

(d) Pelanggan berhak untuk menuntut penebusan oleh syarikat dengan memberikan satu bulan notis kepada syarikat berkaitan permintaan untuk penebusan. Notis itu perlu dilakukan secara bertulis dan perlu menetapkan masa dan tempat bagi penebusan tersebut. Pemegang berdaftar RCPS yang ingin ditebus perlu menyerahkan sijil syer yang berkaitan bagi urusan pembatalan kepada syarikat pada masa dan tempat yang telah ditetapkan dan syarikat akan membayar wang penebusan RCPS berkenaan.

(d) Sekiranya syarikat gagal membayar wang penebusan RCPS berkenaan, pelanggan berhak menerima pembayaran faedah caj lewat iaitu pada kadar wang Pasaran Wang Antara Bank ("IIMM") dalam mata wang harian yang lazim bagi jumlah penebusan dikira serta merta dari tempoh sebulan sehingga tarikh bayaran sebenar wang penebusan, berdasarkan pada 365 hari pada bilangan sebenar hari yang kelewatan dan akan terakru dari hari ke hari.

39. GERAN KERAJAAN

	KUMPULAN DAN FELDA		
	31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
	RM	RM	RM
Geran kerajaan adalah seperti berikut :			
Dana untuk Bekalan Elektrik	215,295	725,193	1,118,235
Dana Lampu Jalan Rancangan	7,250,000	-	-
Dana untuk Air Sementara	2,310,675	3,114,007	10,877,136
Dana Bekalan Air Seluruh Negara	6,318,904	10,992,398	16,496,962
Dana untuk Jalan Sementara dan Menaiktaraf Jalan Kampung	24,305,969	(26,931,627)	23,408,739
Dana Pembangunan Ekonomi	7,300,072	7,300,072	7,300,072
Dana Perumahan Generasi Baru Felda	-	115,110,000	-
Dana Khas : Bantuan SES TS Getah Ke Sawit	648,207	-	-
Dana Khas: Geran Tanam Semula Sawit	30,000,000	-	-
	78,349,122	110,310,043	59,201,144

Felda menerima geran kerajaan yang boleh dikategorikan seperti berikut :

(i) Geran kerajaan dinyatakan pada nilai saksama apabila terdapat kepastian munasabah di mana Felda dapat memenuhi syarat-syarat yang disertakan dengan geran tersebut dan geran tersebut diterima.

(ii) Geran kerajaan diiktiraf di dalam penyata pendapatan dalam tempoh yang sistematik di mana Felda mengiktiraf perbelanjaan melibatkan geran tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

40. PEMIUTANG

	KUMPULAN		
	31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
	RM	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)	(Dinyatakan Semula)
Akaun peneroka	623,910,855	334,994,226	536,953,598
Pemiutang lain	193,011,868	402,938,400	375,051,274
Pemiutang dagangan	419,817,301	134,399,985	173,638,580
Pemiutang kontrak	89,758,579	84,335,387	158,200,318
Syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan berkaitan Felda	2,620,485,191	385,693,255	697,547,406
	3,946,983,794	1,342,361,253	1,941,391,176
Tolak: Bayaran diterima selepas 1 Tahun	(1,201,787,508)	(482,534,110)	(685,894,401)
Bayaran diterima dalam setahun	2,745,196,286	859,827,143	1,255,496,775
			FELDA
	31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
	RM	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)	(Dinyatakan Semula)
Akaun peneroka	623,910,855	334,994,226	536,953,598
Pemiutang lain	49,306,803	64,273,797	244,493,073
Pemiutang kontrak	66,918,349	84,335,387	107,951,917
Syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan berkaitan Felda	947,382,861	1,007,510,735	1,096,862,280
Peruntukan Jaminan Kontrak Kewangan	1,846,333,638	1,685,385,630	-
	3,533,852,506	3,176,499,775	1,986,260,868
Tolak: Bayaran diterima selepas 1 tahun	(1,846,333,638)	(1,685,385,630)	-
Bayaran diterima dalam setahun	1,687,518,868	1,491,114,145	1,986,260,868

Terma kredit pemiutang dagangan termasuk syarikat-syarikat subsidiari, bersekutu dan berkaitan Felda adalah 14 sehingga 60 hari (2017: 14 sehingga 60 hari) tanpa sebarang faedah dikenakan untuk kelewatan pembayaran.

Profil pendedahan mata wang bagi pemiutang adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		
	31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
	RM	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)	(Dinyatakan Semula)
Ringgit Malaysia	3,945,938,789	1,339,006,252	1,935,695,422
Riyal Arab Saudi	7,356	323,125	323,125
Pound Sterling	1,037,649	3,031,876	5,372,629
	3,946,983,794	1,342,361,253	1,941,391,176

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

40. PEMIUTANG (BERSAMBUNG)

Profil pendedahan mata wang bagi pemiutang adalah seperti berikut: (bersambung)

	FELDA		
	31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
	RM	RM	RM
		(Dinyatakan Semula)	
Ringgit Malaysia	3,533,852,506	3,176,499,775	1,986,260,868
	3,533,852,506	3,176,499,775	1,986,260,868

(a) Pemiutang dagangan tidak dikenakan faedah dan terma kredit pemiutang dagangan Kumpulan adalah di antara 14 hingga 60 hari (2017: 14 hingga 60 hari).

(b) Pemegang saham syarikat subsidiari merujuk kepada Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor ("PKNS"). Jumlah terutang kepada PKNS berhubung dengan pembelian dua lot tanah adalah:

(i) 209.7 ekar lot tanah di U12 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan; dan

(ii) Kira-kira 45 ekar lot tanah di Pusat Bandar 1, Pusat Bandar Kota Damansara bagi tujuan pembangunan sebagai projek pembangunan bercampur.

Jumlah tertunggak yang perlu dibayar balik kepada PKNS adalah secara progresif iaitu sejajar dengan tuntutan kemajuan yang dikeluarkan kepada pembeli hartanah dan dibayar kepada PKNS dalam tempoh 2 minggu daripada tarikh kutipan.

Di dalam tahun kewangan 2017, Felda telah memberikan jaminan korporatnya ke atas pinjaman yang dibuat oleh FIC Properties Sdn. Bhd. ("FICP") yang berjumlah RM2,250 bilion (2017: RM2,250 bilion)

41. LIABILITI KONTRAK

	KUMPULAN		
	31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017
	RM	RM	RM
Bayaran kemajuan yang berkenaan daripada kos pembangunan hartanah	2,439,000	2,311,000	-

42. LIABILITI TANAM SEMULA BERPENEROKA

Perubahan dalam liabiliti bersih dalam Penyata Kedudukan Kewangan adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN FELDA	
	2018	2017
	RM	RM
Pada 1 Januari	596,275,303	582,802,495
Kutipan	75,976,036	13,517,586
Perbelanjaan	(277,081)	(44,778)
Pada 31 Disember	671,974,258	596,275,303

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

43. PENGLIBATAN MODAL

(a) Komitmen modal

Perbelanjaan penglibatan modal yang diluluskan oleh ahli-ahli Lembaga adalah seperti berikut:

	KUMPULAN		FELDA	
	2018	2017	2018	2017
	RM	RM	RM	RM
Perbelanjaan modal berkaitan bangunan, struktur dan pembaharuan				
- Diluluskan dan dikontrakkan	23,033,454	-	23,033,454	44,576,707
- Diluluskan dan belum dikontrakkan	207,577,546	37,029,000	123,026,546	7,916,293
	<u>230,611,000</u>	<u>37,029,000</u>	<u>146,060,000</u>	<u>52,493,000</u>

(b) Pajakan kewangan

	KUMPULAN	
	2018	2017
	RM	RM
Dalam tempoh 1 tahun	11,000	23,000
Jumlah bayaran minimum pajak	11,000	23,000
Tolak: Caj kewangan	(11,000)	(1,000)
Nilai semasa liabiliti pajakan kewangan	<u>-</u>	<u>22,000</u>

Sewa beli dan pajakan belum bayar yang ditanggung Kumpulan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan tertakluk pada kadar rata antara 2.5% hingga 2.9% (2017: 2.5% kepada 2.9%).

(c) Pajakan operasi(i) Komitmen pajakan operasi - Felda

Sewa yang akan dibayar oleh Felda bagi pajakan tanah ladang Felda.

(ii) Komitmen pajakan operasi - Kumpulan

Sewa yang akan dibayar oleh Kumpulan bagi pajakan tanah ladang Kumpulan, sewa untuk outlet restoran dan sewa kilang.

(iii) Komitmen operasi pajakan - Pemajak

Kumpulan telah terlibat dalam operasi pajakan ke atas kenderaan tertentu dan barangan jentera dengan terma pajakan di antara 3 dan 5 tahun.

Sewa minimum masa hadapan yang perlu dibayar di bawah pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan pada 31 Disember adalah seperti berikut:

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

43. PENGLIBATAN MODAL (BERSAMBUNG)

(c) Pajakan operasi (bersambung)

(iii) Komitmen operasi pajakan - Pemajak (bersambung)

	KUMPULAN DAN FELDA	
	2018	2017
	RM	RM
Dalam tempoh 1 tahun	2,935,000	2,185,000
Antara 1 dan 5 tahun	9,712,000	9,197,000
Selepas 5 tahun	21,175,000	23,694,000
	<u>33,822,000</u>	<u>35,076,000</u>

(iv) Komitmen operasi pajakan - Pemberi Pajak

Kumpulan telah terlibat dalam pajakan hartanah komersial ke atas pelaburan hartanah. Pajakan ini adalah pajakan yang tidak boleh dibatalkan dan mempunyai baki tempoh pajakan di antara 6 bulan hingga 3 tahun dan termasuk klausa untuk membolehkan penyemakan semula secara berkala caj sewa mengikut keadaan pasaran semasa.

Sewa minimum yang diterima masa hadapan di bawah pajakan operasi yang tidak boleh dibatalkan pada 31 Disember adalah seperti berikut:

	KUMPULAN DAN FELDA	
	2018	2017
	RM	RM
Dalam tempoh 1 tahun	3,807,000	2,413,000
Antara 1 dan 5 tahun	2,189,000	2,223,000
Selepas 5 tahun	5,996,000	4,636,000

(d) Komitmen FIC - KLVC

(i) Projek Kuala Lumpur Vertical City di Jalan Semarak ("Projek KLVC")

Perjanjian Pembangunan ("DA")

Pada 2 Jun 2014, Felda Investment Corporation Sdn. Bhd. ("FIC") dan Synergy Promenade Sdn. Bhd. ("SPSB") telah memeterai Perjanjian Pembangunan ("DA") untuk SPSB membangunkan pembangunan bercampur di sebahagian tanah milik Felda di bawah projek yang dipanggil Projek KLVC di mana SPSB sebagai pemaju induk untuk melengkapkan Projek KLVC dalam tempoh 10 tahun dari tarikh yang dinyatakan di dalam DA, mengikut syarat-syarat dan tertakluk kepada terma-terma yang terkandung di dalam DA. Pada 3 Jun 2014, Felda dan SPSB telah menggunakan Kuasa Peguam ("PA") untuk membolehkan SPSB melaksanakan tanggungjawab seperti yang tertakluk di bawah DA. Berdasarkan kepada DA, SPSB bersetuju untuk membayar kepada Felda keuntungan pembangunan minimum dalam jumlah bersamaan dengan 10% daripada nilai pembangunan kasar Projek KLVC atau RM500 juta yang mana lebih tinggi.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

43. PENGLIBATAN MODAL (BERSAMBUNG)

(d) Komitmen FIC - KLVC (bersambung)

(i) Projek Kuala Lumpur Vertical City di Jalan Semarak ("Projek KLVC") (bersambung)

Perjanjian pajakan

Pada 24 Februari 2015, Perjanjian Sewa ("LA") telah ditandatangani di antara SPSB ("Lessor") dan FIC ("Lessee") untuk pajakan menara pejabat 68 tingkat ("Menara 1a") yang terdapat dalam Projek KLVC, apabila siap dibina, yang tertakluk kepada syarat-syarat di dalam LA. Berdasarkan LA, kadar sewa yang akan dibayar oleh FIC adalah berdasarkan pada kadar yang akan ditentukan oleh penilai berdaftar yang dilantik oleh SPSB bermula selepas 5 tahun dari tarikh LA (24 Februari 2015) atau setelah bangunan siap dibina, yang mana lebih awal untuk tempoh 20 tahun.

(ii) Lain-lain

Pada tahun 2015, FIC telah membuat perjanjian dengan pihak ketiga untuk melaksanakan pembangunan bercampur di sebahagian tanah Felda, di mana FIC akan melaksanakan atau menyebabkan Felda bersetuju dan berjanji dengan pihak ketiga membeli beberapa komponen pembangunan bernilai kira-kira RM98.3 juta daripada pihak ketiga. Sehingga tempoh laporan ini disediakan, pihak ketiga masih belum melaksanakan pembangunan seperti yang dicadangkan. Syarikat telah mengambil langkah-langkah pemulihan jika berlaku pelanggaran terhadap kontrak dan jika perlu, perjanjian akan ditamatkan.

44. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

(a) Maklumat syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

Syarikat-syarikat subsidiari	Negara penubuhan	Kepentingan ekuiti pada			Aktiviti-aktiviti utama
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017	
		%	%	%	
Dataran Aras Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Perladangan
Felda Technoplant Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Agen pengurusan ladang
Grand Borneo Hotel Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Pengendali hotel
Felda Middle East Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Pelaburan hartanah dan pengendali restoran
Felda Asset Holdings Company Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Pegangan pelaburan

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

44. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (BERSAMBUNG)

(a) Maklumat syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut: (bersambung)

Syarikat-syarikat subsidiari	Negara penubuhan	Kepentingan ekuiti pada			Aktiviti-aktiviti utama
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017	
		%	%	%	
Felda Herbal Corporation Sdn. Bhd	Malaysia	80	80	80	Jualan barangan pengguna berasaskan herba (Menghentikan operasi)
Felda Investment Corporation Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Pegangan pelaburan
Felda Korea Malaysia Sdn. Bhd.^	Malaysia	95	95	95	Pegangan pelaburan
FIC Properties Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Pegangan pelaburan
FIC UK Properties Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Pegangan pelaburan dan pelaburan hartanah
Semarak Felda Sdn. Bhd.	Malaysia	-	-	100	Telah dibubarkan pada 2 November 2017
Global Settlers Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Pengendali restoran dan pengeluar produk
Felda Carviative Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Menternak ikan sturgeon dan
<u>Syarikat subsidiari Felda Middle East Sdn. Bhd.</u>					
Felda Global Ventures Arabia Ltd.	Arab Saudi	90	90	90	Dorman
<u>Syarikat subsidiari FIC UK Prorieties Sdn. Bhd.</u>					
FIC Grand Plaza Ltd.	United Kingdom	100	100	100	Pengendali pangsapuri
<u>Syarikat-syarikat subsidiari Felda Investment Corporation Sdn. Bhd.</u>					

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

44. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (BERSAMBUNG)

(a) Maklumat syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut: (bersambung)

Syarikat-syarikat subsidiari	Negara penubuhan	Kepentingan ekuiti pada			Aktiviti-aktiviti utama
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017	
		%	%	%	
Encorp Berhad	Malaysia	67	67	71	Pegangan pelaburan dan menyediakan perkhidmatan sokongan pengurusan am
Perumahan Felda Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Khidmat pentadbiran dan pengurusan untuk badan induk bagi aktiviti berkaitan pembangunan hartanah
FIC Supplies Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Perdagangan berkaitan barangan pembinaan
Grand Plaza Kensington Limited	United Kingdom	100	100	100	Pengendali hotel
FIC Integrated Property Management Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Perunding pengurusan projek
FIC Management House Pte. Limited	United Kingdom	100	100	100	Pengurusan hartanah
FIC Hospitality Management PD Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Pengendali hotel
Felda Wellness Corporation Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Perdagangan umum
FIC Kuching Property Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Pengendali hotel
FIC London Hotel (Private) Limited	British Virgin Islands	100	100	100	Pegangan pelaburan hartanah
Felda Broadband Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Dorman
FIC PD Resort Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Dorman
FIC Kuching Hotel Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Dorman

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

44. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI (BERSAMBUNG)

(a) Maklumat syarikat-syarikat subsidiari adalah seperti berikut: (bersambung)

Syarikat-syarikat subsidiari	Negara penubuhan	Kepentingan ekuiti pada			Aktiviti-aktiviti utama
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017	
		%	%	%	
FIC Hospitality Management Sdn. Bhd.	Malaysia	100	100	100	Perunding pengurusan hotel
FIC Global Limited	British Virgin Islands	100	100	100	Pegangan pelaburan hartanah
Felda Water Sdn. Bhd.	Malaysia	40	40	40	Dorman
<u>Syarikat subsidiari Global Settlers Sdn. Bhd.</u>					
Global Settlers Korea Co. Limited	Korea	100	100	100	Pengendali restoran

Kesemua syarikat-syarikat subsidiari tidak diaudit oleh Ketua Audit Negara.

Syarikat-syarikat subsidiari adalah semua entiti di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mentadbir dasar kewangan dan operasi, kebiasaannya berserta pegangan saham lebih daripada setengah hak mengundi. Kewujudan dan kesan potensi hak mengundi yang kini boleh dilaksanakan atau boleh ditukar, dipertimbangkan apabila menilai sama ada Kumpulan mengawal entiti lain. Sila rujuk Nota 3 (i) untuk keterangan lanjut.

^ Penyata Kewangan beraudit syarikat ini masih belum disediakan disebabkan ketiadaan beberapa dokumen kewangan. Walau bagaimanapun kedudukan dan keputusan kewangan syarikat ini tidak menjejaskan Penyata Kewangan Kumpulan kerana kesannya yang tidak signifikan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

45. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT USAHASAMA

Maklumat syarikat usahasama adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Negara penubuhan	Kepentingan ekuiti pada			Aktiviti-aktiviti utama
		31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017	
		%	%	%	
Felda Uralkali Sdn. Bhd.	Malaysia	50	50	50	Memasarkan baja kimia
Felda 12C Co. Ltd.*	Korea	40	40	40	Pegangan pelaburan
Felda Ayamas Ventures Sdn. Bhd.	Malaysia	49	49	49	Mengurus ladang pembiakan dan penetasan serta membekalkan anak ayam daging

* Syarikat Usahasama Felda Korea Malaysia Sdn. Bhd.

Kesemua syarikat-syarikat usaha sama tidak diaudit oleh Ketua Audit Negara.

46. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

Maklumat syarikat bersekutu, di mana kesemuanya ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Kepentingan ekuiti pada			Aktiviti-aktiviti utama
	31.12.2018	31.12.2017	01.01.2017	
	%	%	%	
FGV Holdings Berhad	33.6	33.6	33.6	Pegangan pelaburan
Felda Plantations Sdn. Bhd.	49	49	49	Tidak aktif
Felda D'Saji Sdn. Bhd.	40	40	40	Khidmat catering
Sinergi Perdana Sdn. Bhd.	33.3	33.3	33.3	Produk berasaskan pertanian
<u>Syarikat bersekutu</u> <u>Felda Investment Corporation Sdn. Bhd.</u>				
Iris Corporation Berhad	-	19.4	24.2	Penyelidikan, pembangunan dan penyelesaian alam
Sinmah Development JV Sdn. Bhd.	30	30	-	Pelaburan Hartanah

Sinmah Development JV Sdn. Bhd. adalah syarikat tidak aktif dan masih belum menjalankan operasi pada tahun berakhir kewangan.

Kesemua syarikat-syarikat bersekutu tidak diaudit oleh Ketua Audit Negara.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

47. LIABILITI LUAR JANGKA DAN LITIGASI KETARA

(i) Kes-kes mahkamah di mana tuntutan-tuntutan yang ketara telah dibuat ke atas Kumpulan dan Felda adalah seperti berikut:

(a) Jenayah dan saman sivil terhadap bekas pekerja syarikat subsidiari, Global Settlers Korea Co. Ltd. ("GSK")

GSK telah membuat tiga laporan polis terhadap tiga bekas pekerja, Grace Won, Mee Nah Won dan Soon Duk Bae untuk kes berikut:

- (i) Untuk penggelapan bertarikh 3 Ogos 2015.
- (ii) Untuk melupuskan kereta GSK bertarikh 10 Ogos 2015; dan
- (iii) Untuk mengambil aset di Savaro Restaurant bertarikh 17 Ogos 2015.

Kes-kes penyelewengan dan salah urus dana GSK adalah seperti berikut:

- (i) KRW216,542,216 untuk penggunaan kepentingan peribadi.
- (ii) KRW12,000,000 untuk melupuskan kereta GSK; dan
- (iii) KRW35,375,050 untuk mengambil aset di Savaro Restaurant.

Pada 13 Februari 2018, GSK telah memenangi kes dan menerima *criminal judgement* berjumlah KRW261,044,964 (RM948,379.63) pada 8 Mac 2018.

GSK juga memfailkan saman sivil terhadap ketiga-tiga bekas pekerja untuk mendapatkan jumlah wang yang telah ditipu oleh mereka, seperti berikut:

- (i) Grace Won untuk membayar GSK KRW369,724,531 termasuk 20% faedah setahun;
- (ii) Mee Nah Won membayar GSK KRW57,725,050 termasuk 20% faedah setahun; dan
- (iii) Soon Duk Bae membayar GSK KRW47,721,231 termasuk faedah 20% setahun.

Kes ini pada masa ini masih berterusan.

Pada 28 Jun 2018, Grace Won telah menarik balik keputusan untuk merayu bagi keputusan yang telah diberikan oleh mahkamah dan hukuman penjara selama 14 bulan kekal. Beliau telah membuat pembayaran kepada jumlah penghakiman berjumlah KRW285,024,247 secara berperingkat melalui akaun GSK dan akaun peguam yang mewakili Felda seperti berikut:

- (i) Pada 26 Januari 2017, bayaran KRW3,536,240 telah dibuat.
- (ii) Pada 24 Februari 2017, bayaran KRW66,467,339 telah dibuat.
- (iii) Pada 14 Februari 2018, bayaran KRW30,001,232 telah dibuat.
- (iv) Pada 06 Februari 2018, bayaran KRW87,000,000 telah dibuat.
- (v) Pada 07 Februari 2018, bayaran KRW37,000,000 telah dibuat.
- (vi) Pada 08 Februari 2018, bayaran KRW37,044,964 telah dibuat.
- (vii) Pada 06 Februari 2018, bayaran KRW17,339,641 telah dibuat.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

47. LIABILITI LUAR JANGKA DAN LITIGASI KETARA (BERSAMBUNG)

(i) Kes-kes mahkamah di mana tuntutan-tuntutan yang ketara telah dibuat ke atas Kumpulan dan Felda adalah seperti berikut: (bersambung)

(b) Pada 12 April 2019 Felda telah disaman oleh Synergy Promenade Sdn. Bhd. ("SPSB") dan Synergy Promenade KLVC Sdn. Bhd. ("SPKLVC") di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur ke atas dua (2) lot tanah yang terlibat dalam Projek Pembangunan Kuala Lumpur Vertical City ("Projek KLVC") iaitu Lot 390 dan Lot 22978 di mana SPSB dan SPKLVC telah membuat tuntutan seperti berikut:-

Kes ini masih di peringkat Pengurusan Kes dan tarikh perbicaraan akan ditetapkan kelak. Felda telah memfailkan Afidavit Jawapan di mana Felda menentang keras segala dakwaan atau tuduhan yang dibuat oleh SPSB dan SPKLVC dalam saman pemula bertarikh 12 April 2019 dan memohon Mahkamah untuk menolak semua permintaan dan/atau deklarasinya yang dipohon oleh SPSB dan SPKLVC dalam saman pemula tersebut. Selain itu, Affidavit Jawapan tersebut juga memberi fakta sebenar mengenai Projek KLVC yang meliputi elemen-elemen seperti penipuan dan konspirasi, pelanggaran tanggungjawab fidusiari dan pertolongan yang diberikan dengan tidak jujur yang mana SPSB dan SPKLVC menyatakan fakta kes secara tidak menyeluruh dan hanya menyentuh proses prosedur penukaran hakmilik tanah daripada SPSB dan SPKLVC kepada Felda. Pengurusan Kes selanjutnya ditetapkan pada 10 Jun 2019.

(c) Pada 19 November 2013, Felda telah melantik Kasyaf Bina Sdn. Bhd. ("KBSB") sebagai kontraktor utama bagi projek "Perumahan Generasi Baharu Felda" di Tajau. Kedua-dua pihak telah menandatangani kontrak Perjanjian KBSB tersebut.

Pada 13 Julai 2016, Felda telah menamatkan Perjanjian KBSB tersebut.

Pada 22 Disember 2016, Felda telah memulakan prosiding timbangtara terhadap KBSB.

Walaupun bagaimanapun, prosiding timbangtara telah ditangguh buat sementara waktu dari lewat bulan September 2017 sehingga November 2018 untuk memberi laluan kepada usaha kedua-dua pihak berunding bagi mendapatkan satu penyelesaian damai. Akan tetapi, kedua-dua pihak tidak berjaya mencapai kata sepakat dan prosiding timbangtara diteruskan semula.

Pada 6 Disember 2018, peguamcara kedua-dua pihak telah menghadiri satu perjumpaan bersama penimbangtara yang telah dilantik bagi membincangkan dengan lebih lanjut penyambungan dan arahan seterusnya bagi pelaksanaan prosiding timbangtara.

Pada 29 Januari 2019, Felda telah memfailkan dan menyerahkan Penyataan Tuntutan kepada KBSB. Pada 5 Mac 2019, KBSB pula telah memfailkan dan menyerahkan Pembelaan dan Tuntutan Balas kepada Felda.

Pada 18 April 2019, Felda telah memfailkan Jawapan kepada Pembelaan dan Pembelaan terhadap Tuntutan Balas dan menyerahkan sesalinan yang sama kepada KBSB.

Pada 6 Mei 2019, penimbangtara telah mengeluarkan Arahan Prosedur Timbangtara No. 3 untuk mengemaskini tarikh tamat setiap arahan yang perlu dilaksanakan oleh kedua-dua pihak. Pada 2 Julai 2019, pihak-pihak dijangka untuk bertukar dokumen bagi penyediaan Ikatan Dokumen Bersama.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

47. LIABILITI LUAR JANGKA DAN LITIGASI KETARA (BERSAMBUNG)

(i) Kes-kes mahkamah di mana tuntutan-tuntutan yang ketara telah dibuat ke atas Kumpulan dan Felda adalah seperti berikut: (bersambung)

(d) Pada 16 Mei 2013, Felda telah melantik IHS Utara Sdn. Bhd. ("IHSU") sebagai kontraktor utama bagi projek "Perumahan Generasi Baharu Felda" di Jengka 1, 2 dan 11. Kedua-dua pihak telah menandatangani kontrak Perjanjian IHSU tersebut.

Pada 25 April 2017, Felda telah menamatkan Perjanjian IHSU tersebut.

Pada 17 Mei 2017, IHSU telah memfailkan Notis Timbangtara dan menyerahkan salinan kepada Felda. Pihak-pihak bersetuju untuk cuba menyelesaikan perkara ini di luar mahkamah dan menghentikan sebentar prosiding timbangtara.

Akan tetapi, kedua-dua pihak tidak berjaya mencapai kata sepakat dan prosiding timbangtara diteruskan semula.

Pada 17 Januari 2019, IHSU telah menyambung semula prosiding timbangtara dan mencadangkan pemilihan penimbangtara untuk mempengerusikan prosiding timbangtara tersebut.

Pada 31 Januari 2019, Felda telah memilih penimbangtara bagi prosiding timbangtara dan telah memaklumkan yang sama kepada peguamcara Felda pada 18 Februari 2019.

Pada 7 Mei 2019, IHSU meminta pengesahan daripada Felda berkenaan pelantikan penimbangtara dan Felda telah memberi maklumbalas pada 10 Mei 2019.

Pada 13 Mei 2019, IHSU telah menghantar surat menyatakan mereka tidak bersetuju dengan penimbangtara yang telah dipilih iaitu Brig Gen Dato' Mohd Shahrom Mohamad dan memohon Felda memilih salah seorang dari penimbangtara yang dicadangkan dan/atau memilih penimbangtara lain.

Felda masih dalam proses untuk memilih penimbangtara lain dan akan mengemukakan cadangan kepada IHSU.

(e) Pada 7 Januari 2014, Felda telah melantik Mesra Budi Sdn. Bhd. ("MBSB") sebagai kontraktor utama bagi projek "Perumahan Generasi Baharu Felda" di Chiku 5. Kedua-dua pihak telah menandatangani kontrak Perjanjian MBSB tersebut.

Pada 15 Disember 2016, Felda telah menamatkan Perjanjian MBSB tersebut.

Pada 21 Februari 2017, MBSB telah memfailkan Writ dan Pernyataan Tuntutan terhadap Felda di Mahkamah Tinggi Kota Bharu.

Pada 14 Mei 2017, Felda telah memfailkan Permohonan Penangguhan Prosiding Mahkamah supaya perkara ini didengar di timbangtara tersebut. Pada 19 September 2017, Mahkamah Tinggi Kota Bharu telah menolak permohonan Felda dan pada 26 September 2017, Felda memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan terhadap keputusan tersebut.

Pada 6 Oktober 2017 dan 15 Januari 2018, kedua-dua pihak telah berjumpa untuk cuba menyelesaikan perkara ini di luar mahkamah. Akan tetapi, kedua-dua pihak tidak berjaya mencapai kata sepakat dan prosiding mahkamah diteruskan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

47. LIABILITI LUAR JANGKA DAN LITIGASI KETARA (BERSAMBUNG)

(i) Kes-kes mahkamah di mana tuntutan-tuntutan yang ketara telah dibuat ke atas Kumpulan dan Felda adalah seperti berikut: (bersambung)

(e) Pada 21 Mac 2018, Mahkamah Rayuan membenarkan rayuan Felda dan mengarahkan supaya perkara ini didengar di timbangtara. Pada 9 November 2018, MBSB telah menghantar satu surat kepada Felda menyatakan hasrat untuk membawa perkara ini ke timbangtara.

Pada 5 Disember 2018, Felda telah memberi maklumbalas mengenai pelantikan penimbangtara. Walaubagaimanapun, MBSB memohon Felda untuk mempertimbangkan penimbangtara lain serta mengesahkan beberapa perkara lain berkaitan terma-terma prosiding timbangtara. MBSB masih belum memfailkan dan menyerahkan salinan Notis Timbangtara kepada Felda setakat ini.

(f) Pada 25 Mac 2019 Felda telah disaman oleh Syarikat Bumitouch PLMC Sdn. Bhd. ("Bumitouch") di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur atas dakwaan kegagalan Felda untuk menjelaskan sebanyak 33 invois bagi pelbagai kerja-kerja ukur yang telah dijalankan oleh syarikat tersebut berdasarkan kepada 25 surat lantikan sebagai perunding juruukur yang dikeluarkan oleh Felda kepada Bumitouch pada tahun 2012 sehingga 2014. Tuntutan daripada Bumitouch ini adalah sebanyak RM10.6 juta. Kes ini masih di peringkat Pengurusan Kes dan tarikh perbicaraan akan ditetapkan kelak. Felda telah memfailkan Pembelaan Terpinda dan membuat Tuntutan Balas sebanyak RM6.5 juta kepada Bumitouch sebagai restitusi pembayaran kerja-kerja ukur yang telah dibayar oleh Felda kepada Bumitouch sebelum ini ("Tuntutan Balas"). Tuntutan Balas ini adalah berkaitan bayaran yang dibuat bagi kerja-kerja berkaitan surat-surat perlantikan Felda kepada Bumitouch sebagai perunding juruukur dan surat-surat tersebut telah dikeluarkan secara bercanggah dengan peraturan-peraturan Felda, kerajaan dan undang-undang yang berkaitan. Pengurusan Kes selanjutnya ditetapkan pada 12 Jun 2019.

Setelah membuat penilaian terperinci berdasarkan segala maklumat yang ada dan berpandukan maklum balas daripada peguam-peguam Felda dan Kumpulan, ahli-ahli Lembaga berpendapat bahawa kebarangkalian untuk memenangi kes-kes mahkamah di atas adalah tinggi. Oleh itu, tiada peruntukan dibuat dalam Penyata Kewangan Felda dan Kumpulan.

(ii) Jaminan korporat kepada syarikat subsidiari

Pada tahun 2017, Felda telah memberi Jaminan Kontrak untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada

(a) Gadai janji atas hartanah FICUKP;

(b) Penyerahan semua hak, hakmilik, kelebihan, dan faedah berkaitan dengan:

- i. Sebarang perjanjian jualan dan hasil jualan (deposit, pembayaran atau sebaliknya) berkenaan dengan hartanah FICUKP
- ii. sebarang pajakan, sewa, kontrak, penyewaan atau perjanjian pengurusan (termasuk apa-apa deposit);

(c) Gadai janji ke atas hartanah Felda;

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

47. LIABILITI LUAR JANGKA DAN LITIGASI KETARA (BERSAMBUNG)

(ii) Jaminan korporat kepada syarikat subsidiari (bersambung)

Pada tahun 2017, Felda telah memberi Jaminan Kontrak untuk kemudahan kredit yang diberikan kepada (bersambung)

- (d) Caj atau penyerahan semua hak, hakmilik, manfaat dan faedah berkaitan dengan:
 - i. Sebarang perjanjian jualan dan hasil penjualan (deposit, pembayaran atau sebaliknya) berkenaan dengan hartanah Felda
 - ii. Sebarang pajakan, sewa, kontrak, penyewaan atau perjanjian pengurusan (termasuk apa-apa deposit) berkenaan dengan hartanah Felda;
- (e) Tuntutan perundangan ke atas akaun bank yang patuh syariah yang ditetapkan dengan Maybank Islamic Berhad atau Kumpulan Malayan Banking Berhad yang dipersetujui;
- (f) Peruntukan perundangan ke atas semua takaful/ insuran yang diambil oleh FICUKP atau Kumpulan FICUKP dengan Bank yang dinamakan sebagai "Penerima Kerugian". Maklumat berkenaan pelan/ dasar takaful yang diambil perlu diberikan kepada Bank dan hasil dari sebarang tuntutan (jika ada) akan dibayar kepada akaun yang ditetapkan seperti yang diarahkan oleh Bank;
- (g) Peruntukan perundangan bagi semua takaful/ insuran yang diambil oleh FICUKP atau Kumpulan berkenaan dengan hartanah Felda dengan Bank dinamakan sebagai "Penerima Kerugian". Bukti bahawa pelan/ polisi takaful yang diambil hendaklah diberikan kepada Bank dan hasil dari sebarang tuntutan (jika ada) akan dibayar kepada akaun yang ditetapkan seperti yang diarahkan oleh Bank;
- (h) Penyerahan kesemua pendahuluan pemegang saham semasa dan masa hadapan FICUKP. Tiada pembayaran prinsipal ke atas pendahuluan tersebut dibenarkan sepanjang tempoh Kemudahan; Pembayaran keuntungan berhubung dengan pendahuluan para pemegang saham adalah tertakluk kepada tiada kejadian ingkar, tiada amaun tertunggak dan bayaran yang masih belum dibayar di bawah Kemudahan ini; perjanjian kewangan adalah sah dan tidak melanggar mana-mana terma dalam perjanjian semasa pembayaran tersebut dibuat;
- (i) Debentur termasuk caj tetap dan terapung ke atas aset semasa dan aset masa hadapan FICUKP dan Kumpulan bagi semua jumlah prinsipal yang belum dijelaskan, keuntungan terakru, tunai dan liabiliti yang perlu dibayar berkaitan Kemudahan;
- (j) Surat Akujanji dari Felda untuk menampung kekurangan termasuk (tetapi tidak terhad kepada kekurangan tunai) kos luar jangka FICUKP berhubung pembangunan dan penyelesaian bagi sebarang bayaran yang perlu dibayar berkaitan Kemudahan (termasuk prinsipal dan keuntungan);
- (k) Jaminan Korporat (*Corporate Guarantee*) dari Felda adalah tidak bersyarat dan tidak boleh ditarik balik untuk semua dan apa-apa amaun tertunggak di bawah Kemudahan (prinsipal dan keuntungan) terhutang, perlu dibayar dan terakru;

dan sebarang dokumen atau Sekuriti Dokumen lain tertakluk kepada saranan Bank dan peguam Bank dari masa ke semasa.

Semua penanggung akan selepas ini secara kolektif dirujuk sebagai pihak yang bercagar.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

48. PERISTIWA PENTING

1) Projek Kuala Lumpur Vertical City ("KLVC")

- (a) Pada 2 September 2014, Felda telah meluluskan pelantikan Synergy Promenade Sdn. Bhd. ("SPSB") sebagai pemaju utama bagi pembangunan di 24 lot tanah milik Felda terletak di Jalan Semarak yang kini dikenali sebagai Jalan Sultan Yahya Petra. Felda juga telah meluluskan pelantikan Felda Investment Corporation Sdn. Bhd. sebagai Project Management Consultants ("PMC") bagi pembangunan di lot-lot tanah yang terlibat. Pada 15 Januari 2018, Memorandum Persefahaman ditandatangani di antara Felda dengan SPSB dan SPSB-KLVC. Di antara terma utama Memorandum Persefahaman ini adalah kedua-dua syarikat tersebut telah bersetuju untuk memindahkan semula kesemua 16 lot tanah di Jalan Semarak kepada Felda tanpa sebarang kos yang perlu ditanggung oleh Felda.
- (b) Lanjutan daripada itu, pada 14 April 2017, Felda melalui Tetuan Zul Rafique & Partners (ZRP) telah memasukkan Kaveat Persendirian ke atas 16 lot tanah di atas nama SPSB. 8 lot tersebut berjaya dimasukkan kaveat pendaftar pada 3 dan 4 Januari 2018. Proses pindah milik bagi 16 lot tanah tersebut telah dimuktamadkan secara berperingkat pada 8 Mac 2018.

2) Penjualan Grand Plaza Serviced Apartments ("GPSA")

- (a) Pada 25 Januari 2018, Felda bersetuju tempoh masa diberikan kepada Knight Frank atau lain-lain agen untuk mendapatkan pembeli berpotensi bagi memuktamad penjualan hotel GPSA sehingga 15 Mac 2018 untuk dibentangkan semula ke Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Felda.
- (b) Pada 25 Februari 2018, Felda bersetuju Harga Minimum jualan diletakkan pada GBP95 juta. Sehingga kini, penjualan GPSA masih lagi tidak dilaksanakan.

3) Pelaburan dalam syarikat oleh Felda

- (a) FICUKP juga turut mengambil pinjaman *Commodity Murabahah Term Financing-I* daripada Maybank Islamic Berhad berjumlah GBP48.0 juta. Sehingga 17 Ogos 2018, FICUKP telah melaksanakan pengeluaran awal berjumlah GBP30.5 juta daripada jumlah keseluruhan pinjaman tersebut.
- (b) Pada bulan Jun 2018, FIC melaksanakan transaksi berikut:
- (i) Melupuskan keseluruhan pelaburan dalam aset kewangan sedia untuk dijual di Barakah Offshore Petroleum Berhad dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM12.1 juta. Pelupusan menimbulkan kerugian sebanyak RM9.2 juta kepada Kumpulan FIC;
- (ii) Pelupusan sebahagian daripada 1,700 saham dalam Encorp Berhad ("Encorp") untuk jumlah pertimbangan sebanyak RM1,030; dan
- (iii) Pelupusan sebahagian daripada 108,553,800 saham dalam syarikat bersekutu, IRIS Corporation Berhad ("IRIS") dengan jumlah pertimbangan sebanyak RM16.1 juta. Pelupusan itu mengakibatkan pengurangan kepentingan FIC kepada 8.74% dan IRIS kekal sebagai syarikat bersekutu FIC.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

48. PERISTIWA PENTING (BERSAMBUNG)

3) Pelaburan dalam syarikat oleh Felda (bersambung)

(c) Para pemegang saham FICP bercadang untuk melupuskan keseluruhan pegangan sahamnya dalam FICP. Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada 18 Januari 2018 bersetuju untuk mengambil alih pegangan saham dalam FICP melalui MKD Sejahtera Sdn. Bhd. ("MSSB") tertakluk kepada syarat MSSB mengambil alih keseluruhan pegangan saham dalam FICP. Pada 24 Oktober 2018, MSSB telah memaklumkan bahawa Menteri Kewangan Diperbadankan tidak meneruskan usaha pengambilalihan FICP daripada Felda.

4) Pelaburan dalam PT Eagle High Plantations Tbk oleh FIC Properties Sdn. Bhd.

(a) *Due diligence* terhadap FICP dan PT Eagle High Plantation Tbk bagi memastikan maklumat, kesan kewangan dan hal-hal perundangan adalah wajar. Pada 24 Oktober 2018, MSSB telah memaklumkan bahawa Menteri Kewangan Diperbadankan tidak meneruskan usaha pengambilalihan FICP daripada Felda. Oleh itu, surat bertarikh 18 Januari 2018 adalah terbatal.

(b) Pada 25 Oktober 2018, PT Rajawali Capital International ("PT RCI") telah mengemukakan surat permohonan kepada FICP untuk pemanjangan masa bagi tempoh enam (6) bulan sebagai mematuhi *Clause 7.8.1 (i) and (ii) of the Conditional Sale and Purchase Agreement* antara FICP, PT RCI dan PT Rajawali Corporate bertarikh 23 Disember 2016 ("Perjanjian"). PT RCI mohon supaya FICP memberi persetujuan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh surat.

(c) FICP telah mengemukakan surat bertarikh 8 November 2018 kepada PT RCI untuk memberi maklum balas bagi permohonan PT RCI selewat-lewatnya pada 30 November 2018. Pada 10 November 2018, PT RCI bersetuju dengan tempoh itu dan memberikan persetujuan.

(d) Pada 29 November 2018, FICP telah menghantar surat permohonan pelanjutan masa bagi memberi maklumbalas ke atas permohonan lanjutan masa yang dikemukakan oleh PT RCI. Permohonan pelanjutan masa ini adalah bagi tempoh sehingga 4 Januari 2019. Pada 30 November 2018, PT RCI telah memberi persetujuan ke atas permohonan pelanjutan masa yang dimohon oleh FICP.

(e) Pada 13 Disember 2018, Felda telah melantik peguam bagi melaksanakan perkara-perkara seperti berikut:-

(a) Memberi pandangan perundangan berkenaan permohonan lanjutan masa yang diminta oleh PT RCI untuk mendapatkan pensijilan RSPO sebelum 4 Januari 2019.

(b) Menjalankan siasatan ke atas pembelian saham EHP oleh syarikat subsidiari Felda iaitu FIC Properties Sdn. Bhd.

5) Pinjaman

(a) Pada 7 Ogos 2018, Lembaga Felda telah bersetuju untuk Felda menerima tawaran Maybank Islamic Berhad untuk menukar pinjaman *Islamic Short Term Revolving Credit 3* kepada *Commodity Murabahah Term Financing* yang berjumlah RM1.47 bilion.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018**

49. PERISTIWA SUSULAN (BERSAMBUNG)

1) Pelaburan dalam PT Eagle High Plantations Tbk oleh FIC Properties Sdn. Bhd.

- (a) Pada 3 Januari 2019, FIC Properties Sdn. Bhd. ("FICP") telah mengemukakan surat bertarikh 3 Januari 2019 bagi memaklumkan PT Rajawali Capital International Tbk ("RCI") di mana FICP tidak bersetuju untuk memberikan pemanjangan tempoh tambahan enam (6) bulan bagi pensijilan RSPO seperti dalam *Clause 7.8.1 (i) and (ii) of the Conditional Sale and Purchase Agreement* antara FICP, PT RCI dan PT Rajawali Corporate bertarikh 23 Disember 2016 ("Perjanjian").
- (b) Bagaimanapun, PT RCI telah mengemukakan permohonan melalui surat bertarikh 11 Januari 2019 kepada FICP untuk mendapatkan pemanjangan tempoh tambahan enam (6) bulan seperti Perjanjian. Seterusnya, FICP telah mengemukakan *Notice of Default* bertarikh 11 Januari 2019 melalui faks dan emel. Pada 16 Januari 2019, PT RCI telah mengemukakan surat balas kepada FICP.

Laporan polis telah dibuat pada 8 April 2019 oleh Pengarah Besar Felda. Pada masa ini, Jabatan Siasatan Jenayah Komersil ("JSJK") telah memanggil saksi-saksi yang berkenaan untuk memberi keterangan di JSJK. Beberapa bekas petugas Felda/ FIC dan/ atau petugas Felda/ FIC telah dipanggil untuk memberi keterangan.

Persidangan pengurusan kes telah diadakan pada 16 Julai 2019.

Felda/FICP telah melantik seorang perunding Roundtable Sustainable Palm Oil ("RSPO") untuk membantu peguam merumuskan aspek teknikal semasa proses timbangtara ini berlangsung.

Pada masa ini FICP sedang dalam proses prosiding arbitrase bersama PT Rajawali Capital International dan PT Rajawali Corporate. Kes ini dijangka akan berlangsung sehingga Oktober 2020.

- 2) Kertas Putih "Ke Arah Kelestarian Felda" telah dibentangkan di Dewan Rakyat oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi pada 10 April 2019. Sebanyak RM6.23 bilion bantuan kewangan Kerajaan telah diperuntukan untuk pemulihan Felda seperti berikut :
- (a) RM300 juta telah diterima daripada keseluruhan RM2 bilion untuk menghapuskan kadar faedah di atas pinjaman sara hidup dan pendahuluan hasil telah diterima pada 30 Mei 2019.
- (b) RM180 juta daripada keseluruhan RM250 juta telah diperolehi pada 3 Jun 2019 untuk penyiapan projek terbengkalai PGBF.
- (c) RM1 bilion untuk program pembayaran peneroka bagi mendapatkan hasil baharu.
- (d) RM480 juta bagi pinjaman Sarahidup dan Pendahuluan Hasil.
- (e) RM2.5 bilion untuk penstrukturan semula pinjaman.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

49. PERISTIWA SUSULAN (BERSAMBUNG)

3) Pinjaman dari institusi kewangan luar

- (a) Pada 24 Januari 2019, Lembaga Felda telah bersetuju menerima tawaran pembiayaan berjumlah RM577,445,827.00 daripada Kerajaan Malaysia (yang diwakili oleh Kementerian Kewangan Malaysia ("MOF")).
 - (b) Pada 25 April 2019, Lembaga Felda telah bersetuju untuk Felda melaksanakan cadangan penukaran terma pinjaman *Islamic Short Term Revolving Credit- i* ("STRC-i") STRC-i I dan STRC-i II berjumlah RM900 juta yang ditawarkan oleh Maybank Islamic Berhad.
 - (c) Pada 22 Oktober 2019, Lembaga Felda telah bersetuju menerima tawaran jaminan Kerajaan berjumlah RM2.5 bilion daripada Kerajaan Malaysia (yang diwakili oleh MOF) melalui penerbitan Sukuk di pasaran modal tempatan atau institusi kewangan tempatan, selaras dengan Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965.
 - (d) Pada 18 November 2019, Felda dan Kerajaan Persekutuan (yang diwakili oleh MOF) telah menandatangani perjanjian bagi tujuan pinjaman sarahidup dan pendahuluan hasil kepada peneroka berjumlah RM480 juta.
- 4) Pada 12 Februari 2019, proses penggulangan "*member's voluntary winding up*" bagi Felda Plantations Sdn. Bhd., syarikat bersekutu yang tidak aktif telah diselesaikan dan disifatkan sepenuhnya dibubarkan menurut Seksyen 459 (5) Akta Syarikat 2016.
- 5) Pada 28 Mei 2019, Felda bersetuju menamatkan perjanjian antara syarikat subsidiari dan agen-agen bagi penjualan hartanah di London. Seterusnya, pada 2 Oktober 2019, FIC UK Properties Sdn. Bhd. telah mengemukakan surat penamatan kepada agen penjualan hartanah yang dilantik.
- 6) Sehingga 31 Mei 2019, Felda telah melaksanakan transaksi kepada MLSCF II sebanyak USD7.20 juta menerusi 18 *Capital Call* 5. Bayaran terakhir yang dilaksanakan oleh Felda adalah *Capital Call* ke-18 berjumlah USD75,000 pada 30 Mac 2018. Sehingga kini terdapat enam (6) transaksi *Capital Call* yang masih tertunggak berjumlah USD2.77 juta.

Felda telah menerima surat daripada MLSCF II pada 8 Mei 2019 yang menyatakan bahawa MLSCFII mengenakan tindakan "*Default*" ke atas Felda seperti Klausula 6.3.2(b) dan 6.3.3 dalam "*Perjanjian Partnership*" antara Felda dan MLSCF II. Akaun Pelaburan Felda dalam MLSCFII telah dikosongkan dan Felda tidak menerima sebarang pulangan ke atas pelaburan dalam MLSCF II.

- 7) Pada 26 September 2019, Lembaga Felda telah bersetuju untuk merealisasikan pemulihan Felda di bawah Projek Sunrise termasuklah pelupusan hartanah bernilai tinggi, pembubaran/penjualan syarikat yang berstatus dorman termasuk syarikat-syarikat yang terlibat dengan kes mahkamah dan penstrukturan semula Kumpulan Felda. Projek ini melibatkan beberapa fasa dan dijangka selesai pada 2021.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA

Peralihan dari FRS ke MFRS

Seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada penyata kewangan, ini adalah set pertama penyata kewangan Kumpulan dan Felda untuk tahun berakhir 31 Disember 2018, disediakan mengikut MFRS dan menggunakan MFRS 1 'Pengguna kali pertama MFRS'. Selain daripada pengecualian jangka pendek pada penggunaan kali pertama MFRS 9 'Instrumen Kewangan' dan beberapa pilihan peralihan tertentu, Kumpulan dan Felda telah secara konsisten menggunakan piawaian perakaunan yang sama dari nilai pembukaan Penyata Kedudukan Kewangan ini iaitu pada tarikh peralihan, 1 Januari 2017, dan sepanjang semua tempoh yang dibentangkan, seolah-olah piawaian ini telah berkuatkuasa. Polisi-polisi ini mematuhi setiap MFRS yang berkuatkuasa pada 31 Disember 2018, termasuk MFRS 15 'Pendapatan daripada Kontrak dengan Pelanggan dan MFRS 141 'Pertanian'. Penyata Kewangan untuk tahun kewangan 2017 telah disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan ("FRS"). Oleh itu, angka perbandingan bagi 2017 dalam penyata kewangan ini telah dinyatakan semula untuk memberi kesan kepada perubahan ini. Nota ini akan membentangkan kesan peralihan ke MFRS ke atas kedudukan kewangan, prestasi kewangan dan aliran tunai yang dilaporkan.

(i) MFRS 1 'Pengguna kali pertama MFRS'

Kumpulan dan Felda telah menggunakan pengecualian seperti yang dikehendak oleh MFRS 1:

(a) Anggaran

Anggaran MFRS pada tarikh peralihan adalah selaras dengan anggaran pada tarikh yang sama dibuat dengan pematuhan dengan FRS.

(b) Pengelasan dan pengukuran aset kewangan

Aset kewangan yang wujud pada permulaan tempoh pelaporan MFRS yang pertama, pada 1 Januari 2017, penilaian telah dilakukan samada aset kewangan memenuhi syarat untuk mengelaskan dan menilai aset kewangan yang diukur pada kos pelunasan atau pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain selaras dengan MFRS 9 berdasarkan fakta dan keadaan yang wujud pada permulaan MFRS pertama tempoh pelaporan.

(c) Kemerosotan nilai aset kewangan

Keperluan kemerosotan dalam MFRS 9 digunakan secara retrospektif untuk instrumen hutang yang diukur pada pelunasan kos atau nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, penghutang pajakan, aset kontrak atau komitmen pinjaman. Maklumat yang munasabah dan boleh dipercayai yang tersedia tanpa perlu kos atau usaha untuk menentukan risiko kredit pada pengiktirafan permulaan instrumen kewangan dan membandingkannya dengan risiko kredit pada permulaan tempoh pelaporan MFRS yang pertama, pada 1 Januari 2017, untuk menentukan sama ada telah berlaku peningkatan ketara dalam risiko kredit.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Peralihan dari FRS ke MFRS (bersambung)

(i) MFRS 1 'Pengguna kali pertama MFRS' (bersambung)

Seperti yang diperuntukkan dalam MFRS 1, Kumpulan dan Felda di dalam penyata kewangan MFRS yang pertama telah memilih untuk menggunakan pengecualian berikut pada MFRS lain dari permohonan retrospektif penuh seperti yang dijelaskan di bawah:

(a) Penyatuan Perniagaan

MFRS 1 menyediakan pilihan untuk menggunakan MFRS 3 'Penyatuan Perniagaan' secara prospektif untuk kombinasi perniagaan (termasuk pengambilalihan kepentingan dalam syarikat bersekutu, usahasama dan operasi bersama yang membentuk perniagaan) itu berlaku dari tarikh peralihan atau dari tarikh yang ditetapkan sebelum tarikh peralihan. Ini memberikan kelonggaran dari aplikasi retrospektif penuh yang memerlukan penilaian semula semua penyatuan perniagaan sebelum peralihan tarikh atau tarikh yang ditetapkan sebelum tarikh peralihan. Kumpulan memilih untuk menggunakan MFRS 3 secara prospektif kombinasi perniagaan yang berlaku selepas 1 Januari 2017. Gabungan perniagaan yang berlaku sebelum 1 Januari 2017 tidak dinyatakan semula. Kumpulan juga telah menggunakan MFRS 10 'Penyata kewangan disatukan' dari tarikh yang sama.

(b) Penilaian semula terdahulu yang dianggap sebagai kos untuk aset tetap

Di bawah FRS, pelarasan penilaian ke atas tanah dan bangunan perladangan tertentu dimasukkan ke dalam Penyata Kewangan. Kumpulan dan Felda memilih untuk menggunakan penilaian semula yang terdahulu sebagai kos pada tarikh penilaian semula. Oleh itu, jumlah bawaan tanah dan bangunan perladangan ini tidak dinyatakan semula.

(c) Amaun yang dibawa dari FRS yang terdahulu dianggap sebagai kos untuk pelaburan dalam anak syarikat, usahasama dan syarikat bersekutu

Kumpulan dan Felda memilih untuk menggunakan jumlah yang dibawa dari penggunaan FRS terdahulu sebagai kos pada tarikh peralihan. Oleh itu, jumlah dibawa pelaburan ini dalam syarikat subsidiari, usaha sama dan syarikat bersekutu tidak dinyatakan semula.

(d) Pendapatan

Kumpulan telah memilih untuk menggunakan perkara praktikal berikut di bawah MFRS 15:

- (i) Tiada penilaian semula kontrak yang telah siap dan berakhir dalam tempoh laporan tahunan yang sama;
- (ii) Tiada pengembalian semula untuk kontrak yang telah lengkap pada tarikh peralihan;
- (iii) Penggunaan harga transaksi pada tarikh kontrak telah siap untuk kontrak yang lengkap dalam perbandingan tempoh dengan pertimbangan yang berubah-ubah;
- (iv) Tiada penilaian semula pengubahsuaian kontrak yang berlaku sebelum tarikh peralihan;

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Peralihan dari FRS ke MFRS (bersambung)

(i) MFRS 1 'Pengguna kali pertama MFRS' (bersambung)

(d) Pendapatan (bersambung)

(v) Tiada pendedahan diperlukan atas jumlah harga transaksi yang diperuntukkan kepada baki prestasi kewajipan dan penjelasan apabila Kumpulan menjangkakan untuk mengiktiraf amaun tersebut sebagai pendapatan untuk semua tempoh pelaporan yang dibentangkan sebelum tempoh pelaporan MFRS yang pertama, pada 1 Januari 2017.

(ii) Penggunaan pertama kali MFRS 9

Kumpulan dan Felda memilih pengecualian jangka pendek pada penggunaan kali pertama MFRS 9 mengikut MFRS 1. Maklumat perbandingan dalam penyata kewangan menggunakan MFRS untuk pertama kali bagi Kumpulan dan Felda berkenaan perkara-perkara dalam skop MFRS 9 diambil kira berdasarkan keperluan FRS 139 'Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran'. Oleh itu, maklumat perbandingan dalam Kumpulan dan Felda untuk Penyata kewangan menggunakan MFRS untuk pertama kali berkaitan perkara-perkara ini tidak dinyatakan semula untuk mematuhi keperluan MFRS 9.

(iii) MFRS 141 'Pertanian'

Pada 1 Januari 2017, aset biologi dinilai pada nilai saksama ditolak kos pelupusan. Perubahan nilai saksama ditolak dengan kos pelupusan diiktiraf dalam keuntungan atau kerugian. Tandan buah segar yang telah dituai dipindahkan ke stok pada nilai saksama ditolak kos untuk dijual apabila dituai.

Kesan penggunaan piawaian MFRS kali pertama

(a) MFRS 116 dan MFRS 141

Peralihan kepada rangka kerja MFRS telah menyebabkan perubahan kepada dasar perakaunan Kumpulan apabila dibandingkan dengan dasar-dasar yang diterima pakai dalam penggunaan FRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia ("MASB"). Kesan daripada perubahan ini terhadap Penyata Kedudukan Kewangan dan dinyatakan seperti berikut:

Kesan pada Penyata Pendapatan Komprehensif

EKSTRAK DARI PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

	Sebelum MFRS 31.12.2017	Pelarasan	Selepas MFRS 31.12.2017
	RM	RM	RM
Kos pengeluaran	(74,666,034)	23,748,102	(50,917,932)
Lain-lain pendapatan	1,580,766,462	281,994,552	1,862,761,014
Lain-lain perbelanjaan	(7,270,971,140)	5,827,554,927	(1,443,416,213)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Kesan penggunaan piawai MFRS kali pertama (bersambung)

(a) MFRS 116 dan MFRS 141 (bersambung)

Kesan pada Penyata Kedudukan Kewangan

EKSTRAK DARI PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

	Sebelum MFRS 31.12.2017	Pelarasan	Selepas MFRS 31.12.2017
	RM	RM	RM
<u>Aset bukan semasa</u>			
Aset tetap	1,966,628,460	444,594,804	2,411,223,264
Aset biologi	2,728,275	638,763	3,367,038
<u>Aset semasa</u>			
Aset biologi	-	4,347,986	4,347,986

	Sebelum MFRS 1.1.2017	Pelarasan	Selepas MFRS 1.1.2017
	RM	RM	RM
<u>Aset bukan semasa</u>			
Aset tetap	1,976,088,547	422,871,667	2,398,960,214
Aset biologi	345,592	30,780	376,372
<u>Aset semasa</u>			
Aset biologi	-	1,970,417	1,970,417

Kesan pada Penyata Aliran Tunai

EKSTRAK DARI PENYATA ALIRAN TUNAI

	Sebelum MFRS 31.12.2017	Pelarasan	Selepas MFRS 31.12.2017
	RM	RM	RM
Pelarasan untuk :			
Susutnilai aset tetap	55,302,435	34,374,908	89,677,343
Susutnilai baka ternakan	314,333	(314,333)	-
Perubahan dalam nilai saksama aset biologi	-	5,072,242	5,072,242

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Kesan penggunaan piawaian MFRS kali pertama (bersambung)

(a) MFRS 116 dan MFRS 141 (bersambung)

Kesan pada Penyata Perubahan dalam Dana Terkumpul dan Rizab

EKSTRAK DARI PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL DAN RIZAB

	Nota	31.12.2017 RM	1.1.2017 RM
Dana terkumpul seperti dilaporkan di bawah FRS		5,453,574,183	11,214,856,468
Pengukuran semula aset biologi kepada nilai saksama	a(i)	5,072,242	3,646,539
Kos jualan dan lain-lain perbelanjaan yang dipermodalkan	a(ii)	139,081,253	114,960,060
Ekuiti hasil daripada peralihan		5,597,727,678	11,333,463,067

Pelarasan peralihan kesan daripada MFRS 141 dan 116 adalah seperti berikut :

a(i) Pengukuran aset biologi pada nilai saksama

Di bawah FRS, hasil pertanian yang sedang berkembang pada tumbuhan penghasil tidak dinyatakan sebagai aset.

Di bawah MFRS 141, hasil pertanian yang sedang berkembang pada tumbuhan penghasil memenuhi definisi sebagai aset biologi. Hasil pertanian tersebut diukur pada nilai saksama ditolak kos untuk dijual, di mana perubahan nilai saksama direkodkan dalam Penyata Pendapatan.

a(ii) Kos jualan dan lain-lain perbelanjaan yang dipermodalkan

Tumbuhan penghasil dikelaskan sebagai aset tetap dan direkodkan sama seperti jenis aset tetap yang *self-constructed*. Kos tanaman atau kos pembangunan dan kos tanaman semula dipermodalkan pada harga kos dan disusutnilaikan berdasarkan usia pokok, iaitu 10 - 25 tahun.

(b) Perubahan dalam dasar perakaunan apabila menggunakan MFRS 9

Dasar-dasar perakaunan telah diubah untuk menggambarkan penggunaan MFRS 9 dari tempoh permulaan pelaporan MFRS yang pertama. MFRS 9 menggantikan peruntukan FRS 139 berhubung dengan pengiktirafan, klasifikasi dan pengukuran aset kewangan dan liabiliti kewangan; penyahiktirafan instrumen kewangan; rosotnilai aset kewangan dan perakaunan lindung nilai. MFRS 9 juga meminda piawaian lain yang berurusan dengan instrumen kewangan seperti MFRS 7 'Instrumen Kewangan: Pendedahan'. Kesan terkumpul perubahan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada permulaan tempoh pelaporan MFRS yang pertama, iaitu pada 1 Januari 2017.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

Penyesuaian yang dibuat kepada Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Felda pada tarikh 1 Januari 2017 berhubung dengan item dalam skop MFRS 9 digambarkan seperti berikut:

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Kesan penggunaan piawaian MFRS kali pertama (bersambung)

(b) Perubahan dalam dasar perakaunan apabila menggunakan MFRS 9 (bersambung)

(i) Pengelasan dan pengukuran aset kewangan

Dari 1 Januari 2017, Kumpulan dan Felda menggunakan pendekatan klasifikasi MFRS 9 berikut kepada semua jenis aset kewangan, terdapat 3 kategori pengukuran berikut:

- (a) Pelaburan dalam instrumen hutang: Terdapat 3 kategori pengukuran berikut: kos pelunasan, nilai saksama yang diiktiraf melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI") atau melalui keuntungan atau kerugian ("FVPL").
- (b) Pelaburan dalam instrumen ekuiti: Instrumen ini sentiasa diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama yang dibentangkan dalam untung rugi kecuali Kumpulan dan Felda telah membuat pilihan yang tidak boleh dibatalkan untuk membentangkan perubahan dalam nilai saksama dalam pendapatan komprehensif lain ("OCI") untuk pelaburan yang tidak dipegang untuk diperdagangkan.
- (c) Terbitan derivatif dalam kontrak hos aset kewangan: Kumpulan dan Felda menggunakan klasifikasi dan pengukuran aset kewangan kepada keseluruhan instrumen hibrid untuk aset kewangan dengan tertanam derivatif.

Dasar perakaunan baru untuk klasifikasi dan pengukuran instrumen kewangan di bawah MFRS 9 ditetapkan dalam Nota 3(xxvi).

Bagi menggambarkan perubahan dalam dasar perakaunan, Kumpulan dan Felda telah membuat pengkelasan semula yang berikut aset kewangan selepas penggunaan MFRS 9:

(a) Reklasifikasi pelaburan dalam sekuriti hutang daripada AFS kepada FVPL

Pelaburan dalam sekuriti hutang telah dikelaskan semula daripada AFS kepada aset kewangan di FVPL kerana kontrak mereka aliran tunai tidak mewakili semata-mata pembayaran prinsipal dan faedah ("SPPI"). Keuntungan nilai saksama berkaitan adalah dipindahkan dari rizab AFS, berserta dengan kesan perbelanjaan cukai tertunda berkaitan, kepada pendapatan terkumpul pada 1 Januari 2017.

(ii) Kemerosotan nilai aset kewangan

(a) Reklasifikasi pelaburan dalam sekuriti ekuiti bukan dalam perdagangan daripada AFS kepada FVOCI

Kumpulan dan Felda memilih untuk membentangkan di dalam OCI perubahan dalam nilai saksama semua pelaburannya di sekuriti ekuiti yang sebelum ini dikelaskan sebagai AFS, kerana pelaburan ini tidak dipegang untuk dagangan atau timbul dari pertimbangan kontingen yang diiktiraf oleh pengambil dalam gabungan perniagaan. Akibatnya, pelaburan di sekuriti ekuiti ini diklasifikasi semula daripada aset kewangan AFS kepada aset kewangan di FVOCI. AFS berkaitan rizab dikelaskan semula kepada rizab FVOCI pada 1 Januari 2017.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Kesan penggunaan piawai MFRS kali pertama (bersambung)

(b) Perubahan dalam dasar perakaunan apabila menggunakan MFRS 9 (bersambung)

(ii) Kemosototan nilai aset kewangan (bersambung)

Dari 1 Januari 2017, Kumpulan dan Felda menggunakan model jangkaan kerugian kredit ("ECL") untuk menentukan penurunan nilai ke atas pelaburan dalam instrumen hutang yang diukur pada kos pelunasan dan di FVOCI. Dasar baru perakaunan untuk kemosototan di bawah MFRS 9 dinyatakan dalam Nota 3(xxvi).

(a) Penghutang dagangan dan aset kontrak yang tidak mengandungi komponen pembiayaan yang ketara

Bagi semua penghutang perdagangan dan aset kontrak yang tidak mengandungi komponen pembiayaan yang ketara, Kumpulan dan Felda menggunakan pendekatan MFRS 9 yang mudah untuk mengukur rosot nilai kerugian pada jumlah yang sama dengan ECL seumur hidup pada pengiktirafan awal dan sepanjang hayatnya. Ini mengakibatkan pengiktirafan rosot nilai kerugian tambahan bagi penghutang perdagangan pada 1 Januari 2017.

(b) Pinjaman kepada peneroka, kakitangan dan syarikat berkaitan

Pinjaman kepada peneroka, kakitangan dan syarikat berkaitan diklasifikasikan sebagai kos pelunasan di dalam penyata kewangan Felda kerana model perniagaan Felda adalah untuk memegang dan mengutip aliran tunai kontraktual dan aliran tunai tersebut mewakili SPPI. Syarikat menggunakan peringkat 3 umum pendekatan ketika menentukan ECL untuk pinjaman-pinjaman ini.

Jumlah kesan pelarasan yang dibuat kepada pendapatan dan keuntungan terkumpul Felda pada 31 Disember 2017 berkenaan item dalam skop MFRS 9 adalah seperti berikut:

Kesan pada Penyata Pendapatan Komprehensif

EKSTRAK DARI PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

	Sebelum MFRS	Pelarasan		Selepas MFRS
	31.12.2017	Pengkelasan	Penjelasan / Pembalikan	31.12.2017
	RM	RM	RM	RM
Kerugian bersih pada instrumen kewangan	(578,520,845)	-	(5,952,723,669)	(6,531,244,514)
Lain-lain (kerugian) keuntungan bersih	(10,542,764)	-	295,004,224	284,461,460

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Kesan penggunaan piawaian MFRS kali pertama (bersambung)

(b) Perubahan dalam dasar perakaunan apabila menggunakan MFRS 9 (bersambung)

Kesan pada Penyata Kedudukan Kewangan

EKSTRAK DARI PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

	Sebelum MFRS	Pelarasan		Selepas MFRS
	31.12.2017	Pengkelasan	Penjejasan / Pembalikan	31.12.2017
	RM	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>				
Kos pembangunan				
- Berpeneroka	2,941,771	(2,941,771)	-	-
- Tanam semula	1,707,760,029	(1,707,760,029)	-	-
Pinjaman kepada peneroka				
- Kos pembangunan asal	-	2,941,771	(2,941,771)	-
- Kos tanam semula	-	1,707,760,029	4,352,549,737	6,060,309,766
- Sosio ekonomi	295,106,983	(7,925,322)	(28,443,891)	258,737,770
Pinjaman kepada				
- Syarikat berkaitan	1,763,886,956	(1,147,279,199)	-	616,607,757
- Kakitangan	8,012,792	(84,345)	4,582,471	12,510,918
Pelaburan di dalam:				
- Syarikat subsidiari	669,790,612	(50,133,333)	(487,919,140)	131,738,139
- Syarikat usahasama	3,700,000	-	-	3,700,000
- Syarikat bersekutu	1,334,736,081	-	(23,407,881)	1,311,328,200
- Melalui AFS	4,496,227,135	(4,496,227,135)	-	-
- Lain-lain	-	4,756,276,397	(290,581,224)	4,465,695,173

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Kesan penggunaan piawaian MFRS kali pertama (bersambung)

(b) Perubahan dalam dasar perakaunan apabila menggunakan MFRS 9 (bersambung)

Kesan pada Penyata Kedudukan Kewangan (bersambung)

EKSTRAK DARI PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

	Sebelum MFRS	Pelarasan		Selepas MFRS
	31.12.2017	Pengkelasan	Penjejasan / Pembalikan	31.12.2017
	RM	RM	RM	RM
<u>Aset Semasa</u>				
Penghutang	2,480,672,929	(448,970,691)	(1,207,578,596)	824,123,642
Kos pembangunan				
- Berpeneroka	91,507	-	(91,507)	-
- Tanam semula	201,605,096	-	(201,605,096)	-
Pinjaman kepada peneroka				
- Kos tanam semula	-	803,047,815	-	803,047,815
- Sosio ekonomi	80,710,672	7,925,322	-	88,635,994
Pinjaman kepada				
- Syarikat berkaitan	204,285,714	1,147,279,199	-	1,351,564,913
- Kakitangan	2,351,919	84,345	-	2,436,264
Pelaburan FVTPL	260,049,262	(260,049,262)	-	-
<u>Ekuiti</u>				
Dana terkumpul	5,453,574,183	3,459,006,699	3,034,723,040	11,947,303,922
Lain-lain dana dan rizab	130,823,642	(83,745,814)	-	47,077,828
Rizab aset kewangan	3,459,208,374	(3,459,208,374)	-	-
<u>Liabiliti Semasa</u>				
Peruntukan premium tanah	1,256,575	-	(1,256,575)	-

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Kesan penggunaan piawai MFRS kali pertama (bersambung)

(b) Perubahan dalam dasar perakaunan apabila menggunakan MFRS 9 (bersambung)

Kesan pada Penyata Kedudukan Kewangan (bersambung)

EKSTRAK DARI PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

	Sebelum MFRS	Pelarasan		Selepas MFRS
	1.1.2017	Pengkelasan	Penjejasan / Pembalikan	1.1.2017
	RM	RM	RM	RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>				
Kos pembangunan				
- Berpeneroka	681,054	(681,054)	-	-
- Tanam semula	1,560,479,387	(1,560,479,387)	-	-
Pinjaman kepada peneroka				
- Kos pembangunan asal	-	681,054	(681,054)	-
- Kos tanam semula	-	956,800,595	4,610,513,753	5,567,314,348
- Sosio ekonomi	671,260,174	279,672	(169,721,210)	501,818,636
Pinjaman kepada				
- Syarikat berkaitan	3,536,058,150	(1,250,062,163)	-	2,285,995,987
- Kakitangan	10,803,666	(18,235)	5,958,875	16,744,306
Pelaburan di dalam:				
- Syarikat subsidiari	818,582,612	(50,133,333)	(637,959,720)	130,489,559
- Syarikat usahasama	3,700,000	-	-	3,700,000
- Syarikat bersekutu	3,463,399,100	-	(59,356,805)	3,404,042,295
- Melalui AFS	4,394,229,952	(4,394,229,952)	-	-
- Lain-lain	-	4,509,460,062	(111,089,725)	4,398,370,337
<u>Aset Semasa</u>				
Penghutang	1,974,100,224	(318,794,198)	(462,323,945)	1,192,982,081
Kos pembangunan				
- Berpeneroka	139,386	-	(139,386)	-
- Tanam semula	199,369,023	(199,369,023)	-	-
Pinjaman kepada peneroka				
- Kos tanam semula	-	803,047,815	-	803,047,815
- Sosio ekonomi	81,068,989	-	(279,672)	80,789,317

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Kesan penggunaan piawaian MFRS kali pertama (bersambung)

(b) Perubahan dalam dasar perakaunan apabila menggunakan MFRS 9 (bersambung)

Kesan pada Penyata Kedudukan Kewangan (bersambung)

EKSTRAK DARI PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

	Sebelum MFRS	Pelarasan		Selepas MFRS
	1.1.2017	Pengkelasan	Penjelasan / Pembalikan	1.1.2017
	RM	RM	RM	RM
<u>Aset Semasa (bersambung)</u>				
Pinjaman kepada				
- Syarikat berkaitan	204,285,714	1,250,062,163	-	1,454,347,877
- Kakitangan	2,917,440	18,235	-	2,935,675
Pelaburan FVTPL	<u>115,230,110</u>	(115,230,110)	-	<u>-</u>
<u>Ekuiti</u>				
Dana terkumpul	11,214,856,469	3,316,174,494	3,266,999,761	17,798,030,724
Lain-lain dana dan rizab	112,456,867	(65,344,857)	-	47,112,010
Rizab aset kewangan	<u>3,316,174,494</u>	(3,316,174,494)	-	<u>-</u>
<u>Liabiliti Semasa</u>				
Peruntukan premium tanah	<u>1,256,575</u>	-	(1,256,575)	<u>-</u>

Kesan pada Penyata Aliran Tunai

EKSTRAK DARI PENYATA ALIRAN TUNAI

	Sebelum MFRS	Pelarasan	Selepas MFRS
	31.12.2017	RM	31.12.2017
	RM	RM	RM
Pelarasan untuk:			
Penjelasan:			
- Pelaburan	2,130,663,019	-	2,130,663,019
- Pinjaman kepada peneroka	(20,928,366)	774,474,154	753,545,788
- Pinjaman kepada kakitangan	-	1,376,404	1,376,404
- Penghutang	6,465,354	(3,878,789)	2,586,565
Perubahan dalam modal kerja:			
- Penghutang	(516,021,385)	(355,940,281)	(871,961,666)
- Pemiutang	<u>(412,266,876)</u>	(822,910,630)	<u>(1,235,177,506)</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

50. PENGGUNAAN PIAWAIAN MFRS UNTUK KALI PERTAMA (BERSAMBUNG)

Kesan penggunaan piawaian MFRS kali pertama (bersambung)

(b) Perubahan dalam dasar perakaunan apabila menggunakan MFRS 9 (bersambung)

Kesan pada Penyata Perubahan dalam Dana Terkumpul dan Rizab

EKSTRAK DARI PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL DAN RIZAB

	Nota	31.12.2017	1.1.2017
		RM	RM
Dana terkumpul seperti dilaporkan di bawah FRS		5,453,574,183	11,214,856,468
Penilaian semula hutang peneroka tanam semula	b(i)	3,227,456,398	3,143,907,607
Pengiktirafan faedah kepada hutang peneroka yang tertunggak	b(ii)	1,726,536,058	1,466,606,146
Pengkelasan rizab aset kewangan sedia untuk dijual kepada dana terkumpul	b(iii)	3,459,208,374	3,316,174,494
Lain-lain penjejasan tahun semasa	b(iv)	(1,919,471,091)	(1,343,513,991)
Dana terkumpul hasil daripada peralihan		11,947,303,922	17,798,030,724

b(i) Penilaian semula hutang peneroka tanam semula telah dikira di bawah MFRS 9 yang merangkumi tempoh masa kutipan, keupayaan untuk membayar hutang berdasarkan nilai penjejasan yang dijangka mengikut kumpulan peneroka dan kadar faedah yang dikenakan.

b(ii) Pengiktirafan faedah untuk hutang peneroka tertunggak pada tempoh akhir kewangan.

b(iii) Di dalam FRS, rizab aset kewangan sedia untuk dijual telah diiktiraf secara berasingan. Walaubagaimanapun, pengkelasan rizab aset kewangan sedia untuk dijual kepada dana terkumpul telah dilaksanakan mengikut pengkelasan dinyatakan di bawah MFRS 9.

b(iv) Lain-lain penjejasan berkaitan penjejasan pada nilai pelaburan di dalam syarikat-syarikat subsidiari, pelaburan-pelaburan lain, hutang syarikat-syarikat berkaitan dan hutang bekas-bekas peneroka yang telah dikira di bawah MFRS 9.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

51. PELARASAN TAHUN SEBELUM

Pada tahun kewangan semasa, Felda telah melaksanakan pelarasan tahun sebelum seperti berikut:

(a) Keuntungan terkumpul Felda pada 1 Januari 2017 sebanyak RM1,424.23 juta:

- (i) Terlebi rekod penjejasan pinjaman kepada syarikat Kumpulan dan berkaitan sebanyak RM30.60 juta
- (ii) Terlebi rekod pendapatan faedah atas pinjaman pembangunan tanam semula berpeneroka sebanyak RM1,466.61 juta
- (iii) Pelarasan lain-lain perbelanjaan bagi liabiliti yang tidak direkodkan sebanyak RM29.46 juta.
- (iv) Pelarasan pembalikan lain-lain perbelanjaan terlebi rekod sebanyak RM41.23 juta

(b) Keuntungan terkumpul Felda pada 1 Januari 2018 sebanyak RM451.95 juta:

- (i) Terlebi rekod penjejasan pinjaman kepada syarikat Kumpulan dan berkaitan sebanyak RM791.87 juta
- (ii) Terlebi rekod pendapatan faedah atas pinjaman pembangunan tanam semula berpeneroka sebanyak RM259.93 juta
- (iii) Pembalikan semula pembayaran kadar faedah ke atas pinjaman yang dikenakan ke atas Syarikat Perumahan Felda Sdn. Bhd. ke Dana Perumahan Generasi Baru Felda sebanyak RM28.08 juta
- (iv) Pembalikan semula akru penerimaan hasil bagi penyelenggaraan Bekalan Air Pahang sebanyak RM7.88 juta
- (v) Pelarasan lain-lain perbelanjaan bagi liabiliti yang belum direkod sebanyak RM8.83 juta.
- (vi) Terlebi rekod lain-lain perbelanjaan sebanyak RM35.02 juta.

(c) Kesan pada Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Felda

Angka perbandingan telah dinyatakan semula berikutan pelarasan tahun sebelum untuk perkara berikut:

EKSTRAK DARI PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

FELDA	Sebelum Pelarasan 31.12.2017 RM	Pelarasan RM	Selepas Pelarasan 31.12.2017 RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Pinjaman Kepada Syarikat-syarikat Kumpulan Dan Berkaitan Felda	1,763,886,956	822,472,096	2,586,359,052
Pinjaman Kepada Peneroka (Nota 25):			
Pembangunan tanam semula berpeneroka	6,060,309,766	(1,726,536,058)	4,333,773,708
<u>Aset Semasa</u>			
Pinjaman Kepada Syarikat-syarikat Kumpulan Dan Berkaitan Felda	204,285,714	1,497,694,487	1,701,980,201

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

51. PELARASAN TAHUN SEBELUM (BERSAMBUNG)

Pada tahun kewangan semasa, Felda telah melaksanakan pelarasan tahun sebelum seperti berikut: (bersambung)

(c) Kesan pada Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Felda (bersambung)

Angka perbandingan telah dinyatakan semula berikutan pelarasan tahun sebelum untuk perkara berikut: (bersambung)

EKSTRAK DARI PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

FELDA	Sebelum Pelarasan 31.12.2017 RM	Pelarasan RM	Selepas Pelarasan 31.12.2017 RM
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Geran Kerajaan	82,233,497	28,076,546	110,310,043
<u>Liabiliti Semasa</u>			
<u>Pemiutang</u>			
-Akaun Peneroka	332,158,126	2,836,100	334,994,226
- Pemiutang Lain	62,157,804	2,115,993	64,273,797
- Syarikat-syarikat Subsidiari Bersekutu dan Berkaitan Felda	972,321,630	35,189,105	1,007,510,735
<u>Ekuiti</u>			
Dana Terkumpul	11,947,303,922	(972,281,706)	10,975,022,216
	Sebelum Pelarasan 01.01.2017 RM	Pelarasan RM	Selepas Pelarasan 01.01.2017 RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Pinjaman Kepada Syarikat-syarikat Kumpulan Dan Berkaitan Felda	3,536,058,150	30,602,253	3,566,660,403
Pinjaman Kepada Peneroka (Nota 25):			
Pembangunan tanam semula berpeneroka	5,567,314,348	(1,466,606,146)	4,100,708,202
<u>Aset Semasa</u>			
Pinjaman Kepada Syarikat-syarikat Kumpulan Dan Berkaitan Felda	204,285,714	-	204,285,714
<u>Liabiliti Semasa</u>			
<u>Pemiutang</u>			
- Akaun Peneroka	536,644,548	309,050	536,953,598
- Pemiutang Lain	275,974,052	(31,480,979)	244,493,073
- Syarikat-syarikat Subsidiari Bersekutu dan Berkaitan Felda	1,077,465,571	19,396,709	1,096,862,280

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**- 31 Disember 2018 (bersambung)**

51. PELARASAN TAHUN SEBELUM (BERSAMBUNG)

Pada tahun kewangan semasa, Felda telah melaksanakan pelarasan tahun sebelum seperti berikut: (bersambung)

(c) Kesan pada Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Felda (bersambung)

Angka perbandingan telah dinyatakan semula berikutan pelarasan tahun sebelum untuk perkara berikut: (bersambung)

EKSTRAK DARI PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

	Sebelum Pelarasan 01.01.2017	Pelarasan	Selepas Pelarasan 01.01.2017
	RM	RM	RM
<u>Ekuiti</u>			
Dana terkumpul	17,798,030,724	(1,424,228,673)	16,373,802,051
	<u>17,798,030,724</u>		<u>16,373,802,051</u>
	Sebelum Pelarasan 31.12.2017	Pelarasan	Selepas Pelarasan 31.12.2017
	RM	RM	RM
<u>KUMPULAN</u>			
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Pinjaman Kepada Syarikat-syarikat Kumpulan Dan Berkaitan Felda	935,075,841	240,609,873	1,175,685,714
	<u>935,075,841</u>		<u>1,175,685,714</u>
Pinjaman Kepada Peneroka (Nota 25):			
Pembangunan tanam semula berpeneroka	6,060,309,766	(1,726,536,058)	4,333,773,708
	<u>6,060,309,766</u>		<u>4,333,773,708</u>
<u>Liabiliti Bukan Semasa</u>			
Geran Kerajaan	82,233,497	28,076,546	110,310,043
	<u>82,233,497</u>		<u>110,310,043</u>
<u>Liabiliti Semasa</u>			
Pemiutang			
- Akaun Peneroka	332,158,126	2,836,100	334,994,226
- Pemiutang Lain	400,822,405	2,115,995	402,938,400
- Syarikat-syarikat Subsidiari Bersekutu dan Berkaitan Felda	350,504,150	35,189,105	385,693,255
	<u>350,504,150</u>		<u>385,693,255</u>
<u>Ekuiti</u>			
Dana terkumpul	14,364,058,336	(1,554,143,931)	12,809,914,405
	<u>14,364,058,336</u>		<u>12,809,914,405</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

51. PELARASAN TAHUN SEBELUM (BERSAMBUNG)

Pada tahun kewangan semasa, Felda telah melaksanakan pelarasan tahun sebelum seperti berikut: (bersambung)

(c) Kesan pada Penyata Kedudukan Kewangan Kumpulan dan Felda (bersambung)

Angka perbandingan telah dinyatakan semula berikutan pelarasan tahun sebelum untuk perkara berikut: (bersambung)

EKSTRAK DARI PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN (BERSAMBUNG)

<u>KUMPULAN</u>	Sebelum Pelarasan 01.01.2017 RM	Pelarasan RM	Selepas Pelarasan 01.01.2017 RM
<u>Aset Bukan Semasa</u>			
Pinjaman Kepada Syarikat-syarikat Kumpulan Dan Berkaitan Felda	1,481,048,809	(5,077,380)	1,475,971,429
Pinjaman Kepada Peneroka (Nota 25):			
Pembangunan tanam semula berpeneroka	5,567,314,348	(1,466,606,146)	4,100,708,202
<u>Liabiliti Semasa</u>			
Pemiutang			
- Akaun Peneroka	536,644,548	309,050	536,953,598
- Pemiutang Lain	406,532,253	(31,480,979)	375,051,274
- Syarikat-syarikat Subsidiari Bersekutu dan Berkaitan Felda	678,150,697	19,396,709	697,547,406
<u>Ekuiti</u>			
Dana terkumpul	16,111,433,864	(1,459,908,306)	14,651,525,558

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

- 31 Disember 2018 (bersambung)

51. PELARASAN TAHUN SEBELUM (BERSAMBUNG)

(d) Kesan pada Penyata Perubahan dalam Dana Terkumpul dan Rizab

Angka perbandingan telah dinyatakan semula berikutan pelarasan tahun sebelum untuk perkara berikut:

EKSTRAK DARI PENYATA PERUBAHAN DALAM DANA TERKUMPUL DAN RIZAB

FELDA	Sebelum Pelarasan 31.12.2017 RM	Pelarasan RM	Selepas Pelarasan 31.12.2017 RM
Dana terkumpul seperti pindaan	11,947,303,922	(972,281,706)	10,975,022,216
	Sebelum Pelarasan 01.01.2017 RM	Pelarasan RM	Selepas Pelarasan 01.01.2017 RM
Dana terkumpul seperti pindaan	17,798,030,724	(1,424,228,673)	16,373,802,051
	Sebelum Pelarasan 31.12.2017 RM	Pelarasan RM	Selepas Pelarasan 31.12.2017 RM
KUMPULAN			
Dana terkumpul seperti pindaan	14,364,058,336	(1,554,143,931)	12,809,914,405
	Sebelum Pelarasan 01.01.2017 RM	Pelarasan RM	Selepas Pelarasan 01.01.2017 RM
Dana terkumpul seperti pindaan	16,111,433,864	(1,459,908,306)	14,651,525,558

52. TARIKH KELULUSAN PENYATA KEWANGAN

Penyata Kewangan ini telah diluluskan oleh ahli-ahli Lembaga pada **15 JANUARI 2020**





Syarikat

Felda Investment Corporation Sdn. Bhd.	286
Felda Technoplant Sdn. Bhd.	287
Felda Middle East Sdn. Bhd.	288

Felda Investment Corporation Sdn. Bhd.

Felda Investment Corporation Sdn. Bhd. (FIC) telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965 (kini Akta Syarikat 2016) oleh FELDA pada Julai 2013. FIC yang dimiliki sepenuhnya oleh FELDA, merupakan cabang pelaburan FELDA yang bertujuan untuk memastikan pertumbuhan yang berterusan dan berfaedah bagi menjana pulangan kepada FELDA melalui aktiviti perniagaan yang tidak berkaitan dengan industri perladangan.

Tumpuan FIC adalah dalam bidang hospitaliti, hartanah dan pelaburan strategik. Antara sorotan 2018 adalah seperti berikut :

HOSPITALITI

Grand Beach Resort, Port Dickson (GBRPD)

Terletak di kawasan pantai terbaik di Port Dickson, The Grand Beach Resort menawarkan 210 bilik penginapan menarik dengan pemandangan pantai yang indah. Dengan reka bentuk tradisi minang dan lanskap kehijauan, ia adalah hotel pilihan bagi tujuan riadah dan pelancongan, hanya satu (1) jam dari Kuala Lumpur.

Buat julung kalinya, GBRPD telah berjaya mencatat keuntungan hampir RM370 ribu pada TK2018 semenjak pengambilalihan aset ini pada tahun 2014.

Felda House (FH) dan Grand Felda House (GFH) Wembley, United Kingdom

FH dan GFH adalah di antara penginapan pelajar yang popular di lokasi Wembley, London, terbukti dengan kedua-duanya mencatat peratusan penginapan yang mengagumkan sebanyak 98% daripada jumlah kapasiti sebanyak 1,252 bilik.

HARTANAH

FIC Integrated Property Management Sdn Bhd (FIC IPM)

FIC IPM merupakan bahagian pengurusan hartanah di bawah FIC yang memberi tumpuan kepada pembangunan hartanah, perkhidmatan pengurusan dan kejuruteraan bagi projek-projek yang dilaksanakan oleh FELDA.

Dengan inisiatif-inisiatif yang bertumpukan penaiktarafan kepuasan pelanggan, FIC IPM telah berjaya meraih penarafan sebanyak 85% melalui kajian "*Customer Satisfaction Index*" berbanding hanya 72% tahun sebelum ini.

PELABURAN STRATEGIK

Penyahlaburan Saham-saham Barakah Offshore Petroleum Berhad (Barakah)

FIC telah menyahlabur kesemua pelaburan strategik di dalam Barakah pada bulan Jun 2018 bagi menyelaraskan pelaburan FIC dan seterusnya mengurangkan beban hutang yang ditanggung syarikat.


PENGUKUHAN TADBIR URUS

Syarikat telah berjaya mengimplementasikan Latihan Penilaian Tadbir Urus (*Governance Assessment Exercise*), Polisi *Whistle Blowing* dan penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Terma rujukan bagi jawatankuasa-jawatankuasa FIC juga telah disemak semula dan FIC akan terus komited bagi memastikan strategi-strategi syarikat tercapai berlandaskan proses tadbir urus yang kukuh.

Felda Technoplant Sdn. Bhd.

Felda Technoplant Sdn Bhd merupakan Agen Pengurusan yang dilantik oleh FELDA untuk melaksanakan pengurusan tanam semula kebun Peneroka. Syarikat ini ditubuhkan pada 1 Julai 2005. Sebelum ini, ia merupakan subsidiari di bawah Syarikat Felda Agricultural Services Sdn. Bhd.. Pada 31 Julai 2013, FELDA mengambil alih pegangan ekuiti FTPSB sepenuhnya daripada Felda Holdings Berhad (kini dikenali sebagai FGV Holdings Berhad).

Objektif penubuhan FTPSB adalah menguruskan kesemua kebun sawit dan getah Peneroka sebagai sebuah ladang komersil secara profesional dan berkelompok dengan penyertaan Peneroka 100% serta menggunakan bahan tanaman terbaik untuk memperoleh pulangan yang tinggi dan kawalan kos.



VISI

Mendukung Matlamat FELDA iaitu Menjadi Pemacu Pembangunan Penempatan Negara yang Progresif

MISI

Menambah Nilai untuk Kepentingan Peneroka



Felda Middle East Sdn. Bhd.

Felda Middle East Sdn. Bhd. (FELME) dahulunya dikenali sebagai Felda Global Ventures Middle East Sdn. Bhd. (FGVME) telah diperbadankan pada 1 Oktober 2007. Pada 15 November 2016 syarikat ini telah menukar namanya kepada Felda Middle East Sdn. Bhd. dan merupakan syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh FELDA. Syarikat ini merupakan cabang pelaburan FELDA dalam perniagaan makanan dan pajakan hotel khususnya di Arab Saudi.

Dengan penubuhan anak syarikat Felda Global Ventures Arabia Ltd (FGVA) di Arab Saudi, FELME merupakan anak syarikat FELDA pertama yang beroperasi di Arab Saudi dengan kerjasama daripada Felda D'Saji Sdn. Bhd. (FDSAJI). Berikut adalah aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh syarikat :-

HOSPITALITI

FELDA telah memajak sebanyak 54 buah bilik di tingkat 14, 15 dan 16 Apartment di bangunan kompleks hotel dan perniagaan Al-Safwah Tower, Mekah Al-Mukarramah dengan tempoh pajakan selama 20 tahun (berakhir pada 2028). Urusan pendapatan dan lain-lain perbelanjaan apartment ini telah ditadbir urus oleh FELME.

FOOD COURTS (AL SAFWAH TOWER, MEKAH AL-MUKARRAMAH)


Premis makanan ini menyediakan pelbagai jenis masakan Malaysia dan Asia. Ianya bertempat di tingkat dua (2) bangunan kompleks hotel dan perniagaan Al-Safwah Tower dan telah menjadi tempat tumpuan bagi jemaah Malaysia yang hadir bagi menjalani ibadah haji dan umrah untuk menjamu selera termasuk jemaah dari negara-negara Asia Tenggara seperti Indonesia, Singapura, Thailand dan Brunei.


RESTORAN (MALAYSIAN RESTAURANT JEDDAH)

Restoran ini adalah restoran Malaysia pertama yang diuruskan oleh kumpulan FELDA di Arab Saudi. Dibuka pada pertengahan tahun 2015 dengan menyediakan pelbagai jenis masakan Malaysia dan Asia Tenggara kepada para pengunjung, seperti nasi lemak, aneka sup, sate, roti canai dan banyak lagi. Restoran ini mempunyai kapasiti tempat duduk sebanyak 100 orang dalam satu-satu masa dan juga memberi khidmat bungkus makanan dan bufet katering pada para pelanggan.

KHIDMAT KATERING MEKAH

Melihat kepada permintaan pasaran yang tinggi, syarikat telah melebarkan aktiviti perniagaan dalam segmen perkhidmatan katering dengan membuka sebuah Dapur Katering di Mekah bagi proses penyediaan dan penghantaran makanan. Mula beroperasi pada tahun 2018, Dapur Katering ini mampu menyediakan keperluan makanan antara 5,000 hingga 10,000 pelanggan pada satu-satu masa.





Maklumat Korporat

Felda Wilayah
ALOR SETAR
Perlis & Kedah
13 Rancangan
4,042 Peneroka
16,884.80 Hektar

Felda Wilayah
TROLAK
Perak & Selangor
21 Rancangan
7,846 Peneroka
37,219.19 Hektar

Felda Wilayah
RAJA ALIAS
Negeri Sembilan
49 Rancangan
16,432 Peneroka
76,590.56 Hektar

Felda Wilayah
GUA MUSANG
Kelantan
11 Rancangan
3,114 Peneroka
17,092.15 Hektar

Felda Wilayah
TERENGGANU
Terengganu
21 Rancangan
7,459 Peneroka
35,058.37 Hektar


Felda Wilayah
MEMPAGA
Pahang
36 Rancangan
13,119 Peneroka
63,577.04 Hektar

Felda Wilayah
JENKA
Pahang
37 Rancangan
14,957 Peneroka
69,684.65 Hektar

Felda Wilayah
KUANTAN
Pahang
42 Rancangan
15,050 Peneroka
69,750.95 Hektar

Felda Wilayah
SEGAMAT
Johor & Melaka
36 Rancangan
11,418 Peneroka
50,884.14 Hektar

Felda Wilayah
JOHOR BAHRU
Johor
42 Rancangan
17,554 Peneroka
79,023.74 Hektar



Felda Wilayah


SAHABAT


Sabah

9 Rancangan

1,647 Peneroka

12,721.42 Hektar





FELDA

www.felda.gov.my